PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: SKIM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)

1. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang mencukupi bagi menjamin kelangsungan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) untuk memenuhi permohonan di kalangan peniaga - peniaga kecil yang semakin meningkat?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk skim ini bagi tahun 2012 dan berapakah jumlah yang telah diagihkan sehingga Jun 2012?

JAWAPAN:

a) Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) adalah dibawah salah satu program di bawah anak syarikat MBI iaitu Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor. MBI akan memastikan bahawa peruntukan bagi menjamin kelangsungan program ini untuk memenuhi permohonan di kalangan peniaga-peniaga kecil yang semakin meningkat sekiranya segala aktiviti dan program untuk permohonan ini dijalankan megikut garis panduan dan prosedur yang betul dan tulus dalam agihannya.

b) Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) telah bermula pada 2011, dimana jumlah yang telah diperuntukan setakat Jun 2012 adalah berjumlah RM11,210,000.00. Agihan yang dibuat adalah berdasarkan kepada program-program yang dijalankan oleh MiMBAR sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SERI SERDANG)

TAJUK : TANGGUNGAN / HUTANG KERAJAAN NEGERI

2. Kerajaan negeri mendakwa mempunyai simpanan tunai berbilion ringgit hasil kecekapan pengurusan kewangan, namun tidak menjelaskan tanggungan atau hutang kerajaan negeri.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 2012?

b) Berapakah jumlah hutang kerajaan negeri kepada pihak Syabas berdasarkan tuntutan saman di mahkamah?

JAWAPAN:

a) Sehingga 31 Mei 2012, hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah **RM899,374,915.09**. Perincian hutang tersebut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	BAKI PINJAMAN (RM)		
		POKOK	FAEDAH	JUMLAH
1.	Penjadualan Semula Pinjaman Bekalan Air	738,564,981.45	0.00	738,564,981.45
2.	Penjadualan Semula Pinjaman PAKR	61,955,242.52	23,953,407.56	85,908,650.08
3.	Amanah Saham Selangor (ASAS)	17,769,505.90	4,951,047.66	22,720,553.56
4.	Zon Perindustrian Sungei Way	41,557,097.27	10,623,632.73	52,180,730.00
JUMLAH KESELURUHAN		**859,846,827.14**	**39,528,087.95**	**899,374,915.09**

b) Jumlah hutang Kerajaan Negeri Selangor kepada pihak SYABAS berdasarkan tuntutan saman di mahkamah adalah berjumlah **RM1,054,208,382.00**.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: BANTUAN KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT, SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAN TAMIL

3. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Selepas 4 tahun dasar ini dilaksanakan berapa banyak sekolah-sekolah yang telah memperoleh bantuan? Sila jumlahkan mengikut kategori

b) Berapakah bidang/jenis/tujuan bantuan yang sering dipohon oleh sekolah-sekolah?

c) Apakah mekanisme pemantauan bagi memastikan peruntukkan yang disalurkan benar-benar dimanfaatkan untuk tujuan permohonan?

JAWAPAN:

a) Jumlah penerima Bantuan Pendidikan mengikut kategori sekolah adalah seperti berikut:

Kategori Sekolah	Bilangan Penerima Bantuan Pendidikan
Sekolah Agama Rakyat (SAR)	256 buah
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	112 buah
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	97 buah

Nota: (*) Kerajaan Negeri masih dalam pengumpulan data Sekolah Agama Rakyat (SAR) kerana Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang beroperasi di negeri Selangor tidak berdaftar dengan agensi kerajaan sama ada Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh itu, usaha untuk mendapatkan data-data yang tepat berkenaan kewujudan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri Selangor sedang diusahakan.Data sedia ada ini adalah berdasarkan data yang didapati daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan borang-borang permohonan Bantuan Pendidikan yang diterima.

b) Permohonan Bantuan Pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil terdapat dua (2) kategori. Iaitu:

(i) <u>Fizikal</u>

Contoh: Bina bangunan tambahan, bina dewan serbaguna, membina susur gajah, membina gelanggang bola keranjang, pembelian komputer Pemasangan kamera litar tertutup, mengecat sekolah

(ii) <u>Bukan fizikal</u>

Contoh: Bantuan Yuran, Sukan Tahunan Sekolah

Walau bagaimanapun, permohonan berbentuk fizikal dan infrastruktur akan diberi keutamaan berdasarkan hasrat kerajaan untuk menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif di sekolah – sekolah di Negeri Selangor.

c) Kerajaan Negeri ada membuat pemantauan dengan memohon pihak sekolah mengemukakan laporan pelaksanaan projek (berserta gambar) dan laporan perbelanjaan kepada urus setia Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor. Selain itu juga, Kerajaan Negeri melalui Exco Pendidikan dan Jawatankuasa Kecil Penilai Bantuan Pendidikan yang terdiri daripada Ahli Undangan Negeri (ADUN) ada juga membuat lawatan tapak ke sekolah-sekolah. Hasil daripada laporan tersebut, Jawatankuasa Penilai Bantuan Pendidikan dapat membuat penilaian ke atas sekolah yang memohon dan menerima bantuan. Sekiranya pelaksanaan projek dan perbelanjaan masih belum mencapai 70% maka permohonan seterusnya yang dikemukakan oleh sekolah kepada pihak Kerajaan akan ditolak atau dikategorikan sebagai tidak layak menerima bantuan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PROJEK 'CERIA' UNTUK MEMBERI BANTUAN DALAM MEMBAIKI PANGSAPURI BERKOS RENDAH

4. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kesan yang ada bagi projek 'Ceria'?

b) Berapakah pangsapuri telah mengambil bahagian dan berapakah telah dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) Secara amnya, skim baikpulih pangsapuri melalui program CERIA (*Caring Government for Residents' Improvement Aid*) telah meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat perumahan bertingkat di Negeri Selangor. Di antara kesan-kesan utama hasil daripada program ini adalah seperti berikut:-

i) **mengurangkan beban kewangan** yang ditanggung oleh pihak Pengurusan Bangunan terutama Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* – JMB) dan Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation* – MC) dalam membaikpulih harta bersama yang melibatkan kos yang tinggi seperti lif, bumbung, mengecat dan sebagainya;

ii) mengeratkan hubungan kerjasama penghuni dengan pihak pengurusan (JMB dan MC);

iii) **memulihkan keyakinan penduduk** untuk membayar caj penyenggaraan kepada JMB atau MC; dan

iv) **meningkat tahap keselamatan serta kesihatan penduduk** di kawasan yang menerima bantuan baikpulih.

b) Setakat 22 Jun 2012, sebanyak 69 pangsapuri telah dipilih menyertai Skim CERIA. Sebanyak 26 kawasan telah siap dibaikpulih manakala 25 kawasan masih dalam proses kerja baikpulih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : MASALAH SAMPAH

5. Kekecohan mengenai sampah masih berlaku.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sejauh manakah masalah sampah dapat diatasi?

b) Benarkah berlaku sabotaj dari pihak yang kepentingan mereka disekat?

c) Apakah pendekatan jangka panjang diambil bagi membaiki perkhidmatan sampah?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri melalui semua PBT akan sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam. Talian Bebas Tol Aduan Sampah (**1-800-88-2824**) yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat SUK Selangor membuktikan komitmen penuh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan segala aduan dengan kadar segera. Tindakan daripada beberapa **pihak NGO** seperti Yayasan Amal juga harus dipuji kerana terus membantu PBT dalam memantau kawasan setempat daripada sebarang aktiviti berunsur sabotaj. Sejak pengambilalihan penuh pada bulan Mac 2012, jumlah aduan didapati menunjukkan penurunan.

b) Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh PBT bahawa terdapat unsur-unsur sabotaj. Wujud pihak yang tidak bertanggungjawab merancang untuk mengagalkan kerja-kerja kutipan sampah di Selangor dengan menghalang lori serta mengancam pekerja. Selain daripada itu, tindakan melonggokkan sampah sejurus selepas kutipan rutin dilakukan oleh pihak kontraktor untuk tatapan media.

c) Kerajaan Negeri melalui semua PBT telah mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah berkenaan seperti sentiasa mengadakan **perjumpaan bersama dengan kontraktor** agar dapat mengetahui masalah yang dihadapi. Oleh yang demikian, semua PBT harus **senantiasa mengawasi perkhidmatan** yang diberikan oleh semua kontraktor supaya menepati syarat yang telah ditetapkan semasa proses pelantikan dilakukan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah membuat **pembelian sebanyak 50 buah lori kompaktor** untuk diagihkan kepada semua PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: TANAH REZAB MELAYU

6. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa luaskah tanah rezab Melayu di Selangor yang sudah bertukar status mengikut tahun bermula 1986 dan daerah? Nyatakan status baru tanah?

JAWAPAN:

a) Mengikut rekod, jumlah keluasan tanah rezab Melayu di Selangor yang sudah bertukar status bermula 1986 hingga kini dan telah diwartakan adalah sebanyak **4,476.42 ekar** dan pecahannya mengikut daerah seperti di **Lampiran A**. Untuk makluman tambahan, jumlah terkini keluasan yang telah dibatalkan perizaban dan telah diwartakan adalah sebanyak **6,198.12 ekar** seperti yang ditunjukkan di **Lampiran B**. Status terkini tanah rezab Melayu yang telah diwartakan adalah sebanyak **383,457.34 ekar.** Maklumat yang lebih tepat dan terperinci masih di kemaskini oleh Pejabat Tanah Daerah yang berkaitan dalam sistem Selangor Land Information System (SELIS) yang dijadualkan selesai pada akhir tahun ini.

LAMPIRAN A

STATUS TANAH REZAB MELAYU SEJAK 1986 HINGGA KINI

BIL	DAERAH	Keluasan Baru Yang Dirizabkan (ekar)	Keluasan yang telah dibatalkan perizaban (ekar)	Keluasan yang telah diganti
1	**Hulu Selangor**	817.660	-	783.997
2	**Hulu Langat**	28.565	22.395	35.00
3	**Kuala Selangor**	-	-	-
4	**Petaling**	-	-	-
5	**Sepang**	395.95	-	-
6	**Kuala Langat**	558.00	4,415.53	2776.17
7	**Gombak**	991.00	-	-
8	**Sabak Bernam**	59.147	38.499	38.499
9	**Klang**	-	-	-
JUMLAH		**2,850.32**	**4,476.42**	**3,633.67**

LAMPIRAN B

TANAH REZAB MELAYU DI NEGERI SELANGOR

BIL	DAERAH	Jumlah Keseluruhan Tanah Rizab Melayu Yang Diwartakan (ekar)	Keluasan yang telah dibatalkan perizaban (ekar)	Jumlah Keluasan yang telah diganti (ekar)	Keluasan yang belum diganti (ekar)
1	**Hulu Selangor**	31,912.05	1,110.10	130.79	979.31
2	**Hulu Langat**	33,122.43	633.990	-	633.990
3	**Kuala Selangor**	46,174.60	-	-	-
4	**Petaling**	2,733.09	-	-	-
5	**Sepang**	22,865.06	-	-	-
6	**Kuala Langat**	39,577.00	4,415.53	2,776.17	1,639.36
7	**Gombak**	11,441.97	-	-	-
8	**Sabak Bernam**	172,823.647	38.499	38.499	-
9	**Klang**	22,807.50	-	-	-
JUMLAH		**383,457.34**	**6,198.12**	**2,945.46**	**3,252.66**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERUNTUKAN KECEMASAN MENANGANI BENCANA ALAM

7. Sebagai sebuah kawasan tropika, Negara kita sering mengalami hujan lebat di mana boleh berlakunya tanah runtuh atau tebing parit besar pecah yang membahayakan orang ramai sebagaimana yang pernah berlaku di tebing parit besar Surau Mustaqim di Jalan 11 Selayang Baru.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Tindakan yang boleh dilakukan oleh mana-mana Wakil Rakyat di Negeri Selangor untuk mendapatkan tindakan serta merta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menangani masalah tersebut sebelum ianya menjadi lebih buruk?

b) Berapakah jumlah peruntukan khusus kecemasan yang diberi kepada setiap PBT di Negeri Selangor sepanjang 2011 – 2012?

c) Perancangan jangka sederhana dan jangka panjang Kerajaan Negeri Selangor dalam menambah baik sistem perparitan dan saliran di kawasan-kawasan yang dikenal pasti bermasalah khususnya di kawasan Selayang?

JAWAPAN :

Tuan Speaker,

a) Mana-mana wakil rakyat yang berkenaan boleh berhubung terus dengan pihak Majlis bagi memaklumkan masalah/isu berkenaan bagi membolehkan pihak majlis mengambil tindakan sewajarnya. Contohnya Majlis Perbandaran Klang (MPK) menubuhkan "Smart Service Squad(3S)", Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menubuhkan pasukan Gerakan Bencana beroperasi 24 jam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menyediakan talian.

Aduan/Hotline sebagai saluran penerimaan aduan berkaitan perkhidmatan mahupun berkaitan aduan kecemasan (bencana). Talian ini beroperasi 24 jam. Setakat ini,sekiranya berlaku sebarang kejadian bencana alam tindakan seperti berikut akan di ambil:

I. Menghantar unit task force bagi memberikan bantuan awalan seperti memindahkan mangsa,membersihkan halangan serta mengawal keselamatan kawasan bencana
II. Pihak Jabatan kejuruteraan akan turun bagi menilai kos yang di perlukan bagi membaiki kerosakan akibat bencana alam.

III. Pihak majlis akan menggunakan peruntukan khas kecemasan yang di peruntukan dan sekiranya tidak mencukupi,pihak majlis akan memohon peruntukan khas kepada kerajaan negeri / persekutuan.

b)

BIL	PBT	Tahun 2011	Tahun 2012	Ulasan
1	MBSA	Tiada	Tiada	-
2	MBPJ	Tiada	Tiada	-
3	MPK	Tiada	Tiada	-
4	MPAJ	RM1,414,742.50	Tiada	Permohonan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Negeri dan UPEN untuk membaikpulih kawasan.
5	MPSJ	-	-	Peruntukan khusus kecemasan di bawah Amanah Tabung Bencana Khas Negeri disalurkan ke Tabung Bencana Daerah melalui Pejabat Tanah dan Daerah
6	MPS	RM40,000.00	RM100,000.00	-
7	MPKj	RM3,000,000.00	RM3,000,000.00	-
8	MPSp	Tiada	Tiada	-
9	MDKL	Tiada	Tiada	-
10	MDHS	Tiada	Tiada	-
11	MDKS	Tiada	RM19,800.00	-
12	MDSB	Tiada	Tiada	-

c) Bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di dalam kawasan Selayang, JPS telah menaiktaraf anak sungai yang mengalir dari Bukit Botak sehingga ke Kg Selayang Pandang dengan menelan belanja RM 2.8 juta. Dengan adanya projek tersebut kejadian banjir dapat dikurangkan terutama di Jalan 27, Bandar Baru Selayang yang terdiri daripada kawasan perumahan dan perniagaan. Baru-baru ini pihak negeri telah mewujudkan 1 projek baru. ‘Perlaksanaan Selangorku di Bawah Program Infrastruktur’ dari Kg Selayang Pandang sehingga ke Kolam Air Panas (Sg. Jinjang).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK: PEMBANGUNAN SEMULA SUNGAI KLANG

8. Pada 2009 kerajaan negeri pernah mencanangkan cadangan projek Pembangunan Semula Sungai Klang bernilai berbilion ringgit.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Setelah tiga tahun berlalu, apakah perkembangan projek tersebut yang boleh dibanggakan?

b) Siapakah pihak yang terlibat sebagai pelabur dan kontraktor projek tersebut?

c) Apakah projek ini menghadapi sebarang masalah yang menghalang pelaksanaannya?

JAWAPAN:

a) Projek Pemuliharaan dan Pembangunan merupakan satu projek awam yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui Public/Private Partnership (PPP) atau Private Financing Initiative (PFI) di mana Syarikat-syarikat yang dilantik akan membiayai kos pemuliharaan dan pembersihan sungai dan sebagai balasan, mereka perlu mengemukakan cadangan pembangunan untuk pertimbangan kerajaan negeri Selangor.

b) KPS sedang menetapkan tarikh bagi menandatangani Memorandum Kesefahaman dengan China Construction Engineering Corporation yang berminat untuk menjalankan 'Feasibility Study' bagi pemuliharaan dan rawatan Sungai Klang sebelum melabur bagi menjayakan projek ini. Kajian ini akan dijalankan dengan usahasama universiti tempatan bagi pemindahan kepakaran.

c) Selain urusan pelaburan, dari sudut pihak agensi kerajaan negeri pula, Kajian Lapangan serta Inventori terperinci Gunatanah telah selesai dilakukan. Sedang disediakan ialah Pelan Tindakan Bersepadu Pihak-pihak Berkepentingan, Penyelarasan Laporan Tanah Rizab Sungai Klang dan Isu-isu Tanah (Penguatkuasaan) serta penyelarasan Sistem Saliran/ Discharge yang mengalir ke Sungai Klang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PROJEK YANG DIBAWAH JAGAAN PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU

9. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah projek yang telah dilaksanakan semenjak 2011 sehingga hari ini di DUN Sungai Pelek?

b) Sila bekalkan senarai terperinci mengikut projek dan kos perbelanjaan setiap projek serta nama kontrak-kontrak.

c) Berapakah harga projek gerbang pintu Kg. Baru Sepang dan siapakah kontraktornya serta perbelanjaan untuk majlis perasmian gerbang pintu tersebut?

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Jumlah projek yang telah dilaksanakan semenjak 2011 sehingga hari ini di DUN Sungai Pelek dengan menggunakan peruntukan pembangunan Kampung Baru adalah sebanyak dua (2) projek. Data lengkap berkaitan projek tersebut adalah seperti berikut :

BIL.	PELAKSANA	PROJEK	KAMPUNG	PERUNTUKAN (RM)	NO. WARAN / NO. CEK	KONTRAKTOR
1.	PDT Sepang	Membaik pulih balai raya Pekan Salak dan kerja berkaitan.	Kg. Baru Salak	139,000.00	W0016107	Izzat Maju
2.	Majlis Perbandaran Sepang	Membina sebuah pintu gerbang di Kg. Baru Sepang Jaya	Kg. Baru Sepang Jaya	28,850.00	761521 (11/2/2011)	Pemborong Binaan Nizam

Kos perbelanjaan untuk majlis perasmian pintu gerbang Kg. Baru Sepang Jaya adalah sebanyak

RM 2,784.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGERI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan institusi pengajian tinggi yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut peratusan milikan.

b) Senaraikan aset-aset yang dimiliki oleh institusi-institusi pengajian tinggi milik Kerajaan Negeri Selangor

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan teruskan dasar untuk jualkan tanah UNISEL bagi membiayai pinjaman PTPTN untuk mahasiswa-mahasiswa UNISEL?

JAWAPAN:

a) Institusi pengajian Tinggi yang dimiliki Kerajaan Negeri Selangor mengikut peratusan milikan adalah :

UNISEL	-	100%
KUIS	-	100%

b) UNISEL

1) Kampus Bestari Jaya - 1,002 ekar tanah

   Telah dibangunkan 572 ekar mengandungi 10 buah bangunan utama dan 44 buah bangunan asrama dan fasiliti yang lain. Sebanyak 430 ekar belum dibangunkan.

2) 50 ekar tanah di Sepang

3) Rumah di Taman Ilmu, Bestari Jaya sebanyak 17 unit rumah 2 tingkat

4) Rumah dua tingkat di kota Puteri, Ijok sebanyak 100 unit dan rumah kedai sebanyak 4 unit.

c) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menjual tanah UNISEL, oleh kerana PTPTN telah diteruskan pembayaran kepada pelajar UNISEL.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN DI PULAU KETAM DAN KAWASAN PERSISIRAN PANTAI SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di Pulau Ketam dan kawasan persisiran pantai Selangor memandangkan kawasan-kawasan ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan tersohor di seluruh dunia?

JAWAPAN :

a) Dalam Rancangan Tempatan Klang 2002 – 2015, telah merangka dan mencadangkan pulau-pulau di kawasan Klang sebagai destinasi pelancongan yang berunsurkan elemen semulajadi seperti program penerokaan hutan paya bakau dan program penyelidikan hidupan laut. Bagi Pulau Ketam, Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah merancang untuk menjadikan Pulau Ketam sebagai pusat makanan laut yang tersohor dan menjadikan aset-aset sedia ada sebagai pemangkin kepada pembangunan bagi menarik minat kehadiran lebih ramai pengunjung.

Justeru itu, perancangan jangka pendek dan panjang telah dibentuk seperti cadangan untuk menaik taraf kemudahan jeti, rumah penginapan dan kemudahan asas khususnya yang melibatkan kemudahan utiliti, sistem kumbahan, sistem komunikasi (jalur lebar) dan kemudahan bekalan air terawat serta bekalan tenaga elektrik yang mencukupi. Malah, terdapat cadangan untuk mewujudkan Homestay di kawasan Pulau Ketam yang akan menjadi Homestay Cina pertama di negeri Selangor. Namun begitu, cadangan ini perlu diteliti dan dikaji terlebih dahulu terutamanya dengan mengambi kira kemudahan dan aset-aset sedia ada untuk membentuk satu program homestay yang benar-benar berkesan dan mampu menarik minat pengunjung.

Bagi kawasan persisiran pantai di Selangor, Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memainkan peranan yang cukup baik. Sebagai contoh, melalui pihak Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan. Antaranya ialah melalui penyelenggaraan secara berkala dari segi infrastruktur awam yang melibatkan kemudahan seperti tandas, surau, medan selera, taman permainan, lampu jalan, papan tanda dan landskap.

Selain itu, kerja-kerja pembersihan awam di persekitaran pantai melalui kontraktor yang dilantik juga dilaksanakan secara berjadual. Tidak ketinggalan pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi seperti penganjuran Larian Pantai Bagan Lalang yang dianjurkan setiap dua tahun sekali bagi mempromosikan keunikan dan keindahan pantai Bagan Lalang kepada pengunjung dan orang awam. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN telah menyalurkan peruntukan bagi membaik pulih dan menaik taraf kemudahan dan Resort Bagan Lalang bagi memberikan pilihan penginapan yang baik dan selesa kepada pengunjung.

Bagi Sabak Bernam, pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah mengadakan kerjasama dengan pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan mewujudkan Pelan Pengurusan Bersepadu Pantai (ICM) dalam melaksanakan pelan pengezonan pantai. Ia sebagai langkah memaju dan melaksanakan aktiviti yang bersesuaian di kawasan persisiran pantai di daerah Sabak Bernam. Ini merangkumi aktiviti pelancongan, perikanan, pusat-pusat peranginan dan sebagainya.

Melalui Tourism Selangor pula, promosi-promosi dalam dan luar negara terhadap produk-produk pelancongan sedia ada di kawasan persisiran pantai Selangor sentiasa diberikan perhatian. Produk-produk seperti Golden Palm Tree (Sepang Gold Coast), Morib Gold Coast dan Kelong Paradise Sabak Bernam menjadi antara produk yang menjadi pilihan pelancong tempatan dan asing. Promosi-promosi ini meliputi penyertaan dalam pameran pelancongan, penerbitan risalah, VCD, terbitan dan pengiklanan di majalah dan melalui pelaksanaan dan penganjuran acara-acara pelancongan. Malah produk seperti Golden Palm Tree, telah terpilih menjadi salah satu daripada ikon pelancongan bagi negeri Selangor dan Kelong Paradise menjadi kelong terbesar di rantau Asia dan menjadi pilihan para pemancing dari seluruh negara.

Beberapa kawasan di persisiran pantai Selangor juga sangat berpotensi dimajukan sebagai antara lokasi riadah keluarga. Lokasi seperti Pantai Batu 23 Sungai Nibong dan Bagan Nakhoda Omar di Sabak Bernam, Pantai Remis di Kuala Selangor, Morib dan Pantai Klanang di Kuala Langat merupakan antara lokasi-lokasi pilihan orang ramai. Kerajaan Negeri melalui UPEN dan PBT telah melaksanakan penambahbaikan kemudahan-kemudahan seperti gerai, wakaf, padang dan taman permainan, lampu jalan dan lanskap di beberapa lokasi seperti di Pantai Remis dan Pantai Bagan Nakhoda Omar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : MASALAH AIR

12. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Benarkah dakwaan pihak pembangkang yang diwar-warkan di dalam media mereka bahawa Negeri Selangor akan menghadapi krisis air menjelang 2014 ? Apakah hujah dan fakta Kerajaan Negeri Selangor bagi menafikan tohmahan ini ?

b) Apakah bentuk-bentuk kerugian yang akan di tanggung oleh rakyat Negeri Selangor sekiranya Kerajaan Negeri Selangor akur dan menurut kehendak Kerajaan Pusat dalam menangani krisis air di Negeri Selangor ? Sila perjelaskan.

c) Apakah perancangan-perancangan masa hadapan yang akan dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani masalah air di Selangor ?

JAWAPAN :

a) Isu tidak cukup air ini telah dibangkitkan oleh SYABAS kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2005 lagi. Pada masa ini, kapasiti air dari 33 Loji Rawatan Air adalah sebanyak 4,326 Juta Liter Se Hari. Dari jumlah itu, masih ada Loji yang tidak mengeluarkan air mengikut kapasiti reka bentuk.

Ada juga Loji yang mampu mengeluarkan air melebihi kapasiti reka bentuk, namun disebabkan tidak ada *inter connectivity* yang lengkap, maka lebihan air dari Loji tersebut tidak dapat disalurkan ke kawasan permintaan tinggi, contohnya Loji Sungai Selangor Fasa 3 boleh mengeluarkan air sebanyak 800MLD, tetapi jumlah yang diminta oleh SYABAS untuk diagihkan kepada pengguna hanya dianggarkan sebanyak 600MLD. Begitu juga Loji Air Rasa boleh mengeluarkan air sebanyak 250MLD tetapi permintaan hanya setakat purata 150MLD sahaja.

Actual Metered Consumption setakat tahun 2011 adalah sebanyak 2,808MLD. Kadar NRW yang tinggi mempengaruhi permintaan air dan anggaran yang diberikan oleh SYABAS adalah mengambil kira *buffer* sebanyak 10% dan keadaan ini menyebabkan permintaan air dilihat meningkat secara mendadak.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

No	Nama Projek	Kapasiti Tambahan (mld)					
		2012	2013	2014	2015	Jumlah	Nota
1.	Projek Pembangunan Loji Sg Labu	45	60			105	Loji baru
2.	Projek. Peningkatan Kapasiti SSP1		120			120	Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 760 JLH kpd 190JLH
3.	BRH		25			25	Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 15.6 JLH kpd 40.6
4.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti SSP1				50	50	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 120 JLH kepada pengguna
5.	Pro. Agihan SSP3				120	120	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 3 sebanyak 120 JLH kepada pengguna
6.	Pro. Agihan Loji Rasa				100	100	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 100 JLH kepada pengguna
7.	Program NRW		49	52		101	Program menurunkan NRW
	Jumlah	45	254	52	270	621	

Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang akhir 2014 dan dengan siapnya projek mitigasi ini, terdapat 621 JLH air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna.

b) Pendirian Kerajaan Negeri dalam hal pengurusan industry perkhidmatan air Negeri Selangor adalah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna. Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

c) Kerajaan sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapat bekalan air yang mencukupi dan masalah bekalan air tidak menjejaskan projek-projek pembangunan di Negeri Selangor. Justeru itu, beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam jawapan (a) di atas. Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang akhir 2014 dan dengan siapnya projek mitigasi ini, terdapat 621 JLH air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti SPLASH, ABASS dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
v) Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

Pakar Air yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor juga akan membuat kajian bagi mengenal pasti Loji-loji rawatan air yang boleh dioptimumkan pengeluarannya di samping membuat kajian mengenai penggunaan teknologi baru di dalam mempertingkatkan pengeluaran air bersih dari Loji-loji sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM BELIA

13. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Program Pembangunan Belia telah dilaksanakan di negeri Selangor baru-baru ini. Berapa ramaikah belia kita yang mendapat faedah dari program ini?

b) Apakah jenis program yang telah dan akan dijalankan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Seksyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi dan Bahagian Pembangunan Belia, Majlis Sukan Negeri Selangor telah melaksanakan sebanyak 21 program seperti berikut :

BIL	NAMA AKTIVITI / PROGRAM	TARIKH/ MASA	TEMPAT	USAHASAMA	JUMLAH PESERTA YANG TERLIBAT
1.	Majlis perlantikan Pengerusi Pengerak Belia Tempatan (PeBT), Sesi 2012/2013	4hb. Mac 2012 (Ahad) 9.30 pg – 5.30 ptg	Hotel Grand Blue Wave	MSNS dengan kerjasama UPEN & Pejabat Exco Adat Resam Melayu , Belia & Sukan.	Pengerusi PeBT : 289 Ahli majlis : Pegawai Kerajaan: Adun/Wakil: Pegawai PBT: Mantan PeBT: Media:
2.	Program Khidmat Masyarakat , OPKIM & Belia PeBT 4D MDKS. - Khidmat menservis motosikal - Khidmat kecantikan - (Facial, Urut, Gunting Rambut, Padikur Manikur) Khidmat nasihat kecantikan & kesihatan. - Khidmat pemdawaian elektrik di Masjid & rumah orang miskin.	11hb. Mac 2012 (Ahad) 8.00pg – 4.00 ptg	Dewan Orang Ramai, Pejabat JKKK, Padang Belia & Masjid AR-Rahman (Lama) Kg. Bkt. Badong dan Kg. Jaya Setia.	Anjuran Belia JKKK Kg. Bukit Badong, PeBT Zon 4D Dengan kerjasama Jawatankuasa Pendidikan, Pendidikan Tinggi, Modal Insan , Pejabat Kerja Dato Menteri Besar serta Majlis Daerah Kuala Selangor.	Belia : 400 orang Wanita Dewasa: 100 Orang Lelaki Dewasa : 150 orang Kanak-kanak : 200 orang

	- Pertandingan Futsal Padang - (10 team bawah 12 tahun & 20 team belia). - Program wanita - (jahitan & gubahan). - Program Ibubapa & Kanak- kanak - (Sukaneka). - Kayuhan Bakti & Ziarah.				
3.	Karnival 'TERIMA KASIH' Rakyat - Senamrobik - Pertandingan Futsal - Pertandingan Sukan Tradisional *Batu seremban *Galah Panjang *Teng-teng *Baling Tin *Dam Aji	25 Mac 2012 (Ahad) 7 pagi – 12 malam	Stadium Kuala Selangor	Kerajaan Negeri Selangor, MDKS & PeBT	PeBT MDKS : 24 org PeBT MDSB : 24 org
4.	Gen-S Futsal Jelajah Selangor 2012	31 Mac 2012 (Sabtu)	MDKS – Futsal Batu 6, Tjg. Krg. MPSJ – Sport Planet, Sbg. Jaya. MDHS – Ftsal Dwn. MIEL. MDKL – Ole Ftsal, Olak Lempit, Banting.	Kerajaan Negeri, MSNS dan PBT serta PeBT.	MDKS : 40 Pasukan MPSJ : MPHS : MDKL : 32 Pasukan
5.	Gen-S Futsal Jelajah Selangor 2012	1 April 2012 (Ahad)	**MDSB** – Futsal Batu 6, Tjg. Krg. **MPKj** – Galaxy Ftsal, Kompleks Sukan,	Kerajaan Negeri, MSNS dan PBT serta PeBT.	MDSB : 48 Pasukan MPKj : 40 Pasukan MBPJ : 43 Pasukan MPK : 48 Pasukan MPSp : 40

			MPKj **MBPJ** – Sports Planet, Kota Damansara. **MPK** – Real Sports Arena, Teluk Pulai, Klang. **MPSp** – MG2, Teras Jernang, Sepang.		Pasukan
6.	Dialog Serantau : Asean Dalam Dinamik Perubahan Oleh Bapak Adi Sasono	6 April 2012 (Jumaat)	Bilik Gerakan Tingkat 1, Bangunan Annexe.	Pejabat Menteri Besar, Bahagian Sektoral, MSNS dan PeBT.	250 Orang Belia
7.	Gen-S Futsal Jelajah Selangor 2012	7 April 2012 (Sabtu)	**MPS** – FHMJ Futsal Center, Taman Sri Gombak. **MBSA** – Triways , Shah Alam. **MPAJ** – Sport Planet, Ampang.	Kerajaan Negeri, MSNS dan PBT serta PeBT.	MPS : 48 Pasukan MBSA : 40 Pasukan MPAJ :40 Pasukan
8.	Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) daerah Sabak Bernam. -Aduan pelanggan -Taklimat Geran SelangorKu (Belia)	13 April 2012 (Jumaat)	**Daerah Sabak Bernam**	Kerajaan Negeri, UPEN, PDSB, MDSB & PeBT.	7,000 Orang Hadir

	-Pertandingan futsal -Jamuan rakyat				
9.	Program Khidmat Masyarakat (OPKIM), Mahasiswa Negeri Selangor. -Gotong royong pembersihan Masjid -Perkhidmatan pendawaian elektrik -Perkhidmatan Terapi Kecantikan -Perkhidmatan servis motosikal -Program kebudayaan	14 April 2012 (Sabtu)	**Masjid Al-Islahiah Kg. Sg. Air Tawar, Sabak Bernam.**	Exco pendidikan, PeBT dan JKK Kg. Sg. tawar	86 orang hadir
10.	Program Belia Prihatin Masjid	14 April 2012 (Sabtu)	**Masjid Kg. Bukit Belimbing, Kuala Selangor.**	Exco Belia & Sukan, Geran SelangorKU & PeBT.	75 Orang Hadir
11.	Program Belia Prihatin Masjid	15 April 2012 (Ahad)	**Masjid Kg. Ujung Permatang, Kuala Selangor.**	Exco Belia & Sukan, Geran SelangorKU & PeBT.	68 Orang hadir
12.	Program Khidmat Masyarakat (OPKIM), Mahasiswa Negeri Selangor. -Gotong royong pembersihan Masjid -Perkhidmatan Terapi Kecantikan -Perkhidmatan servis motosikal	21 April 2012 (Sabtu)	**Felda Sg. Tengi Dan Felda Gedangsa, Hulu Selangor**	Exco pendidikan, PeBT dan JKK Kg. Sg. Tengi & Gendangsa.	65 Orang hadir

13.	Program Khidmat Masyarakat (OPKIM), Mahasiswa Negeri Selangor. -Perkhidmatan pendawaian elektrik -Perkhidmatan Terapi Kecantikan -Perkhidmatan servis motosikal	22 April 2012 (Ahad)	**Kg. Bukit Kucing Hilir, Jeram.**	Exco pendidikan, PeBT dan JKK Kg. Bkt. Kucing Hilir, Jeram.	230 Orang hadir
14.	Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) daerah Hulu Selangor -Aduan pelanggan -Taklimat Geran SelangorKu (Belia) -Pertandingan futsal -Jamuan rakyat	27 April 2012 (Jumaat)	**Daerah Hulu Selangor**	Kerajaan Negeri, UPEN, PDHS, MDHS & PeBT.	5000 Orang hadir
15.	Pertandingan Akhir Futsal Jelajah Selangor 2012. -Terbuka lelaki -Terbuka wanita -Persahabatan Negeri PR -Persahabatan Artis	05 Mei 2012 (Sabtu)	Sport Planet, Ampang Jaya.	MSNS dengan kerjasama UPEN dan PBT.	Pemain Lelaki : 240 Orang Pemain Wanita : 240 Orang Penyokong : 2500 Orang
16.	Selangor Motor Race (SMR)	4, 5, 6 Mei 2012 (Jumaat, Sabtu & Ahad)	Litar Speedway Plus Ellite , USJ.	Kerajaan Negeri, Wardacs resources, MSNs & Geran SelangoKU	Pelumba : 214 Org Pengunjung : 3, 000 Orang
17.	Program Khas Mesra Terima Kasih Rakyat daerah Kuala Langat. -Aduan pelanggan -Taklimat Geran SelangorKu (Belia) -Pertandingan futsal -Jamuan rakyat	11 Mei 2012 (Jumaat)	**Daerah Kuala Langat** **-**Tanjung Sepat -Kg. Kelanang -Dataran Morib	Kerajaan Negeri, UPEN, PDKL, MDKL & PeBT.	5000 belia Hadir
18.	Program Khas Mesra Terima Kasih Rakyat Daerah Sepang.	18 Mei 2012 (Jumaat)	**Daerah Sepang** **-**Pekan Sepang	Kerajaan Negeri, UPEN, PDS, MPSp & PeBT.	4,000 orang hadir

	-Aduan pelanggan -Taklimat Geran SelangorKu (Belia) -Pertandingan futsal -Jamuan rakyat		-Putra Perdana, Puchong.		
19.	Himpunan & Konvensyen Belia Negeri Selangor 2012 -Konvensyen -Forum -Rock The Youth	25 – 26 Mei 2012 Jumaat - Sabtu	Kompleks Belia & Kebudayaan , Seksyen 7, Shah Alam.	Kerajaan Negeri, MSNS, PBT, PeBT, NGO, Mahasiswa .	Peserta : 423 Orang Urusetia : 42 Orang Unit Amal : 27 Orang Rock The Youth : 1200 & 1500 Orang
20.	Program Khas Mesra Terima Kasih Rakyat Daerah Hulu Langat -Aduan pelanggan -Taklimat Geran SelangorKu (Belia) -Pertandingan futsal -Jamuan rakyat	1 Jun 2012 (Jumaat)	**Daerah Hulu Langat** **-**Pekan Batu 14, Dusun Tua - Kg Sesapan Kelubi	Kerajaan Negeri, UPEN, PDHL, MPKj, MPAJ & PeBT.	4,500 orang hadir
21.	Program Khas Mesra Terima Kasih Rakyat Daerah Klang -Aduan pelanggan -Taklimat Geran SelangorKu (Belia) -Pertandingan futsal -Jamuan rakyat	15 Jun 2012 (Jumaat)	**Daerah Klang** **-**Dwan Dato Ahmad Razali, Kapar - Dewan Bukit Tinggi, Perlabuhan Klang	Kerajaan Negeri, UPEN, PDK, MPK & PeBT.	4,500 orang hadir

b) Manakala program-program yang bakal dilaksanakan adalah seperti di **LAMPIRAN** di atas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : PENGGUNAAN GERAN SELANGORKU

14. Kerajaan negeri telah memperuntukkan Geran 'Selangorku' berjumlah RM300 juta bagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah prestasi perbelanjaan geran RM300 juta ini mengikut kawasan DUN dan daerah?

b) Apakah impak positif dari segi ekonomi dan sosial hasil perbelanjaan geran ini?

c) Apakah mekanisme bagi memastikan perbelanjaan geran mengikut tatacara kewangan yang betul dan sampai kepada kelompok sasaran tanpa mengira fahaman politik?

JAWAPAN :

a) Geran Selangorku sebanyak RM300 juta meliputi 17 tajuk yang mana bagi pecahan mengikut daerah atau DUN sukar dilakukan bagi program yg bukan bersifat infrastruktur. Bagi program infrastruktur sebanyak hamper RM50juta telah dibelanjakan sepertimana pecahan berikut:

DUN	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4	Fasa 5	Fasa 6	Total
Balakong						1	1
Bangi						2	2
Batu Caves				1	3	9	13
Batu Tiga	1						1
Bukit Antarabangsa					1		1
Cempaka		1			1	1	3
Cempaka/Teratai					1		1
Dengkil					1	1	2
Dusun Tua			1		4		5
Gombak Setia	1			1	1		3
Hulu Bernam					3		3
Hulu Kelang	1		2		2	4	9
Hulu Langat			1				1
Ijok	1	4	1		6		12
Jeram	1	1			2	7	11
Jeram & Ijok		1			1		2
Kajang	1				9	1	11
Kinrara					2		2
Klang Selatan	1						1
Kota Anggerik					2	1	3
Kota Damansara				1		1	2
Kuala Kubu Bharu	1				1		2
Lembah Jaya	1	1					2
Malawati		2			3		5

Meru			6	4	15		25
Morib	1			13	10	3	27
Pandamaran				2		4	6
Paya Jaras				1			1
Permatang	1	2			11		14
Permatang & Sungai Burong		1					1
Rawang	1			3	2		6
Sabak Bernam	2	1					3
Sekinchan	2				2		4
Selat Klang				3		5	8
Sementa						1	1
Serdang						1	1
Sijangkang	1	1			11		13
Sri Andalas	1			2	1	1	5
Sri Kembangan				1			1
Sri Muda			7	24	1		32
Sri Serdang			1			3	4
Sri Setia					1		1
Subang Jaya				1			1
Sungai Air Tawar					22		22
Sungai Besar		1					1
Sungai Pelek						9	9
Sungai Pinang			1	2	8		11
Taman Medan				4	1	1	6
Taman Templer				1	5		6
Telok Datok	1	1	4	4	2		12
Teratai			1	1	1	1	4
Tg. Karang					1		1
Tg. Sepat						3	3
To Be Identified				1	4	4	9
TOTAL	19	17	25	70	141	64	336

PBT	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3	Fasa 4	Fasa 5	Fasa 6	Total
JKR			1	1			2
JPS						1	1
MBPJ				5	2	2	9
MBSA	2		7	24	2	1	36
MDHS	1				4		5
MDKL	3	2	4	5	7		21
MDKS	3	11	1		15	3	33
MDSB	4	2			3		9
MPAJ	2	2	3	1	6	3	17
MPK	1		4	14	10	7	36
MPKj	1		2		12	3	18
MPS	2			6	11		19
MPSJ			1	2	2	7	12
PTD Gombak						11	11
PTD Hulu Langat					1		1
PTD Hulu Selangor							
PTD Klang			2		15	6	23
PTD KS					9		9
PTD Kuala Langat				12	18	7	37
PTD Kuala Selangor						4	4
PTD Petaling					1		1
PTD Sabak Bernam					22		22
PTD Sepang					1	9	10
TOTAL	19	17	25	70	141	64	336

Bagi program bukan infrastruktur, pecahannya adalah seperti berikut:

Bil.	GERAN	JUMLAH GERAN	JUMLAH PROGRAM DILULUSKAN	JUMLAH PERUNTUKAN
1	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000	8	1,746,300
2	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	10	1,245,595
3	PEMELIHARAAN & PEMULIHAN ALAM SEKITAR	5,000,000	5	250,600
4	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	1	45,000
5	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	1	26,450
6	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000	2	65,000
7	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	5	477,000
8	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	2	1,016,600
9	PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000		
10	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000	2	770,000
11	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000		
12	PENGGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000		
13	DARI KEBAJIKAN KEPADA BEKERJA	20,000,000	1	10,000
14	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000		
15	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000		
	JUMLAH KESELURUHAN	**220,000,000**	**37**	**5,652,545**

b) Hampir 90% kerja-kerja infrastruktur ini melibatkan menaiktaraf jalan (67.26%), menaiktaraf longkang (16.37%) dan mengadakan lampu jalan (5.65%) yang mana selain menjadikan jalan raya lebih selamat dan selesa untuk digunakan, di samping masalah banjir juga akan diatasi.

c) Semua perbelanjaan geran mengikut tatacara kewangan yang betul cuma jangkamasa bagi setiap proses dipercepatkan sesingkat mungkin. Proses pemilihan projek yang menerima pakai pandangan dari ADUN, Ahli Parlimen, PBT, Pejabat Daerah serta rakyat terbanyak tanpa mengira fahaman politik.

Kemudian kontraktor akan dilantik melalui proses sebut harga yang diiklankan.

Sebelum itu Pihak JKR negeri juga telah mengadakan beberapa siri bengkel bagi mendedahkan kepada PBT berhubung pengurusan projek termasuk pengurusan skop kerja, pengurusan kawalan kualiti dan penyelenggaraan serta pengurusan kos.

Perlaksanaan projek selain dipantau pihak JKR negeri, ia juga diaudit Panel bebas yang dilantik oleh MBI sebelum sebarang pembayaran dibuat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK: PRESTASI INDUSTRI PERTANIAN

15. Sektor pertanian harus kekal sebagai antara sektor penyumbang ekonomi negeri walaupun negeri sudah berstatus maju

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar: -

a) Bagaimanakah prestasi dan sumbangan sektor pertanian terhadap ekonomi negeri?

b) Apakah perancangan dan projek pertanian yang boleh melonjak sektor ini dari segi pendapatan kepada petani?

JAWAPAN:

a) Pada tahun lepas bidang pertanian telah mengeluarkan hasil sebanyak 2.243 juta tan yang merangkumi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus, florikultur, tanaman ladang serta tanaman industri. Nilai pengeluaran bagi pengeluaran tahun 2011 adalah sebanyak RM1,576.85 juta. Maklumat terperinci pengeluaran pertanian pada tahun 2011 boleh dirujuk kepada jadual berikut:

Kategori Tanaman	Bil Peserta	Pengeluaran (KG)	Nilai Pengeluaran (RM)
Florikultur	145	253,329.00	3,472,617.10
Sayur-sayuran	2,468	57,194,983.50	61,503,327.30
Padi	14,689	146,726,172.00	189,502,658.80
Herba Dan Rempah Ratus	708	4,668,217.00	6,856,711.25
Tanaman Industri	26,490	1,926,663,633.80	1,178,243,787.70
Tanaman Buah-buahan	6,596	82,577,134.30	115,799,762.36
Tanaman Ladang/ Tanaman Kontan	2,782	25,538,471.00	21,472,462.51
Jumlah	53,878	2,243,621,940.60	1,576,851,327.02

b) Perancangan yang boleh melonjak sektor ini dari segi pendapatan kepada petani adalah memberi tumpuan kepada:

Pengeluaran Makanan; Tanaman Padi, Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Herba

Sebagai Negeri Industri dan hampir 80% adalah kawasan bandar, Selangor akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan terutamanya bagi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan herba. Teknologi moden, tepat dan sesuai dengan pengeluaran produk tertentu akan digunakan bagi menjaga penjadualan pengeluaran dan kualiti hasil pertanian.

Sistem fertigasi adalah sesuai bagi tanaman buah-buahan seperti melon dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Walaupun teknologi pengeluaran ini memerlukan modal yang tinggi, namun ianya sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan pengguna dapat mengawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

Penerokaan terhadap teknologi 'Natural Farming' dalam penanaman sayur-sayuran dan padi membantu menghasilkan produk-produk pertanian yang selamat dan mesra alam akibat penggunaan racun dan baja kimia yang minima dan berhemah. Penggunaan bahan 'Natural Farming menggantikan racun dan baja kimia yang mahal dapat membantu mengurangkan kos operasi petani.

Penggunaan mekanisasi yang sesuai dan tepat dalam penanaman padi terutamanya dalam kerja-kerja penyediaan tanah seperti penggunaan implement yang betul dalam pembajakan dan perataan. Mekanisasi perlu diberi tumpuan yang serius memandangkan aktiviti ini telah lama diamalkan tetapi masih tidak menepati syor dan teknologi terkini sehingga mengakibatkan penapakan benih padi masih belum mencapai kepadatan tanaman yang dikehendaki.

Pembangunan tanaman herba dan produk herba yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi akan diperluaskan dengan tumpuan kepada produk tertentu seperti dukung anak, mas cotek dan sebagainya. Projek ini akan dilaksanakan dikawasan cluster yang telah dikenalpasti dan penglibatan anchor company sebagai pemasar dan usahawan yang terpilih.

Pemasaran Hasil dan Tambah Nilai Produk Pertanian

Penglibatan pihak swasta seperti Syarikat Kerajaan Negeri dalam memacu pemasaran produk-produk pertanian dan mengukuhkan rantaian bekalan makanan di Selangor. Penglibatan syarikat–syarikat ini sebagai 'Anchor company' dapat membimbing usahawan dalam mengurus perniagaan dan memasarkan hasil-hasil segar dan produk-produk yang diproses dan diberi nilai tambah

Berikutan populasi rakyat di negara kita yang semakin meningkat menyebabkan permintaan terhadap hasil dan produk pertanian semakin tinggi. Peluang ini perlu diambil sebaiknya oleh golongan usahawan tani dan syarikat-syarikat ini untuk bekerjasama dan mendapat manfaat yang lumayan darinya. Jasteru itu luang pasaran perlu dilihat selaian daripada saluran konvensional, melalui orang tengah dan pemborong ia itu melibatkan petani atau usahawan Industri asas tani (IAT) menjual terus ke pasaraya dan pengguna akhir secara kontrek.

Produk-produk makanan hasil dari ladang akan diberi nilai tambah melalui gredding, pembukusan dan pemrosesan minima, manakala produk IAT akan diberi penjenamaan dan pembukusan yang lebih menarik supaya dapat menawan pengguna kelas menengah dan tinggi.

Pembangunan Modal Insan

Dalam usaha melahirkan usahawan yang berjaya dibawah bimbingan Jabatan Pertanian akan memberi penekanan kepada Pembangunan modal insan yang lebih berdaya saing dan berkualiti. Peningkatan kemahiran & kepakaran usahawan pertanian dan industri asas tani melalui latihan, seminar dan bengkel meliputi bidang kemahiran keusahawanan, perakauanan, teknologi moden dan terkini serta penekanan kepada pembinaan modal insan yang bermotivasi dan berintegriti. Program ini akan mensasarkan latihan dan capacity building dikalangan pegawai pembimbing dan juga usahawan-usahawan yang akan melalui proses saringan awal.

Selain itu, program ini juga memberi pengiktirafan khusus kepada pemimpin tempatan yang memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan indidivdu dan komuniti. Oleh kerana itu latihan juga akan diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa komuniti di kawasan tumpuan dengan penekanan kepada kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan juga pendedahan kepada konsep Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Asset-Based Community

Development (ABCD). Konsep ini penting dalam usaha pembangunan lestari di mana penghakupayaan dapat berlaku dengan penglibatan aktif pemimpin dan penduduk menggunakan aset setempat secara optimum.

Pensijilan Kualiti

Pengguna pada masa kini di Malaysia dan seluruh dunia didapati semakin peka kepada kesihatan dan keselamatan makanan. Permintaaan terhadap produk makanan yang bebas dari bahan kimia merbahaya serta mesra alam semakin meningkat. Atas kesedaran itu, kerajaan negeri juga bertanggungjawab untuk mempromosi pertanian lestari untuk memastikan alam sekitar terus terpelihara dan kesihatan pengguna terjamin.

Pensijilan Amalan Ladang Baik (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM) adalah salah satu usaha untuk memastikan pengeluaran makanan yang mengamalkan amalan pertanian yang baik dan menggunakan bahan kimia secara terkawal dan minima. Ladang-ladang yang berjaya melalui proses pemeriksaan ladang yang berkala akan diberi sijil SALM dan SOM serta disahkan telah mengamalkan amalan baik pertanian (GAP) dan menghasilkan produk organic.

Target Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan jumlah penerima sijil SALM dan SOM supaya lebih banyak produk pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dapat dinikmati oleh rakyat Selangor. Kerajaan negeri juga ingin meningkatkan kesedaran dan mendidik pengguna memberi nilai pasaran yang tinggi bagi produk-produk premium ini supaya mendapat faedah dalam jangka masa panjang dari segi kesihatan. Usaha-usaha ini akan melibatkan pihak-pihak NGO yang berkaitan seperti persatuan pengguna.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : KECURIAN PASIR

16. Walaupun kerajaan negeri telah lama menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk mengawal industri pasir, didapati kes kecurian pasir masih berlaku dan ini merugikan harta rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri mengakui terdapat kelemahan aspek penguatkuasaan bagi mengawal industri ini?

b) Apakah faktor-faktor menyebabkan ia masih berlaku dan bagaimanakah mekanisme efektif untuk membanteras masalah ini?

c) Apakah kerajaan negeri mengutamakan keuntungan semata-mata berbanding penguatkuasaan?

JAWAPAN :

a) Pihak Berkuasa Negeri sentiasa melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi mengawal industri pasir di Negeri Selangor. Ini bertujuan bagi memastikan aktiviti pengeluaran pasir ini dijalankan secara sah dan efisien. Pada tahun 2012, sehingga bulan Jun sebanyak 358 operasi penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Pejabat Tanah Daerah telah dijalankan dan sebanyak 51 dilakukan ke atas jentera dan lori serta perampasan tanah juga telah dilakukan ke atas tanah-tanah berimilik yang terlibat dengan aktiviti pencurian pasir ini.

Sehingga tahun 2012, bilangan tindakan siasatan dan pengenaan kompaun adalah berjumlah 102 kes. Sebanyak 55 kes sedang dalam tindakan manakala baki sebanyak 47 kes telah berjaya diselesaikan. Kerajaan Negeri juga memandang serius aktiviti kecurian pasir ini dan berusaha membanterasnya dengan penuh komited. Jumlah kompaun yang dikutip bermula tahun 2008 hingga Jun 2012 adalah berjumlah RM1,271,751.00.

Tindakan penguatkuasaan seperti Ops Statik dan rondaan berkala juga dilakukan di kawasan yang berpotensi berlakunya kecurian pasir. Ini bagi memastikan tiada ketirisan hasil berlaku. Hasil kutipan royalti yang diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi tahun 2012 (sehingga Jun) adalah berjumlah RM4,953,582.67.

Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 20/2012 yang diadakan pada 30 Mei 2012 telah meluluskan cadangan mewujudkan lima (5) jawatan kontrak iaitu jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Pegawai Undang-Undang, Pegawai Penilaian, Juruukur Bahan dan Penolong Pegawai Tanah di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor bagi tujuan pemantauan dan pengawalan tanah kerajaan.

b) Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kecurian pasir adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi daripada pengguna yang terlibat di dalam sektor pembinaan serta harga yang ditawarkan tinggi berbanding bekalan yang diterima dari luar Negeri Selangor. Bagi mengatasi masalah aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah berleluasa, Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Pejabat Tanah Daerah menjalankan pemantauan dan operasi bersepadu bersama jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Urus Air Selangor, RELA dan lain-lain jabatan yang berkaitan. Pejabat Tanah Daerah juga menjalankan. Selain itu, dengan pembukaan lombong-lombong baru pada masa akan datang dijangka penawaran bekalan adalah mencukupi untuk kegunaan domestik.

Di dalam membanteras kegiatan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah di Negeri Selangor, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2010 yang diadakan pada 16 Jun 2010 telah bersetuju agar ganjaran sehingga RM5,000.00 diberikan kepada mana-mana individu atau pasukan yang berjaya merampas barang/jentera yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah.

Selain itu, bagi memastikan aktiviti ini tidak tidak berleluasa, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2010 yang diadakan pada 20 Oktober 2010 telah memutuskan supaya ganjaran sebanyak RM5,000.00 hingga RM20,000.00 diberikan kepada Pejabat Tanah Daerah yang melakukan tindakan perampasan tanah untuk pelanggaran syarat di bawah Seksyen 128 KTN 1965 bagi tanah berimilik yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Dengan adanya insentif ini, ianya dapat membantu di dalam tindakan penguatkuasaan dan seterusnya membanteras kegiatan ini berleluasa.

c) Kerajaan Negeri tidak hanya mengutamakan keuntungan semata-mata dan percaya industri pasir ini perlu ditadbir urus dengan lebih sistematik dengan penubuhan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Ini bagi memastikan hasil pendapatannya dinikmati oleh semua rakyat Negeri Selangor melalui program ‘Merakyatkan Ekonomi Selangor’. Justeru itu, tindakan penguatkuasaan juga perlulah seiring bagi memastikan Kerajaan Negeri tidak mengalami kerugian akibat daripada aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : KEMPEN KURANG PENGGUNAAN BEG PLASTIK

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah beg plastik yang dapat dikurangkan sehingga Mac 2012?

b) Berapakah jumlah kutipan bayaran beg plastik sehingga Mac 2012?

c) Senaraikan penerima dan jumlah wang yang diagih dari tabung kutipan dari bayaran beg plastik tersebut.

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' ini telah mula diperkenalkan di Selangor pada tahun 2010. Objektif kempen ini secara tidak langsung adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar. Kami berharap melalui langkah permulaan ini, rakyat Negeri Selangor juga dapat mengurangkan penggunaan bahan-bahan yang tidak mesra alam seperti bekas makanan polisterin, botol air plastik dan sebagainya.

Selepas 3 bulan kempen ini dijalankan sebanyak 54 pengusaha pasar raya telah menandatangani deklarasi dengan Kerajaan Negeri dan sekurang-kurangnya 2 juta beg plastik juga telah dijimatkan. Mengikut anggaran dan laporan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha, lebih dari 5 juta beg plastik telah berjaya dikurangkan pada tahun pertama kempen ini dijalankan.

Pada hari ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan penglibatan hampir 100 peruncit di seluruh Negeri Selangor termasuk syarikat-syarikat besar yang mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negeri, pusat membeli-belah, kedai-kedai secara individu dan juga restoran-restoran.

Caj RM0.20 yang dikenakan bagi setiap beg plastik disalurkan kepada badan-badan kebajikan dan NGO yang ditentukan oleh pengusaha pasar raya sebagai contoh : Aeon Co. (M) Bhd. telah mengutip sebanyak RM25,000 dalam masa dua bulan selepas kempen ini diperkenalkan dan kutipan tersebut telah disalurkan kepada program penanaman pokok di Selangor, manakala IKEA telah menyumbangkan hasil kutipan mereka kepada Malaysian Nature Society (MNS).

Pada tahun 2011, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melancarkan kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik’ di peringkat negara di mana kempen tersebut turut melibatkan bayaran 20 sen untuk beg plastik pada setiap hari Sabtu dan sekali gus kempen ini telah diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi memantau dan bekerjasama dengan pengusaha pasar raya yang terlibat di Negeri Selangor. Data terkini pengurangan beg plastik dan jumlah kutipan RM0.20 bagi kempen ini masih di dalam proses pengumpulan data daripada pengusaha pasar raya yang terlibat dan akan dijawab secara bertulis secepat mungkin sejurus data tersebut diperoleh.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PROJEK YANG TIDAK DISOKONG OLEH SYABAS

18. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah projek pembangunan yang masih tidak dapat memperolehi sokongan teknikal oleh pihak SYABAS di Selangor mengikut PBT dan nyatakan sebabnya?

b) Apakah anggaran kerugian pelaburan untuk (a) di atas?

c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

a) Jumlah keseluruhan permohonan yang telah ditangguhkan dari Januari 2012 sehingga Mei 2012 adalah sebanyak 162 permohonan, di mana kedudukan mengikut Daerah/PBT adalah seperti berikut:-.

Bil	Daerah	PBT	Jumlah
1	Petaling	Majlis Bandaraya Petaling Jaya Majlis Perbandaran Subang Jaya	37
2	Klang	Majlis Perbandaran Klang Majlis Bandaraya Shah Alam	30
3	Gombak	Majlis Perbandaran Selayang Majlis Perbandaran Ampang Jaya	5
4	Hulu Langat	Majlis Perbandaran Kajang Majlis Perbandaran Ampang Jaya	39
5	Sepang	Majlis Perbandaran Sepang	12
6	Kuala Langat	Majlis Daerah Kuala Langat	18
7	Kuala Selangor	Majlis Daerah Kuala Selangor	4
8	Hulu Selangor	Majlis Daerah Hulu Selangor	0
9	Sabak Bernam	Majlis Daerah Sabak Bernam	0

Bil	Daerah	PBT	Jumlah
10	Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	16
11	Putrajaya	Perbadanan Putrajaya	1
		JUMLAH	162

SYABAS telah menangguhkan kelulusan ke atas permohonan kebenaran merancang dan punca bekalan air dari pemaju-pemaju berdasarkan dakwaan SYABAS terdapat masalah kekurangan kapasiti bekalan air yang boleh dibekalkan oleh loji-loji rawatan air bersih sedia ada. Menurut laporan yang diberikan oleh pihak SYABAS, loji-loji rawatan air sedia ada tidak mampu untuk menampung pengeluaran *overloaded* yang berterusan. Kawasan pembangunan yang terjejas berikutan daripada penangguhan ini adalah seperti di Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat, Hulu Langat dan Gombak.

b) Penangguhan kelulusan merancang yang dibuat oleh SYABAS memang menjejaskan rancangan pembangunan Negeri Selangor, namun kerugian sebenar yang ditanggung belum ditaksir oleh mana-mana pihak.

c) Pihak Kerajaan sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan masalah bekalan air tidak menjejaskan projek-projek pembangunan di Negeri Selangor. Justeru itu, beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi seperti berikut:-

No	**Nama Projek**	**Kapasiti Tambahan (mld)**					
		2012	**2013**	**2014**	**2015**	**Jumlah**	**Nota**
1.	**Projek Pembangunan Loji Sg Labu**	**45**	**60**			**105**	**Loji baru**
2.	**Projek. Peningkatan Kapasiti SSP1**		**120**			**120**	**Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 760 JLH kpd 190JLH**
3.	**BRH**		**25**			**25**	**Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 15.6 JLH kpd 40.6**
4.	**Projek Pengagihan Semula Kapasiti**				**50**	**50**	**Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak**

No	Nama Projek	Kapasiti Tambahan (mld)					
		2012	2013	2014	2015	Jumlah	Nota
	SSP1						**120 JLH kepada pengguna**
5.	**Pro. Agihan SSP3**				**120**	**120**	**Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 3 sebanyak 120 JLH kepada pengguna**
6.	**Pro. Agihan Loji Rasa**				**100**	**100**	**Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 100 JLH kepada pengguna**
7.	**Program NRW**		**49**	**52**		**101**	**Program menurunkan NRW**
	Jumlah	**45**	**254**	**52**	**270**	**621**	

Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang akhir 2014 dan dengan siapnya projek mitigasi ini, terdapat 621 JLH air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti SPLASH, ABASS dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.

ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.

iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.

iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.

v) Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

Pakar Air yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor juga akan membuat kajian bagi mengenal pasti Loji-loji rawatan air yang boleh dioptimumkan pengeluarannya di samping membuat kajian mengenai penggunaan teknologi baru di dalam mempertingkatkan pengeluaran air bersih dari Loji-loji sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : AIR BUMI

19. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan air bumi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar dan program Kerajaan Negeri terhadap sumber air bumi?

b) Apakah langkah-langkah persediaan di segi perundangan, pelaksanaan dan penguatkuasaan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri sekiranya potensi sumber air bumi ini dibangunkan?

c) Apakah Kerajaan Negeri sudah mempunyai rancangan untuk mewujudkan "pilot project" bagi membangunkan loji sumber air bumi di Selangor?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah mengambil pendirian bahawa penggunaan sumber air bumi hendaklah diuruskan dengan cara yang terbaik dan tidak digunakan dengan keterlaluan melainkan sebagai langkah kontijensi bagi mengatasi waktu kekurangan bekalan air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor telah melaksanakan Skim Caj dan Pelesenan Abstraksi Sumber Air bagi air bumi melalui Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 di mana, mulai 1 Julai 2005, semua pengabstrak sumber air bumi diwajibkan mendapatkan Lesen Abstraksi Sumber Air Bumi dengan caj sebanyak RM0.01/m^3 bagi tujuan utiliti awam dan RM0.05/m^3 bagi tujuan komersial. Langkah pelesenan ini penting bagi memudahkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan sumber air bumi diabstrak secara mampan dan tidak memberikan kesan negatif kepada alam sekitar. Dengan skim ini LUAS mempromosikan penggunaan air terus dari sumber air terutama pihak industri yang tidak terlalu bergantung kepada bekalan air terawat dengan kos yang lebih rendah.

Pembangunan sumber air bumi untuk menyokong industri perkhidmatan dan pembekalan air pula sedang dalam kajian dan pertimbangan serius oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor bersama-sama dengan satu jawatankuasa khas yang turut disertai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

b) Terdapat beberapa peruntukan yang jelas di dalam Enakmen LUAS 1999 yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan sumber air bumi seperti kuasa perundangan untuk:

i. Melesenkan aktiviti mengabstraksi sumber air bumi;
ii. Menentukan jumlah/kuantiti sumber air bumi yang boleh/dibenarkan diabstrak pada satu-satu masa;
iii. Mengarahkan pemasangan meter supaya kuantiti air bumi yang diabstrak tidak melebihi had yang dibenarkan;
iv. Penyediaan dan pewartaan zon perlindungan dan kawasan yang ditetapkan (sekiranya perlu untuk memastikan pengurusan air bumi dilaksanakan secara mampan);
v. Menguatkuasakan semua perkara berkaitan pengurusan air bumi; dan
vi. Mengenakan caj ke atas abstraksi sumber air bumi;

Terdapat beberapa peruntukan yang jelas di dalam Enakmen LUAS 1999 yang berkaitan dengan kuasa penguatkuasaan bagi pengurusan dan pembangunan sumber air bumi seperti pengeluaran notis, kompaun, pendakwaan di mahkamah dan membuat pemotongan bekalan bagi perkara berkaitan penggunaan sumber air bumi.

LUAS telah menyediakan Peraturan-Peraturan Abstraksi Sumber Air Negeri Selangor yang sedang disemak di Kamar Undang-Undang Negeri Selangor.

Jawatankuasa Pengurusan Air Bumi Negeri Selangor telah ditubuhkan sejak tahun 2005 dimana antara skop dan fungsi jawatankuasa ini adalah memastikan pembangunan sumber air bumi dilaksanakan secara mampan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh LUAS dan dianggotai oleh semua agensi teknikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bumi seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah.

LUAS telah mengarahkan semua pengabstrak sumber air bumi sedia ada untuk memasang meter bagi memastikan sumber air bumi yang diabstrak adalah tidak melebihi kuantiti yang telah diluluskan dan ianya dilaksanakan secara mampan.

Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment Study*) berdasarkan peruntukan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 perlu dilaksanakan sekiranya abstraksi sumber air bumi yang dicadangkan adalah melebihi 4,500m^3/hari. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

Sebarang pembangunan sumber air bumi perlu mengikut garis panduan teknikal seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains seperti ujian pengepaman, ujian analisis kualiti air bumi dan sebagainya.

LUAS, JMG dan semua agensi teknikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bumi sentiasa membuat pemantauan yang berterusan bagi memastikan air bumi dibangunkan secara mampan

c) Projek perintis bagi pembangunan sumber air bumi untuk menyokong industri perkhidmatan dan pembekalan air pula sedang dalam kajian dan pertimbangan serius oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor bersama-sama dengan satu jawatankuasa khas yang turut disertai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Bagi fasa pertama ini, kaedah "*river bank filtration*" sedang dikaji dengan beberapa cadangan lokasi telaga air bumi sedang dipertimbangkan untuk dimuktamadkan, antaranya di Jenderam Hilir, Kampung Sungai Serai dan Bukit Badong.

Namun, pandangan teknikal berkenaan lokasi, kebolehlaksanaan projek, kos dan sebagainya sedang dalam penelitian dan perincian lanjut jawatankuasa khas tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: PENGANGGURAN PARA BELIA

20. Pengangguran dan kekurangan pengetahuan dalam menghadapi cabaran global pada hari ini oleh para belia

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut?

b) Apakah bentuk kursus serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi menghadapi masalah ini?

JAWAPAN:

a) Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan telah mengambil langkah proaktif dalam merancang dan melipatgandakan usaha bagi mencapai peningkatan minda dan tahap kesedaran serta meminimumkan kadar pengangguran di kalangan masyarakat Negeri Selangor.

Oleh itu, bermula tahun 2009 Kerajaan Negeri telah melaksanakan program yang menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat terutamanya golongan belia iaitu **Program Jom Kerja** yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dengan pencapaian **seramai 2,611** pemohon yang berjaya di temuduga. Maklumat mengenai pencapaian Program Jom Kerja adalah seperti berikut :

Bil	Daerah	Tarikh Program	Jumlah Syarikat Terlibat	Pemohon Yang Berdaftar (Orang)	Pemohon Yang Berjaya Ditemuduga (Orang)
1.	Sabak Bernam dan Kuala Selangor	7 – 8 Nov 2009	20 buah	1,078	480

Bil	Daerah	Tarikh Program	Jumlah Syarikat Terlibat	Pemohon Yang Berdaftar (Orang)	Pemohon Yang Berjaya Ditemuduga (Orang)
2.	Kuala Langat	14 – 15 Dis 2009	16 buah	1,672	670
3.	Klang	9 – 10 Jan 2010	29 buah	2,060	886
4.	Petaling	3 – 4 April 2011	22 buah	400	187
5.	Hulu Selangor	18 April 2010	20 buah	141	81
6.	Sepang	9 Okt 2010	10 buah	211	137
7.	Hulu Langat	13 Nov 2010	8 buah	144	118
8.	Gombak	27 Nov 2010	9 buah	107	52
9.	Kuala Langat	18 Jun 2011	11 buah	70	31
	Jumlah			5,883	2,642

Program ini juga telah berjaya membuka peluang dan memberi pendedahan kepada warga tempatan khususnya kepada mereka yang hadir pada program tersebut berkenaan perkara berikut :

1) Khidmat nasihat dan keperluan semasa menghadiri sesi temuduga; dan

2) Mendapat pengalaman serta mengetahui cara bagaimana sesi temuduga dijalankan.

Berdasarkan statistik bermula dari tahun 2009 hingga 2011 **seramai 2,642** pemohon telah berjaya ditemuduga dan ditawarkan pekerjaan oleh syarikat - syarikat terlibat.

Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan beberapa program kerjaya khusus untuk belia bagi memberikan pendedahan mengenai peluang – peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat – maklumat bantuan kewangan.

Melalui geran selangorku, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bantuan perniagaan bagi membantu belia-belia yang berpotensi dalam bidang berkenaan terutamanya bekas-bekas pelajar INPENS.

Selain itu, pihak kerajaan dengan kerjasama Kumpulan Peransang Selangor Berhad telah melaksanakan Program Ransangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkat pengetahuan dengan menyediakan kursus - kursus kemahiran umum dan khusus.

b) Dalam usaha membendung masalah penganguran ini pihak Kerajaan di bawah kendalian anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Peransang Selangor Berhad telah menganjurkan Program Ransangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) sebagai memenuhi agenda tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

Objektif utama Program RKSS ini adalah untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan untuk mempertingkat pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan samada dalam bentuk kemahiran umum *(softskill)* atau kemahiran - kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal dan sebagainya. Program ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa utama iaitu :

Fasa I: Penyediaan kursus dan latihan yang strategik untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, nilai diri dan keyakinan siswazah-siswazah dalam negeri Selangor bagi membolehkan mereka lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perusahaan perniagaan sendiri; dan

Fasa II: Penyediaan Latihan di Tempat Kerja (On-The-Job Training) dan usaha untuk membuat rekomendasi kepada majikan-majikan yang relevan bagi siswazah-siswazah yang telah menamatkan kursus

Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor (RKSS) secara percuma kepada mahasiswa Selangor (lepasan Diploma dan Ijazah) sejak September 2011 adalah seperti berikut :

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
1.	Pembangunan Kemahiran Siswazah	• Kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir • Pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja	2 Minggu (14 hari)	Malaysian Institute of Management (MIM)	24
2.	Pembangunan Usahawan Muda	• Kemahiran sebagai usahawan yang berdedikasi, bersemangat waja, berfikiran jauh dan mempunyai daya saing tinggi	4 Minggu (30 hari)	Corporate Education Development Centre (CEDC)	57
3.	Perbankan dan Kewangan Islam	• Pengetahuan asas dalam perbankan dan kewangan Islam	11 Minggu (33 jam)	Pusat Pengajian At-Tibyan dan MIM	45
4.	Pentadbir IT *(IT Administrator),* Sijil Keselamatan & Selenggara LAN dan Sijil Membaiki Komputer)	• Kemhairan dalam pengurusan perkakasan *(server, suis, penghala dll),* reka bentuk web dsb. • Kemahiran dalam pengurusan server, *reka bentuk rangkaian & keselamatan* dan penyelesaian masalah. • Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah *(perkakasan & perisian)*	5 Minggu (25 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	37
5.	Fiber Untuk Juruteknik	• Kemahiran dalam pengendalian kabel fiber optik dan *rangkaian*.	2 Minggu (10 hair)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	44

6.	Kreativiti Dan Inovasi	• Pengetahuan tentang kreativiti dan inovasi.	1 Minggu (5 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	15
7.	Pengurusan & Operasi Halal	• Pengetahuan tentang pengurusan pengsijilan halal Malaysia.	2 Minggu (10 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	195

BIL	KURSUS	PENGETAHUAN / KEMAHIRAN	TEMPOH	PENYEDIA LATIHAN	JUMLAH PESERTA
8.	Adobe Photoshop & Microsof Office	• Pengetahuan & kemahiran reka bentuk menggunakan perisian Adobe Photoshop & Microsoft Office	3 Minggu (15 hari)	Significant Technologies Sdn. Bhd. (SigTech)	18
9.	Industri Maritim/ Perkapalan	• Pengetahuan & kemahiran dalam bidang marin/perkapalan laut dalam	4 Minggu (30 hari)	Myous Maritime Sdn. Bhd.	30
10.	Pembuatan Pakaian Lelaki dan Wanita	• Pengetahuan dan kemahiran pembuatan pakain lelaki dan wanita	12 Minggu (3 bulan)	Akademik Jahitan Kamsiah	30
11.	Percetakan Segera (Flash Stamp Printing)	• Pengetahun dan kemahiran keusahawan dalam bidang percetakan segera	3 hari	ANQR Flash Stamp Agency Sdn. Bhd.	57
12.	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	• Pengetahun dan kemahiran pengurusan pusat pendidikan awal kanak-kanak	4 Minggu (1 bulan)	Pro-Intellect Consultancy Sdn. Bhd.	30
13.	Penjagaan rambut (Hairdressing)	• Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang berdandanan/penjagaan rambut (hairdressing)	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	15
14.	Perunding Pelancongan (Tourist Guide)	• Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perundingan pelancongan	16 Minggu (4 bulan)	MSI Academy Sdn. Bhd.	15

15.	Keusahawanan Perkhidmatan Perakaunan	• Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang perakaunan	1 Minggu (5 hari)	A. Razak & Co	10
16.	Penternakan	• Pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, ayam, itik, burung puyuh	1 Minggu (6 hari)	Akademik MJ Fatonah Sdn. Bhd.	30
	JUMLAH KESELURUHAN				**652**

Selain itu, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut :

a. Kursus Asas Keusahawanan;
b. Kursus Pemasaran;
c. Kursus Pengurusan Kewangan; dan
d. Kursus Rancangan Perniagaan

Melalui program seminar tersebut, para peserta akan didedahkan kepada peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat berkenaan dengan bantuan-bantuan kewangan untuk tujuan perniagaan dari agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), bank-bank komersial seperti Agro bank, BSN serta agensi Kerajaan Pusat seperti PUNB (Perbadanan Usahawan Nasional Berhad).

Disamping itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan berbentuk mesin-mesin pemerosesan kepada usahawan - usahawan termasuk golongan belia yang telahpun memulakan perniagaan mereka tetapi kekurang modal untuk membeli mesin - mesin pemerosesan tersebut.

Manakala di bawah Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) melalui Pusat JobsMalaysia antara usaha yang dilakukan adalah:

1) Mewujudkan Job Malaysia Center (JMC) di setiap negeri dan mewujudkan Job Malaysia Point (JMP) di setiap Pejabat Tenaga Kerja di daerah-daerah di Negeri Selangor. Objektif penubuhan JMC/JMP adalah untuk membantu masyarakat di Negeri Selangor mendapatkan peluang pekerjaan dengan majikan swasta. Antaranya ialah dengan mengadakan sesi temuduga 2 kali seminggu di setiap JMC dan 2 kali sesi temuduga di setiap JMP Negeri;

2) Mengadakan pelbagai karnival / program temuduga dan sesi kerjaya untuk membantu golongan belia di Negeri Selangor mendapatkan pekerjaan; dan

3) Mengadakan kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta dengan mengadakan "road show" serta sesi temuduga di pelbagai daerah.

Pelaksanaan program yang dinyatakan, menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan tentang aspek pembangunan modal insan kerana dengan wujudnya insan cemerlang dan berkualiti dapat mengekalkan kemajuan dan pembangunan negeri selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk merakyatkan ekonomi Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PROGRAM KESIHATAN RAKYAT

21. Kerajaan negeri mengadakan pelbagai program untuk khidmat kesihatan warga negeri Selangor dengan pelbagai sasaran selaras manifesto Pakatan PRU-12 memberi khidmat kesihatan percuma kepada rakyat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah program yang diadakan, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan jumlah rakyat yang telah mendapat manfaat?

b) Apakah mekanisme bagi memastikan program kesihatan dinikmati oleh semua rakyat tanpa ada yang terpinggir?

c) Adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan perkhidmatan perubatan seperti Klinik 1Malaysia?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah mengadakan Program Bantuan Kesihatan Untuk Rakyat Miskin di Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan. Program ini bertujuan untuk meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan mereka. Program bantuan ini hanya terhad kepada membiayai kos rawatan bagi penyakit katarak mata, pembedahan kecil (minor surgery), dialisis buah pinggang dan lain-lain permohonan yang wajar dipertimbangkan. Lain-lain permohonan bantuan kesihatan yang dipertimbangkan ialah perubatan kanser, keperluan membeli peralatan berkaitan kesihatan, pembelian ubat-ubatan bagi penyakit kronik dan lain-lain. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan mulai tahun 2010 sehingga Jun 2012 bagi menjayakan program ini adalah sebanyak **RM 581,734.35 (lima ratus lapan puluh satu ribu tujuh ratus tiga puluh empat ringgit dan tiga puluh lima sen sahaja),** perincian adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	JENIS PERMOHONAN								JUMLAH	
		DIALISIS		KATARAK MATA		PEMBEDAHAN KECIL		LAIN-LAIN			
		BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
1.	2010	38	75,430.00	13	5,754.00	17	42,529.00	0	0.00	**68**	**123,713.00**
2.	2011	116	133,133.00	32	16,338.00	3	12,316.45	42	116,755.50	**193**	**278,542.95**
3.	2012 (30.6.12)	60	86,935.00	19	14,740.00	1	132.00	28	77,671.40	**108**	**179,478.40**
JUMLAH		**214**	**295,498.00**	**64**	**36,832.00**	**21**	**54,977.45**	**70**	**194,426.90**	**369**	**581,734.35**

Selain itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan program Skim Kesihatan Wanita di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita. Skim ini merupakan satu program pemeriksaan Mammogram yang diberikan secara percuma kepada warga wanita di Negeri Selangor bagi pengesanan awal barah payudara. Sehingga kini sejumlah **RM 1,502,250.00 (satu juta lima ratus dua ribu dua ratus lima puluh ringgit)** telah dibelanjakan di dalam program ini dan seramai **15,817** peserta telah mendapat manfaat dari program ini.

Kerajaan Negeri juga turut melancarkan program Pusat Dialisis Rakyat yang merupakan satu program yang memberi perkhidmatan dialisis secara percuma kepada golongan yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, kos peruntukan bagi program ini dilaksanakan melalui *smart partnership* dengan sebuah syarikat swasta di mana Kerajaan Negeri hanya menyediakan premis yang bersesuaian dengan kadar sewaan yang minima sahaja. Manakala bagi kos kelengkapan dan tenaga pakar diuruskan oleh syarikat berkenaan. Sehingga kini, terdapat 3 buah Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang telah beroperasi sepenuhnya. Seramai 53 orang telah mendapat khidmat yang telah disediakan. Berikut adalah pecahan peserta mengikut pusat dialisis yang disediakan:-

BIL.	LOKASI	JUMLAH PESERTA (ORANG)
1.	**PDR AMPANG**	**24**
2.	**PDR TAMAN MEDAN**	**10**
3.	**PDR SEMENTA**	**19**
JUMLAH		**53**

b) Mekanisme yang digunakan bagi memastikan program kesihatan dinikmati oleh semua rakyat tanpa ada yang terpinggir ialah dengan menggunakan agensi-agensi kerajaan seperti pejabat DUN, Pejabat Daerah, jabatan kebajikan di hospital di dalam Negeri Selangor sebagai agen untuk menyalurkan maklumat kepada golongan yang memerlukan bantuan. Selain itu hebahan melalui laman web dan akhbar turut digunakan bagi tujuan promosi program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama program-program kesihatan ini atau lain-lain program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri turut dilibatkan di dalam acara-acara atau karnival rakyat yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Melalui mekanisma seumpama ini, dapat membuka peluang dan ruang kepada rakyat Selangor untuk mendapat manfaat khususnya bagi program kesihatan.

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memperkenalkan perkhidmatan perubatan seperti klinik 1Malaysia

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK : RUMAH URUT

22. Terdapat kes-kes serbuan rumah-rumah urut, pusat spa atau puast hiburan di Selangor dan didapati aktiviti pelacuran berselindung melibatkan warga asing dari negara Thailand, China dan Indonesia.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar kelulusan dan kawalan sesebuah rumah atau spa?

b) Nyatakan bilangan rumah urut, spa dan pusat hiburan berlesen di Selangor pada waktu ini mengikut PBT dan berapakah anggaran rumah-rumah urut, spa dan pusat hiburan yang beroperasi secara haram?

c) Adakah EXCO dan ADUN kerajaan negeri turun padang membanteras masalah ini bersama agensi kerajaan terbabit?

JAWAPAN:

a) Secara dasarnya, kelulusan dan kawalan bagi sesebuah rumah urut dan spa adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (2007) yang terdapat di semua Pihak Berkuasa Tempatan. Kelulusan juga akan diberikan kepada sesebuah premis setelah ulasan diterima dari agensi-agensi luar seperti Jabatan Bomba, Polis Diraja Malaysia, serta Jabatan Kesihatan Daerah.

b) Bilangan rumah urut, spa dan pusat hiburan berlesen serta bilangan yang tidak berlesen mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :

PBT	BILANGAN PREMIS BERLESEN		BILANGAN PREMIS TIDAK BERLESEN	
	RUMAH URUT / SPA	PUSAT HIBURAN	RUMAH URUT / SPA	PUSAT HIBURAN
MBSA	32	39	4	
MBPJ	77	218	73	111
MPK	83	89	-	-
MPAJ	54	96	1	3
MPSJ	69	154	52	51
MPS	80	61	-	-
MPKj	118	35	7	16
MPSp	14	15	3	5

MDKL	13	23	-	-
MDKS	8	13	-	-
MDHS	12	11	2	3
MDSB	11	21	-	-
JUMLAH	571	775	140	191

* nota : sumber daripada PBT

c) Y.B. Ahli EXCO dan ADUN sentiasa bersedia untuk menyertai operasi penguatkuasaan bersama agensi penguatkuasaan kerajaan keatas rumah-rumah urut dan pusat hiburan yang terdapat di sekitar Selangor. Ini kerana, operasi penguatkuasaan secara bersepadu merupakan salah satu kaedah terbaik di dalam menangani masalah yang melibatkan rumah urut serta pusat hiburan haram.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: CADANGAN TAPAK PERKUBURAN BERSEPADU DI DAERAH SEPANG

23. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Kenapa dua bidang tanah di Daerah Sepang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk tapak perkuburan bersepadu?

b) Kenapa Daerah Sepang dipilih sebagai tapak perkuburan bersepadu untuk penduduk Selangor Selatan dan Wilayah Persekutuan ?

c) Apakah perkembangan semasa cadangan tapak perkuburan ini?

JAWAPAN :

a) dan b)

Tapak perkuburan adalah salah satu kemudahan asas yang penting disediakan seiring dengan penyediaan kemudahan asas lain di dalam sebarang perancangan pembangunan. Keperluan tapak perkuburan di sesuatu negeri semakin meningkat dengan kadar perbandaran yang pesat dan peningkatan penduduk yang tinggi. Negeri Selangor yang mengalami kadar perbandaran yang pesat dan pertumbuhan penduduk yang tinggi juga mengalami isu penawaran tapak perkuburan yang terhad.

Oleh yang demikian, perancangan kepada penyediaan tapak perkuburan perlu diberi perhatian sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadi sebuah negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan. Selain penawaran tapak-tapak perkuburan semasa, keperluan kepada tapak-tapak baru perlu dikenalpasti untuk menampung keperluan pertambahan penduduk di masa hadapan. Untuk tujuan ini, pendekatan baru di dalam perancangan tapak perkuburan seperti Konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu akan dilaksanakan bagi memastikan tapak perkuburan dapat disediakan selaras dengan tahap pembangunan dan keperluan penduduk Selangor di masa akan datang khususnya bagi PBT-PBT yang berjiran dan kekurangan tanah.

Konsep perkuburan wilayah bersepadu dicadangkan untuk dilaksanakan di Negeri Selangor mengikut lokasi dan wilayah-wilayah kedudukan PBT. Bagi setiap zon wilayah, beberapa tapak perkuburan wilayah bersepadu perlu dikenal pasti mengikut kewujudan tapak, kadar kemudahsampaian dan kemudahan aksesibiliti yang dicadang dikongsi bersama antara PBT yang berhampiran bagi memenuhi keperluan penduduk setempat dan PBT berjiran.

Sebagai langkah awal, dua tapak perkuburan dicadangkan di Daerah Sepang dengan keluasan sejumlah 202 hektar (500 ekar) telah dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak perkuburan wilayah bersepadu di Negeri Selangor. Ini sebagai perkongsian antara keperluan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Dari segi gunatanah semasa, kedua-dua tapak tersebut adalah tapak pertanian. Manakala bagi zon gunatanah mengikut Rancangan Tempatan MPSp (Pengubahan 1), tapak tersebut telah dizonkan sebagai perkuburan.

Dengan dua (2) tapak baru yang dicadangkan sebagai perkuburan wilayah bersepadu di Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) itu, ianya berupaya untuk menampung keperluan bagi tapak perkuburan di MBPJ, MPSJ dan MDKL sehingga tahun 2048.

Perkongsian kegunaan tapak-tapak cadangan antara PBT-PBT tersebut telah diambilkira berdasarkan kepada lokasi dan kawasan tadahan yang sesuai diliputi untuk PBT-PBT berjiran.

Untuk tujuan itu, kawasan tadahan (catchment areas) bagi setiap tapak perkuburan yang dicadangkan adalah bersesuaian dengan anggaran kira-kira 45 minit perjalanan atau jarak lingkungan radius 30 km dengan menggunakan rangkaian jalan raya atau lebuh raya.

Kedua-dua tapak di Sepang ini sebagai Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) telah diluluskan di dalam Mesyuarat MMKN ke 24/2011 pada 6 Julai 2011.

c) Sebagai proses makluman umum dan perundingan, beberapa sesi taklimat telah diadakan yang meliputi pelbagai pihak, iaitu:

i. Taklimat Keperluan Tapak Perkuburan kepada ADUN, Ahli Parlimen, Orang Besar Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan Jabatan-Jabatan Teknikal pada 16 Ogos 2011,

ii. Taklimat Keperluan Tapak Perkuburan kepada Penganut Kristian kawasan Wilayah Persekutuan dan Kuala Langat, dan Gabungan Persatuan Kubur Cina Wilayah Persekutuan dan Selangor pada 5 April 2012, dan

iii. Majlis Dialog bersama penduduk Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) – Kawasan Bukit Gasing pada 5 Jun 2012.

Pada masa sama, siri perbincangan bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) untuk memperincikan perancangan dalam meneruskan proses perolehan tanah bagi tapak perkuburan wilayah bersepadu (PWB) tersebut akan diadakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM DI KOTA DAMANSARA

24. Kilang-kilang haram di Kota Damansara masih belum diputihkan sepenuhnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyakkah kilang yang belum membayar premium untuk menukar tanah pertanian ke tanah industri?

b) Apakah masalah yang menyebabkan pekilang lambat membayar premium?

c) Apakah tindak lanjut yang akan diambil sekiranya premium masih tidak dibayar?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN

25. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor bagi setengah tahun 2012 secara perbandingan dengan tahun 2011 dan tahun kedua 2010,mengikut pecahan daerah ?

b) Bagaimanakah prestasi dan kedudukan Negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi setengah tahun yang pertama 2011 secara perbandingan dengan Negeri-negeri lain ?

c) Sila nyatakan berapakah jumlah pelaburan yang diperolehi khususnya daripada Negara-negara Arab sejak 2 tahun yang lepas ?

JAWAPAN:

a) Jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri selangor bagi setengah tahun 2012 secara perbandingan dengan tahun 2011 dan tahun 2010 adalah seperti jadual berikut;-

Tahun	2010		2011		Jan-Apr 2012	
Daerah	Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM)	Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	128	4,386,380,246	76	1,944,439,228	38	952,185,318
Klang	81	3,137,945,930	80	3,189,510,381	19	834,483,429
Kuala Selangor	14	467,933,174	18	351,655,386	2	12,405,824
Hulu Langat	33	449,761,246	34	1,289,972,128	11	189,464,109
Gombak	28	321,803,981	25	825,104,596	9	130,080,445
Kuala Langat	19	464,865,522	11	694,754,827	4	240,595,189
Hulu Selangor	4	44,955,000	6	292,538,655	3	2,129,031,000
Sepang	8	551,324,000	4	40,113,058	1	1,324,000

Sabak Bernam	1	5,639,302	0	0	0	0
Lain-Lain Kawasan	9	811,227,000	9	113,028,500	3	58,968,111
Jumlah	325	10,641,835,401	263	8,741,116,759	90	4,548,537,425

Sumber : MIDA

b) Prestasi dan kedudukan Negeri Selangor dalam memperolehi pelaburan bagi setengah tahun yang pertama 2012 secara perbandingan dengan Negeri-Negeri lain adalah amat memberangsangkan dimana Selangor kekal di tangga kedua dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 4,548,537,426 daripada 90 buah projek perkilangan yang diluluskan**.

Maklumat terperinci seperti jadual berikut;-

Negeri	Jan - April 2012				
	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sabah	13	1,378	4,582,985,440	175,381,094	4,758,366,534
Selangor	90	8,836	3,514,607,503	1,033,929,923	4,548,537,426
Johor	58	8,835	542,195,136	1,880,275,319	2,422,470,455
Terengganu	7	311	120,553,930	1,302,669,070	1,423,223,000
Sarawak	9	1,117	302,464,657	1,080,911,912	1,383,376,569
Perak	15	2,472	68,867,651	1,048,263,141	1,117,130,792
Penang	27	3,839	287,178,082	686,510,749	973,688,831
Negeri Sembilan	12	915	423,132,049	157,658,085	580,790,134
Pahang	6	354	120,022,310	253,128,657	373,150,967
FT Kuala Lumpur	8	621	107,318,261	36,739,194	144,057,455
Kedah	12	766	33,877,641	75,442,858	109,320,499
Melaka	9	419	37,441,757	53,876,920	91,318,677
Kelantan	2	55	4,056,000	0	4,056,000
Jumlah	268	29,918	10,144,700,416	7,784,786,923	17,929,487,339

c) Jumlah pelaburan yang diperolehi khususnya daripada Negara-negara Arab sejak tahun 2010 hingga April 2012 adalah sebanyak **RM 18,690,486 daripada 3 projek yang diluluskan**

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Saudi Arabia	1	13	2,021,433
United Arab Emirates	2	34	16,669,056
Jumlah	**3**	**47**	**18,690,486**

Sumber : MIDA

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH

26. Kerajaan Negeri Selangor berusaha memberi pemilikan tanah kepada mereka yang layak dan memohon sejak berpuluh tahun lalu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rasional kerajaan Negeri memberi peluang pemilikan tanah bagi pemohon-pemohon berkelayakan?

b) Berapakah jumlah pemohon yang telah diluluskan pemilikan tanah mengikut daerah?

c) Apakah keperluan dan syarat-syarat pemberi milikan ini?

JAWAPAN :

a) Skim ini disediakan bagi membantu rakyat negeri Selangor memiliki tanah kediaman secara sah dengan hak milik dikeluarkan atas nama individu yang berkenaan. Skim ini secara dasarnya di laksanakan selaras dengan dasar induk bagi Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan matlamat bagi memberikan hak milik kepada individu yang telah lama menduduki tanah kerajaan secara haram, melanjutkan pajakan hak milik tanah individu yang telah luput tempoh pajakan dengan pengenaan premium yang mampu dijelaskan, memutihkan hak milik individu yang telah melanggar syarat kegunaan tanah dan menyamaratakan pengenaan premium kepada rakyat Negeri Selangor tanpa mengira kawasan dan lokasi tanah tersebut berada

b) Sebanyak 4120 permohonan pemberimilikan tanah yang telah diluluskan sejak 2008 hingga Mac 2012 dan pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL	DAERAH	BILANGAN PERMOHONAN
1.	PETALING	498
2.	KLANG	302
3.	KUALA SELANGOR	267
4.	SEPANG	258

BIL	DAERAH	BILANGAN PERMOHONAN
5.	KUALA LANGAT	141
6.	GOMBAK	961
7.	HULU LANGAT	374
8.	HULU SELANGOR	483
9.	SABAK BERNAM	257
	JUMLAH	**4120**

c) Keperluan dan syarat-syarat bagi pemberi milikan di bawah Skim Pemilikan Tanah yang dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2011 adalah kepada individu yang telah lama menduduki/mendiami tanah-tanah kerajaan dan pemohon yang layak adalah tertakluk di bawah Seksyen 43 KTN.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : KOMPLEKS BELIA DAN KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR

27. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Keadaan Kompleks Belia dan Kebudayaan ini semakin hari semakin tidak terurus, siapakah yang bertanggungjawab menguruskan Kompleks ini?

b) Siapakah yang memantau tentang penyelenggaraan Kompleks ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil kepada kontraktor yang dilantik menjaga kebersihan di kompleks ini?

JAWAPAN :

a) Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor (KBKNS) diuruskan oleh MSNS Holdings Sdn Bhd (MSNSH), iaitu syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), MBI bermula pada Januari 2012.

Tempoh 3 bulan pertama pengambilalihan pengurusan KBKNS, syarikat masih mengenal pasti corak/sistem pengurusan yang dijalankan di KBKNS selama ini, terutamanya dari aspek keadaan fizikal semasa kompleks dan juga kos operasi KBKNS sebagai usaha MSNSH untuk menjadikan KBKNS mampu menjana pendapatan sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri agar KBKNS boleh 'self sustain'.

Berhubung dakwaan keadaan kompleks ini semakin tidak terurus adalah tidak berasas, kerana sekiranya keadaan KBKNS tidak terurus, maka tidak akan ada pengunjung /penyewa ke kompleks ini dan ini dibuktikan melalui peningkatan jumlah pendapatan berikutan peningkatan jumlah event yang berlangsung di Dewan Raja Muda Musa berikut :-

No.	Bulan	Tahun 2011	Tahun 2012	Peningkatan
1	Jan - Jun	RM319,845.00	RM439,648.70	37.45%

- Untuk rekod, MSNSH juga menerima respons yang positif dari pelanggan/penyewa, di mana kebanyakan berpuas hati dengan keadaan semasa KBKNS dan juga perkhidmatan yang diberikan.

b) Syarikat MSNSH selaku pengurus KBKNS adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemantauan bagi kerja-kerja penyelenggaraan di kompleks ini. Pihak MSNSH telah pun mengambil tindakan menyemak semula kontrak-kontrak di KBKNS dan telah pun mengeluarkan notis penamatan bagi kontraktor yang berkenaan berkuat kuasa pada bulan April 2012.

Justeru itu, MSNSH adalah amat peka dan juga sensitif terhadap sebarang 'feedback' terutamanya dari para pelanggan KBKNS kerana menjadi matlamat kami di MSNSH untuk memastikan pelanggan KBKNS sentiasa berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang kami sediakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)

TAJUK: PRESTASI UNISEL

28. Prestasi Universiti Selangor (UNISEL) dilihat merudum akibat pelbagai masalah dalaman.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kemasukan pelajar dan pelajar yang berjaya menamatkan kursus dari tahun 2008 hingga sekarang mengikut jenis kursus dan peringkat?

b) Nyatakan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan UNISEL dari tahun 2008 hingga sekarang?

c) Apakah kejayaan UNISEL dan pelajarnya yang boleh dibanggakan?

JAWAPAN:

a) Prestasi Unisel kian meningkat, prestasi merudum hanyalah gambaran beberapa akhbar semata, atau suatu persepsi yang silap.

1. Jumlah pelajar berdaftar dan pelajar yang bergraduat.

Tahun	**Pelajar Berdaftar**	**Pelajar Bergraduat**	Peringkat Asas (Bergrad)	Peringkat Diploma (Bergrad)	Peringkat Ijazah (Bergrad)	Peringkat Master (Bergrad)	Peringkat PhD (Bergrad)
2008	12,501	2,088	379	473	946	36	0
2009	11,955	2,350	41	723	1412	82	3
2010	9,784	3,231	178	812	1134	128	0
2011	10,035	4,106	152	2105	1756	81	9
2012*	10,774*	2,784**					

*Sehingga Mei 2012, masih ada lagi pengambilan Julai, September dan Disember, pada akhir Disember insyaAllah jumlah pelajar akan mencecah 14,000 orang; ini adalah kapasiti maksimum;
**Dijangka bergraduat.

Terdapat hampir 500 orang pelajar diperingkat Master dan PhD pada 2012, tetapi sekarang ini kami dalam membuat *proses data migration*.

2. Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan

Tahun	**Pengurusan** **Juta RM**	**Pembangunan** **Juta RM**
2008	72,107,540	6.60
2009	75,448,109	10.47
2010	83,347,438	8.92
2011	86,247,359	7.14

** Pengurusan - tidak termasuk susut nilai dan BAIDS. BAIDS RM150 Juta
tidak termasuk interest telah diambil alih oleh kerajaan negeri.

** Sekiranya kos penyelenggaraan dan BOT asrama boleh dinilai semula, kos
pengurusan dianggar boleh diturunkan lebih kurang 10% lagi.

3. Kejayaan UNISEL dan pelajarnya yang boleh dibanggakan:

Tahun	**Aktiviti Pelajar**
2008	1. Johan rekacipta Can-Satellites antara universiti Peringkat Kebangsaan. Penyertaan 10 universiti yang terpilih daripada 26 universiti. 2. Johan rekacipta Can-Satellites peringkat antarabangsa – Madrid Sepanyol. Disertai 46 pasukan
2009	1. Johan pertandingan rekacipta dan perlumbaan kereta Formula Varsiti dilitar Dato' Sago, Perak. 2. Tempat ketiga Produa Eco-challenge. Pengubahsuaian kereta Produa untuk penjimatan minyak.
2010	1. Johan pertandingan rekacipta dan perlumbaan kereta Formula Varsiti Dato' Sago, Perak.

	2. Tempa kedua Produa Eco-challenge. Pengubahsuaian kereta Produa untuk penjimatan minyak.
2011	1. Tempat 10 teratas kejohanan Petronas CubPrix. Penggunaan Motorsikal yang direkacipta sendiri oleh pelajar dan staf UNISEL. Pertandingan dengan professional seperti Honda, Yamaha, Kawasaki, Suzuki dan seumpamanya. Unisel menggunakan enjin Modenas. Kerajaan negeri telah memperuntukan RM3.2 juta supaya UNISEL bersama SIRIM membena enjin sendiri. 2. Tempat kedua Produa Eco-challenge. Pengubahsuaian kereta Produa untuk penjimatan minyak. 3. Seorang siswi unisel telah menerima anugerah *The Duke of Edinburgh International* kerana aktiviti sukarelawan beliau. 4. Seorang Profesor UNISEL menerima Anugerah Rekacipta Negara.
2012	1. Pertama kali pasukan GeMS (Generasi Muda Selangor) Racing Team berjaya menaiki Podium di pusingan ketiga CubPrix Kuala Terengganu; tempat ketiga. 2. Unisel terpilih untuk menyertai pertandingan akhir PROTON *Green mobility challange* 2012, bagi membina kereta elektrik untuk PROTON. 3. Seorang pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteran UNISEL terpilih menerima Anugerah Emas, Institut Jurutera Malaysia (IEM); satu-satunya yang menerima Anugerah Emas berdasarkan pencapaian akademik dan Projek tahun akhir. Pemilihan meliputi IPTA dan IPTS yang terpilih. 4. Seorang pelajar tahun akhir Fakulti Perniagaan menerima anugerah pelajar terbaik Institut Akauntan Malaysia (MIA) bersama-sama 10 orang pelajar daripada IPTA dan IPTS yang terpilih. 5. Daripada *Tracer Study* yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, graduan Unisel adalah di antara yang tertinggi yang mendapat pekerjaan dan menyambung pengajian, mengatasi kebanyakan IPTA.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : TAPAK INDUSTRI

29. Berapa tapak industri telah sedia diwujudkan untuk membina kilang-kilang yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah nilai pelaburan baru 2010 hingga 2012 yang membina kilang di kawasan Industri yang sedia ada ?

b) Berapakah peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam industri perkilangan sejak 2010 ?

c) Apakah usaha kerajaan negeri menarik pelabur untuk melabur di negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh 2010 hingga April 2012 sebanyak **431 projek baru telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 11,937920193.** Daripada jumlah ini sebanyak **RM 8,050,610096 adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 3,887,310,397 daripada pelaburan asing**.

Tahun	**Projek Baru**				
	Projek	**Pekerjaan**	**Pelaburan Tempatan (RM)**	**Pelaburan Asing (RM)**	**Jumlah Modal Pelaburan (RM)**
2010	207	15,028	3,252,016,007	1,102,903,395	4,354,919,402
2011	171	12,887	2,131,830,723	2,251,924,283	4,383,755,006
Jan - Apr 2012	53	5,357	2,666,763,366	532,482,719	3,199,246,085
Jumlah	**431**	**33,272**	**8,050,610,096**	**3,887,310,397**	**11,937,920,493**

Sumber : MIDA

b) Bagi tempoh 2010 hingga April 2012 sebanyak **<u>57,451 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan</u>** daripada **<u>678 projek yang diluluskan</u>**. **Sebanyak 33,272 adalah daripada pelaburan baru dan sebanyak 24,179 daripada projek pembesaran dan pengembangan pelaburan**.

c) Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan negeri untuk menarik pelaburan ke Negeri Selangor adalah seperti berikut;-

i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.

ii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

iii. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor.

iv. Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

v. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.

vi. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

vii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.

viii. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.

ix. Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.

x. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara

xi. Bekerjasama dengan pihak swasta dan dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi menarik pelaburan dan menggalakkan aktiviti pelaburan.

xii. Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenalpasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.

xiii. Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi memudahcara dan membantu para pelaburan dalam proses pelaburan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)

TAJUK: PAJAKAN TANAH

30. Kerajaan negeri berkuasa menentukan nilai dan tempoh pajakan tanah di seluruh Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar untuk menentukan nilai dan tempoh pajakan tanah di Selangor?

b) Nyatakan statistik pembaharuan pajakan tanah mengikut daerah di Selangor?

c) Apakah kerana negeri bercadang memberi tempoh pajakan sehingga 999 tahun?

JAWAPAN:

a) Tempoh pajakan tanah di Selangor adalah ditentukan berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan penilaian tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

b) Statistik pembaharuan pajakan tanah mengikut daerah di Selangor sejak tahun 2008 sehingga Mac 2012 adalah seperti jadual berikut :

Bil.	Daerah	Jumlah Permohonan	Bilangan Yang Telah Menjelaskan Bayaran
1.	Hulu Selangor	50	7
2.	Hulu Langat	224	134
3.	Kuala Selangor	89	89
4.	Petaling	7	7
5.	Sepang	6	6
6.	Kuala Langat	4	4
7.	Gombak	121	42
8.	Sabak Bernam	-	-
9.	Klang	6	6
	JUMLAH	**507**	**295**

c) Kerajaan negeri tidak bercadang memberi tempoh pajakan sehingga 999 tahun berdasarkan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) yang telah menetapkan bahawa pemberimilikan tanah kerajaan dalam keadaan biasa hendaklah tidak melebihi 99 tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

31. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan kerajaan untuk penyediaan Rumah Mampu Milik? Apakah perbezaannya dengan Rumah Kos Rendah dan berapa unit yang sudah dibina?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sahaja telah mensasarkan untuk membina sejumlah kira-kira 11,000 unit Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2016 dan tambahan 10,000 unit lagi untuk tempoh 5 tahun yang berikutnya. Ini tidak termasuk cadangan pembinaan oleh pemaju swasta yang lain.

Sebagai langkah permulaan, PKNS telah membina dan merancang sebanyak 1,948 unit manakala pihak pemaju swasta pula telah mula membina sebanyak 135 unit dan merancang untuk membina 536 unit sehingga penghujung tahun 2012. Lokasi-lokasi pembinaan Projek Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru adalah seperti berikut:

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat	Pangsapuri	124	14% Kerja-kerja di tapak
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS /Debbin Sdn. Bhd),	Pangsapuri	96	Menunggu Kelulusan Kebenaran Merancangdari MBSA
Seksyen U12, Shah Alam, Petaling (PKNS / Must Ehsan Sdn. Bhd.)	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Antara Gapi, Hulu Selangor	Town House	128	Pindaan Pelan Susunatur telah dikemukakan kepada MDHS
Kota Puteri, Kuala Selangor	Town House	300	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Kg. Seri Temenggong, Gombak	Pangsapuri	500	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Taman Sains Selangor II, Sepang	Pangsapuri	400	Konsep pembangunan sedang disediakan.
Jumlah		**1,948**	

Di samping itu juga, terdapat beberapa Projek Perumahan Mampu Milik yang telah diluluskan Kerajaan Negeri untuk dibangunkan oleh pihak swasta. Sehingga kini terdapat dua (2) projek yang telah dimuktadkan iaitu:

Kawasan	Jenis Perumahan	Bilangan Unit	Status Pelaksanaan
Taman Alam Budiman Seksyen U10, Shah Alam	Pangsapuri	536	EXCO telah luluskan pada 30 Nov 2011
Bandar Sg. Long, Cheras Daerah Hulu Langat	Pangsapuri	135	Dalam pembinaan (70%)
Jumlah		**671**	

Antara perbezaan yang ketara antara Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini dengan dengan Rumah Kos Rendah adalah seperti berikut:

Perbezaan	**Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru**	**Rumah Kos Rendah**
Keluasan (kp)	850 kp – 1,000	650 kp – 700 kp
Harga Jualan	RM85,000 – RM150,000.00	RM42,000.00 (maksimum)
Pendapatan Isirumah	1. Golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isirumah di antara RM2,500.00 – RM5,000.00 sebulan. 2. Tidak memiliki sebarang jenis kecuali Rumah Kos Rendah yang melebihi 5 tahun. 3. Keutamaan untuk golongan berikut: - Golongan di bawah 35 tahun. - Warga emas. - Golongan Kelainan Upaya (OKU).	1. Golongan berpendapatan rendah dengan pendapatan isirumah di bawah RM2,500.00 sebulan. 2. Tidak memiliki sebarang jenis rumah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : SKIM KESIHATAN

32. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Memandangkan kerajaan negeri telah melaksanakan program MammoSEL untuk golongan wanita, adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan skim kesihatan untuk golongan yang lain termasuk golongan lelaki dan warga emas? Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri buat masa ini belum bercadang untuk melaksanakan program mengikut golongan tertentu di dalam Negeri Selangor kerana bantuan tersebut tidak dapat disalurkan secara menyeluruh bagi semua golongan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan terdapat Program Bantuan Kesihatan Untuk Rakyat Miskin di Negeri Selangor. Di dalam program ini tidak mengkhususkan golongan tertentu untuk memohon dan ianya meliputi pelbagai golongan rakyat di dalam Negeri Selangor. Di bawah program ini kerajaan negeri akan membiayai kos rawatan bagi penyakit katarak mata, pembedahan kecil (minor surgery), dialisis buah pinggang dan lain-lain permohonan yang wajar dipertimbangkan seperti perubatan kanser, keperluan membeli peralatan berkaitan kesihatan, pembelian ubat-ubatan bagi penyakit kronik dan lain-lain

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : BAYARAN CUKAI KEPADA KERAJAAN PUSAT

33. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah pembayaran cukai rakyat Negeri Selangor kepada Kerajaan Pusat untuk tahun 2010 dan 2011 dan berapakah peratus penyumbangan tersebut dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain ?

b) Menurut amalan Kerajaan Pusat sebelum tahun 2008, berapa peratus kah dari jumlah pembayaran cukai disalurkan kembali kepada Kerajaan Negeri Selangor ?

c) Sila senaraikan jumlah pembayaran cukai yang sepatutnya diterima dan jumlah pembayaran cukai yang pada hakikatnya diterima dari Kerajaan Pusat kepada rakyat Selangor sepanjang tahun 2009 hingga 2011.

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Untuk makluman Y. B., Kerajaan Negeri tidak mengutip cukai pendapatan. Cukai tersebut telah dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Pentadbiran ini telah cuba mendapatkan maklumat berkaitan perkara ini daripada LHDN namun tiada maklum balas daripada mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: PEMBANGUNAN USAHAWAN

34. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyak program pembangunan usahawan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri sepanjang tahun 2012 (sehingga Jun)

b) Apakah program bantuan kewangan usahawan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri?

c) Apakah program pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan bantuan yang disalurkan digunakan dengan sewajarnya?

JAWAPAN:

a) Sehingga Jun 2012 kerajaan negeri telah menganjurkan beberapa program keusahawanan seperti berikut :-

a. Seminar Pembangunan Usahawan IKS Negeri Selangor 2012 (9 program)

b. Kursus Asas Keusahawanan (2 program)

c. Kursus Rancangan Perniagaan (3 program)

d. Kursus Ternakan Ikan Air Tawar (3 program)

Secara keseluruhannya, program pembangunan usahawan sehingga Jun 2012 telah melibatkan sejumlah 17 program dengan penyertaan 1,500 orang peserta.

b) Program bantuan kewangan usahawan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri ialah program SkimSel dan MiMBAR.

c) Kerajaan negeri sentiasa menitik beratkan pemantauan ke atas penerima-penerima bantuan Dana Industri Kecil Selangor. Setiap penerima akan dipantau sebaik sahaja penerimaan mesin-mesin pemprosesan tersebut untuk melihat dari segi kesesuaian penggunaan mesin tersebut.

Selain dari itu, pemantauan akan dilakukan setelah 6 bulan penerima bantuan tersebut menerima bantuan untuk melihat dari segi peningkatan pengeluaran produk dan juga dari segi peningkatan pendapatan atau jualan. Program pemantauan tersebut akan berterusan dan dilakukan pada setiap tahun.

Dalam masa yang sama juga, kerajaan negeri semasa melakukan pemantauan tersebut akan juga mengenal pasti produk-produk yang boleh dipertingkatkan dari segi kualiti pembungkusan di mana pihak kerajaan negeri dengan kerjasama SIRIM Bhd. akan memilih dan seterusnya membangunkan produk-produk tersebut sehingga mencapai ke tahap yang lebih tinggi dari segi pemasaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

35. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah organisasi yang komited dengan agenda membangunkan sektor perbandaran dan sosioekonomi rakyat dengan tujuan menyusun masyarakat Selangor agar lebih seimbang dan harmonis.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status terkini cadangan pembangunan hartanah oleh PKNS bagi memajukan kawasan padang PKNS Kelana Jaya?

b) Senaraikan syarikat-syarikat yang berjaya/terpilih untuk memajukan tanah-tanah milik PKNS di bawah program penswastaan pembangunan tanah miliknya dari tahun 2008 sehingga kini?

c) Apakah pengurusan PKNS akan mengubah sistem kuota penjualan rumah di bawah kelolaan PKNS dengan peruntukan 70% untuk Bumiputera dan 30% bukan Bumiputera?

JAWAPAN:

a) Kebenaran Merancang untuk pembangunan di kawasan Padang PKNS Kelana Jaya pada 8 Jun 2012 telah ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) atas alasan tidak selaras dengan Laporan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ2) iaitu tapak cadangan pemajuan dizonkan sebagai tanah lapang dan rekreasi.

Tapak yang dicadangkan telah dikategorikan sebagai zon komersil sepertimana yang terdapat dalam Suratan Hakmilik tapak tersebut yang telah dikeluarkan sejak tahun 1998.

Keuntungan yang diperolehi dari projek ini akan digunakan untuk menampung subsidi yang ditanggung PKNS dalam pembangunan Perumahan Kos Rendah dan Mampu Milik yang dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih 100,000 penduduk Negeri Selangor.

Sebagai tuan tanah, PKNS layak mengemukakan rayuan ke Lembaga Rayuan Negeri Selangor dalam tempoh 1 bulan setelah menerima Borang C2 (menolak permohonan berkenaan) daripada MBPJ.

b) Tiada lagi projek penswastaan yang dilaksanakan oleh PKNS bermula dari tahun 2008 sehingga kini.

Sebelum tahun 2008 projek penswastaan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

i)	Projek telah tamat	-	39 projek
ii)	Projek dalam pelaksanaan	-	35 projek

c) PKNS masih mengekalkan kuota 70% untuk Bumiputera dan 30% untuk Bukan Bumiputera termasuk projek penswastaan. Manakala bagi projek usahasama PKNS, kelulusan kuota tertakluk kepada kadar kelulusan Pihak Berkuasa Negeri

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK: TAPAK PERUMAHAN PEKERJA LADANG

36. Kerajaan negeri berjanji kepada penduduk Taman Permata Dengkil akan memberi tanah seluas 25 ekar untuk tapak perumahan baru bagi menggantikan kediaman sedia ada.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Dimanakah cadangan tanah tersebut?

b) Bagaimanakah cara pemberian tersebut adakah nama individu atau nama syarikat dan premium yang dikenakan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan permohonan penduduk Taman Permata Dengkil untuk memberikan tanah bagi menggantikan perumahan kos rendah. Tanah seluas 18 ekar telah dikenal pasti di sebahagian lot 12456 dan 12457 dan ianya telah dipersetujui oleh penduduk.

b) Kaedah pembahagian tanah tersebut belum lagi ditentukan di mana Pejabat Daerah Sepang akan membawa perkara ini ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: HUTANG TALAM CORPORATION BHD

37. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kutipan hutang daripada Talam Corporation Bhd telah berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor? Berapakah jumlah kutipan hutang tersebut setakat ini?

JAWAPAN:

a) Setakat 31 Mei 2012, jumlah hasil jualan hartanah talam adalah berjumlah RM302,711,391. Dari RM302,711,391, sebanyak RM22,350,662 telah dikutip secara tunai, selebihnya RM280,360,729 dikutip secara berkala. Berikut adalah status terkini kutipan berjumlah RM302,711,391.

RINGKASAN KUTIPAN HUTANG

i. Masih Berhutang

PNSB	- Bukit Beruntung	142,294,451		
	- Bestari Jaya	69,735,551	212,030,002	
KHSB	- Land Bukit Jalil	12,000,000		
	- Land Ulu Yam	18,000,000		
	- 60% share Ulu Yam Golf	4,200,000		
	- 5unit block Menara Pandan	2,723,900		
	- Ukay Perdana lot	7,800,000	44,723,900	
PIYSB	- Pindahan amaun terhutang		7,669,689	
Golden Sprint S/B	- Danau Putra - Lot 14003		8,332,020	
Perikatan Progresif S/B	- Danau Putra - Lot 14001		7,605,118	
JUMLAH MASIH BERHUTANG				280,360,729

ii. Kutipan Tunai

PKNS	- Bukit Beruntung Final Pay		8,512,775	
PNSB	- Bukit Beruntung(deposit)	5,000,000		
	- Lebihan Bayaran Encumbran	558,844		
	- 1st Installment	3,279,043		
			8,837,887	
CITILINK	- Pindahan hutang		5,000,000	
JUMLAH YANG BERJAYA DIKUTIP SECARA TUNAI				22,350,662
JUMLAH KUTIPAN HUTANG				**302,711,391**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PERANAN SSIC

38. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Nyatakan peranan SSIC dan hubungan kerja dengan MIDA dalam usaha untuk menarik pelaburan ke Negeri Selangor.

b) Apakah sektor yang menjadi pilihan dan nyatakan jumlah pekerjaan yang telah diwujudkan mulai Januari 2012 sehingga Jun 2012?

JAWAPAN:

a) Peranan SSIC dalam usaha menarik pelaburan adalah seperti berikut;-

i. Mengenalpasti projek-projek yang berpotensi untuk dilaksanakan di Negeri Selangor

ii. Mengenalpasti pelabur-pelabur baru dan menjalin kerjasama strategik dengan pelabur sedia ada bagi menarik pelabur baru.

iii. Untuk melaksanakan keputusan-keputusan Kerajaan Negeri berkaitan pelaburan dan perindustrian di Negeri Selangor.

iv. Untuk mengemaskinikan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti pelaburan dan perindustrian di dalam negeri.

v. Untuk memberikan khidmat nasihat kepada para pelabur berkaitan hal-hal dan proses pelaburan di Negeri Selangor.

vi. Untuk menyelaras lawatan pelabur-pelabur baru ke Negeri Selangor.

vii. Untuk membantu di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur baru dan sediada.

viii. Untuk merancang misi pelaburan Kerajaan Negeri ke luar negara dan menerima misi pelaburan dari luar negeri ke Negeri Selangor

ix. Untuk mengambil tindakan susulan berdasarkan laporan misi pelaburan ke luar negara.

x. Untuk menyertai misi pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

xi. Untuk bertindak sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Tetap Pelaburan dan Perindustrian Negeri Selangor.

xii. Memproses Permohonan Surat Tiada Halangan bagi cadangan projek perkilangan di Negeri Selangor

xiii. Mempromosikan kawasan-kawasan industri baru

Hubungan SSIC dengan MIDA.

SSIC sentiasa berhubung rapat dan bekerjasama dengan pihak MIDA dalam membantu merealisasikan cadangan projek-projek pelaburan di Negeri Selangor disamping membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelabur. SSIC akan membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri dan pihak MIDA akan membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan.

SSIC juga menjadi tempat rujukan bagi pihak MIDA untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan hal-hal pelaburan di Negeri Selangor untuk tujuan promosi dan sebagainya.

Bagi mempromosikan negeri Selangor, SSIC juga turut menyertai program-program lawatan promosi pelaburan dan perdagangan ke luar negara yang dianjurkan oleh pihak MIDA.

b) Antara sektor yang menjadi pilihan dan jumlah pekerjaan yang diwujudkan bagi tempoh Januari hingga April 2012 adalah seperti berikut;-

Industri	Jan-April 2012				
	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal pelaburan (RM)
Transport Equipment	16	2,821	2,179,080,779	48,727,143	2,227,807,922
Machinery & Equipment	8	692	123,315,928	307,509,480	430,825,408
Basic Metal Products	6	686	381,212,444	18,819,000	400,031,444
Chemical & Chemical Products	14	758	239,631,119	80,656,259	320,287,378
Paper,Printing & Publishing	2	286	55,928,129	148,880,000	204,808,129
Food Manufacturing	6	441	89,504,609	90,766,848	180,271,457
Beverages & Tobacco	1	438	42,756,664	109,945,705	152,702,369
Electronics & Electrical Products	5	400	67,168,335	62,106,576	129,274,911
Plastic Products	5	494	37,505,242	57,123,567	94,628,809
Furniture & Fixtures	4	268	64,114,081	17,449,200	81,563,281
Rubber Products	4	474	63,641,000	15,423,285	79,064,285
Fabricated Metal Products	8	366	29,355,912	43,038,265	72,394,177
Non-Metallic Mineral Products	3	97	68,931,386	2,021,433	70,952,819
Textiles & Textile Products	3	402	25,138,026	23,894,163	49,032,189
Scientific & Measuring Equipment	1	39	24,305,798	0	24,305,798
Wood & Wood Products	2	160	10,849,050	3,760,000	14,609,050
Leather & Leather Products	1	12	10,118,000	0	10,118,000
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	1	2	2,051,000	3,809,000	5,860,000
Jumlah	90	8,836	3,514,607,503	1,033,929,923	4,548,537,426

Sumber : MIDA

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PENUBUHAN PUSAT KEBUDAYAAN MELAYU, CINA DAN INDIA.

39. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

(a) Mengapakah sehingga ke hari ini Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India yang telah dicadangkan penubuhannya masih belum dibuka lagi?

(b) Sekiranya Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini dibuka, di manakah lokasi-lokasi sebenar yang akan dipilih bagi mendirikan Pusat Kebudayaan tersebut?

(c) Mengapakah lokasi-lokasi tersebut dipilih, sekiranya ia telah dikenal pasti?

JAWAPAN:

a) Dalam usaha menubuhkan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan ini, beberapa fasa dan peringkat perlu diteliti dan dilalui bagi memastikan penubuhan projek ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya kepada penggiat-penggiat seni di Negeri Selangor. Konsep dan pengisian juga merupakan salah satu aspek yang perlu dikaji bagi menjadikan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India ini menepati objektif pembangunan.

Dengan menggunakan khidmat kepakaran, konsep pembangunan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan kini telah dipilih mengikut kesesuaian dengan mengambil kira pandangan orang awam yang telah dilaksanakan semasa Pameran Pusat Kebudayaan Negeri Selangor pada 27 Jun hingga 2 Julai 2012 di AEON Bukit Raja, Bandar Baru Klang. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga Pusat Kebudayaan ini akan dibuka dan memulakan operasi sebaik sahaja beberapa proses diperingkat seterusnya selesai dilaksanakan.

b) Ketiga-tiga Pusat Kebudayaan Negeri Selangor telah pun meneliti cadangan lokasi sejajar dengan hasrat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) agar selari dengan pengumuman "stimulus package" pembangunan sungai klang yang akan menempatkannya di sepanjang Sungai Klang. Hasil tinjauan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar Desa (JBPD) Negeri Selangor bersama Pejabat Daerah Klang dan Majlis Perbadaran Klang mendapati lokasi-lokasi yang besesuaian bagi tujuan membangunkan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan iaitu :-

Pusat Kebudayaan	Cadangan Lokasi
Pusat Kebudayaan Melayu	Sekitar Kg.Kuantan, Klang
Pusat Kebudayaan Cina	Sekitar Bandar Klang
Pusat Kebudayaan India	Sekitar Kg. Pandan, Klang

c) Dalam pemilihan lokasi pembangunan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan ini, beberapa faktor, potensi dan halangan telah diambil kira bagi memastikan tapak pembangunan berkenaan tidak menimbulkan kesulitan kepada masyarakat pada masa akan datang. Berikut merupakan faktor-faktor pemilihan lokasi penubuhan Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India :-

Pusat Kebudayaan Melayu – Kampung Kuantan, Klang

Potensi	Halangan
Kedapatan tanah untuk pembangunan : kawasan sedia ada adalah semak samun dan berhampiran perkampungan Melayu.	Tanah milik individu sebanyak 8 lot yang memerlukan proses pengambilan semula tanah
Aksesibiliti sedia ada : Jalan Bukit Kuda, 2km ke Pusat Bandar Klang.	Perumahan sedia ada (rumah kampung) berhadapan dengan tapak pembangunan
Kemudahan keagamaan sedia ada: Masjid Kg. Kuantan yang boleh berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu.	

Ekonomi: Terdapat gerai makan makanan Melayu yang menjadi tumpuan (*focus point*).	
Penduduk : Majoriti adalah penduduk berbangsa Melayu	

Pusat Kebudayaan Cina – Bandar Klang

Potensi	Halangan
Aksesibiliti sedia ada : Jalan Pasar, 1km ke Pusat Bandar Klang	Perumahan sedia ada: Perlu penempatan semula.
Kemudahan keagamaan sedia ada: Dianggarkan sebanyak 25 buah tokong sedia ada yang terdapat tapak berkenaan.	Aktiviti Perindustrian : Terdapat beberapa unit kilang yang berskala besar dan aktif menjalankan aktiviti industri (kilang papan)
Bangunan sedia ada : Berstruktur tidak kekal (kayu) kecuali bangunan tokong	

Pusat Kebudayaan India – Kampung Pandan, Klang

Potensi	Halangan
Kedapatan tanah untuk pembangunan : Keadaan semasa tapak adalah semak samun dan hanya terdapat beberapa perumahan kampung sedia ada.	Tanah milik individu sebanyak 4 lot tanah persendirian dan perlu melalui proses pengambilan semula tanah.
Kontur : rupa bentuk muka bumi yang landai	Aksesibiliti : terdapat 1 jalan sahaja, iaitu Jalan Bukit Jati
	Terdapat laluan keretapi yang memerlukan jambatan untuk menghubungkan tapak dengan kawasan sekitar.
	Majoriti penduduk adalah berbangsa Melayu.

Selain dari perkara-perkara di atas, faktor-faktor lain turut diambil kira untuk memanfaat sumber sedia ada dan meransangkan (stimulus) pertumbuhan ekonomi di sesuatu lokasi itu serta dalam masa yang sama dapat meminimakan pengambilalihan tanah-tanah milik persendirian. Walau bagaimanapun, proses ini perlulah mengikuti prosedur yang sewajarnya dengan mengambilkira pandangan daripada semua pihak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: GAJI MINIMUM

40. Dalam penyelarasan gaji minimum RM 1,500.00.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Kepada agensi manakah ianya dilaksanakan?

b) Bagaimana dengan institusi yang lain yang masih tidak melaksanakan penyelarasan ini, apakah bentuk bantuan kerajaan dalam menanganinya?

JAWAPAN:

a) Pelaksanaan gaji minimum di Selangor, yang diumumkan setakat ini hanya merangkumi :

- Syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan negeri Selangor
- Syarikat tersebut mestilah dalam keadaan stabil

Syarikat berkaitan kerajaan negeri Selangor terlibat dalam dasar baru kerajaan negeri Selangor ini, antaranya ialah :

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
- Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
- Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
- Worldwide Holdings Bhd.

Selepas dilihat berjaya, dasar ini akan diperluaskan kepada syarikat-syarikat yang lain pula.

Buat masa ini, kakitangan kerajaan negeri masih belum boleh merasai dasar tersebut kerana ia tertakluk di bawah kerajaan persekutuan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PEMBERIAN BAUCAR AIR PERCUMA KEPADA PANGSAPURI

41. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah atau nilai baucar air yang telah diberi kepada pangsapuri di Selangor. Sila senaraikan pangsapuri di bawah MPAJ yang dapat baucar air mengikut DUN.

b) Apakah sistem pemantauan yang ada untuk memastikan baucer tersebut tidak disalahgunakan?

c) Siapakah yang menerima baucar? Penduduk, JMB atau persatuan? Kenapa?

JAWAPAN:

a) Sejak program rebet air percuma diperkenalkan pada bulan Jun 2010, lebih kurang RM11.87 juta nilai rebet air percuma telah diberi kepada 250 kawasan pemajuan pangsapuri yang terdiri daripada 77,378 unit kediaman. Bagi kawasan di bawah MPAJ, sebanyak 43 kawasan pemajuan pangsapuri terdiri daripada 15,634 unit kediaman telah membuat tuntutan rebet air percuma seperti di LAMPIRAN A.

b & c) Pelaksanaan program pemberian rebet air percuma pada peringkat awalnya dilaksanakan melalui kupon. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam melaksanakan kaedah ini berikutan kekurangan tenaga kerja daripada pihak pengurusan bangunan sama ada pihak pemaju, Badan Pengurusan Bersama [*Joint Management Body* (JMB)] atau Perbadanan Pengurusan [*Management Corporation* (MC)] yang menyebabkan berlakunya kelewatan dalam tuntutan kepada SYABAS. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung kos tambahan bagi kerja-kerja percetakan kupon. Justeru itu, pada tahun 2011, penggunaan kupon telah dimansuhkan dan diganti dengan kaedah pengebilan amaun rebet air percuma secara automatik pada bil air unit kediaman setiap pembeli. Kaedah terbaru ini adalah lebih telus, mudah dan sukar untuk disalah guna oleh pemaju, JMB atau MC.

Selanjutnya pada tahun 2012, kaedah pemberian rebet air percuma dipermudahkan melalui konsep "LAPOR DAN DAPAT" dengan format tuntutan kepada SYABAS yang lebih ringkas supaya pengagihan rebet air percuma dapat dibuat secara berkesan dan meluas kepada semua pangsapuri kos rendah di negeri Selangor.

LAMPIRAN A

Senarai Pangsapuri Di bawah kawasan MPAJ Yang Telah Menerima Rebet Air Percuma

BIL.	NAMA KAWASAN PEMAJUAN	JUMLAH UNIT KEDIAMAN
1.	700 Pandan Perdana	700
2.	Taman Ampang Mewah	518
3.	Blok A Taman Industri Lembah Jaya	525
4.	Sri Intan	208
5.	Al-Ridhuan	301
6.	610, Jalan Pandan Indah	610
7.	Nusa Kurnia	200
8.	Merpati A	430
9.	Merpati B	350
10.	Blok 2 Desa Lembah Permai	330
11.	Mega Indah	200
12.	Taman Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	428
13.	Blok A & B Pandan Ria	544
14.	Pangsapuri Cemara 1 & 2	466
15.	Pangsapuri Mesra Ria	384
16.	Pangsapuri Kenanga	200
17.	Pangsapuri Meranti	322
18.	Blok C Jalan Pandan Indah 1 (Pandan Ria)	288
19.	Blok D Jalan Pandan Indah 1 (Pandan Ria)	244
20.	Pandan Cahaya (P. Cahaya Dev)	240
21.	Pangsapuri Sri Nilam	1920
22.	Pangsapuri Sunrise	118
23.	Blok Kemboja, Jalan Wawasan 3	100
24.	Blok Tanjung Merdeka Villa	240
25.	Blok C Mutiara Tmn Sri Merdeka	70
26.	Blok B, Jed Tmn Sri Merdeka	70
27.	Blok A Delima, Tmn Sri Merdeka	80
28.	Apartmen Kos Rendah A1, Taman Bukit Segar	190
29.	Apartmen Kos Rendah A2 & A3, Taman Bukit Segar	380
30.	Apartmen Kos Rendah A4 & A5, Taman Bukit Segar	380
31.	Apartmen Kos Rendah A6 & A7, Taman Bukit Segar	380
32.	Pangsapuri Bukit Baru	600
33.	Lembah Maju	504
34.	Blok Meranti Taman Cheras Hartamas	120
35.	Kondominium Renjana Ampang	168
36.	Prima Court	234
37.	Pangsapuri Hata Square	352
38.	Pangsapuri Sri Baiduri	800
39.	Pangsapuri Permai Jaya, Kelompok Camar	190

BIL.	NAMA KAWASAN PEMAJUAN	JUMLAH UNIT KEDIAMAN
40.	Rumah Pangsa Jalan AU3/1, Blok 9	60
41.	Rumah Pangsa Jalan AU3/1, Blok 10	60
42.	Rumah Pangsa Jalan AU3/1, Blok 11	60
43.	Rumah Pangsa Jalan AU3/1, Blok 13	40
	JUMLAH	15,634

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : PROJEK KAWALAN BANJIR

42. Kejadian banjir telah berlaku di Kawasan Dun Dusun Tua kerana kegagalan kerajaan negeri melaksana antaranya projek kolam takungan dan pelebaran Sungai Serai, Hulu Langat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Kenapakah kerajaan negeri cuai dalam melaksanakan projek tersebut yang telah diluluskan oleh Barisan Nasional sebelum ini?

b) Apakah perancangan dan inisiatif kerajaan negeri untuk mengatasi masalah banjir di Hulu Langat?

c) Bagaimanakah kerjasama dan koordinasi kerajaan negeri dengan agensi Kerajaan Persekutuan untuk membantu masalah banjir?

JAWAPAN :

a) Masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Kg. Sg Serai Daerah Hulu Langat adalah berpunca daripada sistem saliran yang sempit, saiz pembetong jalan yang kecil, ruang penyelenggaraan yang terhad, keadaan tanah semulajadi yang landai serta pembangunan yang agak pesat di bahagian hulu. Hujan yang lebat sering berlaku di kawasan ini memandangkan kawasan ini terletak di kawasan lembah.

Dalam kajian Rancangan Tebatan Banjir Sg Serai, pihak perunding mengesyorkan sebuah kolam takungan seluas 5.8 hektar dibina di bahagian hulu sungai. Manakala kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran sepanjang 535 meter panjang serta menaiktaraf 3 buah pembetong sediada dapat membantu mengurangkan masalah banjir di kawasan Kg. Sg Serai. Walau bagaimanapun, lokasi untuk cadangan pembinaan kolam takungan dan pelebaran sungai sediada ini terletak di dalam lot-lot tanah persendirian dan ianya perlu dibuat pengambilan balik tanah.

b) Pada masa ini, kerja-kerja menaiktaraf pembetong sedang dilaksanakan oleh pihak JKR termasuk pengalihan utiliti. Anggaran kos yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Pusat adalah berjumlah RM7.5 juta. Pihak Kerajaan Negeri juga sedang mengenalpasti tanah yang terlibat serta menyelesaikan pelan pengambilan balik. Dijangkakan projek menaiktaraf sistem saliran ini akan

dilaksanakan segera setelah pengambilan balik tanah selesai. Peruntukan siling RMKe10 yang diluluskan untuk projek ini adalah berjumlah RM1.5 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PEMBERSIHAN DI PBT

43. Pengurusan pembersihan awam (sampah) yang diurus oleh Alam Flora Sdn Bhd telah diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri sendiri sebagai langkah penjimatan kos.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah kos yang dapat dijimatkan oleh kerajaan negeri mengikut PBT sejak pengambilalihan tersebut dikuatkuasakan?

b) Berapakah kos yang dikeluarkan untuk membeli lori sampah, alatan pembersihan dan penggajian kakitangan untuk mengurus pembersihan tersebut mengikut PBT?

c) Apakah tindakan yang diambil oleh PBT berkenaan pelbagai rungutan dan aduan oleh masyarakat setempat berkaitan dengan keberkesanan pengurusan pembersihan sejak diambil alih oleh PBT?

JAWAPAN :

a) Setelah proses pengambilalihan dilaksanakan, semua PBT menyuarakan bahawa terdapat penjimatan terutama daripada segi kos berbanding semasa di bawah kendalian pihak AFSB. Jumlah penjimatan tersebut dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.

b) Setelah Kerajaan Negeri menyatakan keputusan bagi melakukan proses pengambilalihan bagi kerja-kerja kutipan sisa pepejal berkuat kuasa pada 16 Oktober 2011. Kebanyakan PBT telah memperuntukkan kewangan bagi membeli alatan pembersihan seperti lori dan sebagainya. Majlis Perbandaran Sepang **(MPSp)** telah membelanjakan sebanyak RM713,677.51 bagi membeli kenderaan seperti lori *compactor* dan lori RORO. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah PBT yang tidak mengeluarkan kos sebaliknya hanya menggunakan peralatan lama seperti Majlis Perbandaran Kajang **(MPKj)**.

c) Antara langkah yang diambil oleh Majlis Perbandaran Klang **(MPK)** bagi memastikan perkhidmatan kutipan sampah tidak terjejas adalah dengan menjalankan kerja-kerja *back-up* di tempat aduan dalam tempoh enam (6) jam waktu bekerja. Selain daripada itu, pihak MPK turut mengadakan mesyuarat dua (2) kali seminggu bersama kontraktor serta mengambil tindakan awal terhadap

aduan yang diterima daripada penduduk. Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam **(MBSA)** mengambil langkah dengan melaksanakan pemantauan yang lebih cekap dan penguatkuasaan tegas terhadap kontraktor yang bermasalah.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	22,844,403.60
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	15,000,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	2,500,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	6,000,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	1,800,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	6,000,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	12,705,884.62
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3,121,625.76
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	6,800,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	1,220,824.75
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA

12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	2,955,477.40
	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN	**80,948,216.13**

***** sumber : <u>Semua PBT, Negeri Selangor</u>**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK :. MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah fungsi dan objektif penubuhan MBI dan bagaimanakah strukturnya dalam pentadbiran negeri?

b) Apakah projek atau program yang dibiayai atau dikendalikan oleh MBI?

c) Berapa kakitangan yang bernaung dan dibiayai oleh MBI serta kosnya?

JAWAPAN :

a) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) ditubuhkan dibawah Enakmen No. 3, Tahun 1994. Objektif penubuhan MBI ini adalah sebagai Badan Induk yang diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai pemegang asset Kerajaan Negeri Selangor. Sebanyak dua belas (12) anak syarikat Kerajaan Negeri dibawah MBI merangkumi Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Tourism Selangor Sdn Bhd, Pendidikan Industri YS Sdn Bhd, Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Communication Corporation Sdn Bhd, Yayasan Warisan Anak Selangor Sdn Bhd, SSIC Berhad, Rantaian Mesra Sdn Bhd, Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor, Majlis Sukan Negeri Selangor (Holdings) Sdn Bhd dan Bukit Beruntung Golf & Country Resort.

b) Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) telah diamanahkan dan diberi milik beberapa projek seperti Projek Rumah Terbengkalai Alam Perdana, Projek Highway Bertingkat I-City dengan kelulusan Kerajaan Negeri. Namun projek-projek tersebut dikendalikan oleh Anak-anak Syarikat MBI dan GLC yang lain, MBI hanya sebagai pemilik amanah projek tersebut.

Terdapat juga beberapa program yang dibiayai oleh MBI namun dikendalikan oleh Anak-anak Syarikat MBI seperti Program Jom Shopping diuruskan oleh Rantaian Mesra Sdn Bhd dan Yayasan Tabung Warisan Anak Selangor (YAWAS), Program Geran SelangorKU 2012 dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemandu Geran SelangorKU 2012, Program Air Percuma 20 meter padu yang diuruskan pembayarannya oleh MBI bermula pada tahun 2012. Program

Pengurusan Taska SUK yang diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Sumber Manusia SUK.

c) Seramai tiga puluh tiga (31) Pegawai dan Kakitangan yang bernaung di bawah MBI, di mana tujuh belas (17) orang Pegawai dan Kakitangannya daripada Pejabat Pentadbiran MBI dan selebihnya enam belas (14) orang Pegawai dan Kakitangannya daripada Pejabat Sokongan MBI.

Jumlah kos sebulan bagi Pengurusan Sumber Manusia Pejabat MBI adalah sebanyak RM182,000.00 untuk tiga puluh tiga (31) orang Pegawai dan Kakitangan. Kos ini merangkumi Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Socso yang dicarumkan oleh MBI untuk Pegawai dan Kakitangannya setiap bulan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PENURUNAN KADAR CUKAI PINTU FLAT KOS RENDAH NEGERI SELANGOR

45. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan flat-flat kos rendah yang telah mendapat penurunan kadar cukai pintu sebanyak 25% mengikut pecahan PBT dan bilakah tarikh berkuat kuasa dasar ini?

b) Senaraikan jumlah nilai dan pintu rumah yang mendapat manfaat di bawah penurunan kadar cukai pintu mengikut pecahan flat dan pecahan PBT.

c) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kekurangan ruang rekreasi dan sosial seperti dewan komuniti, perpustakaan dan sebagainya di kawasan Flat Kos Rendah dengan kepadatan penduduk yang tinggi?

JAWAPAN:

a) Pengumuman mengenai cadangan penurunan kadar cukai pintu sebanyak 25% baru dibuat pada 5 Jun 2010. Oleh itu, Kerajaan Negeri sedang mengenalpasti dan mengumpulkan maklumat lengkap mengenai senarai pangsapuri kos rendah yang terlibat dengan program tersebut. Manakala, pelaksanaan cadangan penurunan kadar cukai pintu dijangka dapat dibuat untuk sesi penggal kedua bagi tempoh pembayaran cukai taksiran tahun ini.

b) Berdasarkan rekod Jabatan Penilaian di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, anggaran jumlah nilai dan pintu rumah yang bakal mendapat manfaat penurunan kadar cukai pintu mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:

BIL.	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN	ANGGARAN PURATA KADAR CUKAI TAKSIRAN ASAL (RM)	ANGGARAN PURATA KADAR CUKAI TAKSIRAN SELEPAS DISKAUN 25% (RM)	BILANGAN UNIT KEDIAMAN
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	150.00	112.50	17,552
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	117.00	87.75	19,322
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	145.00	108.75	30,652
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	210.00	157.50	32,352

BIL.	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN	ANGGARAN PURATA KADAR CUKAI TAKSIRAN ASAL (RM)	ANGGARAN PURATA KADAR CUKAI TAKSIRAN SELEPAS DISKAUN 25% (RM)	BILANGAN UNIT KEDIAMAN
5.	Majlis Perbandaran Klang	150.00	112.50	15,272
6.	Majlis Perbandaran Selayang	129.50	97.13	21,695
7.	Majlis Perbandaran Kajang	120.00	90	2007
8.	MajlisPerbandaran Sepang	98.00	73.50	2,725
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	119.99	90.00	12,362
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	121.73	91.30	6,586
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	82.46	61.85	708
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada pangsapuri kos rendah		

c) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dengan permasalahan kekurangan ruang rekreasi dan sosial yang dihadapi di kawasan pangsapuri kos rendah. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan pemakaian Manual Piawaian Perancangan yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor pada 27 Oktober 2010 sebagai panduan dan rujukan kepada pemaju dalam mengimbangi antara perancangan fizikal dengan perancangan pembangunan sosial komuniti di sesebuah kawasan pemajuan. Berdasarkan garis panduan tersebut, setiap kemudahan asas dan masyarakat akan ditentukan berdasarkan keluasan dan juga densiti sesuatu kawasan pembangunan. Sebagai contoh pembangunan rumah pangsa kos rendah di kawasan Majlis Perbandaran, densiti maksimum yang dibenarkan adalah 80 unit perekar dan ditetapkan keperluan untuk menyediakan sekurang-kurangnya kemudahan seperti 10% kawasan lapang, kawasan rekreasi, tadika, surau, dewan, kediaman Orang Kurang Upaya (OKU), bilik bacaan, pejabat pengurusan dan sebagainya. Oleh demikian, perancangan yang holistik ini secara tidak langsung akan melahirkan suatu komuniti sejahtera dan harmoni

Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk memberikan satu dimensi kediaman yang selesa dan harmoni bagi pangsapuri kos rendah melalui penyediaan kemudahan untuk kegunaan komuniti sebenarnya telah bermula pada tahun 2010 lagi. Pada tahun tersebut, Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan Negeri Selangor dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor telah menyediakan Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan atau Perpustakaan Komuniti di dua (2) kawasan pemajuan iaitu Apartmen Mawar, Bukit Beruntung dan Pangsapuri Perantau, Pelabuhan Klang dengan sejumlah peruntukan RM45,000.00.

Sebagai kesinambungan, pada bulan Jun 2011, Skim CERIA (*Caring Government For Residents' Improvement Aid*) telah diperkenalkan di mana Badan Pengurusan Bersama [*Joint Management Body* (JMB)] atau Perbadanan Pengurusan [*Management Corporation* (MC)] boleh mendapatkan bantuan peruntukan dengan kaedah bayaran balik 20 % untuk pangsapuri kos rendah dan 40% untuk pangsapuri kos sederhana rendah daripada kos keseluruhan bagi pembelian kabin sebagai pejabat, penyediaan kemudahan perpustakaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kemudahan komuniti yang boleh diberi bantuan peruntukan di bawah Skim CERIA hendaklah tertakluk kepada definisi harta bersama di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENGLIBATAN KPS DALAM INDUSTRI GAS ASLI

46. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan Selangor memberi butiran-butiran yang lebih terperinci tentang pembelian 40% saham dalam syarikat NGC Energy Sdn. Bhd. oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS) dan sebab-sebab KPS melibatkan diri dalam industri gas asli?

JAWAPAN :

a) **BAHAGIAN I : BUTIRAN TERPERINCI TENTANG 40% PELABURAN DALAM NGC ENERGY SDN BHD**

1. NGC Energy Sdn Bhd (NGC Energy) adalah syarikat persendirian yang didaftarkan pada 10 April 2012 dibawah Akta Syarikat 1965 yang terlibat dalam pengedaran LPG sebagai aktiviti utamanya.

2. Modal Berbayar NGC Energy buat masa ini adalah berjumlah RM55 juta.

3. Sebelum penglibatan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) dalam NGC Energy, syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh NGC Consolidated Holdings Sdn Bhd (NGCCHSB) iaitu syarikat pelaburan di Malaysia milik penuh National Gas Company SAOG (NGC Oman) yang berpusat di Oman dan disenaraikan di Muscat Securities Market.

4. NGC Oman terlibat dengan perniagaan LPG semenjak tahun 1981 dan mempunyai rangkaian pengedaran dan infrastruktur LPG terbesar di rantaunya.

5. Pada Januari 2011, Shell Group (Malaysia) telah membuka bidaan umum bagi melupuskan perniagaan LPG di dalam Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell LPG) termasuklah aset-aset LPG di Semenanjung Malaysia yang dimiliki oleh Shell Refining Company Berhad.

6. NGC Energy telah berjaya dalam bidaan tersebut dan "Letter of Intent" telah ditandatangani pada 8 Mac 2012. Seterusnya, ianya disusuli dengan menandatangani "Sales & Purchase Agreement" di antara NGC Oman, NGC Energy dan Shell pada 9 Mei 2012.

7. Sebagai makluman, Shell LPG telah terlibat dalam industri ini lebih daripada 30 tahun dan merupakan pengedar kedua terbesar selepas Petronas dengan menguasai 21% pasaran di Malaysia.

8. Pada 11 Jun 2012, Perangsang Selangor melalui anak syarikat milik penuh iaitu Perangsang Oil & Gas Sdn Bhd (POGSB) telah menandatangani "Subscription and Shareholders Agreement" diantara NGCCHSB dan NGC Energy untuk melanggan sebanyak 22,000,000 unit saham biasa bernilai RM22,000,000 (RM1.00 seunit) di dalam NGC Energy. POGSB juga akan memberi pendahuluan pemegang saham (shareholders advance) berjumlah RM18,000,000 yang menjadikan jumlah pelaburan di dalam NGC Energy sebanyak RM40,000,000.

9. Dengan pelaburan sebanyak RM40,000,000 tersebut, Perangsang Selangor kini menguasai 40% ekuiti saham di dalam NGC Energy.

10. Sebagai pemegang 40% ekuiti saham, Perangsang Selangor diwakili oleh 2 orang pengarah di dalam Ahli Lembaga Pengarah NGC Energy. Perangsang Selangor juga mempunyai seorang wakil di dalam Jawatankuasa Eksekutif NGC Energy yang diberi mandat oleh Lembaga Pengarah untuk menguruskan dan memantau aktiviti perniagaan syarikat.

BAHAGIAN II : SEBAB-SEBAB PELABURAN

1. Perangsang Selangor telah membuat keputusan untuk terlibat dalam industri gas asli adalah kerana sebab-sebab berikut:-

   1.1 Sebagai langkah jangka panjang untuk meningkatkan pulangan kepada pemegang saham melalui diversifikasi perniagaan dengan meneroka industri yang lebih mampan. Sebagai makluman, selain daripada Perangsang Selangor, terdapat juga lain syarikat berkaitan air di Selangor yang telah mula meneroka sektor minyak dan gas.

   1.2 Perniagaan LPG yang bakal diambil alih daripada Shell LPG merupakan satu perniagaan yang menguntungkan dengan kuasa pasaran di Malaysia sebanyak 21%.

   1.3 Berdasarkan unjuran kewangan NGC Energy, perniagaan ini dijangka memberi aliran tunai yang positif dan mampan.

   1.4 Pelaburan dalam sektor ini juga dijangka akan memberikan pulangan yang baik kepada Perangsang Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : KES MALARIA DAN DENGGI

47. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah faktor yang menyebabkan kawasan Hulu Langat mempunyai kes malaria tertinggi seperti laporan dari Pejabat Kesihatan Hulu Langat?

b) Bagaimanakah kedudukan Hulu Langat dari keseluruhan kes denggi di Selangor?

c) Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil?

JAWAPAN :

a) Sehingga 23 Jun 2012, daerah Hulu Langat telah mencatatkan sejumlah 74 kes malaria. Kebanyakan daripada kes malaria ini berlaku di kalangan pekerja asing yang membawa kuman malaria daripada negara asal mereka dan mencetuskan wabak tempatan apabila nyamuk Anopheles tempatan mengigit pesakit ini.

Langkah pencegahan malaria jangka masa panjang di daerah ini termasuk mendapat kerjasama daripada majikan tempatan untuk memastikan semua pekerja asing disaring untuk penyakit malaria sebelum memulakan kerja di tempat mereka. Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat turut menjalankan pemeriksaan darah setiap minggu ke atas pekerja asing yang mengalami demam di kawasan-kawasan berisiko ini.

b) Sehingga 23 Jun 2012, daerah Hulu Langat telah mencatatkan sejumlah 1,186 kes denggi (dengan 2 kematian). Ini merupakan 23% daripada jumlah kes denggi yang dilaporkan di negeri Selangor (5,249 kes denggi) untuk tempoh yang sama pada tahun ini. Tetapi apabila dibandingkan dengan tempoh yang sama untuk tahun 2011, terdapat peningkatan 20% dalam kes denggi yand didaftarkan (988 kes denggi pada tahun 2011) dan kematian (1 kes) di daerah Hulu Langat .

c) Di antara langkah pencegahan yang penting ialah meningkatkan tahap kebersihan alam sekeliling di daerah Hulu Langat yang masih pada tahap yang tidak memuaskan dan merupakan faktor yang penting dalam penularan demam denggi di daerah ini.

Antara langkah-langkah yang disyorkan termasuk menggalakkan sikap komuniti untuk membuang sampah dengan teratur, sistem pelupusan sampah domestik/ kebun/ sampah pukal yang efektif, menyediakan tong-tong sampah yang mencukupi di tempat-tempat awam dan tempat tumpuan orang ramai.

Selain itu, penubuhan skuad denggi dan pasukan COMBI (‘Communication For Behavioral Impact’) dikalangan persatuan penduduk, agensi kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan terus digalakkan. Konsep yang diamalkan kini untuk mencegah jangkitan denggi ialah **‘Kebersihan Setiap Hari (“Everyday Cleanliness”)** dan bukan hanya menjalankan aktiviti pembersihan apabila kes atau wabak denggi berlaku.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KUALITI HIDUP RAKYAT SELANGOR

48. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah visi dan perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Selangor sebagai "livable city" dari aspek perumahan, pengangkutan awam, kesenian dan kebudayaan. Apakah cabaran yang dihadapi sekarang dan bagaimana kerajaan negeri mengatasinya.

JAWAPAN:

a) Kerajaan negeri Selangor telah pun melaksanakan Polisi Bandar Selamat pada tahun 2011 dengan pemasangan sistem CCTV yang komprehensif di semua PBT di Selangor (Selangor State CCTV System or "SSCS") bagi tujuan:

- Pengurusan trafik jalan raya
- Keselamatan awam dan pemantauan bagi mencegah dan membendung jenayah di:
  - Kawasan perumahan,
  - Tempat-tempat kemudahan awam dan
  - Jalan raya awam
- Mengurangkan kadar jenayah serta kelakuan anti-sosial
- Mengawasi semua pusat komersil serta kawasan awam yang berkepadatan tinggi.
- Mengintegrasikan SSCS sebagai alat sokongan kepada Polis Diraja Malaysia dengan menyediakan monitor di Ibu Pejabat-Ibu Pejabat Polis terpilih.
- Ia melibatkan pemasangan 414 unit CCTV di kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang menelan belanja sebanyak RM117,244,800 yang diurus oleh GTC Technologies Sdn Bhd bagi tempoh 20 tahun.

Dalam aspek pengangkutan awam, Kerajaan Negeri pernah membuat beberapa tawaran kepada kerajaan Pusat melalui Pemandu utk jajaran MRT mengguna pakai rizab Sungai Klang yang telah digazetkan sepanjang 120 Kilometer dari Ampang ke Klang yang mana bukan saja jika dipersetujui bakal dapat dilaksanakan dengan segera kerana telah digazet malah akan dapat menjimatkan berbillion-billion Ringgit kerana keperluan kepada pengambilan tanah dapat dikurangkan dengan drastik. Namun hingga kini masih tangan yang dihulur Kerajaan Negeri masih belum disambut Kerajaan Persekutuan. Jika ia menjadi kenyataan, pengangkutan awam yang lebih cekap akan dinikmati rakyat negeri Selangor.

Selain dari Projek Pemuliharaan Sungai Kelang, Paket Rangsangan Ekonomi Selangor juga sedang giat memajukan 144 projek perumahan terbengkalai yang ditinggalkan Barisan Nasional. Yang telah berjaya termasuk Alam Perdana di Kuala Selangor, Bukit Botak di Gombak, Sungai Sering di Hulu Klang dan Kampung Berembang juga di Hulu Klang.

Program peningkatan hasil padi juga telah banyak membawa petani menikmati pendapatan yang lebih baik iaitu dari 5.1 metrik tan semusim kepada 7.5 metrik tan semusim.

Jika dahulu pendapatan mereka di bawah RM1,000 sebulan, kini dari 2,408 pesawah, 55% telah menikmati pendapatan antara RM1,000-RM1,500 manakala 16% telah berjaya mendapat pendapatan melebihi RM1,500.

Menyentuh soal kebudayaan, Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan tiga pusat kebudayaan di sepanjang Sungai Klang dengan mengambil kira pandangan rakyat.

Pusat kebudayaan yang merangkumi tiga kaum majoriti iaitu Melayu, Cina dan India itu bakal mengembalikan kegemilangan bandar DiRaja Klang sebagai kawasan bersejarah.

Pusat yang dianggarkan menerima pelaburan sebanyak RM1.339 billion itu akan dibiayai oleh sektor swasta melalui inisiatif Private Funding Initiative (PFI).

Menjawab pertanyaan dari Pelabuhan Klang, sebenarnya semua yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri adalah untuk rakyat terbanyak dan bukannya untuk sanak keluarga, individu tertentu atau kroni.

Program-program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor seperti pemberian air percuma 20 meter padu pertama, inisiatif-inisiatif di bawah Geran Selangorku, kesemuanya menjurus kepada meningkatkan kualiti hidup rakyat terbanyak.

Namun dana yang ada adalah terhad, maka pendekatan yang diambil oleh kerajaan Negeri ialah turun menemui rakyat bagi menjiwai apakah yang benar-benar mereka ingini.

Lanjutan dari pelancaran Dialog Bajet 2-3 Julai 2012 yang lalu, sesi jelajah ke semua 12 PBT akan dijalankan sepanjang bulan Julai ini untuk mengumpulkan aspirasi mereka bagi dirangkumkan dalam belanjawan negeri bagi tahun 2013.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : MASALAH PENYELENGGARAAN KAWASAN

49. Permasalahan penyelenggaraan kawasan seperti pengurusan sampah; pemotongan rumput di tepi jalan serta padang awam dan pembersihan longkang yang dihadapi rakyat di seluruh Negeri Selangor adalah di bawah tadbir urus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sering mengaitkan alasan bahawa mereka tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi melaksana kerja-kerja penyelenggaraan berkaitan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah hasil yang diperolehi Kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh tahun 2009 – 2011?

b) Berapakah jumlah Belanja Mengurus tahunan yang diperuntukkan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Selangor sepanjang tempoh 2009 – 2012?

c) Berapakah jumlah peruntukan dan peratusan berbanding Belanja Mengurus yang diperolehi Majlis Perbandaran Selayang bagi kerja-kerja penyelenggaraan kawasan bawah jajahannya?

JAWAPAN :

a) Jumlah hasil yang diperoleh Kerajaan Negeri Selangor daripada tahun 2009 sehingga2011 adalah seperti di bawah:-

PERIHAL	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Hasil Cukai	471,561,692.78	517,744,564.31	534,323,456.32
Hasil Bukan Cukai	471,153,395.01	674,055,368.07	791,183,353.58
Terimaan Bukan Hasil	821,154,577.30	379,703,774.44	308,502,335.21
Jumlah Hasil Negeri	**1,763,869,665.09**	**1,571,503,706.82**	**1,634,009,145.11**

b) Pihak berkuasa Tempatan adalah satu badan autonomi yang di beri kuasa penuh untuk membuat keputusan dan ianya selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Objektif utama PBT adalah memberi dan menyediakan perkhidmatan serta kemudahan –kemudahan awam kepada semua penduduk di dalam kawasan pentadbirannya bagi meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan, ianya di biayai oleh hasil yang diterima dari cukai taksiran yang dikenakan kepada penduduk dan premis perniagaan.

Berikut disenaraikan Jumlah Peruntukan Belanja Mengurus Tahunan Kerajaan Negeri yang di peruntukan kepada PBT bagi Caruman Membantu Kadar dari tahun 2009 sehingga 2012 seperti berikut:

PBT	TAHUN 2009 (RM)	TAHUN 2010 (RM)	TAHUN 2011 (RM)	TAHUN 2012 (RM)	Jumlah (RM)
MBSA	306,036.00	5,000,000.00	-	-	**5,306,036.00**
MPK	122,892.00	152,188.80	152,188.80	-	**427,269.60**
MPAJ	19,493.76	19,493.76	19,493.76	19,493.76	**77,975.04**
MPSJ	7,560.00	10,200.60	8,440.20	1,000.20	**27,201.00**
MPS	53,639.91	54,773.92	54,773.92	54,773.92	**217,961.67**
MPKj	82,434.66	83,456.34	84,396.18	84,396.18	**334,683.36**
MPSP	40,764.79	39,807.19	39,807.19	-	**120,379.17**
MDKS	27,886.80	27,886.80	27,886.80	44,130.00	**127,790.40**
MDHS	33,768.00	51,776.40	61,652.40	70,184.40	**217,381.20**
MDKL	13,291.20	13,291.20	13,291.20	-	**39,873.60**
MDSB	92,232.60	58,650.00	72,018.00	72,018.00	**294,918.60**
JUMLAH KESELURUHAN					**7,191,469.64**

***Pecahan pemberian peruntukan adalah berdasarkan kepada bilangan premis Kerajaan Negeri yang berada di kawasan PBT**

Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman bagi membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan oleh PBT . Sejumlah RM 10 juta telah diberikan kepada MDKS dan RM 6 Juta kepada MDSB dalam membantu menyelesaikan permasalahan pengurusan sampah di kawasan majlis .

c) Jumlah peruntukan dan peratusan penyelenggaraan kawasan mengikut jenis penyelenggaraan berbanding belanja mengurus bagi tahun 2012.

i) Perkhidmatan Sisa Pepejal

Jenis Penyelenggaraan	**Peruntukan (RM)**
Perkhidmatan Sisa Pepejal	41,000.000
Jumlah Belanja Mengurus	137,705,782
Peratus Jumlah Perkhidmatan Sisa Pepejal	29.77%

ii) Penyelenggaraan kawasan Majlis Perbandaran Selayang selain

Perkhidmatan Sisa Pepejal

Jenis penyelenggaraan /Tahun 2012	**Peruntukan (RM)**
Penyelenggaraan Jalan	3,800,000
Penyelenggaraan Taman & Rekreasi	3,800,000
Penyelenggaraan Longkang & Parit	2,850,000
Penyelenggaraan Elektrik	142,500
Penyelenggaraan Longkang Besar	380,000
Penyelenggaraan Cerun	95,000
Penyelenggaraan Taman Kanak-kanak	190,000
Penyelenggaraan Jambatan	142,500
Penyelenggaraan Lampu Isyarat	142,500
Jumlah penyelenggaraan	11,542,500
Jumlah Belanja Mengurus	137,705,782
Peratus jumlah penyelenggaraan berbanding jumlah belanja mengurus	8.38%

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK: PEMILIHAN JAWATANKUASA MASJID

50. Terdapat pemilikan Jawatankuasa Masjid tidak mengikut peraturan yang telah ditentukan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah masjid yang pemilihan Jawatankuasa Masjid mengikut peraturan?

b) Apakah tindakan seterusnya jika Jawatankuasa Masjid tidak mengadakan mesyuarat Agong?

c) Pernahkah pihak MAIS / JAIS menerima pelantikan Jawatankuasa Masjid hanya melalui cadangan kumpulan tertentu sahaja dengan tidak melalui sistem pemilihan mesyuarat Agong kariah?

JAWAPAN:

a) Pencalonan pegawai dan jawatankuasa masjid dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam Enakmen serta Kaedah dan secara umumnya semua masjid-masjid mematuhi peraturan-peraturan tersebut. Terdapat sebahagian kecil sahaja yang didapati tidak mengikut peraturan iaitu Masjid Al-Ansar Pekan Kapar Klang, Masjid As-Solihin Teras Jernang Kuala Langat, Masjid Lapangan Terbang Sultan Salahaudin Abdul Aziz Shah Subang dan Masjid Darul Ehsan Subang Jaya.

b) Proses pencalonan pegawai dan jawatankuasa masjid bagi sesi 2012-2015 telah berjaya dilaksanakan secara keseluruhannya di semua masjid melalui mesyuarat agung. Walaubagaimanapun sekiranya terdapat masjid yang gagal melaksanakan mesyuarat tersebut, proses pencalonan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Daerah (JKPD) mengikut kaedah-kaedah yang difikirkan sesuai dan wajar berdasarkan kepada Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 2001.

c) Sistem pencalonan melalui mesyuarat agung dilaksanakan sebagai suatu mekanisme dalam mendapatkan senarai calon yang difikirkan sesuai bagi menyandang jawatan pegawai dan jawatankuasa masjid. Walaubagaimanapun, terdapat kelonggaran pelaksanaan mesyuarat agung bagi masjid-masjid institusi di mana pihak institusi boleh menetapkan prosedurnya sendiri dalam menyenaraikan senarai calon yang layak dan sesuai mentadbir masjid institusi berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : ENVIRONMENT MANAGEMENT PLAN(EMP) HUTAN SIMPANAN YANG DILADANGKAN

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah EMP diwajibkan ke atas pengusaha ladang-ladang di Hutan Simpanan ?

b) Apakah sistem pemantauan yang diamalkan oleh Jabatan Perhutanan untuk memastikan EMP dikawal selia?

c) Apakah pelan Kerajaan dalam memulihara Hutan Simpanan tersebut supaya spesies endemik dan biodiversiti dikembalikan?

JAWAPAN :

a) Agensi kerajaan pada dasarnya terikat dengan mana-mana peraturan yang berkuat kuasa terutama semasa menjalankan aktiviti jabatan. Jabatan mensyaratkan supaya pengusaha-pengusaha ladang hutan di Hutan Simpanan Kekal menyediakan EMP bagi kawasan yang diusahakan melebihi 500 hektar.

b) Pemantauan dibuat dengan menjalankan semakan berkala bagi memastikan tindakan pembaikan dijalankan sebagaimana yang dicadangkan dalam EMP.

c) Penubuhan Ladang Hutan adalah bertujuan untuk menampung bekalan kayu. Bagi negeri Selangor, penubuhan ladang yang dijalankan sekarang adalah melibatkan kawasan ladang sedia ada. Bagi tujuan pemuliharaan biodiversiti, kawasan hutan diuruskan mengikut fungsi yang telah dikenal pasti seperti diperuntukkan di bawah seksyen 10(1) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. Walaupun begitu, pelaksanaan EMP adalah merupakan satu langkah dalam memelihara biodiversiti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

52. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Sejak pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor pada 2008, seramai 13,367 orang pelajar SPM yang mendapat faedah dari PTRS. Sehubungan itu, berapa ramaikah pelajar yang telah lulus dalam SPM selepas menghadiri program ini?

b) Berapakah peratus peningkatan prestasi pelajar SPM selepas menghadiri tuisyen percuma ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Bermula tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif dengan meluluskan peruntukan sebanyak RM 3.45 Juta kepada Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor bagi melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) atau juga dikenali Tuisyen Percuma. Program ini mensasarkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berasal dari keluarga berpendapatan kurang RM 1500.00. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dijalankan di seluruh Negeri Selangor mengikut kawasan (56 DUN) dengan setiap kawasan diberi kuota sebanyak 100 tempat sahaja. Bagi meneruskan hasrat murni kerajaan Negeri Selangor untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan pelajar yang lemah, kerajaan Negeri Selangor konsisten memberikan peruntukan yang sama pada tahun 2010, 2011 dan 2012 bagi meneruskan pelaksanaan program ini. Selama 3 tahun perlaksanaannya, Kerajaan Negeri Selangor berjaya mengumpul seramai 13,367 peserta Tuisyen Rakyat Selangor.
Untuk makluman, Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dirangka khusus

untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan dan mempunyai prestasi pencapaian pendidikan yang lemah. Objektif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program ini adalah untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar dan memperbaiki sahsiah atau akhlak pelajar-pelajar. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) menawarkan empat (4) matapelajaran teras dalam membantu pelajar-pelajar meningkatkan pencapaian mereka. Empat (4) mata pelajaran tersebut adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sejarah. Oleh itu, penilaian ke atas pelajar-pelajar yang menyertai PTRS hanya dapat dinilai melalui empat (4) matapelajaran ini sahaja. Sebelum pelajar-pelajar menduduki peperiksaan Sijil Pelajar Malaysia (SPM), pelajar-pelajar akan menduduki ujian prestasi yang melibat empat (4) matapelajaran ini sahaja.

Berikut adalah prestasi keputusan SPM 2011 yang melibatkan 4526 orang pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) mengikut matapelajaran:

(i) Bahasa Melayu

BAHASA MELAYU				
GRED	**UJIAN PRESTASI**	**SPM**	**PRESTASI**	**PERATUS (%)**
KREDIT	3497	4012	MENINGKAT	15%
LULUS	618	411	MENURUN	-33%
GAGAL	411	103	MENURUN	-75%
JUMLAH PELAJAR	4526	4526		

(ii) Bahasa Inggeris

BAHASA INGGERIS				
GRED	**UJIAN PRESTASI**	**SPM**	**PRESTASI**	**PERATUS (%)**
KREDIT	2572	3292	MENINGKAT	28%
LULUS	1029	1029	TIADA PERUBAHAN	0%
GAGAL	925	205	MENURUN	-79%
JUMLAH PELAJAR	4526	4526		

(i) Matematik

MATEMATIK				
GRED	**UJIAN PRESTASI**	**SPM**	**PRESTASI**	**PERATUS (%)**
KREDIT	2263	3600	MENINGKAT	59%
LULUS	720	926	MENINGKAT	29%
GAGAL	1543	0	MENURUN	-100%
JUMLAH PELAJAR	4526	4526		

(ii) Sejarah

SEJARAH				
GRED	**UJIAN PRESTASI**	**SPM**	**PRESTASI**	**PERATUS (%)**
KREDIT	2366	3806	MENINGKAT	61%
LULUS	514	617	MENINGKAT	20%
GAGAL	1646	103	MENURUN	-94%
	4526	4526		

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI

53. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan projek rumah terbengkalai di Selangor yang telah diwariskan oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa pemerintahan UMNO/ BN kepada kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini ?

b) Berapa pula bilangan projek rumah terbengkalai ini yang telah berjaya di selesaikan oleh Kerajaan Negeri ?

c) Berapakah projek rumah terbengkalai yang masih belum diselesaikan di DUN Meru. Sila namakan di mana dan apa masalah yang dihadapi di setiap lokasi ?

JAWAPAN :

a) Jumlah projek rumah terbengkalai di Negeri Selangor yang telah diwariskan oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa pemerintahan UMNO/BN kepada Pakatan Rakyat sehingga Mac 2008 adalah sebanyak 144 projek yang melibatkan 49,451 unit. Senarai projek terbengkalai mengikut pecahan daerah seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	16	2	1	-	19	5,480
2	MBPJ	3	4	-	-	7	2,996
3	MPSJ	4	6	-	-	10	9,208
4	MPAJ	11	2	-	-	13	3,022
5	MPK	22	5	1	-	28	4,061
6	MPKJ	10	1	-	-	11	4,202
7	MPS	12	2	-	2	16	2,936
8	MPSp	8	-	-	-	8	3,941
9	MDKS	11	-	-	2	13	7,238
10	MDHS	4	1	-	6	11	5,405
11	MDKL	6	2	-	-	8	962
JUMLAH		107	25	2	10	144	49,451

b) Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, dari Mac 2008 sehingga 31 Mei 2012 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 33 projek terbengkalai yang melibatkan 14,245 unit seperti berikut :

12 PROJEK BERLESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Pangsapuri Okid Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam (MBSA)	Pemaju : Unique Creation Diambilalih : SPNB	580 Unit
2.	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21 (MPSJ)	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
3.	Pangsapuri Lagoon Perdana, Subang Jaya (MPSJ)	Pemaju : Tenaga Gagah S/B Diambilalih Oleh IJM Construction	1,052 Unit
4.	Taman Bunga Ros, Klang (MPK)	Ram Developer S/B Construction Sdn. Bhd	30 unit
5.	Rumah Kos Rendah Taman Ukay Indah Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tetuan Triumph City Sdn. Bhd. JV Tetuan Scenic Marina Sdn. Bhd.	660 Unit
6.	Spring Ville, Taman Ukay Perdana, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Ukayland S/B	799 Unit
7.	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Gombak (MPS)	Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
8.	Putra Intan Kondominium (MPSp)	Pemaju Lama : Lembah Kerjaya S/B Pelikuidasi : Rimbun Capital S/B	300 Unit
9.	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Kuala Selangor (MDKS)	Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
10.	Bandar Pinggiran Cyber, Dengkil Sepang (MPSp)	Perspektif Perkasa Sdn.Bhd.	319 unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
11.	Taman Hijau Indah (MPS)	Lim Chin Hin & Sons Industries S/B Pemaju Penyelamat : ECO Dev. S/B	120 Unit
12.	Projek Alam Perdana, Mukim Ijok, Kuala Selangor (MDKS)	Tetuan LBCN Development Pemaju Penyelamat : MBI	1,106
JUMLAH			**6,693 unit**

21 PROJEK TANPA LESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Kedai Pejabat, U5, Shah Alam (MBSA)	Sama Pesona Sdn Bhd	203 Unit
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam (MBSA)	LBS Bina Group Berhad	340 unit
3.	Pusat Komersial, Seksyen 7, Shah Alam (MBSA)	PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
4.	Apartment Seri Putri di atas Lot 48, Jalan Rama-Rama 20/2 Di Atas Hakmilik H.S.(D) 107830, P.P. No. 509, Seksyen 20, Shah Alam (MBSA)	Majlis Bandaraya Shah Alam Tetuan Khidmat Makmur Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Semangat Ulung Sdn. Bhd.	312 Unit
5.	Hotel Damansara (MBPJ)	Pemaju Lama : Sri Damansara S/B Pemaju Baru : Sri Damansara Hotel S/B	1 Blok
6.	Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen U5, Mukim Petaling, Daerah Petaling (MPSJ)	Green Cresent Sdn. Bhd.	512 Unit
7.	Pusat Perniagaan dan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya (MPSJ)	Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
8.	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 Unit
9.	Pangsapuri Perkhidmatan,	Tenaga Gagah S/B	500 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
	HS(D) 50727 PT 13178, Lagoon Perdana, Bandar Sunway (MPSJ)		
10.	1 Blok Kompleks Perniagaan, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang (MPK)	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
11.	Rumah Berkembar, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Klang (MPK)	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
12.	Pusat Perubatan 6 Tingkat Dan 2 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas PT 21154 Persiaran Rajawali, Bukit Raja, Klang (MPK)	PNSB Acmar Sdn. Bhd.	1 Blok
13.	Rumah Sesebuah, Taman Hulu Langat Jaya (MPKj)	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
14.	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (MPKj)	Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
15.	Rumah Berkembar dan Rumah Teres, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat (MPKj)	Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
16.	Rumah Teres 2 Tingkat, HSD 56918, PT 31343, Gombak (MPS)	Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
17.	Kedai Pejabat Taman Prima Selayang, Batu, Gombak (MPS)	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
18.	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
19.	Rumah Teres 2 Tingkat, Taman Yayasan, Mukim Kuala Selangor (MDKS)	Pramax Sdn. Bhd. JV Yayasan Selangor	77 Unit
20.	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria (MDHS)	JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
21.	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor (MDHS)	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
JUMLAH			**7,552 unit**

c) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012 terdapat sebanyak 11 projek terbengkalai dengan melibatkan 1,210 unit yang dikenalpasti masih belum diselesaikan di bawah DUN Meru. Senarai projek, lokasi dan masalah projek seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT	LOKASI	MASALAH
1.	Pembangunan Bercampur Kawasan Industri @ Industri Ringan di Lot 7215 Mukim Kapar, Klang	Pemaju: Tiara Etika Development (M) Sdn. Bhd. Pemaju Baru: Fabrina Sdn. Bhd.	783 unit	Di Persiaran Hamzah Alang, Meru (Selepas Sek. Ren. Keb. Meru, Jalan TAP, Belakang Kilang Merryfair Chair System)	1) Kewangan pemaju 2) Teknikal : Kelulusan Bekalan Air Daripada SYABAS
2.	Projek Perumahan Rumah Teres Satu Tingkat, Taman Sri Kencana, GM 3860 Lot 2757, Mukim Kapar, Klang.	Pemaju Asal: Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru: Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	35 Unit	Di Jalan Dusun, Berhampiran Dengan Simpang 3 Jalan Dusun – Jalan Durian	1) Kewangan pemaju 2) Kos Binaan Meningkat 3) Pembeli Tidak Bersetuju Dikenakan Kos Tambahan (Top Up)
3.	Rumah Berkembar 1 Tingkat Diatas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Taman Meru 1, Mukim Kapar, Klang.	Pemaju Asal : Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	24 Unit	Tapak Projek Melalui Jalan Hj. Abdul Latiff – Berada di belakang Kedai Perabot Jati	1) Kewangan pemaju 2) Kos Binaan Meningkat 3) Pembeli Tidak Bersetuju Dikenakan Kos Tambahan (Top Up)
4.	Rumah Teres 1 Tingkat di atas PT 48173 - PT 48210, Jalan Jambu Air 24/KU 10, Taman Meru Ria 2 (KU 10), Meru, Mukim Kapar, Klang	Pemaju Asal : Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	38 Unit	Di Jalan Belimbing, Meru	1) Kewangan pemaju 2) Kos Binaan Meningkat 3) Pembeli Tidak Bersetuju Dikenakan Kos Tambahan (Top Up)

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT	LOKASI	MASALAH
5.	Rumah Deret 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569,13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar, Klang	Pemaju : Decor Mewah Sdn. Bhd.	13 Unit	Di Jalan Setia Jaya, Bukit Kapar	1) 8 Unit Telah Siap Diduduki Bagaimanapun Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan Daripada PBT.
6.	Rumah Teres 2 Tingkat, Jalan Pasar malam, Bukit Kapar, Klang	Pemaju : Atlaw Housing Sdn. Bhd.	30 Unit	Berada Jauh Ke Dalam Dengan Melalui Jalan Pasar Malam Bukit Kapar	1) Pemaju telah digulung 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
7.	Projek Perumahan Jalan Dusun, Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754, Mukim Kapar, Daerah Klang	Pemaju : Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	54 Unit	Di Jalan Dusun, Berhampiran Dengan Projek Taman Sri Kencana, Binalif Bina Sdn. Bhd.	1) 12 Unit Telah Siap Diduduki Bagaimanapun Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan Daripada PBT.
8.	Taman Cahaya, Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Pemaju : Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	154 Unit	Di Jalan Utama Meru Tambahan, Berhampiran Taman Meru Jaya Lot Ke - 4	1) Pemaju telah digulung 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
9.	Taman Desa Pelangi Di Atas Lot 2664 GM 4769, Mukim Kapar, Daerah Klang	Pemaju : Syahira Land Sdn. Bhd.	26 Unit	Di Jalan Nenas – Lot Ke-3 Selepas Persimpangan Jalan Nenas – Jalan Durian Di Sebelah Kiri	1) Kewangan pemaju 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
10.	Desa Maru, Lot 23678 Mukim Kapar, Daerah Klang.	Pemaju : Syahira Development Sdn. Bhd	27 Unit	Berada Jauh Ke Dalam Melalui Jalan Abdul Wahid, Kg. Bukit Kapar	1) Pemaju telah digulung 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT	LOKASI	MASALAH
11.	Desa Sri Damai 3, Mukim Kapar, Daerah Klang.	Pemaju : RHID Development Sdn. Bhd.	26 Unit	Berada Di Sebelah Kanan Melalui Jalan Jambu, Tidak Jauh Daripada Persimpangan Jalan Durian	1) Kewangan pemaju 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PEKERJA BERAGAMA ISLAM

54. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah terdapat garis panduan bagi pekerja-pekerja yang beragama Islam untuk memohon bekerja di mana-mana sektor pekerjaan terutama di kelab malam ataupun di kilang membuat minuman keras?

b) Apakah terdapat garis panduan atau tindakan undang-undang terhadap majikan yang tidak membenarkan pekerja islam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Islam seperti memakai tudung bagi perempuan dan bersolat Jumaat bagi lelaki?

c) Apakah tindakan pihak Jabatan Agama Islam dalam menangani masalah pekerja Islam yang bekerja di kelab malam atau pub yang ternyata dilarang oleh Islam?

JAWAPAN :

a) Tiada

b) Tiada

c) Tiada tindakan. Namun begitu, premis-premis kelab malam atau pub tertakluk bagi menjalankan kawalan sendiri dalam perkara-perkara yang melibatkan orang Islam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PENGURUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

55. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pihak Kerajaan Tempatan yang terdiri daripada Majlis Daerah dan Bandaraya telah membuat pelantikan Ahli Majlis di kawasan PBT masing-masing untuk seluruh negeri Selangor bagi tahun 2012?

b) Senaraikan ahli-ahli majlis yang dilantik berasaskan komposisi kaum untuk setiap PBT di negeri Selangor.

c) Berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan yang melibatkan bayaran elaun tetap bulanan, keraian dan pengurusan pejabat untuk ahli-ahli majlis di setiap PBT bagi tahun 2011/2012 di negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Penggal 2012/2013 telah diadakan pada 10 April 2012 peringkat Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz. *Statistik seperti* ***di lampiran A***

b) Statistik ahli-ahli majlis yang dilantik berasaskan komposisi kaum adalah seperti berikut:-

Bil	PBT	BANGSA			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	17	3	5	0
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	9	8	7	1
3	Majlis Perbandaran Klang	9	9	6	0
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	15	6	1	0
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	9	10	3	2
6	Majlis Perbandaran Selayang	16	5	4	0
7	Majlis Perbandaran Kajang	13	9	3	0
8	Majlis Perbandaran Sepang	14	5	5	1
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	13	7	4	1
10	Majlis Daerah Kuala Langat	12	7	5	0
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	11	8	5	1
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	15	9	1	0
JUMLAH KESELURUHAN		**153**	**86**	**49**	**6**

C)

BIL	PBT	PERBELANJAAN (RM) 2011		PERBELANJAAN (RM) 2012		JUMLAH KESELURUHAN
		BAYARAN ELAUN TETAP BULANAN	KERAIAN DAN PENGURUSAN PEJABAT	BAYARAN ELAUN TETAP BULANAN	KERAIAN DAN PENGURUSAN PEJABAT	
1	MBSA	293,750.00	1,436,166.88	172,500.00	357,981.21	**2,260,398.09**
2	MBPJ	1,500.00 (Bulanan)	-	1,500.00 (Bulanan)	-	-
3	MPK	262,322.58	935,800.00	158,500.00	757,740.00	**2,114,362.58**
4	MPAJ	461,337.00		690,447.00		**1,151,784.00**
5	MPSJ	282,000.00		145,000.00		**427,500.00**
6	MPS	1,008,000.00		1,152,000.00		**2,160,000.00**
7	MPKj	282,000.00	940,200.00	418,500.00	1,057,560.00	**1,476,060.00**
8	MPSepang	441,400.00	-	-	471,750.00	**913,150.00**
9	MDKS	-		288,000.00	99,600.00	**387,600.00**
10	MDKL	661,300.00	-	299,585.00	-	**960,885.00**
11	MDHS	375,900.00		222,890.00		**598,790.00**
12	MDSB	306,000.00	6,000.00	306,000.00	6,000.00	**624,000.00**

- Sumber maklumat diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK : BALAI RAYA

56. Sejak tahun 2008, banyak balai-balai raya dikunci dan diambil alih oleh kerajaan negeri namun tidak diselenggara. Kini kontena-kontena digunakan oleh JKKK sebagai pejabat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Kenapa perkara ini terjadi dan adakah kerajaan negeri tidak berupaya untuk menyelenggara balai-balai raya sedia ada?

b) Berapakah kos yang dikeluarkan untuk menyediakan kontena-kontena tersebut di seluruh negeri?

JAWAPAN:

a) Semua balai raya di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor di kawal penggunaanya bagi mengelakkan kejadian vendalisma dan pencerobohan oleh orang yang tidak berkenaan. Namun sekiranya terdapat kerosakan yang berlaku pada beberapa balai raya, pihak Majlis akan membaiki secara berperingkat mengikut peruntukan Majlis. Oleh yang demikian, tiada penggunaan kontena sebagai pejabat JKKK di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

b) Tiada kos yang dikeluarkan oleh pihak PBT memandangkan tiada penggunaan kontena oleh JKKK.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK: PEMBERIAN HAKMILIK TANAH

57. Terdapat cubaan untuk mendapatkan hak milik tanah sama ada TOL atau kekal bagi penduduk kampung yang diusahakan oleh JKKK tertentu dengan mengenakan bayaran.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar: -

a) Adakah pihak JKKK layak menemuduga penduduk dan mengambil bayaran bagi proses memohon tanah tersebut?

b) Apakah prosedur yang betul bagi permohonan dan pemilihan rakyat yang layak diberi hakmilik tanah?

c) Di samping Pejabat Tanah dan Daerah, agensi kerajaan yang manakah terlibat secara langsung dalam proses permohonan tersebut?

JAWAPAN:

a) Pihak JKKK tidak layak menemuduga penduduk dan mengambil bayaran bagi proses memohon tanah.

b) Prosedur kelayakan permohonan bagi pemberimilikan tanah kerajaan adalah mengikut Seksyen 43 Kanun Tanah Negara (KTN), yang menyenaraikan orang atau badan yang boleh memohon pemberimilikan tanah kerajaan adalah :

1. Orang –orang benar selain daripada remaja;

2. Perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan mereka untuk memegang tanah;

3. Raja-raja memerintah, kerajaan, organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular, 1957;

4. Badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

Dengan syarat bahawa tidaklah perlu bagi sesebuah perbadanan mempunyai kuasa memegang tanah untuk membolehkannya memohon dan dikeluarkan

kepadanya, suatu permit untuk mengeluarkan dan mengambil bahan-bahan batuan.

c) Selain Pejabat Tanah dan Daerah, permohonan akan dirujuk kepada Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan bagi mendapatkan ulasan teknikal seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan jabatan teknikal yang berkaitan dengan kawasan yang dipohon.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING

58. Jom shopping untuk warga usia emas berjalan lancar di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa peratus yang sudah melibatkan diri di dalam program ini?

b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberi wang saguhati pada hari jadi?

JAWAPAN :

a) Sehingga Julai 2012, daripada 160,820 orang yang telah berdaftar, masih hidup dan layak menyertai program ini, sejumlah 60,502 orang atau 37.62 peratus telah menyertainya secara berperingkat sejak pelancarannya pada 15hb Julai 2011.

b) Sekiranya sesuatu program itu dirasakan baik dan dapat membantu meringankan beban rakyat, ia pasti akan dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk dibincangkan dari pelbagai sudut serta cara perlaksanaannya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT KERAJAAN NEGERI.

59. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah orang yang telah memohon untuk mendapatkan maklumat di Akta Kebebasan Maklumat Kerajaan Negeri?

b) Apakah jenis maklumat-maklumat yang telah dipohon oleh orang ramai?

c) Adakah Kerajaan Negeri pernah menolak mana-mana permohonan sebelum ini?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c):

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor belum menerima sebarang permohonan bagi mendapatkan akses kepada maklumat menurut Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 memandangkan Enakmen tersebut yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada 1 April 2011 dan diwartakan pada 25 Ogos 2011 masih belum berkuat kuasa lagi.

Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat akhir persediaan bagi melaksanakan dan menguatkuasakan Enakmen ini dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:-

1. Memuktamadkan serta mewartakan pelantikan Pegawai-Pegawai Maklumat bagi jabatan-jabatan kerajaan negeri serta pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan enam (6) orang ahli tambahan yang menganggotai Badan Maklumat Negeri; dan

2. Menggubal dua (2) undang-undang subsidiari di bawah Enakmen ini, iaitu **Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) (Akses Kepada Maklumat) 2012** dan **Kaedah-Kaedah Badan Maklumat Negeri (Negeri Selangor) 2012**.

3. Kedua-dua undang-undang subsidiari ini merupakan komponen penting dalam pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 memandangkan kedua-duanya merupakan pelengkap

kepada peruntukan-peruntukan sedia ada di dalam Enakmen. Deraf kedua-dua undang-undang subsidiari ini telah diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 27 Jun 2012 yang lalu.

Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) (Akses Kepada Maklumat) 2012 yang dibuat berdasarkan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana seksyen 20 Enakmen memperuntukkan perkara-perkara berikut:-

i- Perincian prosedur permohonan mendapatkan akses kepada maklumat;

ii- Penyediaan format Borang yang *standard* bagi permohonan mendapatkan akses kepada maklumat dan Borang bagi pemindahan permohonan dari satu jabatan ke jabatan yang lain atas alasan maklumat berkenaan dipegang oleh jabatan berkenaan; dan

iii- Penetapan kadar dan jenis fi bagi setiap permohonan mendapatkan akses kepada maklumat yang dikemukakan kepada jabatan.

Manakala **Kaedah-Kaedah Badan Maklumat Negeri (Negeri Selangor) 2012** pula dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(17) Enakmen dan memperuntukkan perkara-perkara berikut:-

i- Perincian kaedah pemfailan rayuan oleh pemohon dan prosedur-prosedur pengendalian rayuan yang perlu dipatuhi oleh sekretariat Badan Maklumat Negeri;

ii- Perincian berhubung tatacara dan prosedur perjalanan prosiding perbicaraan rayuan;

iii- Penetapan fi / bayaran yang dikenakan kepada pemohon yang mengemukakan rayuan kepada Badan Maklumat Negeri; dan

iv- Penetapan elaun-elauan bagi Pendaftar dan Ahli-Ahli Badan Maklumat Negeri (yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih daripada enam (6) orang Ahli Tambahan).

4. Membuat semakan terakhir bagi tujuan penerbitan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang lengkap yang telah disediakan berhubung pelaksanaan Enakmen ini untuk digunapakai oleh semua jabatan / agensi kerajaan negeri'; dan

5. Melaksanakan kursus pemahaman Enakmen dan undang-undang yang berkaitan kepada semua Pegawai Maklumat

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : TEKNOLOGI RAWATAN AIR TERKINI

60. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan teknologi rawatan air terkini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah teknologi-teknologi rawatan air yang telah dan sedang diteliti oleh Kerajaan Negeri?

b) Apakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan penggunaan teknologi "Ultra Filtration Water Treatment" dalam masa terdekat?

c) Apakah kos yang dianggarkan bagi sesuatu loji rawatan air tertentu sekiranya teknologi ini dilaksanakan?

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Pada Ketika ini, semua loji rawatan air di Negeri Selangor menggunakan kaedah conventional di dalam merawat air, di mana pemakaian aluminium sulfat, klorin, silico-floride dan limestone masih digunakan. Kerajaan Negeri Selangor maklum akan pelbagai teknologi terkini di dalam merawat air yang di pasaran seperti penggunaan ultra filtration, membrane technology Deionizing dan lain-lain. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengamalkan sikap terbuka di dalam menggunakan teknologi terkini bagi proses merawat untuk mencapai tujuan mendapatkan pengeluaran air yang maksimum dari segi kuantiti di samping kualiti yang terbaik.

Namun demikian, di dalam mengkaji dan meneliti penggunaan teknologi terkinit itu, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan pengguna memandangkan setiap teknologi yang digunakan itu kelak akan melibatkan kos yang sekiranya tidak diteliti dengan sewajarnya boleh membebankan pengguna akhirnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : KADAR CAPAIAN INTERNET/WIFI DI SELANGOR

61. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan kadar capaian internet mengikut pecahan daerah di Negeri Selangor bagi tahun 2010-2012 dan apakah kadar capaian internet WiFi yang ideal bagi Negeri Selangor yang merupakan pusat pentadbiran dan komersial untuk Malaysia?

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan jurang capaian Internet dan informasi antara bandar dan desa di Selangor bagi memudahkan urusan harian rakyat negeri Selangor?

c) Senaraikan lokasi-lokasi yang telah dilengkapi dengan capaian program WiFi percuma Negeri Selangor mengikut pecahan PBT dan adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang memberi komputer percuma kepada pelajar-pelajar yang kurang mampu bagi meningkatkan kadar celik komputer dan informasi di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Senarai kadar capaian internet mengikut capaian pecahan daerah di Negeri Selangor bagi tahun 2010-2012 adalah seperti berikut:

Daerah	Q1 2010	Q2 2010	Q3 2010	Q4 2010	Q1 2011	Q2 2011	Q3 2011	Q4 2011	Q1 2012
Gombak	39.2	39.8	49.2	52.8	68.1	57.7	62.5	58.0	56.5
Klang	42.0	46.4	46.4	55.7	61.3	47.1	49.0	47.2	45.3
Kuala Langat	23.3	24.5	30.6	31.3	35.4	33.4	38.1	66.9	42.1
Kuala Selangor	22.6	24.7	31.2	32.6	35.7	30.3	34.2	30.5	36.1
Petaling	69.8	78.3	88.3	95.3	102.5	81.0	85.4	81.1	63.4
Sabak Bernam	30.4	33.3	36.6	44.0	51.0	21.9	23.9	21.4	35.5
Sepang	68.6	52.6	63.2	64.2	105.5	101.2	108.8	109.4	76.9
Ulu Langat	45.3	49.2	57.4	62.2	68.7	65.5	69.9	66.5	66.1
Ulu Selangor	19.1	20.5	24.9	26.6	30.1	28.4	30.6	29.2	34.1

Nota :

*** Jumlah isi rumah adalah unjuran berdasarkan kepada Banci 2000 yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.**

*** Hanya langganan Jalur Lebar Berdaftar sahaja yang diambil kira dalam setiap daerah (tidak termasuk Pay-Per-Use & Prepaid Broadband)**

*** Daerah Sepang adalah termasuk Putrajaya.**

Kadar capaian internet WiFi yang ideal bagi Negeri Selangor yang merupakan pusat pemtadbiran dan komersial untuk Malaysia yang sepatutnya adalah 100%. Walau bagaimanapun berdasarkan data daripada SKMM di Jadual 1, kadar capaian internet adalah seperti berikut dan kadar capaian inetrnet di Selangor pada 2012 QTR 1 adalah 75.5%

Jadual 1: Kadar Penembusan internet / 100 isi rumah

State	2011	2012 QTR 1
Johor	60.7	61.4
Kedah	56.5	56.9
Kelantan	45.3	44.7
Melaka	66.4	67.2
Negeri Sembilan	76.0	75.6
Pahang	49.0	49.4
Perak	52.2	52.8
Perlis	84.9	83.7
Pulau Pinang	82.8	83.4
Selangor	74.8	75.5
Terengganu	58.6	58.8
Sabah	32.7	32.9
Sarawak	47.5	47.5
W. P. Kuala Lumpur	107.4	112.1
W.P Labuan	73.1	71.1
Malaysia	62.3	62.9

Explanatory notes:

A penetration rate of over 100% can occur because of multiple subscriptions.

*Source: COMMUNICATIONS & MULTIMEDIA ***A A*** **POCKET BOOK OF STATISTICS**

b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan jurang capaian internet dan informasi antara bandar dan desa adalah seperti berikut:

i. Menyediakan kemudahan Wifi Percuma kepada kepada rakyat

Projek WIFI adalah usaha kerajaan negeri memperluaskan kemudahan wayarles jalur lebar dan akses Internet ke semua kawasan dalam negeri Selangor. Kemudahan WiFi ini akan diperluaskan ke seluruh Negeri Selangor bagi mencapai jalinan perhubungan yang menyeluruh. Tumpuan juga akan diberi kepada usaha perluasan WiFi ini di kawasan luarbandar dan terpencil bagi memastikan penyebaran ICT yang meluas dan sampai ke kawasan luar bandar dan kepada golongan yang kurang berkemampuan. Dalam usaha mempercepatkan peluasan WiFi ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bajet melalui Geran Selangorku untuk meningkatkan kadar penembusan ICT kepada masyarakat awam termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan luar liputan. Ia juga dilihat sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempersiap masyarakat atau rakyat menghadapi cabaran dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Penekanan yang lebih diberikan bagi memastikan akses yang lebih menyeluruh kepada perkhidmatan dalam talian dan kemampuan memiliki PC. Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang digital dengan menyedia, melaksana dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan dalam talian ke seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapatkan capaian dan menggunakan pengetahuan berasaskan Internet dan sumber maklumat sebagai sebahagian daripada kehidupan.

ii. Menyediakan Pusat Siber Rakyat (PSR)

Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan jurang capaian internet dan informasi ialah penubuhan Pusat Siber Rakyat yang dibiayai oleh Kerajaan dengan konsep menggabungkan ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan medium berbentuk fizikal dan digital dan menjadikan PSR untuk penyebaran ilmu ICT bagi masyarakat luar bandar. Ia juga sebagai salah satu usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan. PSR yang ditubuhkan ini juga adalah bagi meningkatkan pendidikan komputer dan mengupayakan komuniti luar bandar mendapat akses dan menggunakan maklumat bagi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka. Beberapa program khusus juga akan dirangka dan dilaksanakan bagi melengkapkan orang kurang upaya, warga emas, pengusaha perusahaan mikro, ibu tunggal, belia dan golongan miskin di bandar dengan penggunaan perkhidmatan ICT dan seterusnya membantu peningkatan proses pembelajaran, khususnya kepada mereka yang kurang kemampuan.

PSR ini telah dilaksanakan pada tahun 2009 hingga 2011, 10 lokasi seperti berikut telah diwujudkan:-

1) PSR Perpustakaan Awam Bestari Jaya, Kuala Selangor
2) PSR Perpustakaan Klang
3) PSR Perpustakaan Awam Semenyih, Hulu Langat
4) PSR perpustakaan Desa Kampung Melayu Ampang, Gombak
5) PSR Sultan Abdul Samad, Banting
6) Dewan Kempas, Seksyen 19, Shah Alam
7) Pusat Komuniti Kampung Kuantan, Klang
8) Perpustakaan Daerah Sabak Bernam
9) Perpustakaan Daerah Gombak
10) Perpustakaan Hulu Selangor (Perpustakaan Syed Mashor, Kuala Kubu Baru)

Pada tahun ini pula lima(5) PSR lagi akan dibangunkan dan ditempatkan di Perpustakaan Desa dan Pekan iaitu:

1) Perpustakaan Pekan Dataran Sabak bernam
2) Perpustakaan Pekan Rawang
3) Perpustakaan Cawangan Pelabuhan Klang
4) Perpustakaan Pekan Sg Pelek
5) Perpustakaan Pekan Hulu Bernam

iii. Menyediakan aplikasi-aplikasi elektronik Kerajaan

Melalui kemudahan infrastruktur komunikasi yang disediakan, seperti penyediaan Wifi percuma juga, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dan menggalakkan agensi –agensi di bawahnya untuk menyedia dan membangunkan aplikasi-aplikasi kerajaan elektronik bagi mewujudkan nilai kepada masyarakat untuk mempelajari dan menguasai ICT. Kemajuan dalam Teknologi Maklumat (ICT) yang cepat dan luas, pertembungan teknologi komunikasi dan ICT dan persaingan bisnes telah telah memberikan tekanan kepada agensi-agensi kerajaan untuk berubah dari segi bagaimana bisnes atau cara kerja harus dijalankan. Dengan itu agensi kerajaan atau organisasi di bawah kerajaan Negeri perlu peka mengguna dan mengeksploitasi ICT secara berkesan supaya kekuatan dan kemampuan organisasi dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan atau rakyat adalah lancar dan cekap.

Penggunaan aplikasi elektronik yang kian berkembang akan menjadi sebahagian cara hidup dan cara bekerja, dan rakyat perlu digalakkan untuk menggunakan aplikasi ini bagi memastikan urusan rakyat Negeri Selangor dapat dipermudahkan. Secara tidak langsung ini dapat menggalakkan rakyat menggunakan internet dalam urusan harian mereka.

c) Projek WIFI atau dikenali sebagai “Wireless Selangor” adalah usaha kerajaan negeri memperluaskan kemudahan wayarles jalur lebar (internet broadband) dan akses internet (internet accesibility) ke semua kawasan dalam negeri Selangor. Penglibatan Kerajaan Negeri Selangor dan Penyedia Perkhidmatan Internet atau dikenali sebagai ISP (Internet Service Provider) di dalam projek ini, membolehkan kemudahan capaian internet tanpa wayar ini akan dinikmati oleh rakyat Selangor dengan PERCUMA. Ini menepati manifesto Kerajaan Negeri untuk menjadi Negeri Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.

Bagi menentukan lokasi WiFi oleh Kerajaan Negeri Selangor pemilihan dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan dan kriteria yang diambilkira adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai banyak tumpuan, tarikan dan konsentrasi aktiviti komersil atau aktiviti penduduk seperti :

i. Lobi atau kaunter di premis-premis kerajaan.
ii. Medan-medan selera PBT.
iii. Kawasan riadah / taman awam / dataran awam.
iv. Hub pengangkutan awam seperti terminal bas, kenderaan awam, stesen LRT, komuter.
v. Kawasan institusi pendidikan / pengajian tinggi / kolej.
vi. Premis-premis perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
vii. Masjid / surau.
viii. Pusat khidmat, balai JKKK, perpustakaan, pusat komuniti, dewan orang ramai/serbaguna, Pusat Siber Rakyat (PSR).
ix. Taman perumahan dan kediaman kos rendah dan sederhana rendah.
x. Premis-premis perniagaan, restoran dan kedai-kedai

Pada fasa pertama Kerajaan Negeri telah melancarkan di lokasi seperti berikut:

i. Dataran Shah Alam
ii. Kompleks PKNS Shah Alam
iii. Seksyen 2 Shah Alam
iv. Seksyen 3 Shah Alam
v. Seksyen 9 Shah Alam
vi. Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
vii. Masjid Bukit Indah Ampang
viii. DUN Bukit Melawati
ix. DUN Sungai Panjang
x. Bistari Jaya DUN Permatang
xi. DUN Sekincan
xii. DUN Sabak Bernam
xiii. Lobby SUK dan Agensi Kerajaan Negeri

Untuk perlaksanaan fasa ke dua yang akan mengguna Geran Selangorku, Kerajaan Negeri dalam perancangan menyenaraikan dua(2) kategori perkhidmatan WiFi untuk rakyat negeri Selangor iaitu secara berpusat *(manage services)* dan tidak berpusat *(standalone)*. Bagi kategori pertama iaitu perkhidmatan secara berpusat, kerajaan negeri telah dan sedang menilai kertas cadangan daripada pihak pembekal perkhidmatan internet (ISP) utama di negara kita iaitu Telekom Malaysia dan Jaring. Beberapa syarikat lain juga telah membentang cadangan masing-masing. Semua cadangan sedang dikaji dan ISP atau syarikat yang dipilih adalah berdasarkan kepada kekuatan dan keupayaan syarikat untuk memastikan perkhidmatan yang akan diberikan nanti boleh dipercayai *(reliable)* dan mempunyai kualiti perkhidmatan, penyelenggaraan serta khidmat lepas jualan yang baik. Selain itu Kerajaan negeri juga memberikan peluang yang sama kepada semua ISP dan tidak ada isu eksklusif atau monopoli dan ia diharap dapat mewujudkan suasana persaingan yang sihat.

Dalam mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dalam menangani kadar celik komputer dan informasi Negeri Selangor dengan membuka Pusat Siber Rakyat di Perpustakaan Daerah atau di Pusat Komuniti IT yang di naik taraf menjadi Pusat Siber Rakyat. Ini kerana di Pusat Siber Rakyat tersebut terdapat tenaga pengajar yang sedia memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pengguna komputer selain menyediakan kursus-kursus asas komputer. Langkah ini membantu Kerajaan Negeri mengawasi tahap dan memberi peluang kepada semua golongan untuk mempelajari tentang ilmu asas komputer.

Secara perbandingan jika sekumpulan 10 orang menerima 10 unit komputer daripada Kerajaan Negeri secara kasarnya hanya kumpulan itu sahaja yang menerima manfaat tersebut. Manakala jika Kerajaan Negeri menyediakan 10 unit komputer yang ditempatkan di Pusat Siber Rakyat, impak ini adalah lebih menyeluruh bukannya kepada golongan umur tertentu sahaja kerana Pusat Siber Rakyat boleh digunakan untuk semua golongan dan kaedah ini dilihat lebih praktikal dan memberikan impak yang lebih menyeluruh kepada rakyat dan golongan kurang berkemampuan dan akhirnya usaha Kerajaan Negeri untuk merapatkan jurang digital di kalangan rakyat negeri ini tercapai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: PERUNTUKAN BANTUAN UNTUK NELAYAN

62. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah jenis bantuan yang telah Kerajaan Negeri Selangor berikan kepada nelayan-nelayan pantai di Negeri Selangor?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disumbangkan kepada nelayan-nelayan tersebut dan jumlah bilangan nelayan yang telah menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor pada tahun 2010 dan 2011?

JAWAPAN:

a) Bantuan enjin sangkut,sampan fibreglass, jaring pelbagai saiz, GPS, net hauler dan jaket keselamatan

b) Tahun 2010 – DOF tidak terima bantuan
Tahun 2011 – RM527,423 – bantuan kepada 23 orang penerima daripada daerah sabak bernam

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK: PREMIS HARAM, PUSAT HIBURAN DAN RUMAH URUT

63. Terdapat banyak pusat judi, rumah urut dan pelacuran di negeri Selangor yang tiada permit YAB penah buat kenyataan akan mengambil tindakan tegas merampas premis yang tidak mendapat kelulusan PBT.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa premiskah yang telah diambil tindakan?

b) Bagaimana proses tindakan merampas premis dilakukan?

JAWAPAN:

a) Bilangan premis rumah urut/ pelacuran serta pusat judi yang telah dikenakan tindakan adalah seperti berikut:

PBT	BILANGAN PREMIS YANG TELAH DIKENAKAN TINDAKAN	
	RUMAH URUT/ PELACURAN	PUSAT JUDI
MBSA	8	31
MBPJ	37	232
MPK	54	13
MPAJ	39	396
MPSJ	26	127
MPS	12	11
MPKj	26	40
MPSp	2	170
MDKL	-	-
MDKS	-	-
MDHS	-	15
MDSB	-	-
JUMLAH	204	1035

* nota : sumber daripada PBT

b) Proses tindakan merampas premis yang melakukan kesalahan adalah:

i- Penyewa perlu mendapatkan kebenaran, persetujuan dan tandatangan daripada pemilik premis sebelum menjalankan perniagaan dan dikemukakan kepada PBT semasa permohonan lesen;

ii- Jika didapati premis terbabit menjalankan perniagaan yang menyalahi undang-undang, surat amaran akan dikeluarkan dan tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh 14 ke 21 hari;

iii- Sekiranya gagal melakukan tindakan pembetulan, amaran seterusnya akan diberikan untuk tempoh 3 – 4 bulan;

iv- Sekiranya masih ingkar, notis merampas premis atau hartanah (Borang 7A) akan dikeluarkan kepada pemilik premis.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : BANJIR DI BATANG KALI

64. Pada 7 Mei 2012, Kawasan Batang Kali dan Rasa mengalami bandir yang serius dan penduduk tempatan menghadapi kerugian yang besar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah banjir berlaku akibat pencurian pasir sungai yang tidak terkawal?

b) Apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengelakkan tragedi ini berlaku?

JAWAPAN :

a) Kejadian banjir yang berlaku pada 7 Mei 2012 yang lepas bukan disebabkan oleh aktiviti mencuri pasir sungai yang tidak terkawal. Ini adalah kerana aktiviti pengorekan pasir di sungai-sungai di dalam Daerah Hulu Selangor adalah terkawal dan sentiasa dipantau. Kejadian banjir kilat ini berlaku disebabkan oleh hujan yang berterusan tanpa berhenti-henti bermula dari jam 1.00 pagi sehingga 6.00 pagi di Mukim Batang Kali dan Hulu Yam yang merupakan kawasan rendah. Air hujan yang berterusan turun, dialirkan ke sungai dan sungai yang dipenuhi air melimpah keluar sehingga menyebabkan kawasan tanah rendah seperti di Batang Kali, Rasa dan Hulu Yam dipenuhi air.

b) Bagi mengelakkan tragedi banjir seperti ini berlaku, Kerajaan Negeri akan sentiasa mengambil tindakan dan pemantauan ke atas penerokaan tanah sepanjang sungai yang bukan di dalam kawasan simpanan sungai. Selain itu, pembangunan tanah-tanah berhampiran sungai akan sentiasa dipantau dan dikawal memandangkan pembangunan yang pesat merupakan salah satu faktor berlakunya tragedi banjir kilat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : TKPM

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan dan peratusan yang tidak diusahakan?

b) Apakah rancangan untuk meningkatkan prestasi TKPM?

c) Apakah tindakan yang diambil untuk pengusaha TKPM Ulu Yam?

JAWAPAN :

a) Mengikut rekod Jabatan Pertanian sehingga 31 Mei 2012 terdapat 1.60 % tanah di TKPM yang tidak aktif atau tidak diusahakan dengan memuaskan.

Ini adalah melibatkan keluasan sebanyak 20 hektar (8 peserta : TKPM Batu Arang 2 peserta, Sg Batangsi 3 peserta, Bkt Changgang 3 peserta) daripada luas keseluruhan TKPM iaitu 1,248.95 hektar.

Faktor yang menyebabkan kawasan berkenaan tidak aktif adalah peserta tiada komitmen untuk mengusahakan tapak tersebut. Jabatan Pertanian telah mengambil tindakan memberikan khidmat nasihat dan amaran kepada peserta projek. Sekiranya peserta berkenaan masih tidak mengusahakan tapak projek, tindakan penamatan akan dilaksanakan. Lot-lot di mana peserta telah ditamatkan akan diganti dengan peserta baru melalui proses temuduga.

b) Jabatan Pertanian telah merancang dan melaksanakan beberapa strategi bagi meningkatkan prestasi TKPM Negeri Selangor seperti berikut:

Menjalankan program pemantauan dan penilaian secara berjadual terhadap peserta-peserta projek TKPM melalui kaedah :

- Penyelia TKPM mengadakan lawatan ke ladang dan memberikan khidmat nasihat teknikal pertanian kepada peserta projek.

- Lawatan Pasukan Pakar yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Pertanian Bahagian Pengurusan Tanah, Bahagian Perlindungan Tanaman, Bahagian Kejenteraan Pertanian dan Bahagian Hortikultur untuk mengenal pasti masalah di semua TKPM. Pasukan pakar akan memberikan khidmat nasihat teknikal yang dihadapi seperti masalah kesuburan tanah, penyakit dan perosak, pemasaran dan mekanisasi ladang.

- Mengadakan mesyuarat pengurusan dan teknikal TKPM di peringkat daerah dan negeri yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar.

- Jabatan Pertanian telah melantik Pegawai Khas TKPM (PKT) yang berfungsi sebagai Pengurus TKPM sepenuh masa. Dengan pelantikan Pengurus TKPM ini akan menjadikan perancangan dan pelaksanaan aktiviti di TKPM lebih tersusun, sistematik dan efisien. Pengurus TKPM ini juga akan bekerjasama dengan Penyelia TKPM yang sedia ada dan Pegawai Pertanian Daerah bagi memastikan prestasi TKPM dapat ditingkatkan dengan berkesan.

- Amalan Pertanian Baik (APB) akan terus diterapkan dan diamalkan di semua TKPM. Melalui APB semua aspek pengurusan projek pertanian yang baik seperti pelan *business*, pelan tindakan, penggunaan varieti tanaman yang bermutu, amalan teknologi moden, penggunaan racun perosak terkawal dan amalan pasca tuai akan dilaksanakan secara total. Pengiktirafan melalui Skim Amalan Ladang Malaysia (SALM) bagi semua peserta TKPM akan terus ditingkatkan dari masa ke semasa.

- Dalam aspek pemasaran Jabatan Pertanian telah mengadakan kerjasama dengan FAMA dan menggalakkan peserta TKPM untuk memasarkan hasil pertanian melalui Program Ladang Kontrak. Ini adalah untuk memastikan hasil pertanian yang dikeluarkan dari TKPM adalah bermutu tinggi, segar dan selamat untuk pengguna dan mendapat harga yang premium.

- Jabatan Pertanian akan meneruskan usaha bagi membina dan menyelenggara kemudahan infrastruktur seperti jalan-jalan ladang, sistem perparitan dan pusat pengumpulan ladang bagi meningkatkan kemudahan asas dan prestasi peserta TKPM. Penggunaan mekanisasi ladang yang berteknologi tinggi juga akan dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi TKPM. Salah satu projek berteknologi tinggi iaitu Sistem Penanaman Secara Fertigasi yang telah dilaksanakan di TKPM telah memberikan hasil dan impak yang sangat baik kepada peserta TKPM.

c) TKPM Hulu Yam yang mengandungi 37 pengusaha dan keluasan 220.36 hektar telah berjaya mengeluarkan hasil sayuran (kangkong, sawi, bayam) sebanyak 50 metrik tan sehari dan dipasarkan di Pasar Borong Selayang dan sekitar Lembah Kelang.

Purata pendapatan bersih bulanan pengusaha adalah lebih RM5,000 sebulan. Jabatan Pertanian pada setiap masa sentiasa memantau kemajuan projek, menyelenggara kemudahan infrastruktur ladang dan memberikan khidmat nasihat teknikal pertanian kepada para pengusaha. Aspek pemasaran juga diberikan perhatian dengan menggalakkan pengusaha menyertai Program Ladang Kontrak dan Program 3 P dengan kerjasama FAMA.

Selain itu pengusaha juga diberikan bimbingan dan galakan untuk menyertai program pensijilan Skim Amalan Ladang Malaysia (SALM) yang mengiktiraf bahawa pengusaha telah mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB).

Dari aspek masa hadapan TKPM Hulu Yam, Kerajaan Negeri Selangor telah memberi jaminan bahawa kawasan tersebut akan dikekalkan sebagai kawasan kekal pengeluaran agro makanan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : HADIAH ANAK MASUK IPT

66. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah permohonan yang telah diluluskan sejak tahun 2008?

b) Sila nyatakan statistik permohonan dengan terperinci termasuk mengikut kawasan DUN, jantina dan kaum.

JAWAPAN :

a) Hadiah anak masuk Universiti telah melaksanakan permohonan yang diterima setiap tahun. Setakat 30 Jun 2012, seramai 28,467 orang pemohon yang telah dibayar dan menerima hadiah ini. Pecahan perincian seperti jadual di bawah:

TAHUN	PERMOHONAN LAYAK	PERMOHONAN TIDAK LAYAK	PERMOHONAN TIDAK LENGKAP	JUMLAH KESELURUHAN
2008	3,567	1,380	-	4,947
2009	6,014	2,687	-	8,701
2010	8,118	2,476	-	10,594
2011	6,842	2,086	-	8,928
2012	3,926	1,538	706	6,170
JUMLAH KESELURUHAN	**28,467**	**10,167**	**706**	**39,340**

b) Pelaksanaan pecahan mengikut DUN baru dilaksanakan pada 1 Januari 2012 hingga kini. Bagi data sebelum tarikh ini, pembahagian mengikut DUN tidak dilaksanakan. Berikut hanya jadual pecahan mengikut jantina dan kaum.

TAHUN	KAUM				JANTINA	
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	L	P
2008	2,655	622	240	50	1,353	2,214
2009	4,582	919	474	39	2,413	3,601
2010	5,925	1,285	886	22	3,330	4,788
2011	4,766	1,154	883	39	3,158	3,684
2012 (Setakat 30 Jun 2012)	2,609	788	514	15	1,954	1,972
Keseluruhan	**20,537**	**4,768**	**2,997**	**165**	**12,208**	**16,259**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEMAJU PERUMAHAN YANG LANGGAR SYARAT

67. Kebelakangan ini beberapa syarikat perumahan tidak memenuhi perjanjian khususnya pembinaan rumah pangsa kos rendah tetapi dibenarkan membina projek perumahan di tempat lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah syarikat perumahan yang tidak menunaikan kontrak mereka?

b) Apakah tindakkan yang telah diambil dan berapa yang di senarai hitamkan?

c) Apakah polisi terkini tentang syarikat-syarikat yang melanggar syarat?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Y.B, berdasarkan kepada data dan maklumat daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), sebanyak 22 syarikat yang tidak memenuhi perjanjian penyediaan/ pembinaan rumah kos rendah dan telah didapati terbengkalai.

b) Tindakan yang telah di ambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju yang mengingkari dan melarikan tanggungjawabnya untuk membina rumah kos rendah adalah dengan menyenarai hitamkan semua ahli lembaga pengarah syarikat. Kerajaan Negeri telah menyenarai hitamkan 22 buah syarikat yang terdiri daripada 51 orang lembaga pengarah. Senarai nama syarikat beserta ahli lembaga pengarahnya adalah seperti di Lampiran 1.

c) Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa langkah penguatkuasaan secara bersepadu antara Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap syarikat- syarikat yang tidak membina rumah kos rendah. Antaranya adalah dengan menyenaraihitamkan kesemua nama ahli lembaga pengarah syarikat dan diedarkan kepada semua PBT dan Pejabat Daerah/Tanah seluruh negeri Selangor selain dicadangkan untuk dipaparkan dalam laman web sebagai panduan kepada bakal pembeli rumah. Nama-nama yang telah disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan menjalankan sebarang projek di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah nama syarikat yang lain.

Selain itu, pemaju akan dikenakan bayaran denda kerana tidak membina rumah kos rendah seperti yang telah ditetapkan di dalam surat kelulusan pemberimilikan tanah. Jumlah pengiraan bayaran denda yang dikenakan adalah seperti berikut :

i) Kawasan Lembah Klang
   - Jumlah unit yang patut di bina X RM42,000.00

ii) Kawasan Luar Lembah Klang
   - Jumlah unit yang patut di bina X RM35,000.00

Di peringkat PBT pula, Sijil Layak Menduduki (CF) tidak akan dikeluarkan kepada pembangunan jenis lain di projek yang sama kepada syarikat tersebut sehinggalah isu pembinaan rumah kos rendah ini diselesaikan. Bagi Pejabat Tanah dan Galian Selangor pula, proses permohonan pindah milik secara keseluruhan ‘blanket consent’ pembeli bagi hartanah jenis lain tidak akan diproses atau hak milik tidak boleh didaftarkan sehinggalah syarikat tersebut menyelesaikan/ membayar denda kerana tidak membina rumah kos rendah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: JOM SHOPPING

68. Kerajaan dalam mes telah melaksanakan SMUE dan memperkenalkan “Jom Shopping”

Bertanya kepada YAB Dato’ Menteri Besar :

a) Mengapa program ini dihentikan (Jom Shopping)?

b) Terangkan apakah permasalahan sebenar yang berlaku

JAWAPAN:

a) Program JOM *Shopping* ini hanya diberhentikan buat sementara waktu sahaja bagi tujuan mengemaskini prosedur perlaksanaan dan pengkalan data.

b) Buat masa ini, beberapa kemaskini sedang dilakukan. Bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan dan perjalanan program menjadi lebih lancar, beberapa kemaskini telah dilakukan terhadap sistem e-Manfaat dan cara perlaksanaannya di pasaraya-pasaraya yang terlibat. Program ini akan disambung semula sebaik sahaja segalanya dapat diselesaikan oleh PKM dan pihak-pihak yang telah diberikan tanggungjawab.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : DEMONSTRASI BERSIH 3.0

69. Demonstrasi Bersih 3.0 di Dataran Merdeka telah menyaksikan keganasan, kemusnahan harta awam dan kecederaan di pihak keselamatan serta petugas media

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pendirian kerajaan negeri berhubungan dengan Demonstrasi Bersih 3.0 tersebut?

b) Adakah kerajaan negeri turut menaja perhimpunan ini, jika ya berapakah peruntukan diberikan?

c) Adakah kerajaan negeri bersetuju jika Dataran Bandaraya Shah Alam dijadikan tempat demonstrasi Bersih seterusnya?

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2012 telah menolak soalan ini.

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2012 telah menolak soalan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH DAN KOS SEDERHANA RENDAH

70. Kebanyakan projek-projek perumahan di kawasan taman perumahan baru di Negeri Selangor adalah rumah teres, rumah dua tingkat, semi-D atau banglo dan tiada rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dibina untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan garis panduan untuk pembinaan rumah-rumah di mana salah satu syarat projek pembinaan rumah-rumah di taman perumahan baru ialah pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah?

b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan kawalan harga rumah pada satu-satu projek pembinaan rumah di taman perumahan baru?

JAWAPAN :

a) Setiap pembangunan tanah yang dijalankan di Negeri Selangor perlu mematuhi Dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan Lembah Klang.

Di samping menggunapakai dasar pembangunan sedia ada, Kerajaan Negeri dari masa ke semasa sentiasa menambahbaik dan mengkaji semula dasar sedia ada tersebut termasuk memperkenalkan Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru. Ini merupakan satu alternatif kepada pemaju bagi menyediakan rumah mampu milik khususnya di kawasan-kawasan yang berlaku lebihan pembinaan rumah kos rendah. Melalui cara ini sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan penyediaan rumah di bawah harga RM120,000

yang mampu dibeli dengan kemudahan yang lebih selesa berbanding rumah kos rendah.

b) Selain daripada penetapan komposisi pembangunan perumahan, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan harga jualan maksimum terhadap rumah mampu milik. Harga jualan rumah mampu milik tersebut ditetapkan pada harga seperti berikut:

Kawasan	**Jenis Bangunan**	**Harga (RM)**	**Keluasan (kaki persegi)**
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00	650-700
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00	750
	10% rumah kos sederhana	100,000.00	850
	Lain-lain Jenis bangunan kediaman	Bebas	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00	650-700
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00	750
	10% rumah kos sederhana	85,000.00	850
	Lain-lain Jenis bangunan kediaman	Bebas	Bebas
Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00	650-700
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00	750
	10% rumah kos sederhana	70,000.00	850
	Lain-lain Jenis bangunan kediaman	Bebas	Bebas

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : JANJI MANIFESTO

71. Pakatan PAS dan PKR telah mengemukakan manifesto; Urustadbir Berwibawa (6 perkara), Sosial dan Kebajikan Rakyat (12 perkara), Kesihatan Rakyat (4 perkara), Ekonomi Rakyat (6 perkara) dan Keselamatan Rakyat (3 perkara) sewaktu PRU-12 yang menjadi asas program kerajaan negeri hari ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status pelaksanaan setiap janji dalam manifesto tersebut?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk perlaksanaan setiap satu janji tersebut dari 2008 hingga 2012 dan berapa orangkah yang telah menerima manfaatnya?

c) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk meminda mana-mana manifesto yang gagal ditunaikan?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : BANJIR KILAT YANG MELANDA DUN KOTA ALAM SHAH PADA 30HB MAC, 2012.

72. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Adakah terdapat apa-apa sabotaj oleh mana-mana pihak di atas kejadian banjir kilat teruk yang melanda DUN Kota Alam Shah pada 30 Mac, 2012 yang lalu?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah banjir kilat di DUN Kota Alam Shah pada masa akan datang?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai Jurutera Pakar mereka sendiri untuk mengkaji cara-cara bagi mengatasi masalah banjir di seluruh Bandar DiRaja Klang?

JAWAPAN:

a) Dijawab oleh PTD Klang.

b) Melalui kelulusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor, Kerajaan negeri kini sedang giat melaksanakan kerja jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir yang menimpa klang baru baru ini. projek dilaksanakan secara bersepadu oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Klang berjumlah 5.2 Juta. Disamping itu pihak kerajaan negeri sedang dalam perancangan bagi langkah jangka panjang melalui PROJEK MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DI SUNGAI AUR FASA 4 DAERAH KLANG didalam membantu mengurangkan permasalahan banjir di kawasan DUN Kota Alam Shah.

c) Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia melalui Bahagian Saliran Mesra Alam telah melantik perunding HLA Associates Sdn Bhd untuk menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar Klang yang meliputi keseluruhan Bandar Klang dibawah pentadbiran Majlis Perbandaraan Klang. Pelan Induk tersebut telah disiapkan pada bulan Mei 2009 dan salinannya telah diedarkan kepada semua agensi kerajaan yang berkepentingan di Daerah Klang.

Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang ini meliputi penyediaan inventori sistem saliran sedia ada, kawasan risiko banjir dan cadangan-cadangan mengatasi masalah banjir serta kos yang terlibat. Selain Jabatan Pengairan dan Saliran, Pelan induk Saliran Bandar Klang ini boleh juga digunakan oleh lain-lain agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang dan mengatasi masalah banjir di bawah pentadbiran mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

73. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyakkah Pusat Dialisis Rakyat yang telah beroperasi sepenuhnya?

b) Berapa ramaikah pesakit yang telah didaftarkan melalui program ini? Sila pecahkan mengikut Dun?

c) Berapa banyak lagikah Pusat Dialisis yang masih belum beroperasi dan apakah masalah yang menyebabkan ianya masih tertangguh?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini, terdapat 3 buah Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang telah beroperasi sepenuhnya.

b) Seramai 53 orang telah mendapat khidmat yang telah disediakan ini. Setakat ini 24 orang menerima perkhidmatan di PDR Ampang, 10 orang di PDR Taman Medan dan 19 orang di PDR Sementa.

c) Terdapat 2 buah Pusat Dialisis Rakyat yang belum dapat beroperasi sepenuhnya. Satu di DUN Hulu Kelang kerana tidak mendapat jumlah peserta yang cukup. Satu lagi di DUN Sri Muda yang masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : SEKATAN PINJAMAN TERHADAP PELAJAR UNISEL DAN KUIS

74. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyekat pinjaman PTPTN terhadap pelajar baru Unisel dan KUIS tetapi menarik balik dalam tempoh yang singkat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah yang mendorong pihak KPT menyekat pinjaman berkenaan?

b) Apakah tindakan kerajaan Negeri terhadap sikap KPT?

c) Tidakkah wajar kerajaan Negeri menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada semua pelajar yang layak ke Unisel dan KUIS untuk menyaingi PTPTN yang tidak melalui sebarang temuduga untuk mendapatkan pinjaman pelajaran?

JAWAPAN :

a) Apa yang dilaporkan, yang mendorong pihak KPT menyekat pinjaman berkenaan adalah oleh kerana Menteri Pengajian Tinggi kononnya mahu menguji Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sama ada mampu memberi pendidikan percuma seperti yang dikempenkan oleh pihak Pakatan Rakyat.

b) Setelah Menteri Pengajian Tinggi mengesahkan tindakannya dan disokong oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Menteri Besar telah mengumumkan kesediaan Kerajaan Negeri untuk menyediakan RM30 juta ringgit untuk membantu pelajar-pelajar baru UNISEL bagi menyaingi PTPTN.

c) Kerajaan Negeri sudah ada skim pinjaman bolehubah tanpa faedah untuk semua pelajar Selangor yang sekarang dibuka untuk semua IPTA/IPTS termasuk UNISEL dan KUIS tetapi dengan syarat lulus temuduga yang akan diadakan. Namun tanggungjawab pendidikan kepada semua rakyat adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan bukan Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH-SARAP

75. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan merancang menggunakan teknologi yang baru untuk menguruskan sampah selain daripada cara *landfill*?

b) Jangkaan berapa tahun lagi, *landfill* yang ada di Selangor sekarang akan penuh?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Syarikat anak PKNS/Worldwide Holdings Berhad selaku pemegang konsesi tapak pelupusan sanitari di Negeri Selangor sentiasa mencari kaedah terkini bagi pelupusan sisa pepejal. Beberapa kaedah yang telah dikenal pasti adalah seperti "*Material Recovery Facility*", "Incinerator (*Waste to Energy*)" dan "*Mechanichal Biological Treatment* (MBT)".

Pihak Worldwide Holdings Berhad telah menjalankan kajian terperinci dengan penyediaan rekabentuk dan butiran kewangan lengkap. Walau bagaimanapun, teknologi tersebut masih tidak dapat dilaksanakan memandangkan kos bagi merawat sisa pepejal per tan menggunakan teknologi-teknologi di atas adalah tinggi pada masa ini. Kos bagi melupuskan satu (1) tan sisa pepejal bagi sistem MBT adalah sebanyak RM75.00 manakala bagi *incinerator adalah sebanyak RM150.00*. Kos ini dianggap tinggi memandangkan kos semasa bagi pelupusan di landfill adalah sebanyak RM36.00 se tan.

Namun begitu, pihak UPEN dan WHB sentiasa melihat sistem-sistem baru dan sistem sokongan yang murah berbanding landfill dari masa ke semasa bagi melupuskan sisa secara sistematik kerana pihak Kerajaan Negeri menyedari mengenai kekurangan tanah untuk membina landfill baru dimasa akan datang.

a) **Tapak Pelupusan Jeram** menerima 2000 tan sisa pepejal sehari. Dengan penerimaan tersebut jangka hayat tapak adalah sehingga 2017. Kapasiti tapak adalah sebanyak 8juta tan.

Tapak Pelupusan Tanjung Dua Belas, Kuala Langat menerima 350 tan sehari. Dengan penerimaan 1,000 tan sehari jangka hayat tapak adalah sehingga 2045.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

76. Kerajaan Persekutuan didapati tetap menyalurkan peruntukan kepada kerajaan negeri berdasarkan amalan dan peruntukan dalam Perlembagaan walaupun ditadbir pihak Pakatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah dan pecahan peruntukan diterima kerajaan negeri dari Persekutuan dari tahun 2008 hingga 2012 ?

b) Apakah kerajaan negeri bersetuju bahawa Persekutuan tidak menganaktirikan Kerajaan Negeri Selangor?

c) Apakah contoh jalinan kerjasama baik di antara Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dari segi program dan projek?

JAWAPAN :

a) Terimaan Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

Jenis Pemberian	Tahun				
	2008	2009	2010	2011	2012 (Terimaan Sehingga Jun)
Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	70,162,066.00	72,762,148.00	75,466,234.00	62,881,620.00	31,698,450.00 (Pemberian Pertama)
Pemberian Pertambahan Hasil	34,047,363.00	27,156,465.00	Tiada Pemberian	30,931,197.00	Belum Terima
Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	32,741,010.00	31,922,130.00	32,414,874.00	41,382,846.00	Belum Terima
Pemberian Jalan Raya dan Lorong	300,966,292.00	315,627,131.00	351,659,938.00	368,356,025.00	184,178,010.00
Pemberian 10% dari Kos Projek Persekutuan	15,487,433.00	8,922,130.00	20,520,704.00	20,067,263.00	Belum Terima

Pemberian Khas Selangor (Kuala Lumpur Dan Putrajaya)	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00
Jumlah Keseluruhan	**495,168,804.00**	**498,154,642.00**	**515,476,388.00**	**562,208,591.00**	**241,682,100.00**

b) Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan Peruntukan kepada Negeri Selangor sebagaimana yang termaktub oleh Perlembagaan dan Akta-Akta.

c) Contoh jalinan kerjasama baik di antara Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti kesudian Kerajaaan Persekutuan memberikan penceramah bagi mengadakan Bengkel Kursus Pengisian Data Sistem MARRIS

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK: MASALAH MURTAD

77. Masalah murtad yang menggugat akidah umat Islam Selangor didakwa serius.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejauh manakah kebenaran dakwaan ini berdasarkan kes dan statistik?

b) Apakah langkah kerajaan negeri untuk memastikan akidah umat Islam terpelihara di samping menghormati kebebasan beragama penganut lain?

c) Apakah enakmen-enakmen Islam negeri yang ada tidak berupaya menyelesai masalah ini atau gagal dikuatkuasakan dengan berkesan?

JAWAPAN:

a) Isu murtad bukanlah satu perkara yang baru. Ia berlaku sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Begitulah seterusnya terus berlaku kepada setiap zaman.

Tidak dapat dinafikan kejadian murtad turut berlaku di Negeri Selangor. Kebanyakan kes ini adalah dari kalangan saudara baru (muallaf) yang memeluk Islam bukan didorong oleh kefahaman tentang Islam, tetapi sebab lain seperti berikut:

i. Dilahirkan dalam keadaan Islam, tetapi dibesarkan oleh keluarga bukan Islam, dan beramal dengan agama penjaganya yang bukan Islam.
ii. Tidak mendapat pendidikan agama yang sempurna sejak kecil sehingga berhasrat untuk keluar Islam.
iii. Baru memeluk Islam hanya sekadar untuk berkahwin, tetapi dianiayai dan ini kembali ke agama asal.
iv. Mendakwa pengislamannya tidak sah kerana bukan dengan kerelaan hati atau dalam keadaan tak sedar.

Mengikut jumlah pemohon yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Selangor bagi menjalani penasihatan aqidah, runding cara atau istitabah di jabatan ini adalah seperti berikut:

TAHUN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN*	JUMLAH DAFTAR
2009	-	1	-	-	1
2010	-	4	20	1	25
2011	-	5	41	2	48
2012	-	2	10	-	12
JUMLAH	**-**	**12**	**71**	**3**	**86**

** Serani dan Filipina*

Terdapat juga kes-kes bukan perintah mahkamah dari kalangan mereka yang memohon terus ke Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk menukar nama dan status agama dalam kad pengenalan setelah permohonan tersebut ke Jabatan Pendaftaran Negara tidak diuruskan.

Jabatan Mufti Negeri Selangor juga mengambil tanggung jawab memberikan khidmat nasihat bagi kes-kes seperti ini. Tetapi ia bergantung kepada persetujuan dan kerjasama dari pemohon. Kebiasaannya mereka enggan bekerjasama setelah mengetahui bahawa Jabatan Mufti Negeri Selangor tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan permohonan mereka.

b) Akidah adalah persoalan teras yang sangat penting untuk dijaga dan dipelihara di kalangan umat Islam. Kerajaan negeri tidak pernah memandang remeh dan mengkesampingkan isu akidah ini, malahan pelbagai usaha dan perancangan telah dan akan terus dilaksanakan demi memperkukuhkan akidah dan pegangan umat Islam ini. Antara perancangan yang sedang giat dijalankan;

i) Mengadakan program-program atau aktiviti-aktiviti ke arah memperkukuhkan akidah umat Islam seperti **Program Memperkasa Dan Memperkukuhkan Akidah (PASAK)** yang dijalankan secara menyeluruh ke atas semua golongan sasar pada semua peringkat umur dari kanak-kanak, remaja, belia, warga IPTA / IPTS, industri dan warga emas. Program ini melibatkan ke semua sembilan daerah di Negeri Selangor. Pendekatan yang digunakan dalam bentuk forum, kem pemantapan akidah dan ibadah, diskusi ilmiah, 'talk-show' bersama tokoh, ceramah dan seminar.

ii) Mengadakan sesi kaunseling dan mendekati golongan-golongan yang bermasalah melalui pelbagai kaedah, antaranya Program Kubro iaitu satu program berbentuk sesi kuliah dan praktikal melibatkan remaja yang bermasalah yang pernah ditahan atas kesalahan syariah untuk diberi penerapan kepada nilai Islam dan rasa ihsan kepada Allah SWT.

iii) Mengadakan program Ziarah di hospital-hospital, rumah-rumah kebajikan dan rumah warga emas bersama dengan NGO's Islam. Usaha ini sangat penting agar saudara-saudara kita yang dalam kesusahan dan kesengsaraan tidak rasa terpinggir dan dihampiri oleh gerakan-gerakan yang cuba memesongkan akidah mereka.

iv) Pembudayaan ilmu di kalangan umat Islam juga giat dijalankan. Masjid-masjid dan agensi-agensi digalakkan untuk mengadakan kelas-kelas bimbingan secara berkala untuk ahli kariah dan kakitangan masing-masing. Topik-topik berkaitan akidah, syariat dan akhlak ditekankan dan diperjelaskan kepada semua peserta.

c) Seseorang yang beriman akan terkeluar dari agama Islam dan akan menjadi kafir dengan sebab berlaku salah satu dari perkara-perkara berikut:-

i) Melalui perkataan bahawa seseorang itu telah menyatakan keengganan mengamalkan ajaran Islam.
ii) Melalui perbuatan bahawa seseorang itu telah mengamalkan ibadat agama selain Islam.
iii) Melalui hati bahawa seseorang itu telah berniat tidak mahu mengikut atau mengamalkan ajaran Islam.

Murtad tidak boleh semata-mata dirujuk secara langsung tetapi isu perbuatan keluar agama Islam dan masuk kepada agama lain selain Islam. Di dalam kes yang melibatkan fakta perbuatan keluar agama, penguatkuasaan Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di kalangan Orang Islam) 1988 Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berdepan dengan masalah pembuktian kepada kesalahan-kesalahan di bawah :-

i) Seksyen 4 (Kesalahan memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang beugama Islam supaya mengubah keimanan);
ii) Seksyen 5 (kesalahan mendedahkan orang yang belum dewasa beugama Islam kepada pengaruh ugama bukan Islam);
iii) Seksyen 6 (kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai ugama bukan Islam);
iv) Seksyen 7 (kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan-terbitan mengenai apa-apa ugama bukan Islam kepada orang beragama Islam);
v) Seksyen 8 (kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai ugama bukan Islam kepada orang berugama Islam);
vi) Seksyen 9 (kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbahasan tertentu yang bersumberkan Islam).

JAIS juga berdepan dengan masalah kekurangan pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan kes-kes terlibat. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri kini sedang bertungkus lumus mencari jalan terbaik bagi menghadapi kes-kes yang melibatkan perbuatan keluar Islam dan menganut agama lain. Di peringkat persekutuan juga melalui JAKIM telah menganjurkan sesi penambahbaikan Enakmen tersebut dan keberkesanan penguatkuasaan. JAKIM juga telah membentuk Jawatankuasa Induk Penguatkuasaan dan Penyelarasan Undang-undang Syariah yang mana S.S. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri menjadi ahlinya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : RUMAH URUT

78. Memandangkan pembangunan di Parlimen Subang begitu pesat, didapati banyak rumah urut yang turut dibuka.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah rumah urut yang ada di Subang sama ada yang berlesen atau tanpa lesen?

b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

a) i. Jumlah premis rumah urut berlesen di kawasan pentadbiran MBSA mengikut pecahan ialah seperti berikut:

	BILANGAN PREMIS BERLESEN	
MBSA	RUMAH URUT	5
	SPA	27
	Reflexologi	39
	Jumlah	71

ii.Jumlah pecahan bagi seksyen di kawasan Subang adalah seperti berikut:

	BILANGAN PREMIS BERLESEN		**BILANGAN PREMIS TIDAK BERLESEN**
MBSA	Seksyen U1	2	-
	Seksyen U2	5	-
	Seksyen U3	1	2
	Seksyen U5	2	-
	Seksyen U6	4	2
	Jumlah	14	4

b) Bagi memastikan masalah ini dapat diatasi, pihak Majlis sedang mengenalpasti pemilik premis yang menjalankan perniagaan rumah urut tanpa lesen berdasarkan keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri bil 19/2012 bertarikh 23 Mei 2012. Selain itu, pihak Majlis akan memberi notis kepada pemilik untuk mengarahkan pengusaha/penyewa untuk menghentikan aktiviti dan mengembalikan premis kepada keadaan asal (tindakan pembetulan) dalam tempoh 14 hari hingga 21 hari. Tindakan amaran akan diberikan untuk tempoh 3 hingga 4 bulan dan sekiranya tindakan pembetulan gagal dilakukan oleh pemilik premis. Pihak Majlis dengan kerjasama Pentadbir Tanah Daerah untuk mengeluarkan notis merampas premis atau hartanah (Borang 7A) kepada pemilik sekiranya masih ingkar dengan amaran yang telah dikeluarkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : BANTUAN RM30 JUTA KEPADA UNISEL

79. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan Selangor memberi butiran-butiran terperinci tentang sebidang tanah milik Unisel yang bernilai RM100 juta yang akan ditunaikan untuk membantu Unisel.

JAWAPAN :

a) Tanah UNISEL yang boleh ditunaikan adalah seluas 200 ekar di Kampus Bestari Jaya. Tanah ini dianggarkan bernilai RM150,000.00 seekar dan dengan itu keseluruhannya bernilai RM30 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PINJAMAN PTPTN

80. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah reaksi dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap tindakan *flip flop* Pengerusi PTPTN yang mengumumkan pembukuan pinjaman PTPTN kepada mahasiswa UNISEL tetapi menarik balik pembukuan itu secara tergesa-gesa apabila dicemuh oleh banyak pihak ?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi memberi pendidikan percuma khusus kepada mahasiswa IPTA yang berada di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah bersedia menyediakan kemudahan kewangan kepada para pelajar UNISEL sekiranya pembekuan tersebut dilaksanakan. Namun pembekuan tersebut telah ditarik balik sebelum bantuan Kerajaan Negeri disalurkan kepada pelajar UNISEL.

Kerajaan Negeri mengecam tindakan tidak professional Menteri Pengajian Tinggi, bukan Pengerusi PTPTN yang mengumumkan pembekuan PTPTN, yang disokong oleh dua orang menteri iaitu Timbalan Perdana Menteri dan Dato' Seri Noh Omar. Tindakan UNISEL mengeluarkan UNISEL, KUIS daripada senarai IPT yang layak menerima pinjaman PTPTN telah menimbulkan kemarahan banyak pihak termasuk ibu bapa yang bukan daripada kalangan penyokong Pakatan Rakyat bahkan daripada UMNO-BN.

Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor yang mengutamakan keperluan dan kebajikan semua rakyat terutama sekali golongan bakal modal insan di IPT dan ibu bapa mereka yang terganggu dengan pengumuman menggemparkan seorang menteri dalam Kerajaan yang melaungkan rakyat diutamakan yang dikejutkan dengan penafian pelajar UNISEL dan KUIS yang mempunyai hak yang sama rata dengan pelajar di mana-mana IPT yang lain di Malaysia sama ada IPTA/IPTS, sama ada dalam negeri bawah pemerintahan Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat. Ini adalah hak asasi seorang rakyat bergelar mahasiswa.

Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan pantas untuk menangani krisis yang mahu dicetuskan oleh pihak yang sepatutnya menjadi pemudahcara kepada proses pengajian dan pembelajaran siswa-siswi UNISEL dan KUIS iaitu Menteri Pengajian Tinggi dan Menteri Pelajaran.

Seperti yang semua ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar telah mengumumkan akan mencairkan aset bernilai RM 30 juta sebagai langkah jangka pendek untuk menampung keperluan kewangan pelajar UNISEL yang berjumlah lebih 1,000 orang.

Ini adalah bagi memastikan kemasukan baru mahasiswa-mahasiswi UNISEL berjalan lancar . Bilangan 1,000 orang yang dicatatkan merupakan kemasukan yang amat tinggi berbanding masa yang sama pada tahun-tahun sebelum ini.

b) Pelajar IPTA yang berada di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Selangor, adalah para pelajar yang membuat pinjaman kepada Lembaga Tabung Biasiswa Kerajaan Negeri Selangor. Pinjaman ini adalah merupakan pinjaman boleh ubah dan tanpa faedah. Pinjaman ini akan berubah kepada biasiswa sekiranya prestasi akademik peminjam ini melepasi syarat cemerlang iaitu PNGK 3.75 ke atas. Namun begitu, merujuk kepada kenyataan Dato' Menteri Besar pada 11 Jun 2012 yang lalu pendidikan percuma di Negeri Selangor mampu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri apabila hasil dan sumber di Negeri Selangor diuruskan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Walau bagaimanapun, untuk jangka pendek ini, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan dana 'Endowment' atau wakaf, mengikut model Universiti Al-Azhar atau Harvard. Perkara ini akan dibincang di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah UNISEL dan diperhalusi bersama cendekiawan dan pemimpin masyarakat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PBT- SAMPAH

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah kontraktor pelupusan sampah yang mendapat faedah meminjam lori pemampat (lori kompektor) sehingga kini?

b) Apakah dasar dan peraturan bagi menjamin lori kompektor milik kerajaan Negeri Selangor diurus dan dijaga dengan baik?

JAWAPAN:

a) Pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (**MPAJ**) memaklumkan bahawa pihak majlis kini telah memohon sebanyak lima (5) unit kompaktor untuk diberikan penyewaan kepada kontraktor yang tidak mempunyai kompaktor mencukupi. Manakala pihak Majlis Perbandaran Klang (**MPK**) menyatakan bahawa sebanyak lapan (8) buah syarikat kontraktor yang telah mendapat faedah dengan meminjam lori pemampat sampat (lori kompaktor) berkenaan.

b) Semua kompaktor yang dibeli Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (**KDEB**) akan diuruskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (**MBSA**) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (**MBPJ**). Oleh yang demikian, dasar dan peraturan telah menetapkan kontraktor kutipan sisa pepejal yang berjaya akan diberi penyewaan lori kompaktor. Segala peraturan terikat di dalam kontrak perjanjian penyewaan di antara MBSA / MBPJ dan kontraktor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : DEMONSTRASI MANSUH PTPTN

82. Terdapat segelintir pelajar Universiti Selangor (UNISEL) didakwa terlibat dalam demonstrasi menyokong pemansuhan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Dataran Merdeka sehingga menyebabkan Naib Canselor meminta maaf.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan jumlah pelajar yang terlibat dan faktor penglibatan mereka?

b) Apakah pendirian dan tindakan pengurusan UNISEL terhadap mereka yang terlibat?

c) Apakah pendirian kerajaan terhadap budaya demonstrasi yang ditanamkan dalam diri pelajar khasnya demonstrasi PTPTN di Dataran Merdeka?

JAWAPAN:

a) Selepas siasatan dibuat terdapat hanya 3 (tiga) orang bekas pelajar Unisel yang terlibat.

b) Tidak ada pelajar yang terlibat, mereka yang terlibat adalah bekas pelajar.

c) Kerajaan Negeri menyokong dan mengamalkan kebebasan bersuara di kalangan pelajar dan dengan itu Kerajaan Negeri tidak menghadapi masalah jika sekiranya pelajar UNISEL atau KUIS menyertai demonstrasi secara beradab dan aman di tempat awam.

Untuk makluman semua, pihak KPT menyatakan bahawa pembekuan PTPTN kepada UNISEL dan KUIS yang berlaku hanya seketika sahaja, tidak ada kaitan dengan demonstrasi pelajar di Dataran Merdeka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK : INSTITUT KEMAHIRAN YAYASAN SELANGOR (IKYS)

83. Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS), Bagan Terap telah ditutup dan bangunan tersebut dilihat terbiar kosong.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status bangunan IKYS di Bagan Terap?

b) Ke mana segala peralatan yang ada di IKYS tersebut dipindahkan?

c) Adakah IKYS tersebut akan terus ditutup atau ada perancangan untuk dibuka semula?

JAWAPAN:

a) Bangunan IKYS Bagan Terap telah diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mulai 1 Mei 2012 untuk dijadikan sebagai sebuah institusi pendidikan, Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi

b) i. Kelengkapan dan Peralatan bagi latihan amali pelajar IKYS telah dipindahkan ke Kolej Antarabangsa INPENS, Kuala Selangor.

ii. Kelengkapan asrama dan pejabat telah dipindahkan ke

a. Asrama Yayasan Selangor Sabak Bernam, Asrama Yayasan Selangor Klang dan Kem Bina Semangat Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu.
b. Ibu pejabat Yayasan Selangor, Petaling Jaya

c) Ya, IKYS akan terus ditutup dan tiada perancangan untuk dibuka semula.

BAHAGIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

DATA PEMOHON DAN PEMINJAM PINJAMAN PELAJARAN YAYASAN SELANGOR

2002 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. PEMOHON	BIL. PEMINJAM BARU (DILULUSKAN)
2002	547	320
2003	627	358
2004	446	372
2005	957	349
2006	511	224
2007	360	214
2008	925	324
2009	1144	538
2010	1138	520
2011	1443	529
JUMLAH	**8098**	**3748**

Status Fail dan Kutipan Bayaran Balik - BULAN JANUARI 2012

Cik Norzianawaty Abdul Rahman

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1995	361	338	7	26	5,428.84
2	2004	372	274	1	6	28,404.00
3	2008	240	240	0	0	10,899.33
4	2011	2	2	0	0	-
	Jum	**975**	**854**	**8**	**32**	**44,732.17**
	Jum RM			**0**	**100,753.33**	**100,753.33**

Puan Ulfah Md Noor

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	2003	307	302	0	5	49,550.80
2	2006	204	204	5	2	14,134.00
3	2007	160	140	20	0	13,883.80
	Jum	**671**	**646**	**25**	**7**	**77,568.60**
	Jum RM			**0**	**60,368.49**	**60,368.49**

Puan Murniza Binti Mohd Yunos

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1997	388	366	0	22	12,970.34
2	2001	388	350	0	38	24,098.00
3	2009	239	237	1	1	19,318.00
	Jum	**1015**	**953**	**1**	**61**	**56,386.34**
	Jum RM			**-**	**99,602.00**	**99,602.00**

En. Lazawardi Mohd Isa

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1998	209	205	0	4	7,173.84
2	2000	222	218	0	4	11,436.49
3	2005	349	338	0	0	36,852.00
	Jum	**780**	**761**	**0**	**8**	**55,462.33**
	Jum RM			**0**	**62,905.00**	**62,905.00**

Puan Norhayati Mat

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1984	5	4	0	1	600.00
2	1985	14	12	0	2	200.00
3	1986	4	4	0	0	-
4	1987	7	7	0	0	400.00
5	1988	13	12	0	1	-
6	1989	30	30	0	0	-
7	1990	38	38	0	0	-
8	1991	40	38	0	2	-
9	1992	82	79	0	3	950.00
10	1993	160	152	0	8	2,886.00
11	1994	137	131	0	6	4,998.00
12	1996	363	357	0	6	7,761.34
13	1999	212	199	0	13	8,842.00
14	JRD 94	18	18	0	0	3,851.00
15	JRD 95	25	25	0	0	14,555.00
	Jum	**1148**	**1106**	**0**	**42**	**45,043.34**
	Jum RM			**0**	**594,721.44**	**594,721.44**

Puan Marziana Binti Mohd Rejab

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	2002	318	284	5	29	27,232.59
2	2010	57	49	6	0	2,586.00
	Jum	**375**	**333**	**11**	**29**	**29,818.59**
	Jum RM			**0**	**48,660.00**	**48,660.00**

Status Fail dan Kutipan Bayaran Balik - BULAN FEBRUARI 2012

Cik Norzianawaty/Encik Hanafi

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1995	361	303	7	51	3,161.50
2	2004	372	360	1	11	26,892.00
3	2008	269	268	0	1	11,231.00
4	2011	3	3	0	0	5,250.00
	Jum	**1005**	**934**	**8**	**63**	**46,534.50**

Puan Ulfah Md Noor

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	2003	307	302	0	5	32,821.60
2	2006	204	197	5	2	20,514.00
3	2007	160	140	20	0	8,803.30
	Jum	**671**	**639**	**25**	**7**	**62,138.90**

Puan Murniza Binti Mohd Yunos

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1997	388	366	0	22	10,207.50
2	2001	388	351	0	37	10,235.00
3	2009	239	263	1	1	12,449.30
	Jum	**1015**	**980**	**1**	**60**	**32,891.80**

En. Lazawardi Mohd Isa

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1998	209	206	0	3	18,590.00
2	2000	222	218	0	4	9,753.30
3	2005	349	349	0	0	29,245.00
	Jum	**780**	**773**	**0**	**7**	**57,588.30**

Puan Norhayati Mat

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1984	5	4	0	1	200.00
2	1985	14	12	0	2	200.00
3	1986	4	4	0	0	-
4	1987	7	7	0	0	400.00
5	1988	13	12	0	1	-
6	1989	30	30	0	0	-
7	1990	38	38	0	0	-
8	1991	40	37	0	3	400.00
9	1992	82	79	0	3	600.00
10	1993	160	153	0	7	3,106.30
11	1994	137	131	0	6	2,773.00
12	1996	363	359	0	4	7,703.50
13	1999	212	199	0	13	8,848.00
14	JRD 94	18	18	0	0	2,801.00
15	JRD 95	25	25	0	0	4,398.00
	Jumlah	**1148**	**1108**	**0**	**40**	**31,429.80**

Puan Marziana Binti Mohd Rejab

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	2002	318	290	6	29	17,355.75
2	2010	60	53	7	0	7,307.30
	Jum	**378**	**343**	**13**	**29**	**24,663.05**

Status fail dan kutipan Bulan Februari 2012

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
	Jum	**2136**	**2020**	**13**	**110**	**76,081.15**

Kutipan Fail SUK Bulan Februari 2012 (Pn Marziana bt. Mohd Rejab)

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1		500	137	0	0	4,390.00
	Jum	**500**	**137**	**0**	**0**	**4,390.00**

Nota : Jumlah keseluruhan adalah berdasarkan kiraan ACCPAC

Status Fail dan Kutipan Bayaran Balik - BULAN MAC 2012

Cik Norzianawaty/Encik Hanafi

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1995	361	303	7	51	5,332.40
2	2004	372	360	1	11	28,905.77
3	2008	269	268	0	1	11,465.00
4	2011	3	3	0	0	2,600.00
	Jum	1005	934	8	63	48,303.17

Puan Ulfah Md Noor

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	2003	307	288	0	19	27,447.57
2	2006	204	195	5	4	21,320.00
3	2007	160	139	20	1	11,098.00
	Jum	671	622	25	24	59,865.57

Puan Murniza Binti Mohd Yunos

Bil	Tahun	Jum Fail	Selesai	Bis/P	Mkmh	Jum Kpan
1	1997	388	366	0	22	24,550.27
2	2001	388	351	0	37	22,700.47
3	2009	265	263	1	1	11,551.00
	Jum	1041	980	1	60	58,801.74

En. Lazawardi Mohd Isa

Berdasarkan anggaran tersebut, pengeluaran beras di Selangor hanya mampu menampung 30% keperluan rakyat negeri Selangor, manakala baki 70% keperluan beras diperolehi dengan mengimport beras dari luar negeri Selangor.

b) Pendekatan baru meningkatkan hasil padi adalah penanama padi menggunakan kaedah SRI (System Rice Intensification) dimana kaedah mengaplikasikan penanaman secara Natural Farming dan kaedah ini dapat meningkatkan penghasilan padi beririgasi dengan mengubah pengurusan pokok, tanah, air dan nutrisi. Kaedah SRI ini juga dapat menjamin keseimbangan agro ekosistem, kualiti tanah dan memelihara alam sekitar.

Selain itu kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan. Ini memberi impak positif kepada pendapatan pesawah apabila kos dapat dikurangkan hampir separuh daripada kos asal. Kaedah ini sudah mula diamalkan oleh petani didaerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor pada tahun lalu dimana pada tahun 2011 hanya 5 orang petani yang terlibat dengan keluasa 14 hektar. Pada tahun 2012, seramai 429 petani terlibat dengan keluasan 646.80 hektar.

c) Kawalan serangan serangga perosak memerlukan pendekatan mesra alam dan selamat kepada manusia, alam sekitar dan pengguna beras. Pendekatan kawalan adalah melalui aktiviti Pengurusan Perosak Bersepadu dengan menggunakan pelbagai kaedah kawalan iaitu secara biologi, kultura, mekanikal, kimia, dan genetik yang mana lebih praktikal dan ekonomik untuk mengurangkan tahap serangan serangga perosak.

Petani membuat keputusan untuk mengawal serangan berdasarkan pengamatan dan penilaian tahap ancaman di sawah. Kawalan akan dibuat dengan mengambi kira pendekatan melindungi musuh semujadi, alam sekitar dan mengurangkan penggunaan racun perosak pada tahap minima. Ini boleh dicapai melalui pengurusan pertanian yang lestari, Natural Farming dan Teknik SRI.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PERUNTUKAN BAGI MENGATASI MASALAH BANJIR KILAT.

100. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bermula dari tahun 2008 sehingga sekarang, berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi banjir di seluruh Negeri Selangor?

b) Di manakah kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai kawasan yang sering berlakunya kejadian banjir kilat?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor semenjak dari tahun 2008 untuk mengatasi kejadian banjir tersebut daripada berulang kembali?

JAWAPAN:

a) Di bawah merupakan jadual jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi banjir di seluruh Negeri Selangor :

TAHUN	PERUNTUKAN NEGERI (PROGRAM PENGURUSAN BANJIR)
2008	RM44,917,286.00
2009	RM28,237,848.00
2010	RM16,620,027.00
2011	RM24,059,250.00

c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor telah melakukan kajian terperinci untuk mengadaptasi cadangan-cadangan yang telah dirancang di dalam Pelan Induk Saliran Bandar Klang yang telah di sediakan oleh jurutera perunding yang berkelayakan. Projek pertama yang telah dilaksanakan oleh JPS berpandukan Pelan Induk ini adalah Kerja-Kerja Kawalan Banjir (Composite Storage) di Taman Sentosa, Daerah Klang, Selangor dengan kos RM 1.1 juta yang telah dimulakan pada Mei 2011 dan disiapkan pada bulan Mac 2012. Projek seterusnya adalah Cadangan Projek Tebatan Banjir Sungai Rasah di kawasan Padang Jawa, Klang. Tender untuk fasa pertama projek ini iaitu Kerja-Kerja Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Daerah Klang telah pun dikeluarkan dan pemilihan kontraktor juga telah dibuat. Projek ini akan bermula pada 4 Julai 2012 dengan tempoh projek selama 32 minggu.

Selain itu, JPS Selangor juga sedang melakukan kajian terperinci di lain-lain kawasan di Daerah Klang berpandukan kepada Pelan Saliran Induk Bandar Klang ini untuk mengatasi masalah-masalah banjir di daerah ini

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PUSAT DIALYSIS

101. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah perbelanjaan untuk setiap pusat dialisis yang dirancang oleh kerajaan Selangor?

b) Berapakah pesakit telah menikmati servis ini?

JAWAPAN:

a) Setakat ini, melalui *smart partnership* dengan sebuah syarikat swasta, kerajaan Selangor hanya menyediakan premis yang bersesuaian dengan kadar sewaan yang minima sahaja. Kos kelengkapan dan tenaga pakar diuruskan oleh syarikat berkenaan.

b) Setakat ini terdapat 53 orang yang telah menerima khidmat yang telah disediakan ini. Seramai 24 orang mendapat khidmat di Pusat Dialisis Rakyat (PDR) Ampang, 10 orang di PDR Taman Medan dan 19 di PDR Sementa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : FORUM AIR NEGERI SELANGOR 2012

102. Forum air negeri Selangor 2012 telah dilangsungkan pada 12 Jun 2012 di Shah Alam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tujuan forum ini diadakan?

b) Nyatakan rumusan yang dapat dicapai?

c) Adakah dijangka dengan forum ini masalah air di Selangor akan dapat diatasi?

JAWAPAN :

a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 19/2012 yang bersidang pada 23 Mei 2012 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 20/2012 pada 30 Mei 2012 telah meluluskan untuk mengadakan satu sesi forum bagi membincangkan isu pengurusan air yang berlaku di Negeri Selangor.

Tujuan Forum diadakan bagi mendapatkan idea-idea baru sebelum keputusan mengenai industri perkhidmatan air diambil oleh Kerajaan.

b) Melalui Forum Air Selangor yang telah diadakan pada 12 Jun 2012, dapatlah dirumuskan seperti berikut:-

1. Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya pada masa ini menghadapi pelbagai masalah hingga menyebabkan perkhidmatan kepada pengguna terjejas dan memberikan kesan kepada pembangunan hartanah.

2. Kenaikan harga air dalam bentuk tarif membebankan rakyat dan Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan kenaikan tersebut. Perjanjian Konsesi berat sebelah pada Pemegang Konsesi dan bukannya pada rakyat @ pengguna.

3. Undang-undang memberikan ruang untuk menyelesaikan masalah dalam Industri Perkhidmatan Air ini melalui penyusunan semula industri air. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa keputusan Kerajaan Persekutuan pada Januari 2008 yang menyatakan bahawa Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor dibenarkan disusun semula di mana Kumpulan Darul

Ehsan Berhad (KDEB) sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri akan mengambil balik semua operasi air Negeri Selangor dan seterusnya menjadi syarikat yang akan mengoperasi Projek Langat 2. Namun keputusan tersebut telah berubah pada Mac 2008 berikutan perubahan Kerajaan di Negeri Selangor hingga menyebabkan Kerajaan Persekutuan tidak mahu melaksanakan penstrukturan semula ini di Selangor.

4. Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa isu tarif tidak akan diselesaikan sehingga penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan melalui Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri di mana salah satu matlamatnya adalah untuk mencapai kadar tarif munasabah tidak melebihi 12% kenaikan.

5. Negeri Selangor masih mempunyai simpanan air mentah yang mencukupi. Sumber air alternatif seperti air bawah tanah perlu diterokai penggunaannya dalam mengatasi masalah kekurangan air. Penggunaan teknologi baru seperti membran perlu ditingkatkan dalam usaha mendapatkan air yang berkualiti tinggi.

c) Forum ini hanya memberi panduan dan idea-idea baru bagaimana hendak mengatasi masalah bekalan air yang dihadapi oleh Negeri Selangor. Penyelesaian ke atas semua isu bekalan air di Negeri Selangor hanya boleh di atasi dengan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah satu SPV milik penuh Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : AIR TERAWAT

103. Pihak operator air di Selangor dikatakan tidak mampu untuk menyediakan jumlah air terawat mencukupi bagi menampung permintaan tinggi di Selangor dan Wilayah Persekutuan di masa hadapan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah loji pembersihan air, lokasi dan kapasitinya di Selangor?

b) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri bagi memastikan masalah ini tidak akan berlaku?

c) Adakah bekalan air tidak terawat boleh diasingkan penggunaan untuk tujuan seperti pili bomba, tandas dan industri?

JAWAPAN :

a) Loji Rawatan Air yang ada di Negeri Selangor semuanya berjumlah 34 termasuk satu Loji Rawatan Air Sungai Labu yang baru beroperasi pada 01 Jun 2012. Senarai Loji Rawatan Air adalah seperti berikut:-

Bil	Loji Rawatan Air	Kapasiti Reka bentuk (JLH)	Kapasiti Overload / Boleh diagihkan (JLH)
1	Sg Selangor Phase 1	950	780.00
2	Sg Selangor Phase 2	950	965.00
3	Sg Selangor Phase 3 (Bkt Badong)	800	680.00
4	Sg Semenyih	546	665.00
5	Sg Langat	386	472.56

Bil	Loji Rawatan Air	Kapasiti Reka bentuk (JLH)	Kapasiti Overload / Boleh diagihkan (JLH)
6	Rasa	250	150.00
7	Bukit Nanas	145	145.00
8	Sungai Batu	113	130.00
9	Wangsa Maju	45	45.00
10	Bernam River Headworks	40.60	40.60
11	Bukit Tampoi	31.50	32.64
12	Rantau Panjang	31.50	31.50
13	Sungai Sireh	27.00	27.00
14	Cheras	27.00	27.00
15	Gombak	22.50	22.50
16	North Hummock	22.50	22.50
17	Batang Kali	20.30	20.30
18	Ampang Intake	18.00	18.00
19	Salak Tinggi	10.80	10.80
20	Sungai Rangkap	9	9.00
21	Kalumpang	6.70	6.70
22	Kuala Kubu Bharu	6.70	6.70
23	Kepong	4.40	2.30

Bil	Loji Rawatan Air	Kapasiti Reka bentuk (JLH)	Kapasiti Overload / Boleh diagihkan (JLH)
24	Sungai Rumput	2.80	4.50
25	Sungai Pangsoon	1.80	1.80
26	Sungai Selisek	1.30	1.30
27	Sungai Tengi	1.30	1.30
28	Sungai Dusun	1.30	1.30
29	Sungai Buaya	0.90	0.90
30	Sungai Serai	0.90	0.90
31	Air Keroh	0.50	0.50
32	Lolo Baru	1.04	3.00
33	Lolo Lama	0.40	0.40
34	Sg Labu	105	45
	TOTAL	**4,476**	**4,371**

b) Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Sama ada khabar angin mengenai Selangor akan menghadapi masalah bekalan air itu benar atau sebaliknya, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapat bekalan air yang mencukupi.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi, antaranya adalah seperti berikut:-

No	Nama Projek	Kapasiti Tambahan (mld)					
		2012	2013	2014	2015	Jumlah	Nota
1.	Projek Pembangunan Loji Sg Labu	45	60			105	Loji baru
2.	Projek. Peningkatan Kapasiti SSP1		120			120	Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 760 JLH kpd 190JLH
3.	BRH		25			25	Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 15.6 JLH kpd 40.6
4.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti SSP1				50	50	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 120 JLH kepada pengguna
5.	Pro. Agihan SSP3				120	120	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 3 sebanyak 120 JLH kepada pengguna
6.	Pro. Agihan Loji Rasa				100	100	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 100 JLH kepada pengguna
7.	Program NRW		49	52		101	Program menurunkan NRW
	Jumlah	45	254	52	270	621	

Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang akhir 2014 dan dengan siapnya projek mitigasi ini, terdapat 621 JLH air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna.

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Dari data yang telah di analisa, didapati unjuran yang dibuat oleh SYABAS adalah agak tinggi. Rawatan air pula dikendalikan oleh operator yang berlainan. Namun demikian, sekiranya berlaku krisis bekalan air, dalam apa keadaan sekalipun, Kerajaan Negeri Selangor akan dipersalahkan.

Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna. Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Kerajaan Negeri Selangor menyedari kepentingan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pengambilan balik tanah bagi untuk pelaksanaan Projek ini dan bagi tanah-tanah kerajaan yang telah dirizabkan untuk tujuan tertentu, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pajakan selama 20 tahun.

Proses pengambilan balik tanah bagi Projek LRA 2 telah bermula semenjak tahun 2007 lagi. Keseluruhan tanah yang terlibat untuk Projek LRA 2 adalah sebanyak 462.776 hektar. Dari jumlah tersebut, 86.44 hektar adalah tanah kerajaan. Namun demikian, Kelulusan Pelan Pembangunan masih ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sehingga persefahaman bersama dapat dicapai dengan Kerajaan Persekutuan mengenai penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor hendaklah dibincangkan bersekali supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mencapai persefahaman di dalam memuktamadkan dengan segera penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor berdasarkan kepada Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mencapai kadar tarif yang munasabah yang tidak membebankan rakyat dan pada masa yang sama tidak membebankan operator air.

Kerajaan Negeri Selangor sedia untuk mempertimbangkan kelulusan kepada pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 tertakluk kepada:-

a. Penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dimuktamadkan;

b. SPV milik Kerajaan Negeri Selangor dilantik sebagai operator bagi operasi dan penyelenggaraan Loji Rawatan Air Langat 2, Loji Rawatan Air Sungai Labu dan semua loji rawatan air baru di masa hadapan; dan

c. Pelawaan kepada syarikat milik negeri untuk menawarkan pembinaan kemudahan perawatan air Langat 2.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti Splash, Abass dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.

ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.

iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.

iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.

v) Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

Pakar Air yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor juga akan membuat kajian bagi mengenal pasti Loji-loji rawatan air yang boleh dioptimumkan pengeluarannya di samping membuat kajian mengenai penggunaan teknologi baru di dalam mempertingkatkan pengeluaran air bersih dari Loji-loji sedia ada.

c) Idealnya, air terawat tidak digunakan untuk tujuan pili bomba, tandas dan industri. Namun demikian, untuk mencapai tahap tersebut, matlamat utama yang perlu dicapai oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor di bawah satu entiti yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri. Di bawah Model baru itu, Kerajaan Negeri Selangor boleh menyediakan dasar bagi memastikan air terawat tidak digunakan untuk pili bomba, tandas dan industri. Di samping itu, dasar pemberian insentif atau rebet perlu digubal bagi menggalakkan penggunaan air tanah, *recycle water*¸ penuaian air hujan, insentif oleh industri atau pengguna lain. Pemasangan paip kedua untuk penggunaan air bukan terawat memerlukan kos pembangunan yang tinggi namun ia menghasilkan simpanan air terawat yang banyak untuk masa hadapan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : INFRASTRUKTUR UNTUK BELIA

104. Kebanyakan kemudahan infrastruktur untuk belia seperti gelanggang futsal dan sebagainya telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah dan jenis kemudahan untuk para belia yang telah dibina oleh kerajaan negeri mengikut PBT/Daerah?

b) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu para belia melalui penyediaan kemudahan untuk mereka?

JAWAPAN :

a) Sebanyak 64 kemudahan sukan telah dibina oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2011 dan 2012 yang kebanyakannya adalah gelanggang futsal dan gelanggang serba guna. Pecahan binaan gelanggang ini mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	2012	2013
Sabak Bernam	13	1
Hulu Selangor	4	2
Kuala Langat	10	1
Sepang	6	1
Hulu Langat	3	1
Gombak	11	2
Klang	4	2
Petaling	2	1
Jumlah	53	11

b) Kerajaan Negeri hanya akan menyediakan kemudahan kepada penduduk setempat berdasarkan keperluan sahaja. Melalui geran Selangorku di bawah kategori Pembinaan Infrastruktur Sukan yang telah diperuntukkan sebanyak RM30juta, setiap DUN akan diadakan satu (1) gelanggang serbaguna di kawasan yang belum mempunyai keperluan tersebut. Selain daripada gelanggang serbaguna ini, Dataran Anak Muda juga turut dibina bagi membolehkan belia-belia ini berkumpul dan mengadakan aktiviti-aktiviti sosial yang bermanfaat di situ.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : ISU HARGA RUMAH

105. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah kerajaan Negeri Selangor bertindak untuk mengawal harga rumah yang semakin melambung terlalu tinggi dan menyukarkan rakyat untuk memiliki rumah sendiri?

b) Bagaimana kaedah dan cara yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah projek rumah terbengkalai?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman YB, penetapan sesuatu harga rumah adalah ditentukan oleh pasaran berdasarkan penawaran dan permintaan. Walau bagaimanapun, bagi memberi peluang kepada setiap rakyat untuk memiliki rumah sendiri, Kerajaan Negeri turut berusaha mengawal harga jualan rumah dengan menetapkan Dasar Pembangunan Tanah seperti berikut :

i. Bagi pembangunan yang melebihi 10 ekar
   - Kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana.
   - Kawasan Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana.

ii. Bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar)
   - Syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang.

Selain daripada penetapan komposisi pembangunan perumahan, harga jualan maksimum terhadap rumah mampu milik turut dibuat. Harga jualan rumah mampu milik ditetapkan pada kadar seperti berikut :

Kawasan	**Jenis Bangunan**	**Harga (RM)**
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam Kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Luar Kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00
	10% rumah kos sederhana	70,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Di samping menggunapakai dasar pembangunan sedia ada, Kerajaan Negeri dari masa ke semasa sentiasa menambahbaik dan mengkaji semula dasar sedia ada tersebut termasuk memperkenalkan Perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru. Ini merupakan satu alternatif kepada pemaju bagi menyediakan rumah mampu milik khususnya di kawasan-kawasan yang didapati kurangnya permintaan terhadap rumah kos rendah atau di kawasan-kawasan yang berlaku lebihan pembinaan rumah kos rendah. Melalui cara ini sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan penyediaan rumah di bawah harga RM120,000 yang mampu dibeli dengan kemudahan yang lebih selesa berbanding rumah kos rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, segala syarat penetapan komposisi pembinaan rumah dan harga jualan rumah ini dimasukkan dalam surat kelulusan pemberimilikan dan pembangunan tanah untuk tujuan pengawalan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Sebarang ketidakpatuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBN akan menyukarkan proses pindah milik daripada pemaju kepada pembeli pertama.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan proaktif dalam menangani masalah projek rumah terbengkalai di Negeri Selangor melalui beberapa kaedah dan pendekatan yang bersesuaian bagi tujuan pemulihan projek tersebut. Untuk menangani masalah tersebut, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli / Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri akan terus berbincang dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai kos rendah. Jawatankuasa ini telah menjalankan Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) bagi mengenal pasti isu dan masalah serta kos pemulihan projek kos rendah tersebut. Setakat ini terdapat 13 projek telah dikenal pasti berpotensi dipulihkan oleh jawatankuasa ini.

Jawatankuasa ini juga telah mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit atau pemaju penyelamat bersama semua jabatan teknikal bagi tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan. Selain itu, Jawatankuasa ini juga akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian *(bridging loan)* supaya

projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju.

Sekiranya terdapat kenaikan kos pemulihan, Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut bagi mendapatkan butiran terperinci kos tambahan yang perlu ditanggung secara bersama oleh pembeli-pembeli. Walau bagaimanapun, ia perlu mendapat persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah pembeli bagi tujuan pemulihan. Lanjutan daripada itu, jawatankuasa ini turut mengadakan mesyuarat berkala bagi memantau perkembangan projek tersebut dari masa ke semasa sehingga memperolehi Sijil Layak Menduduki.

Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan projek tersebut dapat dipulihkan semula. Sebagai contoh, tindakan ini telah dilaksanakan bagi penyelesaian Projek Bukit Botak dan Alam Perdana yang melibatkan pengambilan tanah secara menyeluruh bagi tujuan memulihkan semula projek terbengkalai dan menjamin hak pembeli terlibat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : ADUAN TERHADAP MASALAH SAMPAH DAN PEMBERSIHAN

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan memberi statistik aduan terhadap masalah sampah dan pembersihan alam sekitar mengikut PBT untuk setiap bulan bermula bulan Januari 2011 sehingga bulan Jun 2012.

JAWAPAN :

a) Berikut merupakan statistik aduan yang diterima daripada talian bebas tol yang dikendalikan oleh pihak Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri terhadap masalah sampah dan pembersihan alam sekitar mengikut PBT. Jumlah pecahan aduan mengikut semua PBT dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1

PBT	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN
MBSA	72	41	41	18	9	12
MBPJ	34	29	78	10	11	14
MPSJ	6	6	18	5	9	4
MPKj	103	30	77	42	14	28
MPS	14	25	116	28	20	13
MPK	22	15	42	16	12	19
MPAJ	6	10	54	9	8	7
MPSp	5	1	12	3	4	1
MDKS	1	3	0	0	0	0
MDSB	1	3	2	0	0	0
MDHS	3	1	0	0	1	0
MDKL	2	5	5	1	0	2
JUMLAH	**271**	**169**	**445**	**132**	**88**	**100**

*** sumber : Bahagian Korporat, SUK

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : SKIM TABUNG AMANAH PERKUBURAN

107. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah peruntukan kerajaan Negeri Selangor dalam Skim Dana Tabung Amanah Perkuburan ini?

b) Berapakah jumlah permohonan rakyat mengikut kaum untuk tujuan perkuburan di bawah skim ini sehingga kini?

c) Apakah usaha-usaha lain kerajaan negeri dalam menambahbaikkan pengurusan perkuburan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri tiada menyediakan sebarang peruntukan tabung khas bagi pembangunan tanah perkuburan bagi sesuatu kaum. Walau bagaimanapun, sebuah tabung Akaun Amanah Perkuburan yang dianggotai oleh Jawatankuasa yang dianggotai oleh Jawatankuasa Akaun yang terdiri daripada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Bendahari Negeri dan semua Pentadbir Tanah Daerah telah ditubuhkan bagi memastikan fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa ini dilaksanakan.

Tujuan penggunaan wang dalam Akaun Amanah Caruman Kubur :

i. Perbelanjaan untuk pembiayaan penyediaan tapak perkuburan atau kos pengambilan tanah bagi perkuburan Orang Islam dan Bukan Islam atau urusan pembayaran yang berkaitan dengannya ; dan
ii. Lain-lain perbelanjaan yang berkaitan pengurusan dan pembangunan perkuburan yang diluluskan oleh **Jawatankuasa Akaun.**

b) Permohonan bagi keperluan rakyat untuk tujuan perkuburan adalah dipohon mengikut keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Setakat ini tiga PBT yang telah mengemukakan permohonan bagi keperluan perkuburan yang mana telah diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Perkuburan. Berikut ialah senarai peruntukan pembiayaan bagi tujuan mengikut daerah.

SENARAI PEMBIAYAAN PERUNTUKAN DARIPADA AKAUN AMANAH PERKUBURAN BAGI TAHUN 2011 - 2012

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PERKARA	TAHUN	JUMLAH (RM)
		KLANG		
1.	Majlis Perbandaran Klang	Projek Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek	2009	800,000.00
2.	Majlis Perbandaran Klang	Projek Membina Infrastruktur dan Kemudahan Asas Tapak Tanah Perkuburan Islam Johan Setia Klang (Fasa 1)	2012	500,000.00
		PETALING		
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Projek Kerja-kerja Penambahbaikan Tapak Kubur Islam Seksyen 21 Shah Alam	2012	400,000.00
2.	Persatuan Perkuburan Orang Cina Batu 3, Shah Alam	Pembinaan Calibrium	April 2011	70,000.00
		HULU LANGAT		
1.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Kerja-kerja Awal Pembangunan Infrastruktur dan Landskap di Tanah Perkuburan Islam Bukit Sungai Seputeh (Bukit Permai) Ampang	2011	1,000,000.00
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Lapan Tanah Perkuburan Islam Sedia ada Di Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2012	400,000.00

c) Kerajaan Negeri telah menyediakan Laporan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor (Jilid 1) dan Laporan Inventori Tanah Perkuburan di Negeri Selangor Tahun 2010 (Jilid 2) yang menyenaraikan kesemua tapak-tapak perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama di Negeri Selangor serta unjuran keperluan tapak perkuburan di Negeri Selangor sehingga tahun 2060. Laporan ini akan dijadikan sebagai pangkalan data bagi penyediaan tapak perkuburan untuk keperluan di Negeri Selangor.

Selaras dengan itu, untuk mengatasi kekurangan tapak perkuburan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan penyediaan Tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu secara perkongsian antara PBT bagi penyediaan tapak perkuburan dan kemudahan berkaitan dengannya. Perkara ini masih di peringkat perbincangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: PROJEK IBU TUNGGAL – SOHO (PET-SOHO)

108. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah peruntukkan bagi projek ini dan mengapa ia tidak melibatkan wanita berpendapatan rendah?

JAWAPAN:

a) Program Pemberdayaan Ekonomi Ibu Tunggal Bekerja dari Rumah Negeri Selangor (PET SOHO-S) melibatkan suatu usaha memberdaya Ibu Tunggal. Statistik dari pendaftaran di portal ibu tunggal Selangor menunjukkan hampir 25,000 orang ibu tunggal di Selangor telah mendaftar. Statistik ini tidak termasuk bilangan 'ibu tinggal' yang menghadapi kemelut yang sama namun mempunyai nasib yang lebih malang.

Hasil kajian terhadap profail Ibu Tunggal berdaftar di Selangor (pendaftaran Portal Ibu Tunggal Selangor) mendapati enam puluh peratus (60%) Ibu Tunggal dikategorikan sebagai miskin (berpendapatan kurang RM1500), dengan empat puluh sembilan peratus (49%) miskin tegar (pendapatan di bawah RM720 . Berbanding hanya 0.064% (15 orang) yang berpendapatan RM3,000 ke atas. Dua belas peratus (12%) Ibu Tunggal tidak bersekolah formal, manakala tujuh belas peratus (17%) hanya mendapat Pendidikan setakat sekolah rendah; pendidikan menengah sembilan belas peratus (19%) dan hanya 4 peratus (4%) berpendidikan tinggi dan maktab.

Keutamaan PET SOHO-S kepada Ibu Tunggal ialah kerana mereka tiada punca pendapat lain selain diri mereka berbanding wanita berpendapatan rendah yang mempunyai suami atau ketua keluarga untuk menyara kehidupan mereka dan anak-anak mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

109. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan jumlah peruntukan MARRIS bagi Negeri Selangor untuk tahun 2006, 2007, 2010,2011 dan 2012.

b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan setakat ini (untuk tahun 2012) bagi setiap DUN ?

c) Adakah perancangan bagi pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi peruntukan ini pada masa hadapan ?

JAWAPAN :

a) Jumlah Peruntukan Pemberian MARRIS daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2006, 2007, 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Terimaan (RM)
2006	174,095,714.00
2007	252,589,155.00
2010	351,659,938.00
2011	368,356,025.00
2012 (Terimaan sehingga Jun 2012)	184,178,010.00

b) Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 15 / 2012 bertarikh 26 April 2012 bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM2,000,000.00 bagi pelaksanaan Projek MARRIS kepada setiap Ahli Dewan Negeri. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi kuasa berbelanja kepada Datuk Bandar/Yang DiPertua Majlis supaya projek-projek yang telah disenaraikan dan dipersetujui di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Dewan Negeri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif.

Setakat 30 Jun 2012, sebanyak 672 projek bernilai RM72,201,151.30 sedang di peringkat pelaksanaan sebutharga dan pelantikan kontraktor dan kerja-kerja di tapak dijangka akan dimulakan dalam tempoh terdekat.

c) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil 23/2012 pada 20 Jun 2012 telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000.00 kepada semua Pegawai Daerah bagi pelaksanaan projek MARRIS di peringkat daerah.

Skop projek MARRIS di peringkat daerah melibatkan pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan, iaitu kerja-kerja pembaharuan muka jalan *(resurfing*) dan kerja-kerja tampalan *(patching) serta m*elaksanakan pembaikan longkang tepi jalan dan cerun tepi jalan dan pembaikan jalan tanah *(crusher run)* yang berada di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PENDIDIKAN PERCUMA

110. Wujud polemik dasar "pendidikan percuma" dengan gesaan pemansuhan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap fungsi dan peranan PTPTN?

b) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk melaksanakan dasar "pendidikan percuma" peringkat negeri?

c) Adakah kerajaan negeri bersedia memansuhkan yuran di KUIS dan UNISEL?

JAWAPAN :

a) PTPTN adalah satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan berjalan mengikut dasar yang ditetapkan. Jika Pakatan Rakyat menguasai Putrajaya maka peranan dan dasar PTPTN akan dikaji.

b) "Pendidikan percuma" adalah dasar yang akan dijalankan oleh kerajaan Pusat apabila Pakatan Rakyat menguasainya. Ianya bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri.

c) Kerajaan negeri bersedia memansuhkan yuran di KUIS dan UNISEL jika sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengurus sendiri hasil dan pendapatan negerinya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH

111. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Kenapa sehingga hari masih terdapat banyak aduan terhadap perkhidmatan kutipan sampah di PBT-PBT?

b) Berapa kontraktor telah ditamatkan kontrak kerana tidak berprestasi baik?

c) Berapa jumlah wang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri dalam pembelian kompaktor dan bilangannya?

JAWAPAN :

a) Pihak Majlis Perbandaran Sepang (**MPSp**) menyatakan bahawa masalah aduan terhadap perkhidmatan kutipan sampah menunjukkan peningkatan pada permulaan proses pengambilalihan disebabkan beberapa faktor seperti kontraktor yang dilantik kurang mahir dengan kawasan atau zon yang ditetapkan. Manakala pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (**MPAJ**) memaklumkan bahawa peningkatan masalah aduan tersebut disebabkan kurangnya kesedaran sivik orang awam supaya tidak membuang sampah di kawasan yang tidak sepatutnya.

b) Setakat ini pihak **MPAJ** baru menamatkan empat (4) kontraktor kerana gagal mengikut kepada kerja-kerja yang telah ditetapkan semasa proses pelantikan dibuat. Manakala pihak Majlis Perbandaran Selayang (**MPS**) telah menamatkan lima (5) kontraktor dan empat (4) kontraktor yang menarik diri kerana tidak mampu melaksanakan tugas dengan kadar harga yang telah ditawarkan.

c) Kerajaan negeri tidak mengeluarkan sebarang belanja ke atas pembelian kompaktor. Kompaktor sebanyak 50 buah telah dibeli melalui syarikat milik penuh kerajaan negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Jumlah kos pembelian 50 buah kompaktor tersebut kepada KDEB adalah sebanyak RM12.75 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN BUKIT BOTAK

112. Berdasarkan faktor kualiti bahan binaan rumah dan juga faktor tanggung jawab sosial Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan untuk memiliki rumah kediaman sendiri, masih terdapat rungutan di kalangan pemilik-pemilik rumah di Bukit Botak bahawa kadar harga rumah yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor adalah tinggi dan boleh di turunkan kepada kadar yang lebih munasabah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rasional untuk mengenakan kadar harga rumah yang tinggi kepada pemilik sedangkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang dikatakan mempunyai aset yang begitu besar turut mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri?

b) Ingin tahu secara terperinci kos sebenar bagi membangunkan projek rumah ini berbanding harga rumah yang ditawarkan yang pastinya telah dibuat berdasarkan unjuran?

c) Apakah pihak Kerajaan Negeri Selangor akan membuat semakan semula bagi mengurangkan harga rumah kepada kadar mampu milik yang amat diharapkan oleh pemilik-pemilik tanah di Bukit Botak?

JAWAPAN :

a) Harga rumah di Bukit Botak sebanyak RM99,000 seunit adalah harga yang munasabah berbanding dengan nilai pada harga pasaran semasa yang dianggarkan dalam lingkungan RM250,000 ke atas.

Pada keseluruhannya PKNS menanggung subsidi sebanyak RM79.2 juta untuk pembangunan Bukit Botak. Sekiranya PKNS menurunkan harga di bawah RM99,000 seunit, subsidi yang akan ditanggung oleh PKNS terlalu tinggi dan kurang wajar PKNS hanya menumpukan satu projek sahaja untuk disubsidikan kerana PKNS dipertanggungjawabkan menyalurkan bantuan kepada seluruh negeri Selangor.

Walaupun harga yang ditawarkan RM99,000 seunit, peserta mendapat nilai produk yang lebih tinggi yang dianggarkan berharga RM250,000 seunit. Jika harga rumah ditawarkan RM52,000 seunit, subsidi yang perlu ditanggung oleh PKNS ialah RM140 juta.

b) Kos sebenar pembangunan Bukit Botak adalah RM215.9 juta dan PKNS menanggung subsidi sebanyak RM79.2 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : HUTANG TALAM

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status terkini pengutipan hutang syarikat Talam oleh Kerajaan Negeri?

b) Berapakah jumlah hutang yang telah dikutip?

c) Sila berikan butir-butir perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk hutang Talam yang sudah dikutip.

JAWAPAN :

a) Jumlah pengiktirafan hutang talam berjumlah RM391,986,473 telah di rekodkan di akaun MBI pada tahun 2009. Dari jumlah ini, sebanyak RM302,711,391(77.22%) telah berjaya dijual kepada anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat tempatan untuk dibangunkan. Baki RM89,275,082, masih dalam proses pencarian pembeli perspektif. Berikut adalah status terkini pengiktirafan hutang Talam.

HARTANAH YANG SUDAH TERJUAL

	Jumlah Bersih (RM)
A. Bukit Beruntung Land - 25.94acre (Jualan Kepada PKNS)	8,512,774.95
B. 1275.92 Acre Bukit beruntung (Jualan Kepada PNSB)	150,346,938.59
C. 1312.89 acre Bestari Jaya (Jualan Kepada PNSB)	70,520,950.00
D. Penghutang - City Link	5,000,000.00
E. Asset hartanah talam - Lain2 (Dicadang diambil alih KHSB)	44,723,900.00
F. Penghutang - PIYSSB (UNISEL) (PIYSB belum putus cara pembayaran)	7,669,689.00
G. Danau Putra - Lot 14003 PN 39253 (Jualan Kepada Golden Sprint Sdn. Bhd.	8,332,020.00
H. Danau Putra - Lot 14001 PN 39251 (Jualan Kepada Perikatan Progresif Sdn. Bhd.)	7,605,118.00
JUMLAH HARTANAH TELAH TERJUAL	**302,711,390.54**

HARTANAH YANG BELUM TERJUAL

	Jumlah Bersih (RM)
A. Danau Putra Danau Putra - Lot 14002 (Dalam proses memilih pembeli berkelayakan dan menyelesaikan 'encumbrances bank(Bangkok Bank)	42,067,846.00
B. Batang Berjuntai (950Acre)	52,285,200.00
JUMLAH HARTANAH BELUM TERJUAL	**94,353,046.00**

JUMLAH KESELURUHAN IKTIRAF HUTANG TALAM	**397,064,436.54**
Jumlah Akan Dipulang Kepada TALAM	(5,077,963.54)
NILAI BERSIH IKTIRAF AMAUN TALAM	**391,986,473.00**

b) Setakat 31 Mei 2012, jumlah hasil jualan hartanah talam adalah berjumlah RM302,711,391. Dari RM302,711,391, sebanyak RM22,350,662 telah dikutip secara tunai, selebihnya RM280,360,729 dikutip secara berkala. Berikut adalah status terkini kutipan berjumlah RM302,711,391.

RINGKASAN KUTIPAN HUTANG

i. Masih Berhutang

PNSB	- Bukit Beruntung	142,294,451		
	- Bestari Jaya	69,735,551	212,030,002	
KHSB	- Land Bukit Jalil	12,000,000		
	- Land Ulu Yam	18,000,000		
	- 60% share Ulu Yam Golf	4,200,000		
	- 5unit block Menara Pandan	2,723,900		
	- Ukay Perdana lot	7,800,000	44,723,900	
PIYSB	- Pindahan amaun terhutang		7,669,689	
Golden Sprint S/B	- Danau Putra - Lot 14003		8,332,020	
Perikatan Progresif S/B	- Danau Putra - Lot 14001		7,605,118	
JUMLAH MASIH BERHUTANG				280,360,729

ii. Kutipan Tunai

PKNS	- Bukit Beruntung Final Pay		8,512,775	
PNSB	- Bukit Beruntung(deposit)	5,000,000		
	- Lebihan Bayaran Encumbran	558,844		
	- 1st Installment	3,279,043		
			8,837,887	
CITILINK	- Pindahan hutang		5,000,000	
JUMLAH YANG BERJAYA DIKUTIP SECARA TUNAI				22,350,662
JUMLAH KUTIPAN HUTANG				**302,711,391**

c) Pihak Kerajaan Negeri tidak menyumbang sebarang perbelanjaan secara terus, kecuali memberi rebat terhadap denda kelewatan membayar cukai berkaitan tanah talam. Rebat ini diperoleh setelah MBI memohon pelepasan secara bertulis agar ianya dikecualikan. Jumlah rebat yang diperoleh adalah sebanyak RM885,760. Namun, sekiranya maksud soalan Y.B adalah perbelanjaan program-program Kerajaan Negeri hasil dari duit talam, perbelanjaan ini telah digunapakai bagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Antara program MES adalah, Program TAWAS, Program Khairat Kematian, Program Skim Mikrokredit, Program Skim Air Percuma, Program Jom Shopping dan lain lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

114. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah prestasi kewangan Negeri Selangor secara perbandingan sejak 4 tahun yang lepas ?

b) Sila nyatakan setakat manakah kesan kemungkinan krisis ekonomi global yang dijangkakan bakal kembali lagi terhadap kedudukan kewangan Negeri Selangor ?

c) Sila nyatakan bagaimanakah keberkesanan prinsip Ketelusan,Keupayaan dan Kebertanggungjawaban serta akauntabiliti yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri dalam konteks memperkasakan kedudukan kewangan Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

a.) Prestasi kewangan Negeri Selangor secara perbandingan sejak 4 tahun yang lepas dapat diperjelaskan melalui jadual di bawah:

	2011 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Hasil	1,634.01	1,571.50	1,763.87	1,516.34
Belanja Mengurus	951.01	902.12	1134.08	661.69
Belanja Pembangunan	502.38	550.24	714.10	849.82

Jadual di atas menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2010. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor sejak 4 tahun lepas menunjukkan prestasi yang baik.

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan trend yang meningkat iaitu daripada RM1,516.34 juta pada tahun 2008 kepada RM1,634.01 juta pada tahun 2011. Peningkatan ketara di dalam hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2009 adalah berkaitan hasil jualan hutang oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM391.99 juta. Manakala peningkatan di dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2009 adalah berkaitan pemberian geran kepada Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) bagi pembelian hutang Syarikat Talam Corporation daripada Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.

Selain itu, nisbah semasa Kerajaan Negeri adalah baik iaitu memperoleh nisbah lebih daripada 1 bagi tempoh tersebut, ini menunjukkan Kerajaan Negeri mampu menampung jumlah tanggungan semasa.

Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan daripada tahun 2008 hingga tahun 2011 juga menunjukkan trend yang meningkat iaitu sebanyak RM673.96 juta pada tahun 2008 dan telah meningkat sehingga RM912.75 juta pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pada baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2009 iaitu pada RM608 juta sahaja disebabkan penyata Kerajaan Negeri mencatatkan defisit sejumlah RM65.96 juta.

b.) Secara teorinya, krisis ekonomi global yang bakal berlaku akan secara tidak langsung menjejaskan ekonomi negeri Selangor terutamanya dari sudut kuasa beli pengguna dan aliran wang dalam pasaran negara. Walau bagaimanapun, impak krisis tersebut adalah sangat minima ke atas prestasi kewangan dan dana yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri.

Ini adalah susulan daripada kecekapan pengurusan kewangan dengan bajet berimbang yang diamalkan serta tiadanya risiko pelaburan luar negara dan instrumen-instrumen pelaburan yang berubah mengikut pasaran yang mungkin akan memberi kesan negatif secara langsung keatas kewangan Kerajaan Negeri.

c.) Amalan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta akauntabiliti sememangnya dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik *(value for money)*. Ini juga bagi memastikan wujudnya elemen *check and balance* didalam setiap urusan.

Seterusnya, tindakan tegas mengikut peruntukan tatatertib semasa seperti surcaj, turun pangkat, buang kerja dan yang berkaitan boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan awam yang gagal mematuhi tatacara dan peraturan serta cuai semasa melaksanakan tugas.

Diantara contoh-contoh amalan didalam urusan rasmi Kerajaan Negeri bagi memastikan ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta akauntabiliti adalah mengwujudkan sistem tender terbuka didalam semua perolehan Kerajaan Negeri bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat '*best value for money*'.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: PERUNTUKKAN BANTUAN BULANAN KEPADA JKM OLEH NEGERI

115. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapa peruntukkan bantuan bulanan yang ditanggung oleh kerajaan negeri bagi setiap penerima?

b) Adakah kerajaan negeri merancang untuk meningkatkan jumlah sumbangan?

JAWAPAN:

a) Kadar kelulusan Bantuan Am adalah di antara RM75.00 hingga RM175.00 sebulan bagi setiap penerima. Jadual di bawah adalah menunjukkan bilangan penerima bantuan Am berserta jumlah RM bagi setiap daerah :

BIL.	PKMD	BIL. KES	JUMLAH (RM) (JUN 2012)	JUMLAH (RM) (JAN-JUN 2012)
1	Petaling	1159	178,735.00	1,010,145.00
2	Gombak	1078	105,475.00	622,630.00
3	Hulu Selangor	1247	165,885.00	980,925.00
4	Kuala Selangor	1100	123,660.00	706,042.00
5	Sabak Bernam	585	92,735.00	545,810.00
6	Hulu Langat	1514	210,245	1,217,575.00
7	Sepang	682	78,460.00	469,450.00
8	Klang	1368	192,325.00	1,102,695.00
9	Kuala Langat	921	147,265.00	879,015.00
JUMLAH		**9654**	**1,294,785.00**	**7,534,287.00**

b) Sememangnya Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dengan masalah kesempitan hidup yang dialami oleh rakyat di Negeri Selangor. Pelbagai masalah lain akan timbul sekiranya isu kebajikan rakyat tidak dibendung.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan kadar bantuan bulan, iaitu Bantuan Am sebanyak RM75.00 hingga RM 175.00 sebulan kepada rakyat Negeri Selangor yang telah dikenal pasti layak untuk menerima bantuan ini oleh Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan sedikit sebanyak bebanan keluarga/individu yang kurang berkemampuan dari sudut kewangan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Turut dihargai kepada Kerajaan Persekutuan di atas tambahan sebanyak 33.3.% bagi setiap jumlah bantuan am yang disalurkan kepada penerima bantuan.

Perancangan untuk meningkatkan jumlah sumbangan bantuan bulan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor masih dalam pertimbangan. Kerajaan Negeri juga sedar bahawa keperluan rakyat yang menghadapi kesempitan kewangan demi menjalani kehidupan semakin hari semakin meningkat. Namun begitu Kerajaan Negeri juga perlu membantu mereka dari kelompok kemiskinan dari dibelenggu kemiskinan yang berterusan. Pelbagai program yang telah disediakan melalui program Polisi Workfare, iaitu dari bantuan kepada pekerjaan (Wellfare to Workfare) bagi membantu golongan ini membangunkan diri dan perniagaan yang diminati seterusnya dapat membantu menjana pendapatan tetap sekaligus dapat keluar dari kehidupan yang sukar.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang benar-benar memerlukan bantuan secara bulanan, bantuan am ini akan diteruskan kepada penerima bantuan yang benar-benar layak. Perancangan untuk meningkatkan jumlah sumbangan bantuan akan diperhalusi dengan lebih teliti bagi memastikan peruntukan yang disalurkan dapat dimanfaatkan oleh penerima bantuan sepenuhnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENGUMPULAN AIR HUJAN

116. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan sumber air hujan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk menggalakkan orang ramai menjalankan program pengumpulan air hujan secara domestik?

b) Apakah langkah-langkah promosi dan insentif yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan orang ramai melaksanakan projek ini?

c) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mewujudkan "pilot project" pengumpulan air hujan secara domestik?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri amat menggalakkan orang ramai menjalankan program pengumpulan air hujan secara domestik. Melalui Lembaga Urus Air Selangor, pengumpulan air hujan ini akan dilaksanakan di 3 buah komuniti yang pertama pada tahun 2013 mengikut perancangan di dalam Pelan Strategik Lembaga Urus Air Selangor 2012-2016. 3 buah komuniti ini serta kawasan pelaksanaannya akan dikenalpasti berdasarkan reka bentuk sistem pengumpulan air hujan yang sedang dihasilkan supaya bersesuaian dengan struktur bangunan dimana ianya akan digunakan.

b) Antara langkah promosi dan insentif yang dijalankan oleh Lembaga Urus Air Selangor bersama Pejabat YB. Elizabeth Wong adalah dengan mengadakan Pertandingan Inovasi Sistem Penuaian Air Hujan Negeri Selangor 2012 bagi menggalakkan penglibatan orang awam, pelajar dan juga sektor swasta di dalam usaha mengitar semula air hujan. Pertandingan ini telah dijalankan pada bulan Mac dan April 2012.

   Sejumlah peserta daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta syarikat-syarikat jurutera perunding dijemput untuk menyertai pertandingan ini dengan menghasilkan inovasi sistem penuaian air hujan yang kreatif, ekonomi dan praktikal. Insentif berbentuk hadiah wang tunai diberikan kepada peserta yang menghasilkan reka bentuk yang memenuhi kriteria-kriteria tersebut. Hasil daripada laporan dan reka bentuk sistem yang dipilih ini, ianya akan dijadikan reka bentuk rujukan dan boleh digunakan bagi pelaksanaan pengumpulan air hujan di Negeri Selangor.

c) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor telah meluluskan pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di dua pusat komuniti sebagai *Pilot Project* iaitu di :

1. Komuniti Al-Husna, Seksyen 20 Shah Alam (dalam pembinaan).

2. Komuniti Al-Bakri Bukit Naga, Seksyen 31 Shah Alam (penghasilan rekabentuk)

Air hujan yang dikumpulkan akan digunakan untuk tujuan pencucian lantai, penyiraman tanaman dan untuk air siraman tandas (flushing). Komuniti akan mendapat faedah penjimatan penggunaan air terawat dari bekalan paip Syabas selain mengurangkan kos bil air terawat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM - MONOREL

117. Projek monorel Kerajaan Persekutuan melibatkan kawasan di Selangor seperti Sungai Buloh, Petaling Jaya dan Subang adalah baik untuk rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan projek ini?

b) Apakah peranan kerajaan negeri bagi memastikan projek ini berjalan lancar?

c) Apakah projek ini termasuk dalam perancangan pengangkutan awam negeri?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman, projek *Mass Rapit Transit* (MRT) yang akan melibatkan jajaran bermula daripada stesen Sungai Buloh dan berakhir di stesen Kajang. Manakala bagi laluan projek sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) yang melibatkan jajaran Laluan Kelana Jaya – Laluan Ampang akan berakhir di stesen Putra Heights. Kedua-dua projek ini dalam proses pembinaan mengikut kepada pakej-pakej yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

b) Di peringkat Kerajaan Persekutuan, projek MRT tersebut akan dibincangkan melalui mesyuarat EXCO MRT yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara setiap dua (2) minggu sekali. Manakala di peringkat Kerajaan Negeri akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang akan dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar setiap tiga (3) bulan sekali.

   Bagi projek sambungan LRT kini akan diselaraskan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di mana dahulunya diselaraskan oleh Kementerian Pengangkutan.

c) Ya. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor (JPBD) bertindak menyelaras cadangan oleh pihak Kerajaan Persekutuan iaitu *Greater KL / Klang Valley Public Transport Master Plan*. Kedua-dua projek tersebut akan dimasukkan di dalam Rancangan Tempatan (RT) setiap PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : MASALAH BANJIR

118. Pada 7 Mei yang lepas, banjir telah melanda mukim Batang Kali dan Kawasan sekitarnya. Kejadian banjir ini telah mengalami kerugian besar akibat banjir tersebut .

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha jangka panjang yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut ?

b) Adakah kerajaan negeri dapat menganggarkan berapakah kerugian akibat banjir tersebut ?

c) Berapa ramai bilangan penduduk yang terlibat dan apakah bentuk bantuan jangka pendek yang telah diberikan kepada mangsa banjir itu ?

JAWAPAN :

a) Kejadian banjir di Hulu Selangor yang berlaku pada 7 Mei yang lalu adalah berpunca daripada jumlah hujan yang turun agak tinggi di kawasan 'upstream' terutama dari kawasan Genting Highland yang mana Sungai Batang Kali tidak mampu untuk menampung jumlah air yang turun ini.

Untuk tindakan jangka panjang, JPS akan menjalankan kajian hidraulik ke atas Sungai Batang Kali sebelum kerja-kerja mendalamkan sungai ini dilaksanakan dengan anggaran kos sebanyak RM5.0 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SERI SERDANG)

TAJUK : PEJABAT PENASIHAT EKONOMI SELANGOR

119. Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor sejak tahun 2009 mempunyai pejabat untuk melaksana tugas beliau.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah fungsi dan tanggungjawab pejabat Penasihat Ekonomi Selangor?

b) Bagaimanakah kedudukan pejabat Penasihat ekonomi Selangor dalam struktur pentadbiran kerajaan?

c) Berapakah orang kakitangan dan peruntukan pengurusan tahunan bagi pejabat Penasihat Ekonomi Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: GERAN SELANGORKU

120. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah garis panduan yang digunapakai dalam proses penilaian dan kelulusan sesuatu permohonan Geran Selangorku untuk menjamin ketelusan dan prinsip kebertanggungjawaban?

b) Siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Penilaian dan Kelulusan Geran Selangorku?

JAWAPAN:

a) Bersesuaian dengan objektif utama Geran Selangorku, setiap program yang diusulkan hendaklah memenuhi falsafah dan agenda pelaksanaan yang telah digariskan seperti berikut :-

- 'Value for Money' – Hasil program benar-benar menepati nilai setiap Ringgit yang dibelanjakan serta mengawal ketirisan agar matlamat dan faedah program dapat dinikmati oleh kumpulan sasar.
- Pelaksana Projek bukan dari kalangan Pencetus Projek bagi mengelakkan wujudnya unsur-unsur 'conflict of interest'.
- Pemerkasaan ('empowerment') rakyat terbanyak dan bukan sekadar memberi kontrak kerja semata-mata di samping memastikan tiada projek berakhir sebagai Gajah Putih.
- Menitikberatkan pembinaan kemahiran serta kelestarian ('sustainability') bagi mengurangkan sikap kebergantungan yang berterusan.
- Penekanan kepada aspek kecekapan pelaksanaan, pemantauan rapi serta kawalan mutu perkhidmatan.
- Permohonan boleh dilakukan secara persendirian atau melalui JK Penduduk, Pejabat ADUN, PBT, PTD atau JKR.

Manakala garis panduan bagi permohonan yang tidak berbentuk infrastruktur pula:

- Geran Selangorku TIDAK akan mempertimbangkan sebarang permohonan yang berbentuk SUMBANGAN.
- Sebarang permohonan yang telah mempunyai peruntukan sediada di luar Geran Selangorku (seperti peruntukan STANCO) TIDAK akan dipertimbangkan.
- Semua kos untuk mengadakan acara bagi penyerahan peruntukan Geran Selangorku hendaklah menggunakan peruntukan STANCO dan TIDAK akan ditanggung oleh Geran Selangorku.
- Sebarang permohonan untuk menganjurkan sesuatu program yang memerlukan peruntukan Geran Selangorku hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh program berlangsung. Ini bertujuan memberi tempoh yang sewajarnya kepada Jawatankuasa Pemandu Geran Selangorku membuat pertimbangan.

Berasaskan kepada prinsip bahawa Geran Selangorku merupakan peruntukan berbentuk sekali sahaja (one off allocation) maka ia tidak merangkumi program-program seperti berikut :-

- Program yang merupakan acara tahunan.
- Program yang tidak FEASIBLE dan/atau tidak menampakkan kelestarian (SUSTAINABILITY)
- Program yang berbentuk kajian kemungkinan (FEASIBILITY STUDY) dan belum teruji keberkesanannya.
- Program yang mengutamakan khidmat nasihat Perunding (Consultant) / Pengurus Acara (Event Manager) yang mana kos bagi khidmat tersebut tersebut akhirnya menyumbang sebagai Kos Utama.
- Program yang memberi manfaat kepada individu tertentu sahaja dan tidak dapat dinikmati oleh keseluruhan komuniti

b) Jawatankuasa Pemandu Geran Selangorku terdiri daripada:

- Datin Paduka Alinah Ahmad (Pengerusi)
- Puan Rohany Talib
- Puan Arfaezza
- Encik Abdul Halim Mohamed Yusof
- Puan Ooi Lee Kean (Setiausaha)

Jawatankuasa ini dibantu oleh pakar-pakar teknikal yang terdiri dari:

- Mr Wong Poh Weng (Penasihat)
- Encik Shukri Ishak – (Team Lead, Jurutera K.Sel)
- En Zabri Yaman (Akauntan)
- Puan Norshimah Meon (QS JKR)
- Puan Nooreeza M Noor (QS LPHS)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : ASET BALKIS

121. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan aset yang didaftarkan di bawah nama BALKIS, tetapi milik Kerajaan Negeri Selangor.

b) Senaraikan jumlah aset BALKIS yang telah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Selangor dan badan/jabatan manakah yang mengambil alih pengurusan BALKIS bagi menjamin ketelusan dalam segi pentadbiran aset dan aktiviti badan tersebut.

c) Apakah fokus utama badan yang telah mengambil alih peranan BALKIS?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PANGSAPURI KOS RENDAH

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah garis panduan dan pencapaian Program menceriakan Pangsapuri kos rendah?

b) Senaraikan pangsapuri di DUN Kajang yang telah mendapat bantuan dalam program tersebut?

c) Apakah rancangan dalam pemulihan projek terbengkalai Pangsapuri kos rendah?

JAWAPAN :

a) Secara umum, Skim CERIA (Cairng Government For Residents' Improvement Aid) merupakan bantuan baik pulih pangsapuri berkonsepkan perkongsian kos baik pulih di antara Kerajaan Negeri penduduk, khusus untuk pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah. Tawaran baik pulih ini dihadkan untuk satu (1) jenis kerosakan harta bersama dengan kos tidak melebihi RM300 ribu. Sehingga 22 Jun 2012, sebanyak 69 pangsapuri (LAMPIRAN A) telah dipilih menyertai Skim CERIA. Sebanyak 26 kawasan telah siap dibaikpulih manakala 25 kawasan masih dalam proses kerja baik pulih. Garis panduan Skim CERIA yang terperinci adalah seperti di LAMPIRAN B.

b) Kawasan-kawasan yang telah ditawarkan Skim CERIA di bawah DUN Kajang adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Status baikpulih
1.	Flat Taman Damai Jaya, Batu 9, Cheras	MPKj	Sistem Pembentungan	Selesai
2.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Alam Jaya, Batu 9, Cheras	MPKj	8 unit tangki air	Tolak tawaran kerana JMB tidak membayar deposit 5%

c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah merancang dan mengenalpasti projek terbengkalai kos rendah di Negeri Selangor untuk dipulihkan semula. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli / Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri akan terus berbincang dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai kos rendah. Jawatankuasa ini telah menjalankan Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) bagi mengenalpasti isu dan masalah serta kos pemulihan projek kos rendah tersebut. Setakat ini terdapat 13 projek telah dikenalpasti berpotensi dipulihkan oleh jawatankuasa ini.

Jawatankuasa ini juga telah mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit atau pemaju penyelamat bersama semua jabatan teknikal bagi tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan. Selain itu, Jawatankuasa ini juga akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian *(bridging loan)* supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju.

Sekiranya terdapat kenaikan kos pemulihan, Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut bagi mendapatkan butiran terperinci kos tambahan yang perlu ditanggung secara bersama oleh pembeli-pembeli. Walau bagaimanapun, ia perlu mendapat persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah pembeli bagi tujuan pemulihan. Lanjutan daripada itu, jawatankuasa ini turut mengadakan mesyuarat berkala bagi memantau perkembangan projek tersebut dari masa ke semasa sehingga memperolehi Sijil Layak Menduduki.

Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan projek tersebut dapat dipulihkan semula. Sebagai contoh, tindakan ini telah dilaksanakan bagi penyelesaian Projek Bukit Botak dan Alam Perdana yang melibatkan pengambilan tanah secara menyeluruh bagi tujuan memulihkan semula projek terbengkalai dan menjamin hak pembeli terlibat.

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN YANG DIBAIKPULIH DI BAWAH SKIM CERIA

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
1.	Pangsapuri Flora Damansara A dan B	MBPJ	4 unit lif	2011	223,440.00
2.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	2 unit lif	2011	108,475.50
3.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	2 unit lif	2011	8,144.85
4.	Flat Taman Medan 32, (blok A-E) Taman Medan Baru	MBPJ	Salur air hujan gutter 5 blok	2011	262,500.00
5.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	2 unit lif	2011	45,078.60
6.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	3 unit lif	2011	138,442.50
7.	Flat Sri Cemara, Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur (4 blok 360 unit)	MBPJ	Mengecat	2012	190,577.47
8.	Apartment Harmoni, Damansara Damai, Petaling Jaya	MBPJ	Menurap jalan	2012	118,495.00
9.	Flat Desa Mentari Blok 2	MBPJ	Baikpulih 2 unit lif	2012	52,816.98
10.	Flat Desa Mentari Blok 3	MBPJ	Baikpulih 2 unit lif	2012	54,471.98
11.	Taman Medan, Blok D & F	MBPJ	Membaikpulih Tangki Air (2 unit)	2012	70,048.00
12.	Pangsapuri Mentari	MBSA	3 unit lif	2011	49,350.00
13.	Pangsapuri KR Taman Subang Perdana	MBSA	Mengecat	2012	71,625.96
14.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 21 (PN7815) Seksyen 24, Shah Alam (6 blok 240 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	217,237.50
15.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 46 (PN7799) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 120 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	114,000.00
16.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 6 (PN7818) Seksyen 24, Shah Alam (8 blok 320 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	366,250.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
17.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 23 (PN7814) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 160 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**152,500.00**
18.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 40 (PN7803) Seksyen 24, Shah Alam (1 blok 30 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**89,200.00**
19.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 26 (PN7813) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 140 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**126,000.00**
20.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 12 (PN7817) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 140 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**123,950.00**
21.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 34 (PN7805) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 100 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**205,100.00**
22.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 52 (PN7801) Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 220 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**186,850.00**
23.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 36 (PN7804) Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 150 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**322,200.00**
24.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 2 (PN7820) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 120 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**118,750.00**
25.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 16, Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 200 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**233,400.00**
26.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 48 (PN7800) Seksyen 24, Shah Alam (2 blok 100 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**89,450.00**
27.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 44 (PN7797) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 100 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**104,500.00**
28.	Blok 6-9 Seksyen 19	**MBSA**	Salur Paip sanitari	**2012**	**83,150.00**

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
29.	Pangsapuri Kos Rendah Teratai, Seksyen U16	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	163,500.00
30.	Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Kiambang, Seksyen U16	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	106,900.00
31.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	Salur air hujan *(gutter)* 4 blok	2011	60,354.00
32.	Pangsapuri Kenanga, Tmn Bukit Kinrara (252 unit)	MPSJ	Mengecat	2012	126,550.00
33.	Pangsapuri Taman Muhibbah Blok A,B,C,D	MPSJ	Mengecat	2012	289,150.00
34.	Pangsapuri Kos Rendah Bandar Sunway	MPSJ	Mengecat	2012	331,200.00
35.	Pangsapuri Enggang	MPSJ	Sistem Pencegah Kebakaran	2012	150,200.00
36.	Flat Puchong Permai F9-F10	MPSJ	Baikpulih 1 unit lif	2012	74,625.00
37.	Flat Puchong Permai F5-F8	MPSJ	Baikpulih 1 unit lif	2012	65,090.35
38.	Pangsapuri Dahlia, Persiaran Bukit Raja, Klang	MPK	Baikpulih 2 unit lif	2012	91,190.00
39.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	5 unit Lif	2011	367,500.00
40.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	2 unit lif	2011	367,500.00
41.	Pangsapuri Impian Sentosa, Klang	MPK	Baikpulih 5 unit lif	2012	288,516.85
42.	Pangsapuri Inai, Pandan Indah	MPAJ	Mengecat 4 Blok	2012	222,428.88
43.	Flat Pandan Jaya L28 (40 unit)	MPAJ	Mengecat 1 Blok	2012	24,578.57
44.	RPKR Taman Cahaya, Ampang	MPAJ	Mengecat 3 Blok	2012	124,421.85
45.	Merpati B Apartment, Pandan Indah	MPAJ	Mencuci & Mengecat tangki	2012	113,500.00
46.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	4 unit tangki	2011	69,300.00
47.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	4 unit lif	2011	357,000.00
48.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	1 unit lif	2011	120,750.00
49.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Baikpulih bumbung	2011	199,500.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
50.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	Baikpulih 8 unit tangki air	2011	19,005.00
51.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D dan E	MPKj	Bumbung blok D dan E	2011	44,205.00
52.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Alam Jaya, Batu 9	MPKj	Baikpulih 8 unit tangki air	2012	96,600.00
53.	Pangsapuri Orkid, Bandar Mahkota Cheras	MPKj	Baikpulih bumbung	2012	368,800.00
54.	Pangsapuri Kenari Blok A,B,C,D Taman Impian	MPKj	Ganti Kotak Pendawaian Eletrik	2012	52,100.00
55.	Pangsapuri Medan Damai 1F	MPKj	Baikpulih bumbung	2012	144,850.00
56.	Pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma	MPKj	Baikpulih Taman Permainan	2012	24,650.00
57.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Bumbung 16 unit tkt 5 Blok G	2011	98,595.00
58.	Apartment Julia Blok A, B, C, D, E & G, Bandar Baru Selayang (469 unit)	MPS	Mengecat	2012	245,550.00
59.	Apartment Julia Blok F, Bandar Baru Selayang (80 unit)	MPS	Mengecat	2012	41,450.00
60.	Pangsapuri Kenanga, Taman Gombak Permai, Batu Caves	MPS	Membaiki pagar	2012	19,900.00
61.	Pangsapuri **Dahlia A** Blok 1-5, Bandar Baru Selayang	MPS	Membaiki longkang	2012	41,800.00
62.	Flat Samudera, Batu Caves (6 blok 600 unit)	MPS	Mengecat	2012	360,000.00
63.	Pangsapuri Mas Ayu, Blok 1, Bandar Baru Selayang	MPS	Baikpulih bumbung	2012	48,634.30
64.	Pangsapuri Mas Ayu, Blok 2, Bandar Baru Selayang	MPS	Baikpulih bumbung	2012	48,634.30
65.	Pangsapuri **Dahlia A** Blok 6 Bandar Baru Selayang	MPS	Menbaiki longkang	2012	15,250.00
66.	Pangsapuri **Dahlia B** Blok 1-3 Bandar Baru Selayang	MPS	Menbaiki Handrail dan landing slab	2012	14,000.00
67.	Flat Taman Daya, Taman Daya Kepong	MPS	Pagar	2012	43,050.00
68.	Pangsapuri Cempaka, Gombak Permai	MPS	Membaikpulih Tangki Air (1unit)	2012	36,206.50
69.	Pangsapuri Puncak Desa, Kepong	MPS	Baikpulih bumbung	2012	562,347.32
	JUMLAH BESAR			**9,738,902.25**	

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN BANTUAN SKIM CERIA

1. TUJUAN

Skim ini disediakan bagi tujuan baikpulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah di Negeri Selangor.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Kerosakan harta bersama yang kritikal.
- Hanya satu (1) jenis harta bersama yang dibenarkan untuk dibaikpulih.
- Permohonan daripada JMB/MC/Persatuan Penduduk / Ejen berdaftar.
- Kedudukan kewangan JMB/MC/Persatuan Penduduk yang memuaskan.
-

3. KAEDAH PERKONGSIAN KOS

3.1. Kos baikpulih ini akan ditanggung oleh kedua-dua pihak dengan nisbah berikut:-

Pangsapuri Kos Rendah

- Kerajaan Negeri - 80%
- JMB/MC/Persatuan Penduduk - 20%

Pangsapuri Kos Sederhana Rendah

- Kerajaan Negeri - 60%
- JMB/MC/Persatuan Penduduk - 40%

3.2. Pihak JMB/MC/Persatuan Penduduk perlu mendepositkan **5% daripada jumlah kos baikpulih** tersebut kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sebagai bayaran komitmen dan jaminan untuk mendapatkan skim bantuan ini. Sehubungan dengan itu kaedah pembayaran adalah seperti berikut:-

- **BAYARAN PERTAMA [DEPOSIT]**
  - 5% Untuk Memulakan Kerja
- **BAYARAN KEDUA**
  - 5% Setelah 50% Siap Kerja
- **BAYARAN KETIGA**
  - Baki 10% (Pangsapuri Kos Rendah) atau
  - Baki 30% (Pangsapuri Kos Sederhana Rendah)
  - Setelah keluar perakuan siap kerja

3.3. Pihak JMB/MC/Persatuan Penduduk akan terikat dengan Surat Akujanji bagi pembayaran balik baki bayaran sebelum tawaran dikeluarkan.

4. JENIS-JENIS HARTA BERSAMA YANG BOLEH DIBAIKPULIH MELALUI SKIM PEMULIHAN NEGERI BERKEBAJIKAN

Harta bersama yang terlibat adalah seperti yang ditafsirkan di bawah peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] seperti berikut:-

BIL	RUANGAN	PERINCIAN
4.1	Kawasan / ruang bangunan yang tidak terkandung dalam mana-mana petak	• Struktur bangunan • Anak tangga atau tangga • Laluan kecemasan • Pintu masuk atau pintu keluar • Koridor • Lobi
4.2	Kawasan luar bangunan yang boleh digunakan atau dinikmati bersama	• Padang permainan • Kawasan rekreasi • Jalan masuk • Tempat letak kereta (kecuali "*accessory parcel*") • Ruang terbuka • Kawasan landskap • Tembok • Pagar

BIL	RUANGAN	PERINCIAN
4.3	Kemudahan, lekapan dan pemasangan yang boleh digunakan atau dinikmati bersama	• Lif • Pelongsor sampah • Parit • Tangki air • Pembentung
4.4	Paip, wayar, kabel dan saluran yang memberi kemudahan kepada lebih daripada satu petak	

5. KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD

Keputusan pemilihan oleh Jawatankuasa Pengurusan adalah muktamad berasaskan kepada keutamaan sepertimana syarat-syarat pada para 2 di atas.

Urusetia
Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor

4 Julai 2012

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: BANTUAN PELAJARAN

123. Kerajaan Persekutuan telah menarik balik bantuan PTPTN untuk universiti di bawah Kerajaan Negeri Selangor. sebagai langkah membantu pelajar-pelajar tersebut kerajaan telah mengisytiharkan untuk membantu dengan mencairkan aset-aset milik UNISEL

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah bentuk aset-aset yang hendak dicairkan?

b) Apakah dengan langkah demikian UNISEL akan kekurangan nilai asetnya?

JAWAPAN:

a) Bentuk aset yang hendak dicairkan jika PTPTN terus dibekukan adalah aset tanah seluas 200 ekar yang masih belum dibangunkan di kampus Bestari Jaya. Nilai aset tersebut dianggarkan berharga RM 150,000.00 satu ekar dan dengan itu keseluruhan nilai adalah RM 30 juta.

b) Tidak timbul isu kurang nilai aset. Bentuk aset yang akan berubah iaitu dari bentuk tanah ke bentuk wang tunai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : AGAMA

124. Dalam usaha memperbaiki kualiti dan pentadbiran masjid dan surau di seluruh negeri Selangor

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kaedah yang diguna pakai oleh pihak berkuasa agama negeri Selangor / Jabatan Agama Islam Selangor dalam membuat perlantikan pegawai dan ahli jawatankuasa masjid di seluruh negeri Selangor bagi tahun 2012?

b) Adakah senarai nama pegawai dan ahli jawatan kuasa masjid dan surau yang ditauliahkan oleh pihak JAIS bagi tahun 2012 berasaskan senarai yang telah dipilih oleh mesyuarat agong tahunan bagi setiap masjid dan surau sebagaimana mesyuarat yang telah diadakan?

JAWAPAN:

a) Pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid bagi tahun 2012 adalah melalui proses pencalonan di peringkat kariah masjid. Proses pelantikan ini dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan Enakmen dan Kaedah sedia ada.

b) Pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid dilaksanakan berasaskan kepada pencalonan di peringkat kariah masjid. Walaubagaimanapun, sebelum tauliah pelantikan MAIS dikeluarkan, senarai nama pencalonan ini akan ditapis dan disemak semula melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Daerah (JKPD) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: TERNAKAN SIPUT SEDUT

125. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan habitat siput sedut di dalam hutan bakau di kawasan persisiran pantai di Negeri Selangor sentiasa terpelihara dan tidak mengalami kepupusan?

b) Adakah Kerajaan Negeri membantu pengusaha-pengusaha penternak siput sedut tersebut? Jika ada berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan dan bilangan pengusaha siput sedut tersebut yang dibantu?

JAWAPAN:

a) Kawasan hutan bakau BUKAN dalam bidang kuasa Jabatan Perikanan. Sehubungan dengan itu, tiada sebarang usaha ke arah pemuliharaan yang berkaitan siput sedut.

b) Siput Sedut boleh diperolehi secara semulajadi di kawasan paya bakau di seluruh Malaysia. Sumber siput sedut yang ada di pasaran adalah hasil dari kutipan di kawasan hutan bakau sama ada dalam negara mahupun luar negara. Setakat ini, tiada projek ternakan siput sedut secara kecil-kecilan mahupun komersial yang dilaksanakan. Semuanya bergantung kepada sumber semulajadi.

Memandangkan potensinya yang baik dalam pasaran, pada akhir tahun 2009, Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah memulakan inisiatif untuk melihat potensi ternakan siput sedut dengan melaksanakan Projek Percubaan Ternakan Siput Sedut. Projek ini dilaksanakan di tiga tempat (Sungai Yu, Tanjung Karang, Tok Muda, Klang dan Pulau Carey, Kuala Langat) dan ia diusahakan oleh tiga (3) individu yang berminat. Sebanyak RM30,021 telah dibelanjakan bagi merealisasikan projek ini. Pada tahun 2010, projek ini diteruskan dengan kos tambahan sebanyak RM11,800 dan satu kajian khas berkaitan biologi telah dijalankan oleh pegawai penyelidik Jabatan. Pada tahun 2011, Projek Percubaan Ternakan Siput Sedut ditamatkan atas dasar projek tidak berdaya saing, memandangkan harga pasaran antara RM6.00-RM8.00/kg berbanding kitaran hidup siput sedut yang panjang bagi tujuan ternakan (anggaran tempoh: setahun bagi mencapai peringkat dewasa).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK: BILLBOARD DAN BUNTING KERAJAAN NEGERI

126. Terdapat banyak *billboard* dan bunting memaparkan wajah kepimpinan kerajaan negeri yang di pasang seluruh daerah dan PBT di Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kepentingan *billboard* dan bunting tersebut kepada kemajuan negeri?

b) Berapakah kos yang dikeluarkan untuk memasangkan *billboard* dan bunting tersebut mengikut PBT?

c) Nyatakan syarikat yang mendapat kontrak menyedia dan memasang *banner* serta bunting tersebut?

JAWAPAN:

a) Umum mengetahui kerajaan kurang mendapat liputan yang adil di media massa arus perdana atas sebab-sebab politik. Malah,ada syarikat media yang enggan menyiarkan iklan atau hebahan kepada orang ramai jika ada berkaitan langsung dengan kerajaan negeri. Atas sebab inilah, kita menjadikan paparan billboard dan bunting sebagai salah satu mekanisme untuk mempromosikan program-program dan aktiviti melibatkan kerajaan negeri. Ini secara langsung menjayakan lagi program yang dianjurkan. Billboard juga banyak membantu mempromosikan program Merakyatkan Ekonomi Selangor di seluruh pelosok negeri.

b) Semua Billboard ini adalah milik PBT. Ia dipinjam oleh Kerajaan Negeri menerusi Pejabat Dato' Menteri Besar. Kerajaan Negeri hanya membina 56billboard iaitu satu DUN satu billboard bagi mempromosikan program MES dan kempen Selamatkan Malaysia Mansuhkan ISA. Harga seunit billboard ini ialah RM9,643 dan jumlah keseluruhan kos yang dibelanjakanRM540,000. Nilai ini yang terendah diterima menerusi tender terbuka.

   Kerajaan Negeri tidak melantik syarikat khusus untuk membina bunting. Ia bergantung kepada penganjur program yang perlu melalui proses sebut harga jika ia tidak melebihiRM50,000.

c) Pelantikan syarikat bagi memasang banner dan bunting adalah berbeza-beza dan dibuat oleh penganjur program. Kerajaan Negeri membuka peluang perniagaan kepada semua syarikat yang kepakaran dalam bidang ini dan perlu melalui proses tender terbuka atau sebut harga. Bagaimanapun, kebiasaannya kos membina dan memasang bunting dan banner ini tidak melebihi RM50,000

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : BANJIR KILAT DI KLANG

127. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah buah rumah yang telah terjejas akibat banjir kilat yang telah berlaku pada Mac yang lalu?

b) Sehingga kini berapakah jumlah wang bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada mangsa-mangsa banjir?

c) Berapakah jumlah mangsa banjir yang belum mendapat wang bantuan tersebut dan mengapa?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan kepada permohonan bantuan banjir yang telah dibuat melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Pusat Khidmat Dun kepada Pejabat Daerah/Tanah Klang, sebanyak **10011 buah rumah** telah terjejas akibat banjir.

b) Sehingga kini, Pejabat Daerah/Tanah Klang telah melaksanakan pengagihan bantuan banjir seperti berikut:

Perkara	Tarikh	Penerima	Amaun (RM)
Penyampaian Bantuan Fasa 1	8 April 2012	1381 orang	690,500.00
Penyampaian Bantuan Fasa 2, Peringkat 1	6 Mei 2012	1000 orang	500,000.00
Penyampaian Bantuan Fasa 2, Peringkat 2	8, 10, 15 dan 17 Mei 2012	2000 orang	1,000,000.00
Penyampaian Bantuan Fasa 3, Peringkat 1	26, Jun 2012	1000 orang	500,000.00
Penyampaian Bantuan Fasa 3, Peringkat 2	3 dan 7 Julai 2012	2000 orang	1,000,000.00
Jumlah Keseluruhan		**7381 orang**	**3,690,500.00**

c) Jumlah mangsa banjir yang belum menerima wang bantuan adalah seramai **2630 orang** dan penyampaian bantuan masih belum dibuat kerana masih terdapat dokumen yang tidak lengkap seperti salinan kad pengenalan. Walaubagaimanapun, adalah dijangka bahawa penyampaian bantuan boleh diselesaikan secara keseluruhan di dalam bulan Julai

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : KRISIS EKONOMI DUNIA

128. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah persiapan yang sedang dibuat untuk menangani masalah ini?

b) Kemungkinan besar ramai akan dibuang kerja. Apakah tindakan susulan untuk membantu mereka ini?

c) Adakah Kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan Tabung Pembuangan Kerja (Retrenchment fund) dan insurans?

JAWAPAN :

a) Kelembapan ekonomi global dengan persekitaran luaran yang mencabar berikutan krisis hutang yang dialami negara – negara Kesatuan Eropah seperti Greece, Sepanyol, Itali dan Ireland merupakan petunjuk bahawa ekonomi global masih belum stabil sepenuhnya. Bebanan hutang yang semakin tinggi yang dialami negara – negara ini juga merupakan petanda bahawa ekonomi Kesatuan Eropah tidak akan pulih sepenuhnya dalam masa terdekat dan berkemungkinan mengalami bankrap lebih awal dari jangkaan penganalisis ekonomi.

Selangor juga mengalami kesan langsung hasil ketidaktentuan ekonomi global yang berlaku sekarang. Kekangan sumber semula jadi *(natural resources)* di negeri ini mengalihkan ekonomi negeri kepada sektor perkhidmatan sebagai peneraju utama ekonomi negeri. Menjadi negeri termaju di Malaysia, urusan perdagangan antara Selangor dengan negara – negara ekonomi dunia yang sebelum ini rancak telah sedikit tergendala tempias dari krisis ekonomi global. Peristiwa kegawatan ekonomi global yang dialami pada awal tahun 2009 dan 2010 memberi pengalaman berharga kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dalam menghadapi krisis ekonomi yang bakal berlaku. Dengan pelaksanaan inisiatif dan langkah – langkah proaktif seperti penubuhan Jawatankuasa Tindakan Menangani Masalah Pemberhentian Pekerja Selangor, *Selangor Retrenchment Helpline* serta Pasukan Petugas Khas Pemudahcara (PEMUDAH) Selangor berjaya membawa negeri ini keluar dari krisis ekonomi global dan terus memacu pertumbuhan ekonomi negeri dengan cekap dan berjaya. Mengambil kejayaan pengalaman tersebut, Kerajaan Negeri akan sentiasa dalam keadaan siap siaga dan bersedia bagi melaksanakan dasar – dasar serta polisi – polisi yang efektif dan berkesan bagi menghadapi krisis ekonomi global yang bakal melanda kelak.

b) Kerajaan Negeri Selangor juga akan terus bekerjasama dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), PEMUDAH Selangor dan *Selangor State Investment Centre* (SSIC) bagi mengenal pasti peluang – peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat – syarikat multinasional yang datang melabur di Selangor. Dengan kerjasama ini dapat memberi peluang kepada anak – anak tempatan terutama anak kelahiran negeri Selangor untuk bekerja dengan syarikat – syarikat berstatus multinasional tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB) juga telah mengadakan "Kursus Rangsangan Kerjaya untuk Siswazah Selangor" yang bertujuan membantu para graduan yang sedang mencari pekerjaan dan keutamaan diberi kepada anak kelahiran negeri Selangor.

c) Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mewujudkan Tabung Pembuangan Kerja atau *Retrenchment Fund* dan skim insurans seperti yang ditanyakan dalam soalan. Namun demikian, sekiranya mempunyai keperluan pada masa hadapan, cadangan tersebut akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PEMBINAAN PINTU GERBANG DI KAWASAN LITTLE INDIA, KLANG.

129. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

(a) Mengapakah sehingga ke hari ini Pintu Gerbang masih tidak dibina di Kawasan Tengku Kelana, Klang atau dikenali sebagai Little India?

(b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk "mempopularkan Little India" ini sebagai Pusat Pelancongan Negeri?

(c) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri setakat hari ini bagi membangunkan Kawasan Little India sebagai Pusat Pelancongan Negeri?

JAWAPAN:

a) Cadangan pembinaan pintu gerbang di kawasan Little India, Jalan Tengku Kelana, Klang masih di peringkat kajian oleh pihak UPEN dengan MPK. Ini bagi mengambilkira aspek kesesuaian, imej, kesan kepada reka bentuk bandar dan identiti Klang sebagai Bandar Diraja.

b) Meneruskan program dan promosi pelancongan dengan menyediakan aktiviti-aktiviti dan festival dari masa ke semasa khususnya semasa musim perayaan.

c) Perbelanjaan dan peruntukan belum diputuskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PENGURUSAN PERUMAHAN OLEH PKNS

130. Di Bangi, terdapat banyak apartmen kos rendah yang dibangunkan oleh PKNS dan tidak mendapat seliaan yang baik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan yang boleh diambil untuk memastikan PKNS mengambil tahu tentang pengurusan perumahan yang telah dibangunkan?

b) Apakah jaminan keselesaan penghuni apartmen tersebut yang boleh dilakukan oleh PKNS?

c) Mengapakah PKNS lebih mengutamakan pendapatan komersial dan industri sehingga mengabaikan permintaan dan keperluan masyarakat setempat?

JAWAPAN :

a) Sebelum tertubuhnya Badan Pengurusan Bersama atau Joint Management Body (JMB) dan seterusnya Perbadanan Pengurusan (MC), PKNS perlu memastikan kesemua pengurusan kewangan di audit dan *apartment* tersebut perlulah diinsurankan. Aduan-aduan yang dikemukakan oleh JMB/MC selama tempoh bertenang (3 bulan) perlulah diambil tindakan pembaikan oleh PKNS. Selepas itu, penyerahan sepenuhnya kepada JMB/MC perlulah dilakukan supaya JMB/MC mengambil alih sepenuhnya peranan menguruskan *apartment* tersebut.

b) Keselesaan penduduk di kawasan perumahan *apartment* diutamakan dengan kemudahan asas seperti berikut:-

i. Menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi
ii. Menyediakan kawasan rekreasi/taman permainan
iii. Rumah ibadah/surau
iv. Menjaga kebersihan dan kawalan keselamatan (untuk service apartment) melalui kontraktor yang dilantik (secara lawan harga).
v. Menyediakan kaunter penerimaan aduan penduduk, pembayaran bil Maintenance (MC) dan bil air.
vi. Menggalakkan program kemasyarakatan melalui penubuhan badan komuniti dan aktiviti gotong-royong.
vii. Bekerjasama dengan PBT bagi memastikan tugas-tugas PBT dijalankan dengan sempurna.

c) PKNS menekankan elemen pembangunan yang bersepadu sebagai sebuah agensi pembangunan Kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian PKNS perlu memainkan peranan sebagai kesinambungan dan integrasi bagi keperluan penduduk setempat dan juga orang rami.

Pembangunan komersial dan industri adalah berperanan untuk menjana pekerjaan dan pendapatan kepada orang ramai.

PKNS juga menetapkan pembangunan komersial dan industri dalam kawasan atau zon yang telah ditetapkan dalam pelan pembangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : TANAH RUNTUH ULU YAM BHARU

131. Hakisan tanah dan tanah runtuh berlaku di tepi jalan Simpang Masuk ke Jalan Sungai Tua, Ulu Yam Bharu. Penduduk tempatan mengadu bahawa pihak berkuasa tidak mengambil tindakan dengan segera dan ini akan memperbahayakan pengguna jalan raya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapa Pihak Berkuasa Tempatan tidak mengambil tindakan dengan Segera untuk memperbaiki jalan yang tersebut?

b) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan akan menggunakan MARRIS sebanyak RM2 Juta pada tahun 2012 untuk memperbaiki jalan tersebut?

JAWAPAN :

a) Semakan pihak Majlis Daerah Hulu Selangor mendapati lokasi tanah runtuh tersebut adalah melibatkan bidangkuasa JKR dan JPS. Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor tidak dapat melaksanakan kerja pembaikan tersebut kerana ketiadaan peruntukkan yang sesuai dan kos pembaikan yang tinggi serta tiada kemahiran teknikal untuk menangani tebing sungai.

b) Majlis Daerah Hulu Selangor tidak akan guna peruntukkan MARRIS atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan di atas (a).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : PEMIMPIN POLITIK MEMBACA KHUTBAH DAN BERCERAMAH DI DALAM MASJID TANPA TAULIAH

132. Setelah lebih 4 (empat) tahun Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor, rakyat masih melihat pemimpin politik membaca khutbah dan berceramah di dalam masjid walaupun setelah diingatkan sesiapa yang berhasrat untuk berceramah perlu mendapatkan tauliah terlebih dahulu daripada Jabatan Agama Islam Selangor. Malangnya, masih ada pemimpin politik Pakatan Rakyat yang membaca khutbah walaupun Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pernah menitahkan agar masjid dan surau tidak dijadikan gelanggang politik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pernah pihak Jabatan Agama Islam Selangor mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pemimpin politik yang berceramah atau membaca khutbah tanpa tauliah?

b) Sila senaraikan nama pemimpin politik dan masjid yang terlibat dengan kes berceramah atau membaca khutbah tanpa tauliah.

c) Apakah syarat-syarat bagi seseorang yang ingin membaca khutbah atau berceramah di dalam masjid atau surau?

JAWAPAN :

a) Pihak Jabatan Agama Islam Negeri melalui Bahagian Penguatkuasaan pernah mengambil tindakan terhadap pemimpin politik yang berceramah tanpa tauliah.

b) Y.B. Abdul Khalid Bin Samad

c) Syarat bagi seseorang yang ingin membaca khutbah atau berceramah di dalam masjid atau surau ialah ; mendapatkan tauliah daripada Majlis Agama Islam Selangor dan tauliah tersebut hendaklah diberikan di bawah seksyen 118 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003. Namun pengecualian berceramah tanpa tauliah boleh diberikan oleh Majlis kepada mana-mana orang atau golongan orang dengan merujuk kepada seksyen 121 enakmen yang sama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : MASALAH SOSIAL

133. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membasmi masalah sosial seperti penagihan dadah, Mat Rempit dan lumba haram, gengsterisme dan kongsi gelap, pencabulan kehormatan dan gangguan seksual di tempat kerja , pondan dan penggunaan bahasa lucah dan tidak sopan dalam media ?

b) Berapa jumlah aduan yang diterima oleh Pihak berkuasa berkaitan isu ini.?

JAWAPAN:

a)

1. Program Menangani Gejala Sosial disediakan sebagai panduan untuk melaksanakan tindakan menangani gejala sosial secara holistik dan bersepadu. Ianya meliputi semua aspek bagi memastikan tindakan menangani gejala sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Selamat, Sejahtera dan Berkebajikan. Semua Program Menangani Gejala Sosial akan dikenali sebagai **Program Generasi Idaman Selangor (GeMS).**

2. Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) adalah satu langkah serius yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani isu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negeri Selangor. Satu Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Dr Hajah Halimah Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor.
3. Jawatankuasa yang bersifat inklusif dan telah diwujudkan di setiap Daerah yang melibatkan Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Islam Selangor JAIS, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, JKKK, Jabatan Pelajaran Selangor, Pertubuhan Belia,Pertubuhan Wanita, Majlis Permuafakatan Guru MPPBIG, Majlis Permuafakatan Tadika Selangor, Majlis Institusi Pendidikan Islam Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Ketua-ketua kaum, Persatuan Pesara, Kaunselor dan Agensi dan NGO,s yang berkaitan.

4. Jawatankuasa Induk menangani Gejala Sosial Negeri Selangor telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani gejala sosial dengan pengupayaan jabatan dan agensi kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan NG0's supaya ia dapat diselesaikan secara menyeluruh. Di samping itu, penglibatan pimpinan masyarakat juga di libatkan secara langsung supaya masalah ini dapat di atasi dari akar umbi lagi.

5. Kerajaan Negeri bersetuju untuk menggunakan pendekatan bersepadu iaitu 5P :

a. Pembangunan *(Development)*
b. Pencegahan *(Prevention)*
c. Pencelahan *(Intervention)*
d. Penguatkuasaan *(Enforcement)*
e. Pemulihan *(Rehabilitation)*

5. Program-program yang dilaksanakan seperti berikut :

BIL	PROGRAM	OBJEKTIF/FOKUS
a)	Bengkel Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Negeri Selangor	Merancang Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial yang melibatkan semua Jabatan/Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's).
b)	Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS)	Membangkitkan kesedaran kepada pemimpin dan masyarakat mengenai tanggungjawab menangani gejala sosial secara kolektif dan peranan mereka untuk menjayakannya di seluruh Negeri Selangor.

BIL	PROGRAM	OBJEKTIF/FOKUS
c)	**Program Pencegahan Zina** I. Kempen Anti Zina. II. Majlis Perkahwinan Perdana.	Memberi pendedahan kepada masyakat mengenai bahaya zina dan langkah menanganinya.
d)	Program Sembang Santai.	Memberi nasihat kepada golongan remaja dan belia dalam bentuk santai.
e)	Kursus Jati Diri GeMS.	Memberi pendedahan kepada remaja mengenai bahayanya terjebak dalam masalah gejala sosial melalui aktiviti berfaedah.

f)	**Program Pengupayaan Pemimpin** I. Kursus Kepimpinan Masyarakat Kawasan Fokus.	Pimpinan Masyarakat di kawasan fokus diberi pendedahan mengenai tanggungjawab dalam menangani gejala sosial di kawasan mereka.
g)	Program Jalinan Kasih.	Melahirkan masyarakat yang mengambil berat diantara satu sama lain dalam menangani masalah gejala sosial.
f)	**Program Anti dadah** I. Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) Bebas Dadah.	Memberi pendedahan kepada mahasiswa dan pelajar sekolah mengenai bahaya dadah.
g)	Program Jom Jadi Generasi Idaman Selangor (GeMS).	Memberi pendedahan mengenai cara berhibur yang berfaedah dan berkualiti.

b) Penerimaan Aduan Di Bahagian Penguat kuasa Jais Bagi Tahun 2011 – Mei 2012

	Tahun	2011		2012 – MEI	
BIL	**PENERIMAAN ADUAN**	**ADUAN KHALWAT**	**ADUAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH**	**ADUAN KHALWAT**	**ADUAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH**
1.	Petaling jaya	776	15	106	10
2.	Klang	205	0	93	4
3.	Gombak	138	8	46	4
4.	Sepang	66	0	31	1
5.	Sabak Bernam	114	18	22	0
6.	Hulu Langat	212	3	130	2
7.	Kuala Langat	73	0	36	2
8.	Kuala Selangor	115	0	29	1
9.	Hulu Selangor	72	0	37	2
	Jumlah	**1771**	**44**	**530**	**26**

2. Statistik Aduan oleh Polis Diraja Malaysia

a) Isu Pondan, Gengsterisme dan Kongsi Gelap.

Statistik kes-kes jenayah kekerasan yang melibatkan kumpulan Kongsi Gelap di Negeri Selangor bagi Januari -Jun 2012.

DAERAH	JUMLAH KES
Petaling jaya	4
Gombak	3
Klang selatan	5
Sepang	1
JUMLAH	13

**Lain-lain daerah kosong (0)

b) Statistik tangkapan Pondan di Negeri Selangor bagi Jan-Jun 2012 adalah kosong (0)

c) Laporan mengenai Pencabulan Kehormatan dan Gangguan Seksual di tempat kerja bagi Kontinjen Selangor.

KES	JAN-DIS 2012	JAN-MEI 2012
Pencabulan kehormatan	366 kes	144 kes
Gangguan seksual di tempat kerja	20 kes	14 kes

d) Sistem maklumat Rakan Cop Polis Kontinjen Selangor telah menerima maklumat mengenai mat rempit dan lumba haram mulai bulan Januari hingga Jun 2012 adalah seperti berikut :

BIL	JENIS MAKLUMAT	JUMLAH
1.	Mat Rempit	0
2.	Lumba Haram	6

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENGURUSAN SUMBER AIR

134. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan pengurusan sumber air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memanfaatkan 9,168 JLH air larian permukaan yang belum dimanfaatkan yang mengalir ke laut?

b) Berapakah bilangan sumber tenaga manusia dan kos yang terlibat setiap tahun sejak tahun 2004 bagi memantau aktiviti pencemaran sumber air di seluruh Selangor?

c) Berapakah bilangan sumber tenaga manusia dan kos yang terlibat purata setiap tahun dalam "pasukan petugas sumber air alternatif bagi bekalan air"?

JAWAPAN :

a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah dipertanggungjawabkan untuk melakukan kajian bagi memanfaatkan 9,186 JLH berdasarkan Kajian Semula Sumber Air Negara 2010. Pada masa ini, pihak LUAS sedang melantik jurutera perunding bagi menjalankan Kajian Kolam Bekas Lombong Sebagai Kolam Takungan Aliran Banjir Di Lembangan Sungai Selangor. Lokasi yang dicadangkan adalah di sekitar Bestari Jaya. Hasil daripada kajian ini, kebolehdapatan sumber air dijangka dapat ditambahkan di mana aliran banjir dapat digunakan sebagai sumber kepada bekalan air Negeri Selangor. LUAS akan meneruskan kajian ini di Lembangan Sungai Langat di sekitar Tanjung Dua Belas dan juga Lembangan Sungai Klang di sekitar Puchong.

b) Jumlah bilangan sumber tenaga manusia dan kos yang terlibat sejak tahun 2004 bagi memantau aktiviti pencemaran sumber air di seluruh Selangor adalah seperti jadual di bawah.

Tahun	Bilangan Sumber Tenaga	Kos (RM)
2004	64	3,368,887
2005	51	2,556,990
2006	38	2,240,726
2007	43	2,707,586
2008	46	2,907,363
2009	55	4,176,080
2010	50	5,131,341
2011	80	5,527,232

- Kos ini meliputi gaji, kenderaan, peralatan, pejabat, penganjuran mesyuarat, siasatan dan sebagainya.

c) Sumber tenaga manusia adalah terdiri dari kalangan keahlian Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif Bagi Bekalan Air seperti berikut :-

Pengerusi - Pengarah LUAS

Urusetia - LUAS

Keahlian - **AGENSI KERAJAAN**

Jabatan Pengairan dan Saliran
Jabatan Mineral dan Geosains
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Jabatan Kesihatan
Jabatan Kimia
Jabatan Meterologi Malaysia
Pihak Berkuasa Tempatan
Pejabat Tanah dan Daerah

SYARIKAT KONSESI AIR
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)
Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH)
Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB)

Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS)

LAIN-LAIN AGENSI
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS Bilangan 1/2011 bertarikh 11 Mac 2010 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM108,500 untuk kerja-kerja pensampelan bagi memastikan kualiti kolam air alternatif sentiasa mematuhi piawaian yang disyorkan bagi sumber air mentah. Pada tahun 2012 aktiviti pensampelan tersebut terus dijalankan dengan menggunakan peruntukan sediada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PERBELANJAAN KERAJAAN DALAM UNISEL & KUIS

135. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan jumlah perbelanjaan kerajaan Selangor dalam Unisel & Kuis sejak tahun 2002 hingga 2012.

b) Berapakah subsidi untuk setiap pelajar secara purata?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan tanah seluas 1,002 ekar di Bestari Jaya untuk membina Kampus UNISEL. Tanah tersebut dianggarkan bernilai RM 40,000.00 satu ekar pada tahun 2003.

Kampus UNISEL telah dibina dan siap pada tahun 2006 dengan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM 650 juta.

Kampus KUIS telah dibina oleh MAIS di atas tanah MAIS yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Pihak MAIS kini memperuntukkan RM 12 juta setahun kepada KUIS.

b) Tidak ada kiraan tentang subsidi kepada pelajar UNISEL atau KUIS.

Oleh kerana tanah dan bangunan adalah dibina atas peruntukan Kerajaan Negeri / MAIS, iaitu UNISEl dan KUIS tidak perlu membayar sewa bangunan, maka pelajar secara tidak langsung menerima subsidi daripada Kerajaan Negeri / MAIS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

136. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah peruntukkan bagi membuka perpustakaan baru dan menaiktarafkan yang sedia ada? Nyatakan pengagihan tersebut sejak dijenamakan semula?

JAWAPAN:

a) Berikut perkara-perkara yang diambil perhatian yang serius semasa pelaksanaan "*rebranding"* di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor:-

Fokus seterusnya ialah berusaha menarik pengunjung remaja dari sekitar siber kafe, pusat hiburan, pusat membeli belah ke perpustakaan, ialah dengan mengadakan perkhidmatan nilai tambah di bangunan iaitu konsep *edutainment (education + entertainment)* – melalui Teater Mini 3D & Teater 6D, serta dewan serbaguna yang secara tidak secara langsung, perkhidmatan nilai tambah ini akan menimbulkan suasana minat membaca yang lebih mendalam kepada semua kategori pengunjung.

Di sini peranan penting kakitangan amatlah di harapkan supaya dapat memantau setiap gerak langkah anak-anak walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Ini bagi memastikan mereka berada di dalam zon yang selamat. Perpustakaan ini dapat menjamin keselamatan kepada anak –anak minimum selama 12 jam. Keselamatan pengunjung selama berada di perpustakaan terjamin dibawah jagaan kakitangan. Semua kerja PPAS juga telah mengikuti kursus *Parenting* dibawah anjuran ESQ Leadership Center sebagai persediaan awal dalam melayani pengunjung perpustakaan.

Penyediaan infrastruktur perpustakaan yang lebih selesa menarik perhatian pengunjung bukan sahaja untuk meminjam bahan bacaan bermutu tetapi juga menarik pengunjung untuk membaca secara santai dengan suasana seperti berada di rumah sendiri, kebersihan tandas dan ruang solat yang bersih amat dititik beratkan. Kemudahan awam ini diselenggara dengan baik bagi keselesaan pengguna. Kelengkapan yang disediakan di Perpustakaan juga amat mudah diselenggara dan menjimatkan dari segi kos dan masa penyelenggraan.

Selain daripada itu, beberapa perkara yang perlu diambil berat semasa pelaksaan "*rebranding":-*

1. Penyelenggaraan bangunan dan sekitar kawasan perpustakaan
2. Penyediaan prasarana seperti Kafetaria, surau, tandas, bidai (blind), PA sistem, LCD Projector,TV, WIFI/ Unifi, kerusi/ meja, rak buku, hiasan bahagian kanak-kanak
3. Lantai: seragam untuk semua perpustakaan (karpet / kayu berlaminasi)
4. Kemudahan Audio Multimedia : WIFI/ Unifi, TV LCD, Blueray Player, PA System, LCD Projektor dan CD

5. Signage yang seragam
6. Cat bangunan : seragam
7. Tempat buang sampah yang teratur.
8. Kemudahan pengangkutan awam
9. Promosi dan pemasaran perkhidmatan
10. Penghawa dingin
11. Penambahbaikan koleksi buku & audio visual
12. Sekuriti bagi menjaga harta perpustakaan

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Saiz bangunan	**30' x 50' kaki persegi** **1500 kaki persegi**
2.	**Anggaran Kos**	
	Bangunan	**RM 200,000.00**
	Koleksi	**RM 80,000.00**
	Jumlah Kos Pembinaan	**RM 280,000.00**

Pengagihan bagi membuka perpustakaan baru dan menaiktarafkan yang sedia ada:-

BIL	NAMA PERPUSTAKAAN	PERUNTUKAN (RM)
1.	Perpustakaan Komuniti Pekan Semenyih	50,000
2.	Perpustakaan Komuniti Desa Bukit Beruntung	70,000
3.	Perpustakaan Komuniti Desa Sri Perantau	80,000
4.	Perpustakaan Komuniti Pekan Sri Manja	180,000
5.	Perpustakaan Komuniti Pekan Ampang Waterfront	350,000
6.	Perpustakaan Komuniti Pekan Pandan Jaya	350,000

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PEMBERIAN HAKMILIK TANAH

137. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan berapakah jumlah hakmilik tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak 4 tahun yang lalu mengikut pecahan daerah dan kaum ?

b) Sila kemukakan jumlah hakmilik tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat khususnya bagi mereka yang sudah membuat permohonan sejak 50 tahun yang lalu ?

c) Sila nyatakan apakah kriteria yang ditetapkan bagi setiap kelulusan hakmilik tanah ?

JAWAPAN:

a) Sebanyak 6109 hakmilik tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 hingga Mac 2012 dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti dalam jadual berikut :

BIL	DAERAH	TAHUN					JUMLAH
		2008	2009	2010	2011	2012	
1	Hulu Selangor	16	39	181	158	1	**395**
2	Hulu Langat	374	39	275	290	0	**978**
3	Kuala Selangor	52	36	58	11	0	**157**
4	Petaling	191	246	139	42	54	**672**
5	Sepang	53	126	33	316	319	**847**
6	Kuala Langat	91	12	131	16	0	**250**
7	Gombak	342	56	185	352	299	**1234**
8	Sabak Bernam	676	69	507	262	0	**1514**
9	Klang	6	15	8	21	1	**51**
JUMLAH		**1801**	**626**	**1526**	**1482**	**674**	**6109**

Namun begitu, maklumat mengikut pecahan kaum/umur /dsb sedang diusahakan. Atas dasar keterbukaan Kerajaan Negeri Selangor meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada semua pemohon dan warganegara Malaysia tanpa mengira negeri kelahiran dan kaum. Kesemua pemberimilikan

tanah adalah berdasarkan peraturan-peraturan yang telah digariskan dalam Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

b) Pejabat Tanah dan Galian Selangor tiada maklumat berkaitan jumlah hakmilik tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat khususnya bagi mereka yang sudah membuat permohonan sejak 50 tahun yang lalu

c) Kriteria-kriteria yang diguna pakai bagi meluluskan pemberimilikan tanah adalah berpandukan Pekeliling PTG.Sel.Bil. 1/2008 seperti berikut:-

i. Permohonan dari Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor, Agensi Kerajaan dan Pihak Swasta untuk tujuan awam seperti Tenaga Nasional Berhad;

ii. Pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh 1 Januari 2008.

iii. Permohonan tanah yang telah diluluskan oleh MMKN sebelum ini tetapi gagal menjelaskan notis tuntutan premium dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

a) Pemohon asal yang telah diluluskan atau warisnya yang dipersetujui oleh keluarga yang memohon semula tanah tersebut; dan

b) Pemohon baru dapat mengemukakan bukti yang lengkap bahawa pemohon asal yang telah diluluskan memberi kuasa atau menyerahkan hak kepadanya untuk memohon semula tanah tersebut.

iv. Permohonan lot-lot bersebelahan dan persekitaran telah pun dikeluarkan hak milik oleh Pihak Berkuasa Negeri;

v. Tanah yang dirampas dan dipohon semula oleh pemilik asal atau pihak yang mempunyai tuntutan ke atas hak milik yang dirampas;

vi. Tanah milik pemohon yang telah diserahkan kepada Kerajaan akibat daripada pembangunan bagi tujuan yang telah dikhaskan dan dipohon semula setelah mendapat persetujuan bahawa lot-lot terbabit tidak diperlukan oleh Kerajaan bagi tujuan yang telah dikhaskan tersebut;

vii. Tanah yang telah tamat tempoh pajakan dipohon semula oleh pemilik asal atau pihak yang mempunyai tuntutan; dan Tanah kerajaan/tanah kosong yang berstatus tanah kerajaan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: AHLI MAJLIS PBT

138. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Setakat ini masih terdapat berapa kekosongan Ahli Majlis PBT yang belum diisi di semua PBT ?

b) Berapakah kekosongan Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Sepang?

c) Kenapa sehingga hari masih ada kekosongan yang belum diisi?

JAWAPAN :

a) Sehingga hari ini masih terdapat 5 kekosongan kerusi Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bagi penggal 2012/2013 yang belum diisi. Butiran 5 kerusi tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	PARTI	BILANGAN KERUSI YANG MASIH KOSONG
1.	MPAJ	PKR	3
2.	MPSJ	PKR	1
3.	MBPJ	PKR	1

b) Sehingga hari ini kerusi bagi Majlis Perbandaran Sepang sudah sepenuhnya diisi oleh Ahli Majlis bagi penggal 2012/2013. Butirannya adalah seperti di **Lampiran A8.**

c) Untuk makluman sidang dewan, kekosongan 5 kerusi tersebut adalah daripada kuota Parti Keadilan Rakyat (PKR). Kekosongan ini adalah disebabkan oleh senarai nama yang dicalonkan oleh PKR di dalam semakan Pihak Berkuasa Negeri untuk diperhalusi lagi. Manakala bagi 1 kerusi kekosongan di MBPJ, adalah kerana Ahli Majlisnya iaitu Encik Selvarajan a/l Rathinam telah meninggal dunia pada 27 Jun 2012 yang lalu.

Sehubungan itu, Seksyen PBT, UPEN selaku penyelaras bagi lantikan Ahli Majlis bagi penggal 2012/2013 telah pun memohon agar PKR menghantar semula senarai 5 nama calon yang terbaru yang dirasakan layak dan berkaliber untuk diangkat dan diperkenankan oleh Y.A.B. Tan Sri Menteri Besar Selangor.

Walau bagaimanapun, sehingga hari ini Seksyen PBT, UPEN masih lagi tidak mendapat sebarang maklum balas daripada PKR berkaitan perkara ini.

LAMPIRAN A8

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL	NAMA	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT SURAT-MENYURAT	NOMBOR TELEFON / FAKS	BANGSA	JANTINA	AGAMA	ORGANISASI	PENDIDIKAN	KERJAYA SEMASA
1	Tuan Mohd Sayuthi bin Bakar	700402-02-5815 (A 1564341)	40	Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api,63100 Cyberjaya, Selangor	03-83190201/ 03-83190201 019-2678721	M	L	I	MPSp		YDP
2	Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin Bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj	500601-10-6291 (3676360)	60	Pejabat Orang Besar Daerah, Tingkat 2, Bangunan Tun Aziz, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor.	03-87064497/ 03-87065644 012-3818078	M	L	I	OBD	PHD. In Shipping and International	OBD
3	En Baharudin Bin Misran	560514-10-6247	55	34 Jln Cempaka Wangi 16 Tmn Cempaka 42700 Banting	N/A	M	L	I	PKR	N/A	N/A
4	Pn Rosmah Binti Abd Rashid	N/A		N/A	N/A	M	P	I	PKR	N/A	N/A
5	En Tan Chee Kiat	N/A		No 3 Jln Baiduri 5,Tmn Baiduri,43800 Dengkil	017-6553456	C	L	B	PKR	N/A	N/A
6	En Mohamad Azif bin Mohamad Aris	820127-14-5121	28	NO.7, JLN.MURNI, DESA SRI MELOR 2, SG.MERAB LUAR, 43800 SEPANG, SELANGOR	016 685 8558	M	L	I	PKR	Diploma	Teknikal IT
7	En Rajalingam A/l Ramayah	590609-10-6335 (5838168)	51	6, LOT 6236, JLN. TEPI SUNGAI, KG.SRI TANJUNG, 43800 DENGKIL, SELANGOR	012 348 8000	I	L	H	PKR	SPM	Peniaga
8	En Samion Berau	621125-10-6995	49	Lot 6275 Jln Intan Kanan, Bkt Canggang,4220 Banting	017-3028285	M	L	I	PKR	N/A	N/A
9	En Santokh Singh A/L Gurdev Singh	640206-08-5499 (7247461)	46	No.61, Jalan Besar, Pekan Salak, 43900 Sepang, Selangor.	03-51627455/7555 (F)03-51627655 /019-2108137(HP)	Punjabi	L	Sikh	DAP	B. Eng Production Engineering	Ahli Perniagaan

19	En Mashadi Bin Saien	700903-10-6277 (A1636026)	40	No 2, Jln Punai, Kg Bkt Bangkong, 43950 Sungai Pelik, Sepang	019-3755773 (h/p)/ 03-31414260 (tel)	M	L	I	PAS	STPM	Usahawan
20	Puan Rohaya Binti Datuk Mohd Shahir	610120-11-5020 (6125611)	48	85, Jln Vista 2/12, Desa Vista, 43900 Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.	03-87068454 017-3506055	M	P	I	PAS	MCE	Perunding Unit Amanah
21	Puan Lau Weng Chan	560606-10-6498 (8218160)	53	No. 99, Kampung Baru Sepang, 43900 Sepang,Selangor.	03-31421494 012-2568745	C	P	B	NGO	Sarjana Muda Sains Ekonomi	Ahli Perniagaan
22	Dr. Teo Lian Seng								NGO		
23	En Norazmi Bin Saonan	720702-10-5989	39	Kg Bukit Bangkong,Sg Pelek Selangor	N/A	M	L	I	NGO	N/A	N/A
24	En Gunalan A/L Velayuthan	701124-10-5157 (A1754209)	40	No. 24 Jalan Baiduri 1, Taman Baiduri, 43800 Dengkil, Sepang	03-35238467 019-2779024	I	L	H	NGO	Sarjana Muda Ekonomi	Ahli Perniagaan
25	Pn Suziana Binti Musa	N/A		N/A	N/A	M	P	I	NGO	N/A	N/A

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : KUASA PERUBAHAN GUNA TANAH

139. Terdapat satu tapak tanah di Taman Prima milik Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang digazetkan sebagai tapak gerai yang telah dibangunkan kilang milik individu, sungguhpun menerima desakan daripada beberapa orang ahli Jawatankuasa Penduduk Islam kawasan di situ yang telah lama memohon tapak yang sama bagi mendirikan surau untuk kegunaan hampir 1,500 orang penduduk Islam di rumah flat Taman Prima.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bidang kuasa siapakah di MPS dan di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak yang boleh meluluskan perubahan guna tanah milik MPS/Kerajaan Negeri untuk kepentingan individu dan proses yang harus dilalui sebelum sesuatu kelulusan guna tanah dikeluarkan?

b) Sejauh manakah pihak Majlis Perbandaran Selayang sudah mengambil tindakan untuk mendapatkan tapak alternatif di kawasan berkenaan bagi membolehkan penduduk Islam Taman Prima memohon dibangunkan sebuah surau sesuai untuk kegunaan mereka?

c) Ingin tahu bilangan dan jenis projek milik individu yang telah diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Selayang untuk dibangunkan atas tapak tanah milik MPS?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI AT- LAW, SG. BULOH

140. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status projek tersebut?

b) Siapakah kontraktor yang telah dilantik?

c) Bilakah projek ini dijangka siap?

JAWAPAN :

(a), (b) dan (c)

Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Walaupun begitu, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu memulihkan pangsa kos rendah yang terbengkalai. Susulan daripada masalah tersebut, beberapa siri mesyuarat telah diadakan pada 6 Julai 2011, 2 November 2011, 21 Februari 2012, 15 Mei 2012 melalui Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Pelikuidasi, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai tersebut.

Lanjutan daripada mesyuarat tersebut, pelikuidasi iaitu Mustapha Raj Sdn Bhd telah menganggarkan kos pemulihan semula ke atas 153 unit pangsa kos rendah adalah berjumlah RM8 juta. Oleh kerana pelikuidasi tidak mempunyai sumber dana untuk meneruskan pemulihan projek ini, pihaknya hanya bergantung kepada sumber wang pampasan daripada Kerajaan Persekutuan di atas pengambilan tanah lot PT3 (pemilik tanah Atlaw Sdn Bhd-digulung) bagi projek Stesyen MRT untuk projek Mass Rapid Transit Lembah Klang – Jajaran Sungai Buloh – Kajang. Pada 29 Mei 2012, Sesi Pendengaran Semula antara

pelikuidasi dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Persekutuan) telah diadakan dan dijangka keputusan pengambilan tanah tersebut akan mengambil masa di antara 3 sehingga 4 bulan untuk diketahui.

Selain itu, pelikuidasi juga sedang mendapatkan pengesahan daripada jurutera dan konsultan yang dilantik mengenai kekukuhan bangunan pangsa kos rendah tersebut sebelum proses tender kepada mana-mana kontraktor yang berminat dibuat. Dianggarkan tempoh masa untuk menyiapkan pangsapuri kos rendah ini dengan Sijil Layak Menduduki adalah selama 18 bulan.

Disebabkan usaha memulihkan projek tersebut masih gagal diselesaikan oleh pelikuidasi, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Petaling telah mengambil tindakan mengeluarkan Notis 6A iaitu cukai tanah tertunggak pada bulan Mac 2012 bagi tujuan perampasan tanah tersebut. Sekiranya tindakan ini berjaya dilaksanakan, Kerajaan Negeri akan mengambilalih dan memulihkan semula projek tersebut daripada pelikuidasi. Lanjutan daripada itu, JPPT akan terus mengadakan mesyuarat berkala bagi memantau perkembangan projek tersebut dari masa ke semasa sehingga memperolehi Sijil Layak Menduduki.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: GERAN SELANGORKU

141. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyak projek dan program yang telah dilaksanakan di bawah geran Selangor ku?

b) Apakah pecahan projek dan program tersebut mengikut 17 bidang yang ditetapkan?

c) Berapa banyak peruntukkan yang telah digunakan sehingga Jun 2012?

JAWAPAN:

a) Setakat 8 Ogos 2012, dianggarkan sebanyak RM52,219,006 telah dibelanjakan di bawah peruntukan Geran Selangorku yang melibatkan pecahan sebanyak (*anggaran kerana beberapa projek masih dalam proses sebutharga*) :

- RM37,668,182 bagi 278 projek infrastruktur
- RM5,765,748 bagi 22 projek infrastruktur sukan, dan
- RM8,785,075 bagi 40 program-program bukan infra

b) Senarai projek-projek: (seperti lampiran dimuka sebelah bagi projek infrastruktur, bagi program bukan infra, ia tidak dipecahkan mengikut DUN)

STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR (& SUKAN) - LULUS / BATAL / KIV (MENGIKUT DUN)

Kemaskini 10:42 AM 04-Sep-12

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR				Perbelanjaan			INFRA SUKAN				Perbelanjaan		
				Lulus	Batal	KIV	Total	Sebenar	Jumlah Projek	Anggaran	Lulus	Batal	KIV	Total	Sebenar	Jumlah Projek	Anggaran
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	13	10	10	33	817,168	9	1,143,474	0	1	19	20	0	0	0
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	0	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0	0
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	0	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0	0
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	0	17	20	0	0	311,746	1	0	0	1	0	0	170,000
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	0	21	23	366,715	2	366,715	0	0	2	2	0	0	0
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	0	34	34	0	0	0	1	0	9	10	175,721	1	175,721
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	8	0	20	28	758,645	8	758,645	1	0	2	3	170,296	1	170,296
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	7	1	1	9	468,726	5	761,340	1	0	3	4	161,269	1	161,269
10		PTD Kuala Selangor	Permatang & Sungai Burong	1	0	0	1	47,190	1	47,190	0	0	0	0	0	0	0
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	4	0	1	5	664,298	4	664,298	1	0	0	1	0	0	170,000
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	12	0	1	13	909,495	11	1,055,802	2	0	15	17	321,891	2	321,891
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	3	27	38	464,411	4	877,025	1	0	6	7	0	0	170,000
14		PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	2	0	0	2	84,610	2	84,610	0	0	0	0	0	0	0
15	13	PTD Gombak	Kuang	2	0	0	2	329,140	2	329,140	1	0	0	1	0	0	170,000
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	0	2	5	189,697	2	336,004	1	0	2	3	197,317	1	197,317
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	6	0	47	53	545,141	5	691,448	2	0	13	15	145,024	1	315,024
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	11	2	65	78	1,127,232	9	1,379,772	1	0	6	7	0	0	170,000
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	3	0	9	12	303,545	2	449,852	0	1	0	1	0	0	0
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	9	0	10	19	1,569,777	8	1,629,777	1	0	20	21	198,723	1	198,723
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	1	0	2	3	164,760	1	164,760	1	0	0	1	200,000	1	200,000
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	0	5	7	663,013	2	663,013	1	0	1	2	0	0	170,000
23		PTD Gombak	Lembah Jaya & Bukit Antarabangsa	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	21	PTD Gombak	Cempaka	3	0	10	13	91,122	1	211,122	1	0	2	3	190,792	1	190,792
25	22	PTD Gombak	Teratai	5	0	11	16	482,683	2	748,990	0	1	2	3	0	0	0
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	5	0	4	9	212,393	3	464,933	1	0	7	8	0	0	170,000
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	0	3	3	0	0	0	1	0	0	1	0	0	170,000
28	25	PTD Hulu Langat	Kajang	8	5	6	19	1,275,800	8	1,275,800	1	0	11	12	0	0	170,000
29	26	PTD Hulu Langat	Bangi	2	0	4	6	0	0	292,614	1	0	1	2	198,575	1	198,575
30	27	PTD Hulu Langat	Balakong	1	0	6	7	0	0	146,307	0	0	2	2	0	0	0
31	28	PTD Petaling	Sri Kembangan	1	0	1	2	0	0	146,307	0	1	1	2	0	0	0
32	29	PTD Petaling	Sri Serdang	2	2	10	14	242,619	2	242,619	1	0	5	6	137,843	1	137,843
33	30	PTD Petaling	Kinrara	2	0	10	12	336,270	1	482,577	0	0	2	2	0	0	0
34	31	PTD Petaling	Subang Jaya	2	2	7	11	251,250	1	751,250	0	1	1	2	0	0	0
35	32	PTD Petaling	Sri Setia	1	0	0	1	307,726	1	307,726	0	0	1	1	0	0	0
36	33	PTD Petaling	Taman Medan	6	0	6	12	632,768	4	885,308	0	1	15	16	0	0	0
37	34	PTD Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	35	PTD Petaling	Kampung Tunku	1	0	4	5	443,572	1	443,572	1	0	7	8	155,991	1	155,991
39	36	PTD Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	37	PTD Petaling	Bukit Lanjan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2	0	0	0
41	38	PTD Petaling	Paya Jaras	2	0	3	5	333,015	1	548,075	0	0	2	2	0	0	0
42	39	PTD Petaling	Kota Damansara	2	0	5	7	0	0	278,900	1	1	1	3	151,836	1	151,836
43	40	PTD Petaling	Kota Anggerik	1	1	6	8	281,000	1	281,000	1	0	4	5	158,607	1	158,607
44	41	PTD Petaling	Batu Tiga	1	0	0	1	217,000	1	217,000	0	0	0	0	0	0	0
45	42	PTD Petaling	Meru	14	24	24	62	898,091	7	1,922,239	1	0	0	1	160,164	1	160,164
46	43	PTD Klang	Sementa	0	1	23	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
47	44	PTD Klang	Sungai Pinang	11	15	25	51	0	0	1,609,376	0	0	3	3	0	0	0
48	45	PTD Klang	Selat Klang	11	3	77	91	411,050	1	1,793,972	1	0	5	6	0	0	170,000
49	46	PTD Klang	Pelabuhan Klang	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0
50	47	PTD Klang	Pandamaran	3	2	3	8	0	0	438,921	0	0	0	0	0	0	0
51	48	PTD Klang	Kota Alam Shah	0	0	9	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
52	49	PTD Petaling	Sri Andalas	5	0	4	9	194,994	2	633,915	1	0	4	5	158,749	1	158,749
53	50	PTD Petaling	Sri Muda	17	17	70	104	2,613,174	16	2,759,481	0	0	9	9	0	0	0
54	51	PTD Kuala Langat	Sijangkang	14	0	3	17	987,141	9	1,546,062	1	0	1	2	170,053	1	170,053
55	52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	12	13	17	42	1,343,561	9	1,655,307	1	0	0	1	167,898	1	167,898
56	53	PTD Kuala Langat	Morib	28	0	17	45	995,335	9	3,999,747	1	0	0	1	161,220	1	161,220
57	54	PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat	3	0	4	7	166,614	2	226,614	1	0	0	1	174,095	1	174,095
58	55	PTD Sepang	Dengkil	3	1	40	44	323,090	2	469,397	1	0	0	1	0	0	170,000
59	56	PTD Sepang	Sungai Pelek	6	3	48	57	208,120	3	560,352	1	0	12	13	169,686	1	169,686
60		To Be Identified	To Be Identified	2	1	0	3	93,500	1	239,807	0	0	0	0	0	0	0
				278	110	805	1,193	23,189,731	172	37,668,182	34	9	198	241	3,725,748	22	5,765,748

c)

		Peruntukan	Diluluskan	Baki
1	INFRASTRUKTUR	50,000,000	37,668,182	12,331,818
2	PEMBINAAN INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000	5,765,748	24,234,252
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000	1,878,830	28,121,170
4	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	1,245,595	1,754,405
5	PEMELIHARAAN & PEMULIHAN ALAM SEKITAR	5,000,000	250,600	4,749,400
6	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	45,000	4,955,000
7	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	26,450	9,973,550
8	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000	65,000	9,935,000
9	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	477,000	4,523,000
10	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	1,016,600	28,983,400
11	PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000		5,000,000
12	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000	770,000	9,230,000
13	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000		30,000,000
14	PENGGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000		22,000,000
15	DARI KEBAJIKAN KEPADA BEKERJA	20,000,000	10,000	19,990,000
16	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000		15,000,000
17	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	3,000,000	17,000,000
	JUMLAH KESELURUHAN	300,000,000	52,219,006	247,780,994

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PROJEK PENDEMOKRASIAN

142. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyuburkan amalan partisipasi demokrasi yang lebih proaktif demi kedaulatan Negeri Selangor?

b) Sejauh mana keberkesanan Projek Pendemokrasian yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT

143. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kadar jenayah negeri Selangor mengikut kategori dan pecahan daerah bagi tahun 2010-2012?

b) Senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2012.

c) Apakah program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat untuk tahun 2012 bagi meningkatkan tahap keselamatan bandar dan mengurangkan kadar jenayah di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah kadar jenayah bagi Negeri Selangor mengikut kategori dan pecahan daerah bagi tahun 2010-2012 :

BIL	DAERAH	2010	2011	2012
1.	PETALING	14,345	11,259	5,103
2.	GOMBAK	Tiada maklumat diberikan oleh pihak PDRM seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT		
3.	SEPANG	987	730	307
4.	HULU LANGAT	Tiada maklumat diberikan oleh pihak PDRM seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT		
5.	KLANG	5,700	5,554	2,100
6.	KUALA SELANGOR	Tiada maklumat diberikan oleh pihak PDRM seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT		68
7.	SABAK BERNAM	450	390	Belum dikemaskini oleh Ibu Pejabat Polis Daerah
8.	KUALA LANGAT	Tiada maklumat diberikan oleh pihak PDRM seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT		
9.	HULU SELANGOR	Tiada maklumat diberikan oleh pihak PDRM seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT		

b) Untuk makluman, Kerajaan Negeri tiada menyalurkan peruntukan kepada PBT, walau bagaimanapun peruntukan yang diterima adalah daripada peruntukan NKRA Program Bandar Selamat : 4 Langkah Segera (Peruntukan di bawah Kerajaan Persekutuan) yang disalurkan melalui **Pusat Pembangunan Negeri**. Berikut adalah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jawatankuasa Bandar Selamat mengikut pecahan PBT bagi tahun 2012:

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah (RM)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2,100,000.00
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2,100,000.00
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2,100,000.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2,100,000.00
5.	Majlis Perbandaran Selayang	2,100,000.00
6.	Majlis Perbandaran Sepang	800,000.00
7.	Majlis Perbandaran Klang	2,100,000.00
8.	Majlis Perbandaran Kajang	2,100,000.00
9.	Majlis Daerah Hulu Langat	650,000.00
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	800,000.00
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	700,000.00
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	400,000.00
	JUMLAH	**18,050,000.00**

c) Dengan adanya peruntukan yang diterima, pelbagai program telah dijalankan oleh Jawatankuasa Bandar Selamat PBT bagi meningkatkan tahap Keselamatan Bandar dan mengurangkan kadar jenayah di Selangor. Program- program yang dijalankan oleh PBT adalah seperti berikut :

BIL	PBT	PROGRAM YANG DIJALANKAN
1.	**MBSA**	a. NKRA Bandar Selamat : Penyediaan 4 Langkah Segera di bawah peruntukan JPBD Semenanjung Malaysia (Persekutuan) sebanyak RM2.1 Juta iaitu : i. Pengasingan Pejalan Kaki dan Rel Penghadang ii.Pencahayaan iii.Pemasangan Papan tanda Amaran Jenayah iv.Pemasangan Cermin Keselamatan b. Projek Pemasangan CCTV di bawah peruntukan Negeri Selangor i. 50 unit CCTV

2.	**MBPJ**	a. Pelaksanaan 5 langkah segera meliputi projek – projek berikut: i. Pencahayaan ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor iii. Cermin Keselamatan iv. Pemasangan papan tanda peringatan jenayah v. Tempat letak motosikal berkunci (dikawasan perniagaan dan kawasan rumah pangsa kos rendah) b. Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) ditubuhkan di kawasan Petaling Jayadi mana RM5,000 diberikan sebagai elaun kepada setiap pasukan. c. Rukun Tetangga dan persatuan penduduk perlu mendaftar dengan MBPJ, polis dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Selangor. d. MBPJ giat menjalankan aktiviti Publisiti dan Promosi bersama Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga dengan mengadakan pameran dan taklimat bersama pihak PDRM mengenai kepentingan menjaga keselamatan.
3.	**MPK**	a. Majlis Perbandaran Klang bekerjasama dengan IPD Klang (Utara & Selatan) dengan mengenal pasti lokasi *hotspot* jenayah dan pemasangan 5 langkah segera (pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, cermin keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkunci); b. Hebahan program bandar selamat melalui pameran dan risalah; dan c. Pemasangan CCTV menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri di kawasan *hotspot*
4.	**MPSJ**	Program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat tahun 2012 adalah seperti berikut : i) Pengasingan lorong pejalan kaki ii) Pencahayaan iii) Cermin Keselamatan iv) Papan tanda cegah jenayah

		v) Tempat letak motorsikal berkunci
5.	**MPAJ**	Lima (5) Langkah Program Bandar Selamat untuk dilaksanakan di MPAJ adalah: a) Pencahayaan b) Rel Pengadang c) Cermin keselamatan d) Tempat letak motor berkunci e) Papan tanda peringatan/amaran
6.	**MPS**	Program-program yang diberi keutamaan melibatkan 6 langkah iaitu :- i. Pencahayaan ii. Menyediakan rel penghadang/ pengasingan laluan pejalan kaki iii. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci iv. Pemasangan cermin Keselamatan v. Pemasangan papan tanda pencegahan jenayah vi. Pemasangan CCTV
7.	**MPSepang**	Jawatankuasa Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Sepang, lima (5) langkah yang akan dan sedang dilaksanakan oleh Majlis adalah seperti berikut i. Pencahayaan ; ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ; iii. Penyediaan tempat letak motosikal berkunci ; iv. Penyediaan dan pemasangan papan tanda peringatan jenayah ; v. Penyediaan dan pemasangan cermin keselamatan
8.	**MPKj**	Melaksanakan 5 langkah utama Program Bandar Selamat iaitu pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki, cermin keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkawal di 48 lokasi hotspot jenayah yang dikenalpasti oleh IPD Kajang
9.	**MDKL**	a. Menjalankan projek-projek pemasangan elemen pencegahan jenayah seperti pemasangan cermin keselamatan, pemasangan rel penghadang, pencahayaan di tempat-tepat cenderung berlaku jenayah, pemasangan papan tanda peringatan jenayah dan lain-lain

		b. Program sosial seperti kesedaran pihak awam dalam membanteras jenayah seperti ceramah, pengawasan kejiranan, Kepolisan Masyarakat dan lain-lain.
10.	**MDHS**	MDHS melalui Jawatankuasa Pembangunan Mampan dan Bandar Selamat menjalankan 4 langkah segera bagi mengurangkan kadar jenayah jalanan di dalam Daerah Hulu Selangor. Antara langkah-langkah yang terlibat adalah :- i. Pengasingan laluan pejalan kaki dengan kenderaan bermotor ii. Penyediaan cermin keselamatan di kawasan terlindung iii. Pemasangan papan tanda peringatan jenayah iv. Pemasangan tempat letak motosikal. Berikut adalah kawasan-kawasan yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat 2012. a. Bandar Utama Batang Kali -Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 840 meter. - Pemasangan papan tanda peringatan jenayah. b. Bandar Kuala Kubu Baharu - Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 260 meter. - Pemasangan papan tanda peringatan jenayah. - Pemasangan tempat letak motosikal berkunci. c. Bukit Beruntung - Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel (Taman Bunga Raya) pengadang sepanjang 190 meter.
11.	**MDKS**	Langkah–langkah Program Bandar Selamat bagi mengurangkan kadar jenayah di Kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor adalah seperti berikut:- i. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ii. Pencahayaan iii. Cermin Keselamatan iv. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci v. Papan tanda peringatan jenayah
12.	**MDSB**	Program yang telah dilaksanakan dibawa Jawatankuasa Bandar Selamat ialah : i Pencahayaan ii Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan

		bermotor iii Rel penghadang jalan iv Papantanda pencegahan jenayah dan; v Cermin keselamatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: GERAN SELANGORKU

144. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimana Geran Selangorku ini diagihkan kerana terdapat permohonan bertindih antara Pejabat Daerah, PBT dan juga DUN?

b) Kenapa lambat dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) Jawatankuasa Induk menerima permohonan dari semua sumber termasuk individu, NGO, Persatuan Penduduk, PBT, PTD, JKR, Adun dan Ahli Parlimen yang disatukan dalam satu dokumen induk dan disenaraikan mengikut DUN bagi memastikan tiada pertindihan sebelum diselaraskan untuk perlaksanaan secara berfasa mengikut desakan keperluan.

b) Setiap projek yang diluluskan masih perlu menjalani proses sebutharga yg tempohnya telah dipendekkan. Walaubagaimanapun masalah yang menjurus kepada kelewatan perlaksanaan adalah disebabkan masalah status tapak projek sama ada tanah persendirian atau pun rizab (sungai, LLM, TNB dan sebagainya) atau kontraktor menarik diri kerana membuat penawaran yang terlalu rendah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : ISU INDUSTRI AIR SELANGOR

145. Pakatan Rakyat yang mentadbir negeri Selangor yang sejak 2008 masih gagal menyelesaikan kemelut industri air Selangor dengan baik dan telus.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kronologi tarikh dan peristiwa; mesyuarat, perbincangan dan tindakan oleh kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan pihak operator air bagi menyelesai masalah tersebut?

b) Apakah langkah proaktif dan munasabah yang telah diambil kerajaan negeri untuk memastikan kemelut ini berakhir?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Sebagai keutamaan di dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula ini, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menitik beratkan faktor kepentingan pengguna dan nilai *fair market value* yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi Air supaya hasil dari penstrukturan itu kelak tidak membebankan pengguna dan tidak merugikan mana-mana pihak.

Bagi merealisasikan cadangan penstrukturan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali, ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

GROSS (RM/juta)	**ABASS**	**SPLASH**	**PUNCAK**	**SYABAS**	**TOTAL**
Tawaran (1) 13.02. 2009	525	2,064	1,608	1,512	5,709
Tawaran (2) 25. 06.2009	946	2,975	1,936	3,361	9,218
Tawaran (3) 06 .01.2011	402	2,772	2,040	4,013	9,227

Syarikat Konsesi Air telah menolak tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi. Pemegang Konsesi Air Negeri Selangor iaitu Syarikat Bekalan Air Sdn Bhd (SYABAS), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH), Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) mengeluarkan nota hutang seperti berikut:

Pengeluar Nota Hutang	Jenis Nota Hutang
SYABAS	RM3.0 billion • Bai Bithaman Ajil Commercial Paper (BBA CP); dan • Bai Bithaman Ajil Medium Term Note (BBA MTN)
PNSB	• RM1.02 billion Bai Bithaman Ajil Islamic Debt Securities (BaIDS) • RM546.88 juta Junior Notes A (A Notes) • RM435.0 juta Redeemable Unsecured Bonds (RUB)
SPLASH	• RM 385.0 juta Muraqabah Medium Term Note (MMTN) • RM50.0 juta Muraqabah Commercial Paper (MCP)
Titisan Modal Sdn Bhd (TMSB)	• RM738.0 juta Fixed Rate Serial Bonds (FRSB)

Pada 11 April 2011, Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC), satu institusi penarafan kredit domestik yang ditubuhkan pada tahun 1995, telah membuat pengumuman menurunkan taraf nota hutang yang dikeluarkan oleh kesemua Syarikat Konsesi Air Selangor seperti berikut:-

Pengeluar Nota Hutang	Jenis Nota Hutang	Penarafan Dahulu	Penarafan 11 April 2011	Catatan
SYABAS	• BBA CP • BBA MTN	MARC-1 A+	MARC-3 BBB	Penurunan Taraf
PNSB	• BaIDS • A Notes • RUB	A+ A-	BBB BB+	Penurunan Taraf

		A-	BB+	
SPLASH	• MMTN • MCP	A MARC-2	BBB MARC-3	Penurunan Taraf
Titisan Modal Sdn Bhd (TMSB)	• FRSB	AA+	B	Penurunan Taraf

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap nilai yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan masalah pembayaran balik hutang-hutang air kepada Pemegang Bon, Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah melaksanakan pengambil alihan bon-bon air dari Pemegang Bon bagi mengatasi masalah kekangan kewangan yang dihadapi oleh Syarikat Konsesi Air sebagai penyelesaian jangka pendek.

Selanjutnya, pada 15 Jun 2011, satu pertemuan telah diadakan di antara Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Di dalam pertemuan tersebut, Y.B. Menteri telah mencadangkan pendekatan "2 langkah" sebagai penyelesaian kepada pengambilalihan Syarikat Konsesi Air . Pendekatan 2 langkah bermaksud pihak Kerajaan mengambil alih mana-mana Syarikat Konsesi Air yang bersetuju dengan nilai tawaran manakala syarikat yang tidak setuju dibenarkan untuk meneruskan operasi seperti sedia ada sehingga tamat tempoh konsesi.

Kerajaan Negeri Selangor melalui surat kepada Y.B. Menteri bertarikh 27 Jun 2011 telah menegaskan bahawa cadangan penyelesaian dua langkah mempunyai banyak masalah yang perlu ditangani oleh semua pihak, di mana antara masalah-masalah itu adalah seperti berikut:-

i) Tempoh transisi bagi syarikat konsesi yang tidak setuju untuk membuat keputusan

a) Adakah syarikat konsesi tersebut perlu dibiarkan beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi atau perlu diberikan satu *cut off date;*

b) Bolehkah kadar tarif munasabah dicapai kerana di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada terdapat kenaikan tarif yang tidak keterlaluan

c) Adakah terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi tersebut dikekalkan

ii) tanggung jawab sepenuhnya dari syarikat pengedar air terutamanya di dalam menjelaskan bayaran harga air kepada operator rawatan

a) adakah syarikat pengedar air sedia untuk menyelesaikan segala tunggakan kos air terawat

b) adakah syarikat pengedar air sedia untuk memberikan jaminan bahawa bayaran penuh akan dibayar sepanjang tempoh konsesi berkuat kuasa

iii) Tanpa kerjasama pengedar air, operasi SPV akan terjejas akibat kekurangan aliran tunai

iv) Masalah projek penambahbaikan air masa hadapan di bawah kawalan satu pihak; syarikat pengedar air

v) Kes-kes tuntutan mahkamah sedia ada oleh pengedar air, bolehkah ia digugurkan?

vi) Isu dalam mencapai kompromi mengenai bayaran pampasan kepada Pemegang Konsesi

vii) *Transfer Pricing* dalam operasi masih dikekalkan

Berdasarkan kepada masalah-masalah yang digariskan di atas, Kerajaan Negeri Selangor menegaskan bahawa penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor perlu dilaksanakan dengan menggunakan konsep holistik yang mendukung hasrat sebenar dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistic melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;

ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Kerajaan Negeri Selangor telah memaklumkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) bahawa konsep industri perkhidmatan air yang holistik mempunyai banyak kebaikan jika dibandingkan dengan keadaan perkhidmatan sedia ada, antara kebaikannya adalah seperti berikut:-

i) Secara relatifnya dapat menjamin kadar tariff yang munasabah dengan purata kenaikan kadar tarif air.

ii) Pemantauan kos operasi bagi menjamin kos operasi yang tidak membebankan. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Model Holistik dapat mengekang *transfer pricing.*

iii) Semakan awal terhadap bayaran jualan pukal dan bayaran tetap/kapasiti yang dituntut oleh pemegang konsesi sedia ada menunjukkan bahawa pemegang konsesi telah meraut pulangan yang tinggi berbanding dengan kos pembangunan, cukai dan faedah/untung institusi kewangan. Syarikat SPV yang baru akan dipantau bagi memastikan keuntungan yang tidak melampaui.

iv) Syarikat SPV tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan diambil alih oleh PAAB. Syarikat SPV akan membayar pajakan kepada PAAB atas aset-aset yang digunakan.

Kerajaan Negeri Selangor selanjutnya telah mencadangkan supaya rundingan secara agresif dengan semua Syarikat Konsesi Air dapat diadakan semula di mana rundingan tersebut hendaklah diterajui oleh KTTHA dengan kehadiran sama Kerajaan Negeri Selangor. Tempoh maksimum bagi rundingan ini haruslah diberikan selama enam (6) bulan. Rundingan tersebut hendaklah dibuat secara *open book basis* dan asas kepada rundingan hendaklah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

i) Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah pemilik ekuiti, aset dan liabiliti semua konsesi air;

ii) Kerajaan Negeri Selangor akan membiayai pemilikan ekuiti dalam SPV menerusi injeksi semua aset air negeri;

iii) Semua perjanjian konsesi air sedia ada akan ditamatkan;

iv) SPV dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan satu saham emas Kerajaan Persekutuan; dan

v) SPV akan diberikan lesen di bawah Akta 655 untuk beroperasi dan penyelenggara industri perkhidmatan air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sekiranya setelah tamat tempoh rundingan yang dicadangkan itu, hanya sebahagian pemegang konsesi setuju untuk diambil alih (misalnya hanya 2 setuju, dua tidak setuju), maka Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menimbangkan penyelesaian dua langkah yang dicadangkan oleh KTTHA tertakluk kepada:-

i) Pembatalan semua saman terhadap Kerajaan Negeri, ahli-ahli dalam pentadbiran negeri, para pegawai dan ejen-ejen;

ii) Penyelesaian semua jumlah tertunggak untuk rawatan air oleh syarikat-syarikat konsesi sama ada oleh pengedar air;

iii) Jaminan invois pembayaran penuh untuk rawatan air oleh SPV kepada pengedar air;

iv) Penyerahan semua maklumat yang dikehendaki oleh negeri daripada pengedar air tetapi tidak terhad kepada pangkalan data pengguna sahaja;

v) Penyerahan operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air Sungai Sireh kepada syarikat pengendali milik kerajaan negeri, termasuk pemberian kerja penambahbaikan; dan

vi) Pemberian perkhidmatan berlesen kepada syarikat milik negeri -SPV- bagi operasi dan penyelenggaraan semua kemudahan termasuk kemudahan perawatan di Labu dan Langat 2.

Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan yang diadakan oleh KTTHA pada 06 September 2011, tidak membincangkan sama sekali mengenai cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Sebaliknya, pihak KTTHA melalui surat Y.B. Menteri bertarikh 12 Oktober 2011 telah menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menghalang Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan penstrukturan secara holistik dengan syarat pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air hendaklah dibuat secara *"willing buyer willing seller"* dan menghormati perjanjian-perjanjian konsesi yang masih sah dan berkuat kuasa.

Di dalam surat tersebut juga menyatakan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam melaksanakan pendekatan dua langkah sebagai tidak praktikal dan sukar untuk dipenuhi. Y.B. Menteri berpandangan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor komited untuk melaksanakan pendekatan "dua langkah", Kerajaan Negeri Selangor perlu memulakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi air yang bersetuju dengan kaedah pengambilalihan yang dicadangkan berdasarkan *"willing buyer willing seller"* dan bukannya menetapkan pelbagai syarat untuk dipenuhi oleh Kerajaan Persekutuan.

Selanjutnya, Y.B. Menteri turut berpandangan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor hanya akan dapat dipenuhi sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan persetujuan tanpa syarat terhadap perkara-perkara berikut:-

1) memberikan semua kelulusan yang diperlukan untuk membolehkan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dilaksanakan mengikut perancangan; dan

2) meluluskan pelarasan tarif air bagi Negeri Selangor berdasarkan perakuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 boleh dipersetujui pelaksanaannya jika penstrukturan semula air Negeri Selangor dimuktamadkan sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan rakyat.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menulis surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Mesyuarat terakhir Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air yang dipengerusikan oleh YBhg Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) adalah pada 06 September 2011. Sehingga kini, pihak KTTHA belum memanggil apa-apa perbincangan mengenai penstrukturan semula ini.

Perkara mengenai penstrukturan semula ini turut dibangkitkan oleh YB Teresa Kok di Parlimen semasa sesi Perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2011) 2012 Peringkat Dasar pada 09 Januari 2012 di mana YB Teresa Koh telah meminta supaya KTTHA mengadakan Mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor bagi membolehkan pengurusan air di Selangor diserahkan kepada Kerajaan Negeri. YB Menteri dalam jawapannya menyatakan bahawa Mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air hanya akan diadakan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat mengemukakan cadangan baru atau pendekatan yang berbeza dari Model Holistik yang dicadangkan sebelum ini oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selanjutnya, YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam surat kepada YB Menteri bertarikh 17 April 2012, telah menyatakan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor mengenai Model Holistik tidak pernah berubah semenjak dikemukakan kepada KTTHA bermula pada Disember 2008. Model Holistik tersebut adalah satu-satunya Model penstrukturan yang menjadi hasrat utama Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri air kerana Model Holistik tersebut memenuhi ciri-ciri penyusunan semula yang di gariskan oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

YB Menteri seterusnya melalui surat bertarikh 10 Mei 2012 dan 05 Jun 2012, masih mengulangi pendirian meminta Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan cadangan baru atau pendekatan yang berbeza dari Model Holistik yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Setakat ini, masih belum ada sebarang persetujuan yang dicapai di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan di dalam memuktamadkan penstrukturan semula air Negeri Selangor.

b) Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor di bawah Model Holistik. Antara langkah proaktif yang telah di ambil adalah membuat tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali, ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

GROSS (RM/juta)	**ABASS**	**SPLASH**	**PUNCAK**	**SYABAS**	**TOTAL**
Tawaran (1) 13.02. 2009	525	2,064	1,608	1,512	5,709
Tawaran (2) 25. 06.2009	946	2,975	1,936	3,361	9,218
Tawaran (3) 06 .01.2011	402	2,772	2,040	4,013	9,227

Selain dari mengemukakan tawaran, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan surat-surat bagi menerangkan hasrat untuk menstrukturkan semula industri air kepada YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan juga kepada YAB Perdana Menteri Malaysia.

Namun, sehingga hari ini tiada sebarang sefahaman dapat dicapai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

146. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan pada 1997 dengan tujuan pengurus pembiayaan dan bayaran balik serta skim simpanan pendidikan tinggi.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pelajar dan jumlah kewangan mereka yang mendapat pembiayaan PTPTN di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)?

b) Apakah kesan jika pelajar UNISEL dan KUIS tidak mendapat pembiayaan PTPTN?

c) Apakah kerajaan negeri bercadang menyediakan skim bantuan kewangan sendiri alternatif kepada PTPTN?

JAWAPAN:

a) Jumlah pelajar dan jumlah kewangan yang mendapat PTPTN di UNISEL

	2008	2009	2010	2011
Jum. Pelajar: 2 kali pembayaran setahun.	10,844 & 4773	7511 & 5406	6,838 & 6255	5562 & 5873
Jum. RM (Juta) drpd PTPTN	69.99	79.59	80.03	69.82

b) Jika pelajar UNISEL dan KUIS tidak mendapat PTPTN, adalah dijangkakan bahawa pelajar dan ibu bapa akan bangkit menyatakan marah dan kesal mereka dan berkemungkinan ada ibu bapa yang akan mengemukakan saman terhadap kerajaan pusat. Semua rakyat Malaysia membayar cukai yang sama dan dengan itu patut mendapat kemudahan yang sama dengan rakyat yang mengikuti pengajian di IPTA / IPTS yang lain.

c) Kerajaan Negeri memang sudah ada tabung pinjaman boleh ubah tanpa faedah yang telah ditambah sebanyak 100% baru-baru ini di samping rancangan untuk mewujudkan dana siswa khas (endowment fund)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: PENYAKIT TANAMAN PISANG

147. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah peruntukan bantuan kepada penanam -penanam pisang di Negeri Selangor yang telah mengalami kerugian akibat tanaman pisang mereka telah musnah diserang penyakit?

b) Berapakah keluasan tanaman pisang yang telah musnah akibat serangan penyakit tersebut dan jumlah pengusaha tanaman pisang tersebut?

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan bantuan penanam-penanam pisang di Negeri Selangor yang mengalami kerugian akibat serangan Penyakit Moko adalah sebanyak RM1.16 juta.

b) Keluasan tanaman pisang di Negeri Selangor yang telah diserang Penyakit Moko dianggarkan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

Daerah	**Luas**	**Peserta**	
		Individu	**Swasta**
Sabak Bernam	3,616.16 ha	1973	
Kuala Selangor	77.00 ha	51	
Klang	32.60 ha	13	1
Kuala Langat	86.72 ha	35	1
Sepang	17.53 ha	11	
Hulu Langat	10.5 ha	6	
Gombak/Petaling	2.9 ha	4	
Hulu Selangor	5.2 ha	4	
Jumlah	**3,3848.6 ha**	**2,097**	**2**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : SISTEM PENGAUDITAN DALAMAN

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah keberkesanan sistem pengauditan kewangan dan perolehan di PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah?

b) Adakah Kerajaan mempunyai *plan* untuk melantik juru audit di PBT dan PTD dari Pejabat Audit Dalaman Negeri atau Jabatan Audit Negeri?

c) Bagaimanakah Jawatan Kuasa Audit dan Corporate Governance di PBT berfungsi dan apakah latihan pengkhususan yang telah di adakan?

JAWAPAN :

a) Objektif audit adalah untuk memastikan semua peraturan-peraturan yang ada dipatuhi dan perbelanjaan dibuat secara berhemat.

Keberkesanan pengauditan sistem pengurusan kewangan dan perolehan adalah:

1. Dapat menjaga kepentingan kerajaan dengan memastikan wang awam dan aset dijaga dan dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan oleh mana-mana pihak;

2. Dapat menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi;

3. Memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan (check and balance) dan mengenal pasti cara mengukur, menjenis dan melaporkan maklumat tersebut;

4. Dapat memastikan perolehan dan perbelanjaan dibuat secara berhemat yang dapat memberi nilai faedah (value for money) kepada kerajaan serta mengelakkan sebarang pembaziran;

5. Memastikan pembayaran dibuat dengan teratur dan sewajarnya serta tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan serta syarat-syarat, kaedah yang ditetapkan;

6. Dapat melaporkan anggota yang didapati melakukan kesalahan, penipuan dan penyelewengan; dan

7. Menilai kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenal pasti peluang untuk meningkatkan penggunaan sumber serta dapat mencadangkan cara untuk mengatasi masalah/kelemahan yang ada.

b) Berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor telah pun mempunyai Unit Audit Dalam masing-masing dengan perjawatan di antara dua hingga lapan orang dan diketuai oleh W48 atu W44 atau W41 atau W27/W32.

Manakala di Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) tidak mempunyai Unit Audit Dalam kerana setakat ini tugas-tugas tersebut diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Audit Dalam, SUK. Terdapat beberapa siri auditan telah dilakukan di peringkat PTD antaranya :-

i. Pada tahun 2011, Bahagian Audit Dalam, SUK tidak membuat pengauditan di PTD. Walau bagaimanapun pengauditan tersebut telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor di tujuh PTD mengikut skop seperti berikut:

    1. Dua kali Pengauditan Akauntabiliti di PTD Petaling dan Kuala Selangor

    2. Pengauditan Kajian di PTD Klang, Hulu Langat dan Petaling

    3. Pengauditan Pemeriksaan Mengejut di PTD Sepang, Hulu Selangor dan Kuala Langat.

ii. Pada tahun 2012, Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan Pengauditan Akauntabiliti di PTD Petaling.

Tambahan pula, PTD tidak hanya diaudit oleh Bahagian Audit Dalam SUK, malah terdapat pelbagai lagi Jabatan/Agensi lain yang berkaitan sering membuat pengauditan iaitu Audit ISO daripada SIRIM, Audit Pengurusan Tanah oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan PTGS, Audit Pengurusan & AIPDT oleh MAMPU, Audit Kewangan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Audit Pengurusan Kewangan, Audit Perakaunan dan Audit Pengurusan oleh Jabatan Audit Negara dan sebagainya.

Sehubungan itu, buat masa ini tiada perancangan untuk melantik juruaudit di PBT dan PTD dari Pejabat Audit Dalam Negeri atau Jabatan Audit Negeri berdasarkan justifikasi yang telah diberikan di atas.

c) Dijawab oleh PBT

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : GERAN SELANGORKU

149. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah keseluruhan projek yang telah dilaksanakan dan berapakah jumlah kos tersebut?

b) Sila senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan dan kos mengikut kawasan DUN.

JAWAPAN :

a) Setakat 8 Ogos 2012, dianggarkan sebanyak RM52,219,006 telah dibelanjakan di bawah peruntukan Geran Selangorku yang melibatkan pecahan sebanyak (anggaran kerana beberapa projek masih dalam proses sebut harga) :

- RM37,668,182 bagi 278 projek infrastruktur
- RM5,765,748 bagi 22 projek infrastruktur sukan, dan
- RM8,785,075 bagi 40 program-program bukan infra

b) Senarai projek-projek: (seperti lampiran di muka sebelah bagi projek infrastruktur, bagi program bukan infra, ia tidak dipecahkan mengikut DUN)

STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR (& SUKAN) - LULUS / BATAL / KIV (MENGIKUT DUN)

Kemaskini 10:42 AM 04-Sep-12

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR Lulus	INFRASTRUKTUR Batal	INFRASTRUKTUR KIV	INFRASTRUKTUR Total	Perbelanjaan Sebenar	Jumlah Projek	Perbelanjaan Anggaran	INFRA SUKAN Lulus	INFRA SUKAN Batal	INFRA SUKAN KIV	INFRA SUKAN Total	Perbelanjaan Sebenar	Jumlah Projek	Perbelanjaan Anggaran
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	13	10	10	33	817,168	9	1,143,474	0	1	19	20	0	0	0
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	0	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0	0
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	0	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0	0
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	0	17	20	0	0	311,746	1	0	0	1	0	0	170,000
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	0	21	23	366,715	2	366,715	0	0	2	2	0	0	0
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	0	34	34	0	0	0	1	0	9	10	175,721	1	175,721
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	8	0	20	28	758,645	8	758,645	1	0	2	3	170,296	1	170,296
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	7	1	1	9	468,726	5	761,340	1	0	3	4	161,269	1	161,269
10		PTD Kuala Selangor	Permatang & Sungai Burong	1	0	0	1	47,190	1	47,190	0	0	0	0	0	0	0
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	4	0	1	5	664,298	4	664,298	1	0	0	1	0	0	170,000
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	12	0	1	13	909,495	11	1,055,802	2	0	15	17	321,891	2	321,891
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	3	27	38	464,411	4	877,025	1	0	6	7	0	0	170,000
14		PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	2	0	0	2	84,610	2	84,610	0	0	0	0	0	0	0
15	13	PTD Gombak	Kuang	2	0	0	2	329,140	2	329,140	1	0	0	1	0	0	170,000
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	0	2	5	189,697	2	336,004	1	0	2	3	197,317	1	197,317
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	6	0	47	53	545,141	5	691,448	2	0	13	15	145,024	1	315,024
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	11	2	65	78	1,127,232	9	1,379,772	1	0	6	7	0	0	170,000
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	3	0	9	12	303,545	2	449,852	0	1	0	1	0	0	0
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	9	0	10	19	1,569,777	8	1,629,777	1	0	20	21	198,723	1	198,723
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	1	0	2	3	164,760	1	164,760	1	0	0	1	200,000	1	200,000
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	0	5	7	663,013	2	663,013	1	0	1	2	0	0	170,000
23		PTD Gombak	Lembah Jaya & Bukit Antarabangsa	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	21	PTD Gombak	Cempaka	3	0	10	13	91,122	1	211,122	1	0	2	3	190,792	1	190,792
25	22	PTD Gombak	Teratai	5	0	11	16	482,683	2	748,990	0	1	2	3	0	0	0
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	5	0	4	9	212,393	3	464,933	1	0	7	8	0	0	170,000
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	0	3	3	0	0	0	1	0	0	1	0	0	170,000
28	25	PTD Hulu Langat	Kajang	8	5	6	19	1,275,800	8	1,275,800	1	0	11	12	0	0	170,000
29	26	PTD Hulu Langat	Bangi	2	0	4	6	0	0	292,614	1	0	1	2	198,575	1	198,575
30	27	PTD Hulu Langat	Balakong	1	0	6	7	0	0	146,307	0	0	2	2	0	0	0
31	28	PTD Petaling	Sri Kembangan	1	0	1	2	0	0	146,307	0	1	1	2	0	0	0
32	29	PTD Petaling	Sri Serdang	2	2	10	14	242,619	2	242,619	1	0	5	6	137,843	1	137,843
33	30	PTD Petaling	Kinrara	2	0	10	12	336,270	1	482,577	0	0	2	2	0	0	0
34	31	PTD Petaling	Subang Jaya	2	2	7	11	251,250	1	751,250	0	1	1	2	0	0	0
35	32	PTD Petaling	Sri Setia	1	0	0	1	307,726	1	307,726	0	0	1	1	0	0	0
36	33	PTD Petaling	Taman Medan	6	0	6	12	632,768	4	885,308	0	1	15	16	0	0	0
37	34	PTD Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	35	PTD Petaling	Kampung Tunku	1	0	4	5	443,572	1	443,572	1	0	7	8	155,991	1	155,991
39	36	PTD Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	37	PTD Petaling	Bukit Lanjan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2	0	0	0
41	38	PTD Petaling	Paya Jaras	2	0	3	5	333,015	1	548,075	0	0	2	2	0	0	0
42	39	PTD Petaling	Kota Damansara	2	0	5	7	0	0	278,900	1	1	1	3	151,836	1	151,836
43	40	PTD Petaling	Kota Anggerik	1	1	6	8	281,000	1	281,000	1	0	4	5	158,607	1	158,607
44	41	PTD Petaling	Batu Tiga	1	0	0	1	217,000	1	217,000	0	0	0	0	0	0	0
45	42	PTD Petaling	Meru	14	24	24	62	898,091	7	1,922,239	1	0	0	1	160,164	1	160,164
46	43	PTD Klang	Sementa	0	1	23	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
47	44	PTD Klang	Sungai Pinang	11	15	25	51	0	0	1,609,376	0	0	3	3	0	0	0
48	45	PTD Klang	Selat Klang	11	3	77	91	411,050	1	1,793,972	1	0	5	6	0	0	170,000
49	46	PTD Klang	Pelabuhan Klang	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0
50	47	PTD Klang	Pandamaran	3	2	3	8	0	0	438,921	0	0	0	0	0	0	0
51	48	PTD Klang	Kota Alam Shah	0	0	9	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
52	49	PTD Petaling	Sri Andalas	5	0	4	9	194,994	2	633,915	1	0	4	5	158,749	1	158,749
53	50	PTD Petaling	Sri Muda	17	17	70	104	2,613,174	16	2,759,481	0	0	9	9	0	0	0
54	51	PTD Kuala Langat	Sijangkang	14	0	3	17	987,141	9	1,546,062	1	0	1	2	170,053	1	170,053
55	52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	12	13	17	42	1,343,561	9	1,655,307	1	0	0	1	167,898	1	167,898
56	53	PTD Kuala Langat	Morib	28	0	17	45	995,335	9	3,999,747	1	0	0	1	161,220	1	161,220
57	54	PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat	3	0	4	7	166,614	2	226,614	1	0	0	1	174,095	1	174,095
58	55	PTD Sepang	Dengkil	3	1	40	44	323,090	2	469,397	1	0	0	1	0	0	170,000
59	56	PTD Sepang	Sungai Pelek	6	3	48	57	208,120	3	560,352	1	0	12	13	169,686	1	169,686
60		To Be Identified	To Be Identified	2	1	0	3	93,500	1	239,807	0	0	0	0	0	0	0
				278	110	805	1,193	23,189,731	172	37,668,182	34	9	198	241	3,725,748	22	5,765,748

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEGAWAI KERAJAAN KONTRAK

150. Difahamkan bahawa ramai pegawai dari agensi kerajaan adalah dalam kontrak tahunan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlahnya dan jabatan dan majlis bandaran / perbandaran mana?

b) Apakah kemudahan yang layak diterima?

c) Apakah syarat-syarat yang dikuatkuasakan ramai yang bekerja lebih 10 tahun masih dalam kontrak?

JAWAPAN :

a) Jumlah pegawai bertaraf kontrak *(Contract of Service)* di jabatan / agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sehingga 31 Mei 2012 adalah seramai **3,665 orang** *(17% daripada jumlah keseluruhan warga kerja)* dan pecahan jumlah mengikut jabatan / agensi adalah seperti berikut:

BIL	JABATAN	JUMLAH
1	Pejabat DYMM Sultan Selangor	27
2	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	130
3	Perbendaharaan Negeri Selangor	66
4	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	56
5	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	3
6	Jabatan Mufti Negeri Selangor	11
7	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	4
8	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	9
9	Jabatan Agama Islam Selangor	453
10	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	2
11	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri	7

BIL	JABATAN	JUMLAH
	Selangor	
12	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	3
13	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	19
14	Pejabat Daerah/Tanah Petaling	14
15	Pejabat Daerah/Tanah Gombak	24
16	Pejabat Daerah/Tanah Klang	12
17	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat	9
18	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat	10
19	Pejabat Daerah/Tanah Sepang	8
20	Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor	11
21	Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor	13
22	Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam	8
23	Majlis Bandaraya Shah Alam	466
24	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	418
25	Majlis Perbandaran Klang	374
26	Majlis Perbandaran Subang Jaya	474
27	Majlis Perbandaran Kajang	23
28	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	83
29	Majlis Perbandaran Selayang	258
30	Majlis Perbandaran Sepang	60
31	Majlis Daerah Kuala Langat	51
32	Majlis Daerah Kuala Selangor	83
33	Majlis Daerah Sabak Bernam	64
34	Lembaga Urus Air Selangor	19
35	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	20
36	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	38
37	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	34
38	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	23
39	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	278

BIL	JABATAN	JUMLAH
	JUMLAH KESELURUHAN	**3665**

b) Seseorang pegawai kontrak layak diberi elaun dan kemudahan tertentu seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran L, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008**. Pegawai juga layak diberi sebarang elaun dan kemudahan baru yang dipanjangkan kepada pegawai kontrak mengikut peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Contoh elaun dan kemudahan yang diterima adalah seperti berikut:

Bil.	Elaun / Kemudahan
1	Imbuhan Tetap Khidmat Awam
2	Imbuhan Tetap Perumahan
3	Imbuhan Tetap Keraian
4	Bantuan Sara Hidup
5	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
6	Bayaran Insentif Pakar
7	Elaun Dan Bayaran Semasa Bertukar Atau Berpindah Rumah
8	Elaun Menjalankan Tugas Rasmi
9	Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Negeri
10	Rawatan Perubatan Percuma Di Klinik/ Hospital Kerajaan
11	Rawatan Perubatan Percuma Di Luar Negeri (pesara yang menerima pencen)
12	Kemudahan Tambang Perjalanan
13	Pinjaman Kenderaan/ Komputer
14	Rumah Kediaman/ Kuarters
15	Elaun Perumahan Wilayah (bagi warganegara sahaja)

Bil.	Elaun / Kemudahan
16	Bayaran Lebih Masa (bagi Kumpulan Sokongan)
17	Cuti Rehat
18	Cuti Sakit
19	Cuti Haji
20	Cuti Bersalin
21	Cuti Tanpa Gaji

Pemberian elaun dan kemudahan hendaklah mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai juga layak diberi elaun dan kemudahan baru yang dipanjangkan kepada pegawai kontrak mengikut peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

c) Pada asasnya, perkhidmatan pegawai / kakitangan lantikan secara kontrak ini diselaras berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 yang mana pegawai-pegawai yang berkenaan tidak diberikan jaminan untuk dilantik atau diserap ke jawatan Tetap selepas berkhidmat di sesuatu jawatan (dalam suatu tempoh masa tertentu).

Dalam usaha membantu perkembangan kerjaya dan kebajikan pegawai / kakitangan sedia ada yang telah lama berkhidmat di Jabatan / Agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri, maka Pentadbiran ini mengemukakan butiran maklumat lengkap mereka ke Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk diberikan keutamaan / pertimbangan dipanggil menghadiri sesi temuduga jawatan dalam setiap siri lantikan. Selain prestasi semasa sesi temuduga berkenaan, pemberat lain yang dipertimbangkan adalah prestasi kerja tahunan (tiga (3) tahun terkebelakang) dan perakuan Ketua Jabatan juga diambilkira.

Pentadbiran Kerajaan Negeri mengambil pendekatan sentiasa menjaga kebajikan semua pegawai / kakitangan kontrak ini di mana perkhidmatan pegawai / kakitangan tidak terjejas selagimana pegawai mampu memberikan sumbangan yang signifikan pada Jabatan, prestasi kerja yang cemerlang dan perilaku yang terpuji sebagai penjawat awam. Perkhidmatan pegawai / kakitangan kontrak hanya akan ditamatkan atau tidak dilanjutkan sekiranya terdapat *prima facie* atau pembuktian yang jelas mereka terlibat dalam salahlaku yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa atau tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik.

Dalam aspek pembangunan kerjaya pegawai / kakitangan sedia ada yang telah lama berkhidmat dengan Pentadbiran Kerajaan Negeri, Pentadbiran ini menimbang kenaikan pangkat bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun (dilantik ke Gred Kenaikan Pangkat).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : MASALAH PERGERAKAN TANAH DAN RUMAH RETAK DI BUKIT MEWAH, KAJANG

151. Masalah di atas berlarutan lebih dari satu dekad.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan mutakhir berhubung dengan masalah di atas.

b) Adakah pihak pemaju memberi komitmen membaik pulih kerosakan tersebut?

c) Bagaimanakah pelan tindakan bagi membaikinya?

JAWAPAN :

a) Pihak MPKj telah mengadakan mesyuarat khas bersama dengan pemaju, perunding dan penduduk pada 12 Jun, 2012 bagi membincangkan kerja-kerja pengukuhan cerun yang telah dilaksanakan oleh pihak pemaju, Tetuan Cekap Corporation Berhad. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh wakil daripada perunding iaitu G & P Geotechnics Sdn. Bhd. Pihak pemaju juga akan menyediakan draf perjanjian bersama dengan penduduk bagi isu perobohan dan membaikpulih semula rumah-rumah yang terlibat dalam kerja-kerja pembaikan.

b) Pihak pemaju juga memberi komitmen untuk membaik pulih kerosakan tersebut. Kerja-kerja pengukuhan cerun di tapak juga telah disiapkan sepenuhnya oleh pihak pemaju, dan kerja-kerja penyelenggaraan cerun dibuat oleh pihak pemaju.

c) Pihak pemaju juga telah menyediakan pelan bagi pembaikan rumah-rumah tersebut, di mana sebanyak 28 unit rumah akan dirobohkan dan dibina semula, dan 14 unit rumah akan diperbaiki dari segi struktur bangunannya. Kerja-kerja perobohan akan dimulakan pada September 2012. Pihak MPKj akan mengadakan satu sesi taklimat khas bersama penduduk selepas draf perjanjian tersebut disiapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERPUSTAKAAN DESA

152. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan jumlah Perpustakaan Desa mengikut DUN dan apakah kriteria dalam memutuskan pembinaannya.

b) Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam menambahbaik sistem perpustakaan desa ini.

JAWAPAN:

a) Jawapan seperti di bawah.

PELAN INDUK TABURAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI
DI MALAYSIA

MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Negeri : **SELANGOR**

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Sungai Air Tawar				1. Perp. Desa Bagan Nakhoda Omar 2. Perp. Desa Sg. Air Tawar 3. Perp. Desa Kg. Banting 4. Perp. Desa Tebuk Berihun 5. Perp. Desa Sg. Apong 6. Perp. Desa Bt. 38 7. Perp. Desa Tebuk Mufrad 8. Perp. Desa Parit Baru
Sabak			Perp. Dataran Sabak Bernam	1. Perp. Desa Bagan Terap 2. Perp. Desa Batu 2, Sepintas 3. Perp. Desa Taman Muhibbah 4. Perp. Desa Bt. 4, Sepintas 5. Perp. Desa Tebuk Pulai

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Sungai Panjang		Perp. Daerah Sabak Bernam, Sg. Besar		1. Perp. Desa Binjai Jaya 2. Perp. Desa Pasir Panjang 3. Perp. Desa Sg. Panjang 4. Perp. Desa Simpang Lima 5. Perp. Desa Parit 14, Sg Panjang 6. Perp. Desa Parit 6, Sg Panjang 7. Perp. Desa Parit 11, Sg Besar 8. Perp. Desa Taman Setia Jaya, Sg Besar 9. Perp. Desa Parit 8, Sg Panjang
Sekinchan			Perp. Sekinchan	1. Perp. Desa Parit 7 Baroh, Sg Leman
Hulu Bernam			Perp. Desa Hulu Bernam	1. Perp. Desa Sg. Selisik 2. Perp. Desa Kalumpang
Kuala Kubu Baharu		Perp. Syed Mashor, Kuala Kubu Baharu		1. Perp. Desa Kerling 2. Perp. Desa Kg. Serigala
Batang Kali				1. Perp. Desa Sg. Masin 2. Perp. Desa Sg. Choh 3. Perp. Komuniti Bukit Beruntung
Sungai Burong		Perp. Caw. Tg. Karang		1.Perp. Desa Sg Sireh

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Permatang				1. Perp. Desa Sri Tiram Jaya 2. Perp. Desa Sg. Gulang-gulang 3. Perp. Desa Estet Tunku Abd Rahman
Bukit Melawati		Perp. Daerah Kuala Selangor		1.Perp. Desa Assam Jawa
Ijok			Perp Pekan Bestari Jaya	1. Perp. Desa Ijok 2. Perp. Desa Bukit Badong
Jeram				1. Perp. Desa Parit Mahang 2. Perp. Desa Jeram 3. Perp. Desa Puncak Alam 4. Perp. Desa Bukit Kerayong
Kuang				1. Perp. Desa Kuang
Rawang		Perp. Caw. Rawang		
Taman Templer		Perp. Daerah Gombak		

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Batu Caves				
Gombak Setia				1. Perp. Desa Al-Syakirin
Hulu Kelang				1.Perp. Desa Kemensah
Bukit Antarabangsa				1. Perp. Desa Kg. Melayu Ampang
Lembah Jaya			Perp. Komuniti Ampang Waterfront	1. Perp. Desa Lembah Jaya
Chempaka			Perp. Komuniti Pandan Jaya	1. Perp. Desa Kg. Pandan 2. Perp. Desa Cheras Baru
Teratai				
Dusun Tua				1. Perp. Desa Bt. 14 Hulu Langat 2. Perp. Kg Jawa, Hulu Langat
Semenyih			Perp. Semenyih	1. Perp. Desa Beranang
Kajang		Perp. Caw. Kajang		

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Bangi		Perp. Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi		1.Perp. Desa Mahkota
Balakong				
Seri Kembangan				
Seri Serdang				
Kinrara				
Subang Jaya				
Seri Setia				
Kampung Tunku				
Bukit Gasing				
Taman Medan			Perp. Komuniti Sri Manja	
Damansara Utama				
Bukit Lanjan				
Paya Jaras				1. Perp. Desa Kg. Kubu Gajah 2. Perp. Desa Kg. Sg. Pelong

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Kota Damansara				
Kota Anggerik	Perp. Raja Tun Uda			
Batu Tiga				
Meru				1. Perp. Desa Meru 2. Perp. Desa Bukit Kapar
Sungai Pinang				
Selat Klang			Perp Komuniti Sg Udang	
Pelabuhan Klang		Perp. Cawangan Pelabuhan Klang		1. Perp. Desa Pulau Indah 2. Perp. Komuniti Sri Perantau
Pandamaran				

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Seri Andalas				
Sri Muda				
Sijangkang				1. Perp. Desa Sijangkang 2. Perp. Desa Jenjarom
Teluk Datuk				
Morib		Perp. Sultan Abdul Samad, Banting		1. Perp. Desa Sri Jugra 2. Perp. Desa Morib 3. Perp. Desa Sg Kelambu
Tanjong Sepat				1. Perp. Desa Kg. Endah 2. Perp. Desa Bukit Bangkong 3. Perp. Desa Kg Ladang Batu 4. Perp. Desa Batu Laut
Dengkil				1. Perp. Desa Olak Lempit 2. Perp. Desa Kg. Sg. Merab 3. Perp. Desa Jenderam Hilir 4. Perp. Desa Kg. Dato' Ahmad Razali
Sungai Pelek			Perp. Sungai Pelek	1. Perp. Desa Bagan Lalang 2. Perp Desa Hulu Chuchoh

1. Kriteria pemilihan tapak

Perpustakaan dibina atas tanah kerajaan negeri yang telah diperuntukan bagi tujuan pembinaan perpustakaan desa.

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Kawasan	**Setiap DUN / MUKIM**
2	Jarak	**5 - 10 km antara perpustakaan**
3	Jumlah penduduk	**300 - 500 orang**
4	**Kemudahan infrastruktur**	• **Bekalan elektrik** • **Talian telefon** • **Perkhidmatan ICT & Multimedia** • **Tandas** • **Surau**

2. Prosedur pemilihan

Semua permohonan daripada ADUN yang mewakili kawasan tersebut akan dikaji bagi tujuan kesesuaian untuk mewujudkan perpustakaan desa.

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Kenalpasti tapak	**Mengikut kawasan DUN**
2	Status tapak	**Tanah kerajaan/Tanah wakaf/ Persendirian**
3	**Pelaksana projek**	**PPAS**

3. Saiz Bangunan

Cadangan rekabentuk pelan lantai bangunan

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Saiz bangunan	**30' x 50' kaki persegi** **1500 kaki persegi**
2.	**Anggaran Kos** **Bangunan** **Koleksi** **Jumlah Kos Pembinaan**	 **RM 200,000.00** **RM 80,000.00** **RM 280,000.00**

b) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah banyak menyumbang jasa kepada rakyat negeri Selangor di dalam menyediakan serta menyalurkan ilmu kepada masyarakat khususnya kepada rakyat negeri Selangor. Pada tahun 2009, PPAS telah mencipta sejarah baru di mana PPAS telah menjalani proses *'Rebranding'* (penjanamaan semula) dan program ini mendapat sokongan yang penuh dari kerajaan negeri Selangor.

Penyediaan infrastruktur perpustakaan yang lebih selesa akan menarik perhatian pengunjung bukan sahaja untuk meminjam bahan bacaan, tetapi untuk terus berada di perpustakaan untuk membaca. Kesemuanya dilengkapi koleksi buku yang bermutu dengan perabot moden yang selesa dan menarik, tandas dan ruang solat yang bersih, perkhidmatan multimedia–wifi percuma dan kemudahan kafe yang bersesuaian. Antara bangunan baru perpustakaan yang telah mengikut konsep *"rebranding"* ini ialah :-

1. Perpustakaan Komuniti Pekan Semenyih (Februari 2010)
2. Perpustakaan Komuniti Desa Apart. Mawar, Bkt Beruntung (15 April 2010)
3. Perpustakaan Komuniti Pekan Sri Manja, Petaling (18 Oktober 2010)
4. Perpustakaan Komuniti Desa Apart. Sri Perantau, Pel. Klang (31 Mei 2011)
5. Perpustakaan Komuniti Pekan Ampang Waterfront (17 Oktober 2011)
6. Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya (9 Jun 2012)
7. Perpindahan bangunan baru Perpustakaan Cawangan Kajang (Sept. 2012)
8. Pembinaan Perpustakaan baru Perp. Kg Sg Udang, Klang (Disember 2012).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: BILLBOARD BARISAN AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

153. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah *billboard* yang disebut di atas di seluruh Negeri Selangor?

b) Berapakah harga bagi seunit *billboard*?

c) Siapakah pemilik syarikat yang mendapat kontrak ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Menteri Besar (MBI) telah membina sebanyak 56 billboard di mana setiap DUN mendapat satu billboard. Billboard ini bagi mempromosikan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan kempen 'Selamatkan Malaysia Mansuhkan ISA'. Lokasi bagi setiap pemasangan billboard ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan perlu mematuhi semua garis panduan pemasangan billboard.

b) Harga seunit billboard ini ialah RM9,642.86 dan jumlah keseluruhan yang dibelanjakan untuk pembinaan 56 billboard ini ialah RM540,000. Harga ini adalah yang paling rendah diterima menerusi tender terbuka. Harga ini termasuk kos pemasangan, kos pembelian material serta visual.

c) MBI telah membuka tender pada 9 Jun 2011 dan sebanyak 19 syarikat telah menghantar kertas cadangan. Hanya enam syarikat yang layak selepas melalui beberapa saringan.

Syarikat Intergrated Media Sdn Bhd telah memenangi tender terbuka ini dengan menawarkan harga paling rendah di samping berpengalaman luas dalam bidang pemasangan billboard milik syarikat korporat dan agensi kerajaan di seluruh negara.

Syarikat ini dimiliki sepenuhnya usahawan Bumiputera di mana Encik Azenan Azalan sebagai Pengarah syarikat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : MASALAH ANJING LIAR

154. Kebelakangan ini bilangan kematian ataupun cedera parah akibat kejadian digigit anjing bertuan yang dilepaskan mahupun anjing-anjing liar yang didapati berkeliaran didapati semakin meningkat dan mengancam keselamatan orang ramai.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Statistik kejadian yang telah dilaporkan dan tindakan yang diambil ke atas tuan punya anjing bagi tahun 2009 – 2011 bagi seluruh kawasan Selayang?

b) Statistik aduan berkaitan anjing bertuan tetapi tidak berlesen dan tindakan yang telah diambil terhadap kesalahan yang dilakukan oleh tuan punya anjing bagi kawasan Selayang sepanjang tempoh yang sama?

c) Berapa kerap dan kawasan-kawasan terlibat di mana rondaan dilakukan oleh pihak berkuasa atau kontraktor yang dilantik bagi mengesan anjing-anjing tidak berlesen/liar?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PERKHIDMATAN WIFI PERCUMA.

155. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah sehingga ke hari ini Kerajaan Negeri Selangor tidak memberi WIFI secara percuma di seluruh Negeri?

b) Berapakah jumlah peratusan kegunaan WIFI di Negeri Selangor pada hari ini dan di manakah kawasan-kawasan yang banyak menggunakan perkhidmatan tersebut?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meluaskan pemberian WIFI secara percuma kepada rakyat Negeri Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : LANTIKAN NAZIR DAN AJK

156. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sebelum Pilihanraya Umum ke 12 pada Mac 2008, bagaimanakah proses pemilihan atau pelantikan Nazir dan AJK masjid-masjid di jalankan di Negeri Selangor ?

b) Selepas 2008, apakah peranan yang dimainkan oleh JAIS dalam pemilihan atau pelantikan Nazir dan AJK masjid di seluruh Negeri Selangor ?

c) Sejauh manakah peranan ADUN atau Penyelaras DUN dalam pemilihan atau lantikan Nazir dan AJK Masjid di Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Proses pencalonan pegawai dan jawatankuasa masjid bagi sesi pelantikan 2006-2009 dan sesi-sesi sebelumnya dilaksanakan melalui pencalonan oleh Ketua Kampung atau JKKK dan sebelum tauliah pelantikan MAIS dikeluarkan, senarai nama pencalonan ini akan ditapis dan disemak semula melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Daerah (JKPD) dan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS.

b) Di dalam meningkatkan kredibiliti dan kualiti program pengimarahan masjid, mulai sesi pelantikan tahun 2009-2012, JAIS mengesyorkan cadangan kepada Mesyuarat MAIS supaya mengambil pendekatan baru dengan memberikan ruang kepada ahli kariah melalui mesyuarat agung khas pencalonan bagi mengemukakan senarai calon-calon yg difikirkan layak dan sesuai untuk dilantik sebagai pegawai dan jawatankuasa masjid.

c) ADUN dan Penyelaras Dun bagi kawasan ADUN bukan Islam berperanan sebagai Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Daerah (JKPD) serta berperanan bersama ahli mesyuarat menyemak, menapis dan memilih calon-calon yang difikirkan layak dan sesuai untuk dilantik sebagai Pegawai dan Jawatankuasa Masjid.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: GERAN SELANGORKU

157. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah Geran Selangorku yang telah dilulus mengikut kategori.

b) Sila kategorikan jumlah Geran Selangorku yang dilulus mengikut DUN.

c) Di antara Geran Selangorku yang dilulus berapakah projek telah dilaksanakan dan berapakah telah siap.

JAWAPAN:

a) Setakat 8 Ogos 2012, dianggarkan sebanyak RM52,219,006 telah dibelanjakan dibawah peruntukan Geran Selangorku yang melibatkan pecahan sebanyak (*anggaran kerana beberapa projek masih dalam proses sebutharga*) :

- RM37,668,182 bagi 278 projek infrasturktur
- RM5,765,748 bagi 22 projek infrastruktur sukan, dan
- RM8,785,075 bagi 40 program-program bukan infra

b) Senarai projek-projek: (seperti lampiran dimuka sebelah bagi projek infrastruktur, bagi program bukan infra, ia tidak dipecahkan mengikut DUN)

STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR (& SUKAN) - LULUS / BATAL / KIV (MENGIKUT DUN)

Kemaskini 10:42 AM 04-Sep-12

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR Lulus	INFRASTRUKTUR Batal	INFRASTRUKTUR KIV	INFRASTRUKTUR Total	Perbelanjaan Sebenar	Jumlah Projek	Perbelanjaan Anggaran	INFRA SUKAN Lulus	INFRA SUKAN Batal	INFRA SUKAN KIV	INFRA SUKAN Total	Perbelanjaan Sebenar	Jumlah Projek	Perbelanjaan Anggaran
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	13	10	10	33	817,168	9	1,143,474	0	1	19	20	0	0	0
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	0	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0	0
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	0	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0	0
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	0	17	20	0	0	311,746	1	0	0	1	0	0	170,000
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	0	21	23	366,715	2	366,715	0	0	2	2	0	0	0
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	0	34	34	0	0	0	1	0	9	10	175,721	1	175,721
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	8	0	20	28	758,645	8	758,645	1	0	2	3	170,296	1	170,296
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	7	1	1	9	468,726	5	761,340	1	0	3	4	161,269	1	161,269
10		PTD Kuala Selangor	Permatang & Sungai Burong	1	0	0	1	47,190	1	47,190	0	0	0	0	0	0	0
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	4	0	1	5	664,298	4	664,298	1	0	0	1	0	0	170,000
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	12	0	1	13	909,495	11	1,055,802	2	0	15	17	321,891	2	321,891
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	3	27	38	464,411	4	877,025	1	0	6	7	0	0	170,000
14		PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	2	0	0	2	84,610	2	84,610	0	0	0	0	0	0	0
15	13	PTD Gombak	Kuang	2	0	0	2	329,140	2	329,140	1	0	0	1	0	0	170,000
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	0	2	5	189,697	2	336,004	1	0	2	3	197,317	1	197,317
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	6	0	47	53	545,141	5	691,448	2	0	13	15	145,024	1	315,024
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	11	2	65	78	1,127,232	9	1,379,772	1	0	6	7	0	0	170,000
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	3	0	9	12	303,545	2	449,852	0	1	0	1	0	0	0
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	9	0	10	19	1,569,777	8	1,629,777	1	0	20	21	198,723	1	198,723
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	1	0	2	3	164,760	1	164,760	1	0	0	1	200,000	1	200,000
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	0	5	7	663,013	2	663,013	1	0	1	2	0	0	170,000
23		PTD Gombak	Lembah Jaya & Bukit Antarabangsa	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	21	PTD Gombak	Cempaka	3	0	10	13	91,122	1	211,122	1	0	2	3	190,792	1	190,792
25	22	PTD Gombak	Teratai	5	0	11	16	482,683	2	748,990	0	1	2	3	0	0	0
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	5	0	4	9	212,393	3	464,933	1	0	7	8	0	0	170,000
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	0	3	3	0	0	0	1	0	0	1	0	0	170,000
28	25	PTD Hulu Langat	Kajang	8	5	6	19	1,275,800	8	1,275,800	1	0	11	12	0	0	170,000
29	26	PTD Hulu Langat	Bangi	2	0	4	6	0	0	292,614	1	0	1	2	198,575	1	198,575
30	27	PTD Hulu Langat	Balakong	1	0	6	7	0	0	146,307	0	0	2	2	0	0	0
31	28	PTD Petaling	Sri Kembangan	1	0	1	2	0	0	146,307	0	1	1	2	0	0	0
32	29	PTD Petaling	Sri Serdang	2	2	10	14	242,619	2	242,619	1	0	5	6	137,843	1	137,843
33	30	PTD Petaling	Kinrara	2	0	10	12	336,270	1	482,577	0	0	2	2	0	0	0
34	31	PTD Petaling	Subang Jaya	2	2	7	11	251,250	1	751,250	0	1	1	2	0	0	0
35	32	PTD Petaling	Sri Setia	1	0	0	1	307,726	1	307,726	0	0	1	1	0	0	0
36	33	PTD Petaling	Taman Medan	6	0	6	12	632,768	4	885,308	0	1	15	16	0	0	0
37	34	PTD Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	35	PTD Petaling	Kampung Tunku	1	0	4	5	443,572	1	443,572	1	0	7	8	155,991	1	155,991
39	36	PTD Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	37	PTD Petaling	Bukit Lanjan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2	0	0	0
41	38	PTD Petaling	Paya Jaras	2	0	3	5	333,015	1	548,075	0	0	2	2	0	0	0
42	39	PTD Petaling	Kota Damansara	2	0	5	7	0	0	278,900	1	1	1	3	151,836	1	151,836
43	40	PTD Petaling	Kota Anggerik	1	1	6	8	281,000	1	281,000	1	0	4	5	158,607	1	158,607
44	41	PTD Petaling	Batu Tiga	1	0	0	1	217,000	1	217,000	0	0	0	0	0	0	0
45	42	PTD Petaling	Meru	14	24	24	62	898,091	7	1,922,239	1	0	0	1	160,164	1	160,164
46	43	PTD Klang	Sementa	0	1	23	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
47	44	PTD Klang	Sungai Pinang	11	15	25	51	0	0	1,609,376	0	0	3	3	0	0	0
48	45	PTD Klang	Selat Klang	11	3	77	91	411,050	1	1,793,972	1	0	5	6	0	0	170,000
49	46	PTD Klang	Pelabuhan Klang	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0
50	47	PTD Klang	Pandamaran	3	2	3	8	0	0	438,921	0	0	0	0	0	0	0
51	48	PTD Klang	Kota Alam Shah	0	0	9	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
52	49	PTD Petaling	Sri Andalas	5	0	4	9	194,994	2	633,915	1	0	4	5	158,749	1	158,749
53	50	PTD Petaling	Sri Muda	17	17	70	104	2,613,174	16	2,759,481	0	0	9	9	0	0	0
54	51	PTD Kuala Langat	Sijangkang	14	0	3	17	987,141	9	1,546,062	1	0	1	2	170,053	1	170,053
55	52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	12	13	17	42	1,343,561	9	1,655,307	1	0	0	1	167,898	1	167,898
56	53	PTD Kuala Langat	Morib	28	0	17	45	995,335	9	3,999,747	1	0	0	1	161,220	1	161,220
57	54	PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat	3	0	4	7	166,614	2	226,614	1	0	0	1	174,095	1	174,095
58	55	PTD Sepang	Dengkil	3	1	40	44	323,090	2	469,397	1	0	0	1	0	0	170,000
59	56	PTD Sepang	Sungai Pelek	6	3	48	57	208,120	3	560,352	1	0	12	13	169,686	1	169,686
60		To Be Identified	To Be Identified	2	1	0	3	93,500	1	239,807	0	0	0	0	0	0	0
				278	110	805	1,193	23,189,731	172	37,668,182	34	9	198	241	3,725,748	22	5,765,748

c) Merujuk kepada projek-projek infrasturktur yang telah diluluskan sebanyak 278 kesemuanya, projek yang telah disiapkan adalah sebanyak 91 projek

- Fasa 1 - 19 projek
- Fasa 2 - 15 projek
- Fasa 3 - 11 projek
- Fasa 4 - 14 projek
- Fasa 5 - 28 projek
- Fasa 6 - 4 projek

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : SKIM PEMILIKAN TANAH KEDIAMAN NEGERI SELANGOR

158. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyak permohonan Skim Pemilikan Tanah Kediaman Negeri Selangor yang diterima oleh Pejabat Tanah dan Daerah di seluruh Selangor dan berapa ramai pemohon setakat sekarang yang menerima tawaran ini?

b) Terdapat ura-ura bahawa pemohon yang memohon pemanjangan pajakan tanah di bawah skim ini akan dikaveat tanah mereka dan pemohon tidak dibenarkan untuk memohon "refinancing" daripada bank-bank komersial? Adakah ini benar?

JAWAPAN :

a) Sejak Jun 2011 sehingga Mac 2012, sebanyak 507 permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) telah diluluskan dan diberi kemudahan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan dengan pilihan pembayaran premium tanah sebanyak RM1000.00 (nominal) bagi kategori rumah kediaman dan sebanyak 295 permohonan telah menjelaskan bayaran. Berikut adalah pecahan daerah di Negeri Selangor :-

JUMLAH PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN YANG DILULUSKAN DENGAN BAYARAN PREMIUM RM1000 DAN BILANGAN YANG TELAH MENJELASKAN BAYARAN TERSEBUT SEJAK DILANCARKAN PADA JUN 2011 HINGGA MAC 2012			
Bil.	**Daerah**	**Jumlah Permohonan Yang Lulus Bayaran Premium RM1000**	**Bilangan Yang Telah Menjelaskan Bayaran**
1.	Hulu Selangor	50	7
2.	Hulu Langat	224	134
3.	Kuala Selangor	89	89
4.	Petaling	7	7
5.	Sepang	6	6
6.	Kuala Langat	4	4
7.	Gombak	121	42
8.	Sabak Bernam	**-**	-
9.	Klang	6	6
	JUMLAH	**507**	**295**

b) Berdasarkan para 4, Arahan PTG Bil.2 Tahun 2011 memaklumkan bahawa semua Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki memasukkan kaveat pendaftar ke atas hakmilik tanah berdaftar yang memilih bayaran premium pada kadar RM1,000.00 nominal untuk bangunan kediaman.

Tuan tanah boleh mengemukakan permohonan untuk "*refinancing*" daripada bank-bank komersial, walau bagaimanapun kelulusan atau pertimbangan bergantung kepada bank berkenaan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : KAWASAN LAPANG

159. Kerajaan Negeri Barisan Nasional memulakan inisiatif mewarta kawasan-kawasan lapang di semua PBT-PBT agar tidak dibangunkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah dan keluasan tanah lapang yang telah diwarta di PBT-PBT?

b) Adakah kerajaan negeri berhasrat membangunkan tanah-tanah tersebut jika bernilai dari sudut komersil?

c) Adakah Kompleks Sukan PKNS di SS7 Kelana Jaya telah digazet sebagai kawasan lapang?

JAWAPAN :

a) Jumlah dan keluasan tanah lapang yang telah dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.3/2012 pada 5 Jun 2012 mengikut PBT sehingga April 2012 adalah seperti berikut:-

Pihak Berkuasa Tempatan	**Kawasan Lapang Yang Telah Diwartakan**	
	Bil. Kawasan	**Anggaran Luas (ekar)**
MBSA	240	197.80
MBPJ	442	2,072.00
MPK	394	353.70
MPAJ	106	136.94
MPKJ	1,459	1,178.00
MPSJ	151	598.80
MPS	107	122.83
MPSp	37	34.67
MDKL	89	80.70
MDKS	86	89.46
MDHS	3	21.75
MDSB	9	65.45

b) Syarat utama tanah rizab di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara ialah ianya tidak boleh dilupuskan secara pemberimilikan (pindahmilik) dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa maksud selain daripada yang telah dirizabkan. Bagi tanah-tanah yang telah dirizabkan bagi tujuan awam iaitu kawasan lapang, maka secara dasarnya tanah tersebut tidak boleh didirikan di atasnya apa-apa struktur bangunan memandangkan ianya akan mengatasi tujuan asal tanah tersebut dirizabkan iaitu untuk kawasan lapang.

Namun demikian terdapat beberapa pengecualian kepada sekatan di atas antaranya tanah rizab dibolehkan untuk dipajakkan (Seksyen 63 KTN), dibenarkan untuk mencabut dan memindah bahan batuan di atasnya (Bab 3 KTN) dan dibenarkan untuk menggunakan ruang udara di atasnya (Bab 4). Tetapi pengecualian-pengecualian ini tertakluk kepada kehendak dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam mana-mana peruntukan itu.

c) Berdasarkan pelan susunatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor pada tahun 1980an tanah tersebut diluluskan sebagai ‘Kelab dan Padang PKNS’. Tanah ini merupakan tanah persendirian dengan hakmilik sementara dikeluarkan pada tahun 2006 (Lot 36473) dan pada tahun 2008 (Lot PT.235) dengan syaratnyata ‘Bangunan Perniagaan’.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara, pewartaan bagi maksud awam boleh dibuat ke atas tanah kerajaan sahaja. Memandangkan tanah ini merupakan tanah persendirian hakmilik PKNS, Kerajaan Negeri tidak boleh mewartakan tanah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : KEBAJIKAN PEKERJA LADANG

160. Kerajaan Persekutuan sentiasa berbincang dengan pihak perladangan untuk meningkatkan kebajikan pekerja khususnya syarikat perladangan yang berkaitan dengan kerajaan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah program kerajaan negeri untuk memperbaiki kebajikan pekerja ladang?

b) Apakah status perlaksanaan Tabung Anak Pekerja Ladang?

c) Apakah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kemudahan perumahan pekerja dan anak pekerja ladang?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu berkaitan dengan pekerja-pekerja ladang. Kerajaan negeri sedang melaksanakan beberapa strategi dalam membantu mempertingkatkan taraf kehidupan golongan pekerja ladang seperti berikut :

1. Mengenal pasti ladang-ladang yang menghadapi masalah dari segi kemudahan perumahan, infrastruktur, Sekolah Tamil dan berbagai-bagai masalah yang meliputi keperluan hidup pekerja ladang.

2. Setelah ladang dan masalah yang dihadapi dikenal pasti, lawatan serta perbincangan di antara pihak majikan dan pekerja ladang diadakan sehingga mencapai kata sepakat.

3. Bagi menjaga kepentingan pekerja, Kerajaan Negeri akan memastikan pihak ladang menyediakan sistem atau saluran tertentu di mana kepentingan pekerja ladang dan majikan dapat di bincang. Antaranya ialah:

   i. Terdapat kesatuan sekerja di mana pekerja ladang dapat menyalurkan keperluan ahli;

   ii. Terdapat juga Jawatankuasa-jawatankuasa yang mana anggotanya terdiri daripada wakil pekerja dan majikan;

   iii. Pihak ladang menyediakan Pegawai Kebajikan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja ladang;

   iv. Terdapat Jawatankuasa lain diwujudkan untuk berperanan ke arah meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan pekerja ladang.

Di samping itu, kebajikan dan kepentingan pekerja ladang di jaga/dikawal melalui undang-undang buruh (Pejabat Tenaga Kerja) manakala penentuan gaji atau kemudahan pekerja adalah melalui pertubuhan seperti MAPA (Malaysian Agriculture Producers Association).

b) Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang diwujudkan untuk membantu mereka mendapat pendidikan yang sempurna dan cemerlang dalam pelajaran.
Program-program dibawah tabung ini mensasarkan kepada anak-anak pekerja ladang yang pendapatan seisi keluarga kurang dari RM1,500.00 sebulan. Bermula pada tahun 2008 hingga Jun 2012 seramai 3,128 pelajar dan 319 sekolah telah mendapat faedah daripada Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang dengan dana sebanyak RM 7.302 juta.

c) Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pekerja Ladang telah pun membincangkan mengenai permasalahan ini supaya mereka mendapat keselesaan penempatan baru. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat dalam setiap permohonan yang melibatkan tanah ladang, sama ada penukaran hak milik atau kegunaan tanah, pihak majikan hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya perumahan kos rendah untuk ditawarkan kepada pekerja ladang dengan harga RM35,000.00 seunit yang mana perbezaan harga sebanyak RM7,000.00 akan ditanggung oleh pihak majikan.

Fokus utama jawatankuasa ini adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat di ladang. Oleh demikian, penetapan enakmen yang jelas mengenai perumahan pekerja ladang telah pun ada di dalam perancangan Kerajaan Negeri supaya misi mempertingkatkan taraf hidup pekerja ladang berjaya. Bagi mewujudkan sesuatu enakmen, satu kertas kerja yang komprehensif sedang dalam perangkaan dan ianya memerlukan kepakaran yang khusus dalam bidang ini..

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: PENTADBIRAN UNISEL

161. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah bilangan pelajar-pelajar yang telah mengikuti pengajian di UNISEL sepanjang tahun 2009, 2010 dan 2011?

b) Berapakah jumlah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan untuk menguruskan pentadbiran UNISEL pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan kewangan UNISEL pentadbir dan diurus dengan cekap dan berkesan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: PROJEK PEMBERSIHAN DAN PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG

162. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Apa perkembangan terkini projek pembersihan sungai Klang?

b) Berapa banyak pelaburan yang telah dapat dicipta melalui inisiatif projek tersebut?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL

163. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menangani masalah pengurusan sisa pepejal yang meruncing dan juga pembersihan awam di semua pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

b) Nyatakan status prosiding mahkamah di antara Kerajaan Negeri dan Alam Flora Sdn Bhd?

JAWAPAN:

a) Terdapat beberapa langkah proaktif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT bagi menangani masalah pengurusan sisa pepejal tersebut. Pihak Majlis Daerah Kuala Langat (**MDKL**) membuat pendekatan awal dengan menyediakan kontraktor '*back up'* tetapi dengan bayaran berdasarkan kepada potongan bayaran kontraktor asal. Selain daripada itu, pihak Majlis Perbandaran Klang (**MPK**) mengambil pendekatan dengan melakukan 'back up' secara serta-merta terhadap mana-mana kontraktor yang tidak dapat menjalankan kerja mengikut kepada perjanjian kontrak kerja yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, pihak MPK mengambil pendekatan dengan melantik persatuan penduduk dan JKKK Kampung sebagai audit pemantauan kebersihan.

b) Hasil daripada beberapa siri perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan bersama pihak AFSB. Pihak AFSB telah menyatakan persetujuan bagi menangguhkan sementara segala tindakan mahkamah terhadap Kerajaan Negeri. Ini berikutan kerana terdapat sebahagian PBT yang telah melangsaikan segala hutang kepada pihak AFSB. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian PBT yang masih di dalam proses akhir penyelesaian dan persetujuan kaedah pembayaran.

Hanya pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) diberikan kelonggaran bagi menyelesaikan tunggakan hutang secara ansuran sehingga 2013 mengikut kepada perjanjian pembayaran yang telah ditetapkan sejak tahun 2009.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PROGRAM CERIA (MENGECAT SEMULA FLAT)

164. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan pangsapuri-pangsapuri yang telah diluluskan untuk Program Ceria (mengecat semula flat) mengikut pecahan PBT daripada tahun permulaan program ini sehingga Jun 2012.

b) Senaraikan jumlah nilai peruntukan yang digunakan untuk Program Ceria-mengecat semula flat mengikut pangsapuri-pangsapuri yang telah diluluskan dan pecahan PBT sejak tahun mulanya program ini sehingga Jun 2012.

c) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah flat kos rendah yang tidak dapat membentuk JMB untuk menguruskan pentadbiran flat?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali seperti berikut:

Sebanyak 69 pangsapuri yang melibatkan anggaran RM 9.7 juta telah diluluskan untuk Skim CERIA (*Caring Government for Residents' Improvement Aid*) sejak permulaan program ini diperkenalkan sehingga Jun 2012. Senarai lengkap maklumat mengikut pecahan PBT adalah seperti di ***Lampiran A.***

c) Beberapa langkah yang disarankan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah flat kos rendah yang gagal menubuhkan JMB adalah seperti berikut:-

i) Menggalakkan penglibatan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berperanan sebagai orang tengah dalam menyelesaikan pertikaian antara pemaju dan penduduk atau sesama penduduk yang menjadi punca kegagalan penubuhan JMB; dan

ii) sekiranya masih gagal, maka peruntukan Seksyen 25 (1) Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) [Akta 663] boleh digunapakai oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan (*Commissioner Of Building* – COB) PBT untuk melantik ejen pengurusan bagi mengurus dan menyenggara flat kos rendah.

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN YANG DIBAIKPULIH DI BAWAH SKIM CERIA

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
1.	Pangsapuri Flora Damansara A dan B	MBPJ	4 unit lif	2011	223,440.00
2.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	2 unit lif	2011	108,475.50
3.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	2 unit lif	2011	8,144.85
4.	Flat Taman Medan 32, (blok A-E) Taman Medan Baru	MBPJ	Salur air hujan gutter 5 blok	2011	262,500.00
5.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	2 unit lif	2011	45,078.60
6.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	3 unit lif	2011	138,442.50
7.	Flat Sri Cemara, Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur (4 blok 360 unit)	MBPJ	Mengecat	2012	190,577.47
8.	Apartment Harmoni, Damansara Damai, Petaling Jaya	MBPJ	Menurap jalan	2012	118,495.00
9.	Flat Desa Mentari Blok 2	MBPJ	Baikpulih 2 unit lif	2012	52,816.98
10.	Flat Desa Mentari Blok 3	MBPJ	Baikpulih 2 unit lif	2012	54,471.98
11.	Taman Medan, Blok D & F	MBPJ	Membaikpulih Tangki Air (2 unit)	2012	70,048.00
12.	Pangsapuri Mentari	MBSA	3 unit lif	2011	49,350.00
13.	Pangsapuri KR Taman Subang Perdana	MBSA	Mengecat	2012	71,625.96
14.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 21 (PN7815) Seksyen 24, Shah Alam (6 blok 240 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	217,237.50
15.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 46 (PN7799) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 120 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	114,000.00
16.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 6 (PN7818) Seksyen 24, Shah Alam (8 blok 320 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	366,250.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
17.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 23 (PN7814) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 160 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**152,500.00**
18.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 40 (PN7803) Seksyen 24, Shah Alam (1 blok 30 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**89,200.00**
19.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 26 (PN7813) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 140 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**126,000.00**
20.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 12 (PN7817) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 140 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**123,950.00**
21.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 34 (PN7805) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 100 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**205,100.00**
22.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 52 (PN7801) Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 220 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**186,850.00**
23.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 36 (PN7804) Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 150 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**322,200.00**
24.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 2 (PN7820) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 120 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**118,750.00**
25.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 16, Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 200 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**233,400.00**
26.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 48 (PN7800) Seksyen 24, Shah Alam (2 blok 100 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**89,450.00**
27.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 44 (PN7797) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 100 unit)	**MBSA**	Baikpulih bumbung	**2012**	**104,500.00**
28.	Blok 6-9 Seksyen 19	**MBSA**	Salur Paip sanitari	**2012**	**83,150.00**

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
29.	Pangsapuri Kos Rendah Teratai, Seksyen U16	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	163,500.00
30.	Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Kiambang, Seksyen U16	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	106,900.00
31.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	Salur air hujan *(gutter)* 4 blok	2011	60,354.00
32.	Pangsapuri Kenanga, Tmn Bukit Kinrara (252 unit)	MPSJ	Mengecat	2012	126,550.00
33.	Pangsapuri Taman Muhibbah Blok A,B,C,D	MPSJ	Mengecat	2012	289,150.00
34.	Pangsapuri Kos Rendah Bandar Sunway	MPSJ	Mengecat	2012	331,200.00
35.	Pangsapuri Enggang	MPSJ	Sistem Pencegah Kebakaran	2012	150,200.00
36.	Flat Puchong Permai F9-F10	MPSJ	Baikpulih 1 unit lif	2012	74,625.00
37.	Flat Puchong Permai F5-F8	MPSJ	Baikpulih 1 unit lif	2012	65,090.35
38.	Pangsapuri Dahlia, Persiaran Bukit Raja, Klang	MPK	Baikpulih 2 unit lif	2012	91,190.00
39.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	5 unit Lif	2011	367,500.00
40.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	2 unit lif	2011	367,500.00
41.	Pangsapuri Impian Sentosa, Klang	MPK	Baikpulih 5 unit lif	2012	288,516.85
42.	Pangsapuri Inai, Pandan Indah	MPAJ	Mengecat 4 Blok	2012	222,428.88
43.	Flat Pandan Jaya L28 (40 unit)	MPAJ	Mengecat 1 Blok	2012	24,578.57
44.	RPKR Taman Cahaya, Ampang	MPAJ	Mengecat 3 Blok	2012	124,421.85
45.	Merpati B Apartment, Pandan Indah	MPAJ	Mencuci & Mengecat tangki	2012	113,500.00
46.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	4 unit tangki	2011	69,300.00
47.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	4 unit lif	2011	357,000.00
48.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	1 unit lif	2011	120,750.00
49.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Baikpulih bumbung	2011	199,500.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
50.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	Baikpulih 8 unit tangki air	2011	19,005.00
51.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D dan E	MPKj	Bumbung blok D dan E	2011	44,205.00
52.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Alam Jaya, Batu 9	MPKj	Baikpulih 8 unit tangki air	2012	96,600.00
53.	Pangsapuri Orkid, Bandar Mahkota Cheras	MPKj	Baikpulih bumbung	2012	368,800.00
54.	Pangsapuri Kenari Blok A,B,C,D Taman Impian	MPKj	Ganti Kotak Pendawaian Eletrik	2012	52,100.00
55.	Pangsapuri Medan Damai 1F	MPKj	Baikpulih bumbung	2012	144,850.00
56.	Pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma	MPKj	Baikpulih Taman Permainan	2012	24,650.00
57.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Bumbung 16 unit tkt 5 Blok G	2011	98,595.00
58.	Apartment Julia Blok A, B, C, D, E & G, Bandar Baru Selayang (469 unit)	MPS	Mengecat	2012	245,550.00
59.	Apartment Julia Blok F, Bandar Baru Selayang (80 unit)	MPS	Mengecat	2012	41,450.00
60.	Pangsapuri Kenanga, Taman Gombak Permai, Batu Caves	MPS	Membaiki pagar	2012	19,900.00
61.	Pangsapuri **Dahlia A** Blok 1-5, Bandar Baru Selayang	MPS	Membaiki longkang	2012	41,800.00
62.	Flat Samudera, Batu Caves (6 blok 600 unit)	MPS	Mengecat	2012	360,000.00
63.	Pangsapuri Mas Ayu, Blok 1, Bandar Baru Selayang	MPS	Baikpulih bumbung	2012	48,634.30
64.	Pangsapuri Mas Ayu, Blok 2, Bandar Baru Selayang	MPS	Baikpulih bumbung	2012	48,634.30
65.	Pangsapuri **Dahlia A** Blok 6 Bandar Baru Selayang	MPS	Menbaiki longkang	2012	15,250.00
66.	Pangsapuri **Dahlia B** Blok 1-3 Bandar Baru Selayang	MPS	Menbaiki Handrail dan landing slab	2012	14,000.00
67.	Flat Taman Daya, Taman Daya Kepong	MPS	Pagar	2012	43,050.00
68.	Pangsapuri Cempaka, Gombak Permai	MPS	Membaikpulih Tangki Air (1unit)	2012	36,206.50
69.	Pangsapuri Puncak Desa, Kepong	MPS	Baikpulih bumbung	2012	562,347.32
	JUMLAH BESAR			**9,738,902.25**	

GARIS PANDUAN
PERMOHONAN BANTUAN SKIM PEMULIHAN NEGERI BERKEBAJIKAN

1. TUJUAN

Skim ini disediakan bagi tujuan baikpulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Kerosakan harta bersama yang kritikal
- Hanya satu (1) jenis harta bersama yang dibenarkan untuk dibaikpulih
- Permohonan daripada JMB/MC/Persatuan Penduduk / Ejen berdaftar
- Kedudukan kewangan JMB/MC/Persatuan Penduduk yang memuaskan

3. KAEDAH PERKONGSIAN KOS

3.1. Kos baikpulih ini akan ditanggung oleh kedua-dua pihak dengan nisbah 80:20

Pangsapuri Kos Rendah

- Kerajaan Negeri - 80%
- JMB/MC/Persatuan Penduduk - 20%

3.2. Pihak JMB/MC/Persatuan Penduduk perlu mendepositkan sekurang-kurangnya **10% daripada jumlah kos baikpulih** tersebut kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sebagai bayaran komitmen dan jaminan untuk mendapatkan skim bantuan ini.

3.3. Baki bayaran bagi *"portion"* JMB/MC/Persatuan Penduduk boleh dibayar mengikut kaedah yang dipersetujui (tertakluk kepada perbincangan antara Kerajaan Negeri dan JMB/MC/Persatuan Penduduk)

3.4. Pihak JMB/MC/Persatuan Penduduk akan terikat dengan Surat Akujanji bagi pembayaran balik baki bayaran sebelum tawaran dikeluarkan

3.5. Sebarang bayaran dibuat melalui cek/bank draft di atas nama **Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor**

4. JENIS-JENIS HARTA BERSAMA YANG BOLEH DIBAIKPULIH MELALUI SKIM PEMULIHAN NEGERI BERKEBAJIKAN

Harta bersama yang terlibat adalah seperti yang ditafsirkan di bawah peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] seperti berikut:-

BIL	RUANGAN	PERINCIAN
4.1	Kawasan / ruang bangunan yang tidak terkandung dalam mana-mana petak	• Struktur bangunan • Anak tangga atau tangga • Laluan kecemasan • Pintu masuk atau pintu keluar • Koridor • Lobi
4.2	Kawasan luar bangunan yang boleh digunakan atau dinikmati bersama	• Padang permainan • Kawasan rekreasi • Jalan masuk • Tempat letak kereta (kecuali "*accessory parcel*") • Ruang terbuka • Kawasan landskap • Tembok • Pagar
4.3	Kemudahan, lekapan dan pemasangan yang boleh digunakan atau dinikmati bersama	• Lif • Pelongsor sampah • Parit • Tangki air • Pembentung
4.4	Paip, wayar, kabel dan saluran yang memberi kemudahan kepada lebih daripada satu petak	

5. KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD

Keputusan pemilihan oleh Jawatankuasa Pengurusan adalah muktamad berasaskan kepada keutamaan sepertimana syarat-syarat pada para 2 di atas.

Urusetia
Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor

1 JUN 2011

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : MODEL HOLISTIK PERKHIDMATAN AIR

165. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan model holistik perkhidmatan air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah ciri-ciri utama model holistik dan apakah persediaan Kerajaan Negeri di segi sumber tenaga manusia bagi mewujudkan model ini?

b) Apakah polisi, proses serta program-program dalam model holistik yang bakal diwujudkan bagi menjamin purata kenaikan kadar tarif air tidak lebih dari 12% setiap tiga tahun sekali?

c) Apakah polisi, proses serta program-program dalam model holistik yang bakal diwujudkan bagi menjamin kos operasi yang tidak membebankan iaitu tidak lebih dari RM0.36 per unit?

JAWAPAN :

a) Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor pada ketika ini adalah tidak dijalankan secara holistik di mana aktiviti rawatan dan agihan dikendalikan oleh pihak yang berlainan. Ini adalah ekoran daripada penswastaan perkhidmatan air di Selangor yang telah bermula semenjak tahun 1994 dan secara sepenuhnya pada tahun 2004 yang melibatkan empat pemegang konsesi utama seperti berikut:

i) Rawatan
- Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB)
- Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH)
- Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS)

ii) Agihan
- Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)

Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikatnya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)/Kumpulan Perangsang Selangor (KPS) memegang ekuiti seperti berikut:-

i) ABASS – 55%
ii) SPLASH - 30%
iii) SYABAS - 30%

iv) Tiada pegangan ekuiti dalam PNSB

Aset yang digunakan oleh Pemegang Konsesi Air tersebut ada dalam bentuk bina-kendali-pindah (BOT) dan sebahagiannya dipajak daripada Kerajaan Negeri.

Keadaan industri yang tidak holistik ini telah menyumbangkan kepada pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi.

Justeru itu, penyelesaian masalah pengurusan bekalan air di Selangor memerlukan pendekatan yang komprehensif dan bukannya secara *piecemeal.*

Langkah untuk menyusun semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor adalah selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan.

Untuk mencapai hasrat ini, penstrukturan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mendukung dasar-dasar penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Negara yang telah ditetapkan dengan ciri-ciri berikut:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistic melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;

ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Langkah utama yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menjaga kepentingan rakyat Selangor untuk mendapat kualiti air bersih dan tidak dibebankan dengan kenaikan tarif air adalah melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Melalui penstrukturan semula ini, operator perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan di mana operator air tersebut adalah terdiri dari syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan

sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini.

Struktur baru ini dapat mengujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur. Dengan ini, kualiti air yang baik dapat dikekalkan untuk diberikan kepada pengguna. Kos operasi dapat dikurangkan kerana operator yang dilantik di bawah penstrukturan semula ini tidak bermatlamatkan keuntungan sebaliknya pulangan yang telah ditetapkan kepada operator tersebut adalah antara 0% hingga 1% sahaja.

Di bawah struktur baru ini, operator akan beroperasi secara *asset light* di mana pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibuat oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Operator yang baru ini akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, segala sumber yang diperoleh akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m^3 air percuma.

b) Pada masa kini, di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, memperuntukkan kadar kenaikan tarif setiap tiga tahun sekali seperti berikut:-

Pelarasan Tarif	Tarikh Pelarasan Tarif	*Average Schedule Tariff* (RM/m^3)
Pelarasan Pertama	01 Januari 2006	1.39
Pelarasan Kedua	01 Januari 2009	1.90
Pelarasan Ketiga	01 Januari 2012	2.38
Pelarasan Keempat	01 Januari 2015	2.86
Pelarasan Kelima	01 Januari 2018	3.15
Pelarasan Keenam	01 Januari 2021	3.31
Pelarasan Ketujuh	01 Januari 2024	3.48
Pelarasan Kelapan	01 Januari 2027	3.65
Pelarasan Kesembilan	01 Januari 2030	3.83

Dalam melaksanakan penyusunan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil kira aspek-aspek berikut:-

i) Menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pemegang konsesi;

ii) Meneliti dan menstrukturkan semula kos-kos operasi terutamanya pembelian air terawat yang pada masa ini amat membebankan;

iii) Mengenakan tarif air pada kadar yang munasabah dan berasaskan prestasi dan pencapaian KPI syarikat pengendali perkhidmatan;

iv) Memastikan struktur baru yang diwujudkan mengutamakan peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya; dan

v) Melibatkan PAAB di peringkat awal dalam proses pengambilalihan dan penyusunan semula ini.

Melalui Model Holistik, hanya akan terdapat satu operator (SPV) yang merupakan milik penuh Kerajaan Negeri Selangor akan mengendalikan operasi rawatan dan agihan. Sebagai anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa penuh untuk memantau agar SPV ini akan dipastikan beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan. SPV ini akan mendapat *one time profit,* yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melebihi 9%. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, SPV akan dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan tidak melebihi 12%.

Selain dari itu, SPV yang beroperasi secara holistik ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing)* dan ini dapat memastikan kos operasi yang tidak membebankan iaitu tidak lebih dari RM0.36per unit. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Ini dapat memastikan kadar tarif munasabah dapat dicapai.

Melalui peranan yang diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), SPV tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan diambil alih oleh PAAB. Dengan kaedah ini, kos pembangunan tidak akan dipindahkan kepada pengguna dalam bentuk kenaikan tarif.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk

menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

Justeru itu, berdasarkan kepada ciri-ciri Model Holistik, Kerajaan Negeri Selangor yakin Model Holistik yang bakal diwujudkan itu dapat merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor melalui penetapan kadar tarif munasabah dengan kenaikan yang tidak melebihi 12% setiap tiga tahun sekali.

c) Pada masa kini, terdapat tiga (3) operator berasingan yang mengendalikan operasi rawatan air di mana operasi setiap operator berlainan antara satu dengan lain. Kos operasi yang tinggi boleh mempengaruhi kadar tarif yang akan dibayar oleh pengguna.

Dalam melaksanakan penyusunan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, semua operator air akan disatukan di bawah satu SPV yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor. Perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pemegang konsesi akan ditamatkan, justeru itu Kerajaan Negeri Selangor tidak akan terikat dengan terma-terma sedia seperti Bayaran Tetap Bulanan, Kadar Bayaran Pukal yang tinggi, kos bahan mentah yang tidak terkawal yang mana semua ini akan mempengaruhi kos operasi sesuatu operator.

Melalui Model Holistik yang dicadangkan itu, Kerajaan Negeri Selangor akan meneliti dan menstrukturkan semula kos-kos operasi terutamanya pembelian air terawat yang pada masa ini amat membebankan. Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan struktur baru yang diwujudkan mengutamakan peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya industri.

Sebagai anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa penuh untuk memantau agar SPV ini akan dipastikan beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan atau mengenakan kos operasi yang melampaui. SPV ini akan mendapat *one time profit,* yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melebihi 9%.

Selain dari itu, SPV yang beroperasi secara holistik ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing)* dan ini dapat memastikan kos operasi yang tidak membebankan iaitu tidak lebih dari RM0.36per unit. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Ini dapat memastikan kadar tarif munasabah dapat dicapai.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air. Selain itu, SPV perlu mendapatkan lesen di

bawah Akta 655, di mana SPV perlu mengemukakan secara telus setiap kos yang akan dibelanjakan di dalam aliran tunai untuk tempoh tiga tahun. Lesen di bawah Akta 655 hanya akan diberikan setelah pihak SPAN berpuas hati bahawa kos operasi yang dicadangkan di dalam aliran tunai tidak melampaui.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KOMPAUN LETAK KERETA, TIADA LESEN PERNIAGAAN DAN KOMPAUN BANGUNAN

166. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan jumlah dan nilai kompaun salah letak kereta, tiada lesen perniagaan, penguatkuasaan dan kompaun bangunan yang belum dijelaskan mengikut daerah dan adakah tawaran diskaun akan diberikan ?

JAWAPAN:

a) Jumlah dan nilai kompaun yang dikenakan bagi kesalahan meletak kereta, tiada lesen perniagaan, penguatkuasaan dan kompaun bangunan yang masih belum dijelaskan adalah seperti berikut :

PBT	**NILAI KOMPAUN**		
	SALAH LETAK KENDERAAN	**TIADA LESEN PERNIAGAAN**	**KOMPAUN BANGUNAN**
MBSA	RM 719,447.00	RM 392,655.00	RM 1,750,000.00
MBPJ	RM 515,201.00	RM 103,905.00	*tiada maklumat*
MPK	RM1,265,440.00	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*
MPAJ	RM 324,900.00	RM 1,617,000.00	RM 1,640,000.00
MPSJ	RM114,408,826.00	RM3,329,000.00	RM2,900,000.00
MPS	RM1,681,440.00	RM241,500.00	RM57,500.00
MPKj	RM362,480.00	RM3,133,000.00	RM1,3000.00
MPSp	RM 152,500.00	RM 827,000.00	RM 891,500.00
MDKL	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*
MDKS	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*
MDHS	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*
MDSB	RM1,891,440.00	RM273,000.00	RM65,000.00
JUMLAH	**RM121,321,674.00**	**RM11,817,560.00**	**RM7,317,000.00**

*nota : sumber daripada PBT

PBT	JUMLAH KOMPAUN YANG TELAH DIKENAKAN		
	SALAH LETAK KENDERAAN	TIADA LESEN PERNIAGAAN	KOMPAUN BANGUNAN
MBSA	11,225	632	7
MBPJ	173,940	2,450	*tiada maklumat*
MPK	31,636	992	*tiada maklumat*
MPAJ	3,249	1,617	365
MPSJ	1,459,074	3,329	116
MPS	31,524	273	130
MPKj	4531	3133	1245
MPSp	1,525	1,654	1,783
MDKL	17,908	464	854
MDKS	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*	*tiada maklumat*
MDHS	*tiada maklumat*	529	633
MDSB	31,524	273	130
JUMLAH	**1,766,136.00**	**15,346**	**5,263**

*nota : sumber daripada PBT

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah tunggakan kompaun ini Pihak Berkuasa Tempatan menawarkan potongan sebanyak 50% dari nilai kompaun sekiranya bayaran dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan. Di samping itu juga, potongan sebanyak 30% boleh diberikan kepada penerima kompaun yang mengemukakan rayuan. Ini adalah bagi memastikan supaya penerima kompaun membayar tunggakan yang di kenakan, di samping, ianya dapat menambahkan hasil Majlis / PBT itu sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PENDIDIKAN PERCUMA IPT DI NEGERI SELANGOR

167. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri mencadangkan pendidikan percuma di IPT adakah cadangan ini munasabah?

b) Jika ya, kenapa dan mengapa Kerajaan Negeri tidak menyediakan pendidikan percuma di IPT yang dimiliki oleh kerajaan negeri Selangor?

c) Adakah cadangan pendidikan percuma ini hanya merupakan retorik politik Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri sahaja?

JAWAPAN :

a) Pendidikan adalah keperluan asas dan sudah tentu menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk memastikan semua rakyat diberi akses kepada pendidikan.

Secara prinsipnya Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan pendidikan percuma di IPT, selari dengan manifesto Pakatan Rakyat berdasarkan beberapa prinsip dan kaedah yang telah dikenal pasti. Kerajaan Negeri Selangor boleh melaksanakan pendidikan percuma dengan syarat Kerajaan Negeri diberi peluang untuk menguruskan sendiri hasil dan sumber Negeri. Ini kerana Negeri Selangor kini telah menyumbang pendapatan KDNK sebanyak 23% daripada jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan.

b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan pendidikan percuma di IPT yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor, adalah disebabkan oleh faktor berikut :

1) Kerajaan Negeri kini fokus untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada di IPT Selangor seperti masalah hutang yang dihadapi oleh pihak UNISEL,iaitu masalah " hutang lapuk " kos pembinaan bangunan UNISEL dan sebagainya.

2) Masalah yuran pengajian di KUIS yang tinggi akibat daripada perjanjian pembinaan kolej kediaman yang berpihak kepada pihak pemaju dan membebankan pihak pentadbiran KUIS dan menyebabkan pihak pentadbiran terpaksa mengenakan kadar yuran pengajian yang tinggi kepada para pelajar.

Kerajaan Negeri perlu fokus kepada penyelesaian permasalahan di atas, ini kerana jika masalah ini dapat diselesaikan dengan segera ia turut membantu Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan Pendidikan percuma kepada IPT Selangor. Selain itu, usaha untuk menyediakan pendidikan percuma ini juga berkait rapat dengan soal pengurusan sumber dan hasil negeri, yang kini masih di dalam kawalan Kerajaan Pusat. Ini kerana ia memberi kesan kepada perolehan pendapatan Kerajaan Negeri yang tidak dapat dimanfaatkan secara terus oleh Kerajaan Negeri Selangor.

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Jun 2012 telah menolak soalan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: INTEGRITI PEMIMPIN NEGERI

168. Kerajaan Negeri berjanji antaranya untuk memastikan ketelusan pentadbiran negeri menghentikan campur tangan politik dalam perniagaan dan menyiasat penyelewengan sumber negeri.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri berpuasa hati dengan tahap integriti dan moral pemimpin negeri sekarang?

b) Mengapakah insiden kamera intipan pejabat Menteri Besar masih gagal didedahkan dalangnya?

c) Mengapakah kes-kes kecurian pasir sumber negeri masih gagal disiasat dan dibanteraskan?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : LAWATAN KE LUAR NEGARA

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh setiap PBT dalam perkara tersebut?

b) Apakah sistem pemantauan yang diamalkan oleh pejabat EXCO untuk memastikan program tersebut menepati dasar " value for money"?

JAWAPAN :

a)

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JENIS LAWATAN/ TEMPAT	JUMLAH PERBELANJAAN	JUMLAH KESELURUHAN
1	MBSA	1. Lawatan Kerja ke Jaipur India- Program Pravasi Bharatiya Divas Convention ke 10, Jaipur, Rajasthan India anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Tiket Penerbangan (RM3,850.00) Pakej 6 hari 5 malam (RM6,450.00) Jumlah: **RM10,300.00**	
		2. Lawatan Kerja bersama Menteri Besar ke Club Quay, Singapura anjuran Pejabat Menteri Besar Selangor.	Tiket Penerbangan (RM2,055.00) Pakej Penginapan (RM1,450.00) "Return Airport Transfer" (RM500.00 Jumlah: **RM4,005.00**	
		3. Seminar UIBL 2012 anjuran UNISEL dan	Tiket Penerbangan (RM3,180.00)	

		Indonesia di Hotel Mercure,Ancol Jakarta.	Penginapan (RM3,150.00) Pendaftaran (RM1,245.00) Jumlah: **RM7,575.00**	
		4. Persidangan "Urban Renewal" anjuran Trueventus di Goodwood park Hotel, Singapura.	Tiket Penerbangan (RM3,900.00) Pendaftaran (RM6,069.50) Penginapan & Kenderaan RM 3,948.75 Jumlah: **RM13,918.25**	
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM 35,798.25**
2	MBPJ	**Ahli Majlis** 1. Konvesyen Pravasi Bharatiya Divas (PBD) 2012 di Jaipur, India	**RM20,600.00** (2 orang)	
		2. Kursus "ICLEI-Local Government For Sustainability World Congress 2012"-Brazil	**RM17,500.00** (1 orang)	
		Pegawai 1. Kursus Urban Renewal Senate-Singapura	**RM13,137.58** (3 orang)	
		2. Lawatan Kerja ke Bandar Metropolitan manila, Filipina - Filipina	**RM5,940.00** (2 orang)	
		3. Lawatan sambil belajar ke Bandung, Indonesia siri 1/2012-Bandung Indonesia	**RM29,850.00** (30 orang)	
		4. Lawatan sambil	**RM44,975.00**	

		belajar ke Bandung siri 2/2012 – Bandung, Indonesia	(35 orang)	
		5.Lawatan sambil belajar ke Bandung, Indonesia	**RM40,020.00** (29 orang)	
		6. Lawatan dan jelajah Penandaraasan Siri 1 ke Bangkok – Bangkok, Thailand	**RM3,300.00** (2 orang)	
		7. Mesyuarat Kajian Akta Hakmilik Srata 1985: Kajian Konsep QT Strata- Bangkok, Thailand	**RM3,300.00** (2 orang)	
		8. Lawatan sambil belajar ke Bandung, Indonesia – Bandung, Indonesia	**RM46,000.00** (25 orang)	
		9. Kursus "ICLEI – Local Government For Sustainability World Congress 2012" – Brazil	**RM17,500.00** (1 orang)	
		10.Rundingan Kerjasama Penganjur Seminar Antarabangsa "City of Your Choice" – Bandung, Indonesia	**RM7,320.00** (3 orang)	
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM249,442.58**
3	MPK	1. Konvesyen Pravasi Bharatiya Divas (PBD) 2012 Jaipur, India	**RM15,000.00**	
		2. "3rd Nanyang Cultural Festiva" - I Xiamen China	Kos ditanggung Kerajaan Negeri Selangor	-
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM15,000.00**
4	MPAJ	Lawatan luar Negara ditanggung oleh pemohon dan kakitangan sendiri		-
5	MPSJ	1.Lawatan teknikal ke Singapura	**RM8,075.00**	
		2. Kursus "The New Manstream Media":Evalution of Solution"- Bandung,	**RM2,800.00**	

		Indonesia		
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM10,875.00**
6	MPS	1. Lawatan Sambil Belajar Ke Phitnasulok Thailand - Lawatan ke Wong Panit Garbage Recycling Plant - anjuran Waste Management Association Of Malaysia	**RM5,370.00**	
		2. Lawatan Sambil Belajar Ke Singapura - Kursus Pen. Pegawai PBT Selangor Siri 2/2011 - Anjuran: ILPBT	**RM2,940.00**	
		3. Lawatan Teknikal Ke Singapura - Kursus Pen. Pegawai PBT Selangor - anjuran: Pusat Latihan Awam Selangor	**RM2,990.00**	
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM11,300.00**
7	MPKj	1.Konvensyen Pravasi Bharatiya Divas (PBD) 2012, Jaipur, India	**RM10,300.00**	
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM10,300.00**
8	MPSepang	1.Lawatan kerja ke Singapura bagi kursus ILPBT Siri 3 tahun 2012- Singapura	**RM2,900.00** (2 orang)	
		JUMLAH KESELURUHAN		**RM2,900.00**
9	MDKL	-		**RM9,300.00**
10	MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor telah menghentikan dasar lawatan ke luar Negara sejak tahun 2004		-
11	MDKS	-		
12	MDSB	-		
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN				**RM344,915.83**

b) Sistem pemantauan yang dilakukan adalah melalui laporan keseluruhan lawatan. Setelah laporan dikemukakan, perbincangan akan dilakukan untuk mengkaji kebaikan yang boleh diadaptasi untuk penambahbaikan setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM BOLA SEPAK DI BAWAH UMUR 12 TAHUN

170. Program bola sepak di bawah umur 12 tahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah peranan kerajaan untuk mencungkil bakat?

b) Peruntukan tahunan dan biasiswa?

JAWAPAN :

a) Peranan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor dan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) untuk mencungkil bakat ini adalah dengan mengadakan program jangkamasa pendek dan panjang untuk program di bawah 12 tahun ini. Terdapat lebih dari 10 kelab – kelab bolasepak yang bergabung dengan Persatuan Bolasepak Selangor yang aktif menjalankan latihan dan program – program pembangunan khas untuk bawah 12 tahun ini di samping mencungkil bakat.

b) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor ada menyediakan memperuntukkan khas kepada persatuan bola sepak tetapi ianya akan disalurkan berdasarkan permohonan Persatuan tersebut. Bagi peruntukan biasiswa khas sukan bolasepak, pihak Majlis Sukan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang bentuk biasiswa kepada atlet-atlet bolasepak kecuali insentif atau ganjaran seperti yang telah diperuntukkan dan ianya sama dengan sukan-sukan yang lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : RAKYAT YANG TIDAK MEMILIKI SIJIL KELAHIRAN & MYKAD

171. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah rakyat di Negeri Selangor yang tidak memiliki Sijil Kelahiran dan juga Mykad mengikut komposisi kaum?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah rakyat yang tidak memiliki Sijil Kelahiran ataupun Mykad mereka?

JAWAPAN:

a) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya menyimpan maklumat bagi individu yang mendaftar dengan JPN sahaja. Daftar-daftar yang tersimpan di JPN merupakan rekod yang dikumpul berasaskan undang-undang semasa yang berkuat kuasa dan ditadbir oleh JPN.

Sehubungan dengan itu, JPN hanya menyimpan rekod jumlah rakyat di Negeri Selangor yang mempunyai Sijil Kelahiran sahaja. Berdasarkan kepada rekod pangkalan data JPN sehingga 31 Mei 2012, warganegara yang **berumur 12 hingga 20 tahun** yang tidak mempunyai **Kad Pengenalan** adalah seramai **30,003 orang** dan yang **berumur 21 tahun ke atas** adalah seramai **31,183 orang.**

b) Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara dalam mengatasi masalah segelintir rakyat yang begitu sukar untuk memperolehi dokumen pendaftaran seperti MyKad dan Sijil Kelahiran adalah dengan melaksanakan Program MyDaftar yang dijalankan di seluruh negara termasuk Negeri Selangor meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Program MyDaftar merupakan program *outreach* berasaskan konsep turun padang untuk memberi perkhidmatan kepada golongan yang sukar berurusan di pejabat-pejabat JPN khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: SKIMSEL DAN MIMBAR

172. Kerajaan telah mengenalkan SKIM SEL dan MIMBAR bagi menambah baikkan taraf hidup peniaga-peniaga

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan kerajaan bagi membantu rakyat untuk mereka yang bukan dari golongan peniaga?

b) Bagaimanakah langkah seterusnya untuk membantu peniaga-peniaga tersebut di dalam keadaan yang sentiasa berdaya saing ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan negeri kini mengamalkan dasar daripada Welfare kepada Workfare. Dasar ini terbuka kepada semua golongan masyarakat tidak hanya kepada golongan peniaga. Dasar Workfare merupakan dasar yang membantu memastikan rakyat negeri Selangor mampu mendapatkan pendapatan melalui program-program yang dirangka kerajaan negeri. Langkah ini diambil oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan jurang kemiskinan dan meningkatkan pendapatan rakyat Selangor di samping memupuk semangat masyarakat agar terus berusaha untuk mengubah nasib mereka. Ini selari dengan firman Allah didalam Al-Quran "sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum melainkan mereka mengubah apa yang ada pada mereka" (Ar-Rad: 11). Kerajaan Negeri sentiasa membantu rakyat Selangor dengan membuka peluang dan ruang bagi mereka mengubah taraf hidup mereka daripada berpendapatan rendah kepada berpendapatan lebih baik. Antara program yang dirangka ialah Program Pinjaman Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR Selangor). Pinjaman ini bukan hanya terhad kepada golongan peniaga semata-mata namun dibuka kepada semua rakyat Selangor terutamanya golongan miskin atau berpendapatan rendah bagi memberi peluang kepada mereka menyertai program yang memberikan alternatif kepada mereka dengan bimbingan dan latihan untuk menjana pendapatan.

MiMBAR Selangor telah merancang beberapa program juga bagi golongan bukan peniaga untuk meraih pendapatan lebih dengan menjalankan beberapa program. Program yang dikenali sebagai Bantuan Kerja ini telah pun dilaksanakan pada peringkat awal penubuhan MiMBAR Selangor iaitu Pembantu

Klinik, Data Entry dan Pekerja Hotel. Sambutan pada peringkat awal adalah kurang memuaskan, namun program ini telah disusun semula dan mengambil kira faktor workfare yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Oleh itu MiMBAR Selangor telah merangka program ini mengikut kesesuaian dan kehendak rakyat. Program ini merupakan satu program berkumpulan untuk sama-sama menjana pendapatan mereka. Antaranya adalah seperti:

i. Pakej Pembersihan Karpet

Pakej pembersihan karpet masjid yang mana setiap kumpulan akan dibekalkan dengan set mesin vakum. Setiap kumpulan mempunyai seramai 2 hingga 3 orang khususnya ibu tunggal bagi setiap kumpulan akan bertanggungjawab membersihkan masjid menggunakan pakej yang disediakan. Segala bentuk bantuan teknikal dan latihan akan dipantau oleh pihak Mimbar Selangor dan pihak pembekal bagi memantapkan kemahiran kerja peserta supaya mutu serta kualiti kerja sentiasa berada di tahap prestasi maksimum. Peserta terpilih akan ditempatkan di Masjid pilihan yang telah dipersetujui bersama antara pihak Jabatan Agama Islam Selangor dengan MiMBAR Selangor. Program ini beroperasi mengikut masa luang peserta dan tidak terikat dengan waktu bekerja tetap. Bagi mencapai pendapatan mengikut anggaran yang dicadangkan oleh MiMBAR Selangor, mereka akan bergerak mengikut jadual kerja dan kuantiti kerja yang sepatutnya dilakukan setiap minggu.

ii. Program Pembungkusan Semula Produk

Program pembungkusan semula produk yang menyasarkan golongan ibu tunggal dan orang kurang upaya yang mempunyai kesukaran berniaga kerana tiada kesempatan atau kemampuan untuk keluar dari rumah untuk bekerja. Melalui projek ini, peserta projek akan membungkus semula jeruk ke dalam bungkusan-bungkusan 100 gram setiap satu, di mana peralatan menimbang dan plastik pembungkus akan disediakan oleh pihak MiMBAR Selangor. Jeruk yang sudah dibungkus akan dihantar semula ke MiMBAR untuk dipasarkan kepada peserta-peserta yang berminat mendapatkan produk jeruk dalam bungkusan siap sedia.

iii. Pakej Produk dalam Mikrokredit

Bagi membantu peserta meningkatkan pendapatan tambahan disamping mempelbagaikan produk, MiMBAR Selangor mengambil inisiatif dengan menawarkan produk-produk bantuan niaga. Produk-produk yang telah dipakejkan mempunyai permintaan dan pasaran yang luas. Pakej yang ditawarkan adalah untuk memberi pendedahan secara langsung kepada peserta bagi menambah pendapatan yang mana tidak hanya bergantung kepada satu-satu jenis pekerjaan atau perniagaan sahaja. Tambahan pula peserta yang terpilih tidak akan dipaksa untuk mengambil pakej produk tersebut memandangkan dasar MiMBAR Selangor sentiasa memberi peluang kepada semua peserta berminat untuk mengambil kesempatan yang diberikan. MiMBAR Selangor tidak mengamalkan syarat seperti program *Multilevel Marketing* (MLM) yang sedia ada. Setiap pakej yang ditawarkan mempunyai nilai keuntungan

yang berbeza. Peserta akan diberikan taklimat tentang anggaran keuntungan setiap pakej dan produk bagi memudahkan perancangan peserta-peserta. Pakej ini dianggarkan mempunyai nilai pulangan melebihi bantuan yang ditawarkan iaitu RM500 dan memperoleh keuntungan sehingga RM200.

iv. Pakej Perkhidmatan Mesin Jualan Layan Diri *(Vending Machine)*

Pakej Perkhidmatan Mesin Jualan Layan Diri *(Vending Machine)* ditawarkan kepada golongan yang berminat. Peserta-peserta yang tidak berniaga tetapi mempunyai kemahiran menghasilkan produk makanan diberikan peluang untuk untuk menjual produk-produk tersebut di setiap *vending machine* yang akan dikeluarkan di sekolah-sekolah asrama agama dan bangunan kerajaan. Keseluruhan program atau projek di bawah MiMBAR Selangor ini membantu kerajaan negeri Selangor mencapai polisi workfare iaitu berdikari untuk berpendapatan.

b) MiMBAR Selangor menyediakan ruang dan peluang kepada peserta-pesertanya terutama dalam usaha mendidik mereka ke arah berilmu dan berdaya saing. Peniaga-peniaga ini akan dipantau dengan diberikan latihan dan kursus khas berpandukan kepada keperluan pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada pada mereka ini. Mereka akan diajar berkaitan asas perniagaan, kursus kewangan, teknik pemasaran dan kemahiran-kemahiran tambahan lain bagi memantapkan lagi perniagaan masing-masing supaya di akhirnya nanti ianya dapat membantu mereka keluar dari tahap peniaga golongan industri kecil dan sederhana. Selain daripada latihan dan kursus yang disediakan, Program Bantuan Niaga MiMBAR Selangor juga memberikan peluang kepada peniaga-peniaga kecil menjana pendapatan sampingan isi rumah dengan mendapatkan untuk jualan yang tinggi melalui penawaran produk-produk yang mempunyai kualiti yang baik dan nilai yang setanding dengan pasaran sedia ada. Produk-produk ini kini mempunyai permintaan yang tinggi kerana harganya yang jauh lebih murah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: BIASISWA IPT KERAJAAN NEGERI

173. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah orang anak Selangor berjaya memperoleh Biasiswa Pengajian Tinggi yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 sehingga 2012?

b) Sila memberikan maklumat penerima biasiswa mengikut pecahan kaum dan mengikut tahun.

JAWAPAN :

a) Pemberian Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang telah diberikan kepada anak-anak Selangor sejak tahun 2008 sehingga 2012 adalah seramai 4085 orang. Pecahan bagi penerima Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri

Selangor mengikut tahun sejak tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti di Jadual 1 di bawah:

TAHUN	BUMIPUTRA		CINA		INDIA		JUMLAH KESELURUHAN TAHUNAN	
	DiTawarkan	Menerima	DiTawarkan	Menerima	DiTawarkan	Menerima	DiTawarkan	Menerima
2008	703	668	25	15	31	24	**759**	**707**
2009	925	705	73	17	78	37	**1,076**	**759**
2010	1,098	971	56	29	64	36	**1,218**	**1,036**
2011	960	807	23	18	42	21	**1,025**	**846**
2012	789	697	10	6	46	34	**845**	**737**
Jumlah	4475	3848	187	85	261	152	**4923**	**4085**

b) Rujuk jawapan jadual di atas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: KERUGIAN KDEB

174. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh Anak Syarikat Negeri Selangor (KDEB) dalam tahun 2010 dan 2011?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memulihkan kelemahan kewangan Anak Syarikat tersebut?

JAWAPAN:

a) **Peringkat Kumpulan**

Sebenarnya, bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, Kumpulan KDEB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM15.3 juta. Walaubagaimanapun, sekiranya dibandingkan dengan tahun 2010, ianya adalah satu penurunan sebanyak RM51 juta berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM66.3 juta pada tahun 2010.

Kemerosotan di dalam prestasi kewangan Kumpulan KDEB pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-

(1) Peningkatan lain-lain perbelanjaan sebanyak RM16.0 juta. Bagi tahun 2011, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad telah membuat peruntukan rosot nilai sebanyak RM56.7 juta berbanding tahun 2010 sebanyak RM10.9 juta dan seperti berikut:-

(a) peruntukan rosot nilai bagi penerimaan jangka panjang sebanyak RM20.8 juta;

(b) peruntukan rosot nilai untuk hartanah dipegang untuk pembangunan sebanyak RM30.8 juta; dan

(c) peruntukan rosot nilai untuk stok sebanyak RM5.1 juta.

Di samping itu, Konsortium ABASS Sdn Bhd turut membuat peruntukan rosot nilai sebanyak RM22.3 juta bagi hutang yang telah melebihi 90 hari daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS").

(2) Pengurangan di dalam bahagian keuntungan Kumpulan daripada syarikat-syarikat bersekutu sebanyak RM48.5 juta disebabkan oleh Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad ("SPLASH") mencatatkan peruntukan rosot nilai sebanyak RM67.7 juta bagi penerimaan hutang daripada SYABAS.

Sekiranya peruntukan rosot nilai sebanyak RM79.0 juta seperti yang disebut di atas tidak dicatatkan pada tahun 2011, Kumpulan KDEB akan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM94.3 juta. Perbandingan "apple to apple" in dengan jelas menunjukkan bahawa dari segi operasi, Kumpulan KDEB telah menunjukkan perkembangan prestasi yang lebih baik dari tahun 2010.

Peringkat Syarikat

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, Syarikat KDEB mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM8.1 juta berbanding keuntungan sebanyak RM7.8 juta bagi tahun 2010.

Kerugian pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh peningkatan kos faedah sebanyak RM8.1 juta. Ini adalah kerana jaminan bank untuk "Put Option" sebanyak RM225.8 juta telah ditukarkan menjadi pinjaman berpenggal pada 11 Ogos 2011 disebabkan oleh "Put Option" telah dilaksanakan oleh pihak Kumpulan Perangsang Selangor Berhad. Kadar faedah bagi pinjaman berpenggal adalah sebanyak 8.35% setahun berbanding kadar jaminan bank sebanyak 1.25% setahun.

Disamping itu, pada tahun 2011, tiada keuntungan daripada penjualan tanah sebagaimana yang dicatatkan pada tahun 2010 sebanyak RM55.6 juta.

b) Kumpulan KDEB telah merangka beberapa strategi dalam usaha memulihkan kedudukan KDEB dan anak-anak syarikatnya yang mana diantaranya menilai sektor-sektor baru yang berkaitan dengan perniagaan dan kepakaran Kumpulan pada masa kini seperti tenaga diperbaharui, telekomunikasi dan minyak & gas.

Melalui anak syarikatnya iaitu Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("Perangsang Selangor"), Kumpulan KDEB telah berjaya membuat pelaburan strategik di dalam NGC Energy Sdn Bhd (40%) dan Ceres Telekom Sdn Bhd (30%) masing-masing pada 11 dan 19 Jun 2012. NGC telah mengambilalih perniagaan dan aset gas petroleum cecair dari Shell Malaysia Trading Sdn Bhd di Semenanjung Malaysia manakala Ceres Telecom merupakan sebuah operator telefon pra bayar yang berlesen penuh di Malaysia. Ceres Telecom bercadang memperkenalkan perkhidmatan telefon pra bayar di bawah jenama FRiENDi dan Virgin Mobile untuk pasaran di Malaysia.

Bagi segmen hartanah pula, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (“KHSB”) dan anak-anak syarikatnya terus mengenalpasti isu-isu legasi yang berpunca dari pembangunan hartanah dan projek-projek kerjasama sejak dari tahun 1991. KHSB telah menggariskan beberapa pelan strategik untuk dilaksanakan dalam beberapa tahun ini.

Pada 17 Mei 2012, Kumpulan KHSB telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (‘*Memorandum of Understanding*) (“MoU”) bersama dengan SunLohas Group Limited dimana kedua-dua pihak akan bersama-sama menjalankan kajian undang-undang, kewangan dan komersial untuk mengenalpasti kebolehsanaan (“feasibility”) dan kemandirian (“viability”) cadangan pembangunan yang bakal dijalankan ke atas tanah berukuran 4,976.719 ekar di Bestari Jaya yang mana KHSB merupakan pemilik benefisiarinya.

Selain itu, KHSB juga telah menandatangani MoU bersama dengan Norzakiah Architect (“NZA”) pada 24 Mei 2012 dengan tujuan melantik NZA sebagai Konsultant Perancang Bandar Utama, bersama-sama dengan Buchan Group of Australia, untuk menyediakan pelan utama bagi pembangunan Bandar di Timur Pulau Indah dengan ukuran sebanyak 1,196 ekar diatas tanah Central Spectrum (M) Sdn Bhd.

KHSB telah berjaya menjual Fasa 1 Selangor Halal Hub Pulau Indah yang berukuran 300 ekar. Kerja-kerja infrastruktur bagi Fasa 2 yang berukuran 400 ekar adalah 95% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada 2012.

Kumpulan KHSB telah memutuskan untuk membangunkan sekeping tanah berukuran 9.60 ekar di Seksyen 14, Petaling Jaya berdasarkan kerjasama (*joint venture basis*). Projek ini terletak di kawasan yang strategik dan menarik minat ramai pihak. KHSB amat berhati-hati dalam merancang projek ini untuk memaksimakan pulangan dan nilai pemegang saham.

Kumpulan KHSB juga secara aktifnya sedang mengenal pasti tanah-tanah yang strategik untuk dibangunkan pada masa hadapan.

Dengan pelan-pelan strategik yang dirancang, Kumpulan KDEB dijangka akan mendapat pulangan bermula dari tahun 2015.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV)

175. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah bilangan CCTV yang dipasang dalam setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, kos membeli dan menyelenggara, keberkesanannya dan jumlah yang rosak dan perlu diganti ?

b) Berapa jumlah CCTV yang telah dipasang di setiap PBT?

JAWAPAN:

a) dan b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, bilangan CCTV yang dipasang di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut :

PBT	BILANGAN CCTV		
	PROJEK KPKT	PROJEK KERAJAAN NEGERI	PROJEK PBT
MBSA	24	50	-
MBPJ	24	60	-
MPK	16	60	21
MPAJ	24	-	58
MPSJ	24	50	100
MPS	24	50	-
MPKj		60	-
MPSp	-	50	-
MDKL	-	10	-
MDKS	-	8	-
MDHS	-	8	-
MDSB	-	8	-
JUMLAH	**136**	**414**	**179**

* nota : sumber daripada PBT

Buat masa ini, PBT tidak perlu menanggung kos kerosakan atau penyelenggaraan memandangkan kos akan di tanggung oleh KPKT (Projek KPKT) dan Projek Kerajaan Negeri masih di dalam proses pemasangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : KEMUNGKINAN TEBING RUNTUH DI TAMAN KAJANG BARU

176. Tebing berkenaan begitu curam dan boleh membahayakan penduduk sekitar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh MPKj?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan bagi membaiki cerun yang mungkin runtuh ini?

c) Apakah tindakan keselamatan yang diambil bagi mengelakkan berlakunya kemalangan?

JAWAPAN :

a) Pihak MPKj telah mengarahkan Kumpulan IKRAM Sdn Bhd bagi melakukan penilaian semula kos dan rekabentuk kerja-kerja pembaikan cerun runtuh di Jalan 12, Taman Bukit Kajang Baru melalui surat bertarikh 15 Jun, 2012 memandangkan penilaian dahulu dibuat pada tahun 2009. Kerja tender bagi membaikpulih cerun tersebut akan dilaksanakan oleh pihak MPKj setelah kos bagi kerja-kerja tersebut dikemukakan oleh pihak IKRAM.

b) Pihak Kumpulan IKRAM Sdn Bhd akan mengemukakan kos bagi kerja-kerja tersebut dalam 4 minggu dari surat arahan tersebut.

c) Pihak MPKj telah menutup kawasan runtuhan tersebut menggunakan helaian tarpaulin bagi mengelakkan hakisan dan runtuhan susulan serta meletakkan penghadang konkrit bagi mengelak kenderaan meletakkan kenderaan di kaki cerun tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PINJAMAN YAYASAN SELANGOR

177. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan jumlah pelajar yang memohon pinjaman Yayasan Selangor sejak 2002 dan jumlah pinjaman yang dilulus mengikut tahun.

b) Berapakah di antaranya yang dapat keputusan cemerlang dan tidak perlu bayar balik pinjaman, berapakah dalam proses bayar balik dan berapakah enggan bayar pinjaman?

JAWAPAN:

a) dan b) Jawapan seperti di lampiran.

BAHAGIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

DATA PEMOHON DAN PEMINJAM PINJAMAN PELAJARAN YAYASAN SELANGOR

2002 HINGGA 2011

TAHUN	BIL. PEMOHON	BIL. PEMINJAM BARU (DILULUSKAN)
2002	547	320
2003	627	358
2004	446	372
2005	957	349
2006	511	224
2007	360	214
2008	925	324
2009	1144	538
2010	1138	520
2011	1443	529
JUMLAH	**8098**	**3748**

LAPORAN JAN - MEI 2012

TAHUN	AKTIF	BIASISWA	TEGAR/MAHKAMAH	KHAS	JUMLAH FAIL
JAN	4750	45	169	0	4964
FEB	4771	47	205	0	5023
MAC	4771	46	234	0	5051
APRIL	4790	44	254	0	5088
MEI	4781	38	296	0	5115

NOTA :

1 **KEPUTUSAN CEMERLANG DAN TIDAK PERLU BAYAR BALIK PINJAMAN = BIASISWA & KHAS**
2 **DALAM PROSES BAYARAN BALIK = AKTIF**
3 **ENGGAN BAYAR PINJAMAN = TEGAR / MAHKAMAH**

JANUARI 2012

TAHUN	AKTIF	BIASISWA	TEGAR/MAHKAMAH	KHAS	JUMLAH FAIL
1984	4	0	1	0	5
1985	12	0	2	0	14
1986	4	0	0	0	4
1987	7	0	0	0	7
1988	12	0	1	0	13
1989	30	0	0	0	30
1990	38	0	0	0	38
1991	38	0	2	0	40
1992	79	0	3	0	82
1993	152	0	8	0	160
1994	149	0	6	0	155
1995	363	7	16	0	386
1996	357	0	6	0	363
1997	366	0	22	0	388
1998	205	0	4	0	209
1999	199	0	13	0	212
2000	218	0	4	0	222
2001	350	0	38	0	388
2002	284	5	29	0	318
2003	302	0	5	0	307
2004	365	1	6	0	372
2005	349	0	0	0	349
2006	197	5	2	0	204
2007	140	20	0	0	160
2008	240	0	0	0	240
2009	237	1	1	0	239
2010	51	6	0	0	57
2011	2	0	0	0	2
JUMLAH	**4750**	**45**	**169**	**0**	**4964**

FEBRUARI 2012

TAHUN	AKTIF	BIASISWA	TEGAR/MAHKAMAH	KHAS	JUMLAH FAIL
1984	4	0	1	0	5
1985	12	0	2	0	14
1986	4	0	0	0	4
1987	7	0	0	0	7
1988	12	0	1	0	13
1989	30	0	0	0	30
1990	38	0	0	0	38
1991	37	0	3	0	40
1992	79	0	3	0	82
1993	153	0	7	0	160
1994	149	0	6	0	155
1995	328	7	51	0	386
1996	359	0	4	0	363
1997	366	0	22	0	388
1998	206	0	3	0	209
1999	199	0	13	0	212
2000	218	0	4	0	222
2001	351	0	37	0	388
2002	284	6	28	0	318
2003	302	0	5	0	307
2004	360	1	11	0	372
2005	349	0	0	0	349
2006	197	5	2	0	204
2007	140	20	0	0	160
2008	268	0	1	0	269
2009	263	1	1	0	265
2010	53	7	0	0	60
2011	3	0	0	0	3
JUMLAH	**4771**	**47**	**205**	**0**	**5023**

MAC 2012

TAHUN	AKTIF	BIASISWA	TEGAR/MAHKAMAH	KHAS	JUMLAH FAIL
1984	4	0	1	0	5
1985	12	0	2	0	14
1986	4	0	0	0	4
1987	7	0	0	0	7
1988	12	0	1	0	13
1989	30	0	0	0	30
1990	38	0	0	0	38
1991	37	0	3	0	40
1992	79	0	3	0	82
1993	152	0	8	0	160
1994	148	0	7	0	155
1995	327	7	52	0	386
1996	350	0	13	0	363
1997	366	0	22	0	388
1998	206	0	3	0	209
1999	197	0	15	0	212
2000	218	0	4	0	222
2001	351	0	37	0	388
2002	290	5	23	0	318
2003	288	0	19	0	307
2004	360	1	11	0	372
2005	347	0	2	0	349
2006	195	5	4	0	204
2007	139	20	1	0	160
2008	268	0	1	0	269
2009	263	1	1	0	265
2010	80	7	1	0	88
2011	3	0	0	0	3
JUMLAH	**4771**	**46**	**234**	**0**	**5051**

APRIL 2012

TAHUN	AKTIF	BIASISWA	TEGAR/MAHKAMAH	KHAS	JUMLAH FAIL
1984	4	0	1	0	5
1985	12	0	2	0	14
1986	4	0	0	0	4
1987	7	0	0	0	7
1988	12	0	1	0	13
1989	30	0	0	0	30
1990	35	0	3	0	38
1991	35	0	5	0	40
1992	77	0	5	0	82
1993	152	0	8	0	160
1994	145	0	10	0	155
1995	327	7	52	0	386
1996	349	0	14	0	363
1997	366	0	22	0	388
1998	206	0	3	0	209
1999	197	0	15	0	212
2000	218	0	4	0	222
2001	351	0	37	0	388
2002	295	5	18	0	318
2003	279	0	28	0	307
2004	360	1	11	0	372
2005	347	0	2	0	349
2006	193	5	6	0	204
2007	139	19	2	0	160
2008	268	0	1	0	269
2009	263	0	1	0	264
2010	116	7	3	0	126
2011	3	0	0	0	3
JUMLAH	**4790**	**44**	**254**	**0**	**5088**

MEI 2012

TAHUN	AKTIF	BIASISWA	TEGAR/MAHKAMAH	KHAS	JUMLAH FAIL
2011	11	0	3	0	14
2010	79	7	4	0	133
2009	275	1	1	0	277
2008	319	0	3	0	322
2007	149	19	2	0	170
2006	191	5	8	0	204
2005	346	0	3	0	349
2004	361	1	10	0	372
2003	271	0	36	0	307
2002	296	5	17	0	318
2001	351	0	37	0	388
2000	218	0	4	0	222
1999	199	0	13	0	212
1998	206	0	3	0	209
1997	369		19		388
1996	350	0	13	0	363
1995	271	0	91	0	362
1994	146	0	9	0	155
1993	152	0	8	0	160
1992	77	0	5	0	82
1991	37	0	3	0	40
1990	38	0	0	0	38
1989	30	0	0	0	30
1988	12	0	1	0	13
1987	7	0	0	0	7
1986	4	0	0	0	4
1985	12	0	2	0	14
1984	4	0	1	0	5
JUMLAH	**4781**	**38**	**296**	**0**	**5115**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PENGHIJAUAN ALAM SEKITAR

178. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Apakah inisiatif kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dalam mempromosikan penghijauan alam sekitar?

b) Berapakah bilangan pokok yang telah ditanam bagi tujuan penghijauan alam sekitar di Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat?

c) Apakah langkah-langkah kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan kesedaran rakyat Selangor dalam memelihara alam sekitar agar penghijauan alam sekitar menjadi amalan hidup rakyat?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Pakatan Rakyat amat menitikberatkan alam sekitar yang mampan selari dengan arus pembangunan negeri. Kerajaan Negeri banyak menjalankan program-program penghijauan alam sekitar sebagai inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempromosikan penghijauan alam sekitar. Antara program-program adalah :-

- Kempen-kempen kesedaran di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi.
- Karnival Hijau Alam Sekitar bersama Jabatan Alam Sekitar Selangor
- Kempen penanaman pokok di tempat-tempat yang terpilih
- Memantau dan menggalakkan penanaman pokok di sekitar Negeri Selangor

b) Jadual di bawah menunjukkan bilangan pokok yang ditanam bagi tujuan penghijauan alam sekitar di Selangor di bawah kerajaan Pakatan Rakyat.

TAHUN	POKOK UTAMA	POKOK BUNGA RAYA	POKOK LAIN-LAIN	JUMLAH
2008	149,000	151,227	745,331	1,045,558
2009	138,161	142,417	757,434,	1,038,012
2010	121,673	122,879	747,579	992,131
2011	163,825	151,201	869,664	1,184,690
2012 (sehingga Mac)	42,133	31,382	297,656	402,513

c) Bagi memastikan kesedaran alam sekitar yang mampan di kalangan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri secara berterusan mengadakan program-program alam sekitar di seluruh negeri dan melibatkan semua lapisan masyarakat agar objektif amalan penghijauan alam sekitar dapat dicapai secara menyeluruh. Galakan amalan penanaman pokok juga sentiasa diperluaskan di seluruh Negeri bagi memastikan sasaran penghijauan negeri Selangor dapat dicapai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: MIGRASI METER AIR

179. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sejak pengumuman penukaran meter pukal kepada meter individu oleh kerajaan negeri, berapa pangsapuri yang telah mendapat manfaat air 20meter padu percuma daripada kerajaan negeri?

JAWAPAN:

a) Sejak pengumuman penukaran meter pukal kepada meter individu oleh kerajaan negeri, pangsapuri yang telah mendapat manfaat air padu percuma daripada kerajaan negeri mengikut kategori seperti berikut:

BIL	JENIS METER	KAEDAH PENERIMAAN PADA KADAR RM11.40	JUMLAH KAWASAN PANGSAPURI	BILANGAN AKAUN/UNIT KEDIAMAN	ANGGARAN KOS PERUNTUKAN SETAHUN BAGI REBET AIR PERCUMA (RM)
1.	Individu	Kaedah pengebilan secara automatik bil air individu oleh SYABAS	106	27,447	312,895.8
2.	Pukal	Kaedah pengebilan bil air unit rumah oleh Pengurusan Bangunan seperti Pemaju/JMB/ MC/Ejen Pengurusan	144	49,931	569,213.4
		JUMLAH	**250**	**77,378**	**882,109.2**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : GERAN SELANGORKU

180. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini dan setakat manakah proses perlaksanaan kerja-kerja infrastruktur di bawah peruntukan tersebut ?

b) Sila senaraikan butiran terperinci sehingga terkini berapakah jumlah yang sudah dibelanjakan bagi kesemua tajuk yang ditetapkan dalam Geran Selangorku ?

c) Sila nyatakan apakah langkah dan tindakan drastik yang bakal diambil Memandangkan terdapat banyak aduan mengenai kelewatan perlaksanaan projek-projek di bawah Geran Selangorku ?

JAWAPAN:

a) Setakat 8 Ogos 2012, dianggarkan sebanyak RM52,219,006 telah dibelanjakan di bawah peruntukan Geran Selangorku yang melibatkan pecahan sebanyak (*anggaran kerana beberapa projek masih dalam proses sebutharga*) :

- RM37,668,182 bagi 278 projek infrasturktur
- RM5,765,748 bagi 22 projek infrastruktur sukan, dan
- RM8,785,075 bagi 40 program-program bukan infra

b) Senarai projek-projek: (seperti lampiran dimuka sebelah bagi projek infrastruktur, bagi program bukan infra, ia tidak dipecahkan mengikut DUN)

STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR (& SUKAN) - LULUS / BATAL / KIV (MENGIKUT DUN)

Kemaskini 10:42 AM 04-Sep-12

DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR				Perbelanjaan			INFRA SUKAN				Perbelanjaan		
				Lulus	Batal	KIV	Total	Sebenar	Jumlah Projek	Anggaran	Lulus	Batal	KIV	Total	Sebenar	Jumlah Projek	Anggaran
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	13	10	10	33	817,168	9	1,143,474	0	1	19	20	0	0	0
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	0	71	74	137,298	3	137,298	0	0	0	0	0	0	0
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	0	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0	0
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	0	17	20	0	0	311,746	1	0	0	1	0	0	170,000
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	0	21	23	366,715	2	366,715	0	0	2	2	0	0	0
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	0	34	34	0	0	0	1	0	9	10	175,721	1	175,721
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	8	0	20	28	758,645	8	758,645	1	0	2	3	170,296	1	170,296
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	7	1	1	9	468,726	5	761,340	1	0	3	4	161,269	1	161,269
10		PTD Kuala Selangor	Permatang & Sungai Burong	1	0	0	1	47,190	1	47,190	0	0	0	0	0	0	0
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	4	0	1	5	664,298	4	664,298	1	0	0	1	0	0	170,000
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	12	0	1	13	909,495	11	1,055,802	2	0	15	17	321,891	2	321,891
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	8	3	27	38	464,411	4	877,025	1	0	6	7	0	0	170,000
14		PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	2	0	0	2	84,610	2	84,610	0	0	0	0	0	0	0
15	13	PTD Gombak	Kuang	2	0	0	2	329,140	2	329,140	1	0	0	1	0	0	170,000
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	0	2	5	189,697	2	336,004	1	0	2	3	197,317	1	197,317
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	6	0	47	53	545,141	5	691,448	2	0	13	15	145,024	1	315,024
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	11	2	65	78	1,127,232	9	1,379,772	1	0	6	7	0	0	170,000
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	3	0	9	12	303,545	2	449,852	0	1	0	1	0	0	0
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	9	0	10	19	1,569,777	8	1,629,777	1	0	20	21	198,723	1	198,723
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	1	0	2	3	164,760	1	164,760	1	0	0	1	200,000	1	200,000
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	0	5	7	663,013	2	663,013	1	0	1	2	0	0	170,000
23		PTD Gombak	Lembah Jaya & Bukit Antarabangsa	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	21	PTD Gombak	Cempaka	3	0	10	13	91,122	1	211,122	1	0	2	3	190,792	1	190,792
25	22	PTD Gombak	Teratai	5	0	11	16	482,683	2	748,990	0	1	2	3	0	0	0
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	5	0	4	9	212,393	3	464,933	1	0	7	8	0	0	170,000
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	0	3	3	0	0	0	1	0	0	1	0	0	170,000
28	25	PTD Hulu Langat	Kajang	8	5	6	19	1,275,800	8	1,275,800	1	0	11	12	0	0	170,000
29	26	PTD Hulu Langat	Bangi	2	0	4	6	0	0	292,614	1	0	1	2	198,575	1	198,575
30	27	PTD Hulu Langat	Balakong	1	0	6	7	0	0	146,307	0	0	2	2	0	0	0
31	28	PTD Petaling	Sri Kembangan	1	0	1	2	0	0	146,307	0	1	1	2	0	0	0
32	29	PTD Petaling	Sri Serdang	2	2	10	14	242,619	2	242,619	1	0	5	6	137,843	1	137,843
33	30	PTD Petaling	Kinrara	2	0	10	12	336,270	1	482,577	0	0	2	2	0	0	0
34	31	PTD Petaling	Subang Jaya	2	2	7	11	251,250	1	751,250	0	1	1	2	0	0	0
35	32	PTD Petaling	Sri Setia	1	0	0	1	307,726	1	307,726	0	0	1	1	0	0	0
36	33	PTD Petaling	Taman Medan	6	0	6	12	632,768	4	885,308	0	1	15	16	0	0	0
37	34	PTD Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	35	PTD Petaling	Kampung Tunku	1	0	4	5	443,572	1	443,572	1	0	7	8	155,991	1	155,991
39	36	PTD Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	37	PTD Petaling	Bukit Lanjan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	2	0	0	0
41	38	PTD Petaling	Paya Jaras	2	0	3	5	333,015	1	548,075	0	0	2	2	0	0	0
42	39	PTD Petaling	Kota Damansara	2	0	5	7	0	0	278,900	1	1	1	3	151,836	1	151,836
43	40	PTD Petaling	Kota Anggerik	1	1	6	8	281,000	1	281,000	1	0	4	5	158,607	1	158,607
44	41	PTD Petaling	Batu Tiga	1	0	0	1	217,000	1	217,000	0	0	0	0	0	0	0
45	42	PTD Petaling	Meru	14	24	24	62	898,091	7	1,922,239	1	0	0	1	160,164	1	160,164
46	43	PTD Klang	Sementa	0	1	23	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
47	44	PTD Klang	Sungai Pinang	11	15	25	51	0	0	1,609,376	0	0	3	3	0	0	0
48	45	PTD Klang	Selat Klang	11	3	77	91	411,050	1	1,793,972	1	0	5	6	0	0	170,000
49	46	PTD Klang	Pelabuhan Klang	0	0	1	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0
50	47	PTD Klang	Pandamaran	3	2	3	8	0	0	438,921	0	0	0	0	0	0	0
51	48	PTD Klang	Kota Alam Shah	0	0	9	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
52	49	PTD Petaling	Sri Andalas	5	0	4	9	194,994	2	633,915	1	0	4	5	158,749	1	158,749
53	50	PTD Petaling	Sri Muda	17	17	70	104	2,613,174	16	2,759,481	0	0	9	9	0	0	0
54	51	PTD Kuala Langat	Sijangkang	14	0	3	17	987,141	9	1,546,062	1	0	1	2	170,053	1	170,053
55	52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	12	13	17	42	1,343,561	9	1,655,307	1	0	0	1	167,898	1	167,898
56	53	PTD Kuala Langat	Morib	28	0	17	45	995,335	9	3,999,747	1	0	0	1	161,220	1	161,220
57	54	PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat	3	0	4	7	166,614	2	226,614	1	0	0	1	174,095	1	174,095
58	55	PTD Sepang	Dengkil	3	1	40	44	323,090	2	469,397	1	0	0	1	0	0	170,000
59	56	PTD Sepang	Sungai Pelek	6	3	48	57	208,120	3	560,352	1	0	12	13	169,686	1	169,686
60		To Be Identified	To Be Identified	2	1	0	3	93,500	1	239,807	0	0	0	0	0	0	0
				278	110	805	1,193	23,189,731	172	37,668,182	34	9	198	241	3,725,748	22	5,765,748

b)

		Peruntukan	Diluluskan	Baki
1	INFRASTRUKTUR	50,000,000	37,668,182	12,331,818
2	PEMBINAAN INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000	5,765,748	24,234,252
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000	1,878,830	28,121,170
4	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	1,245,595	1,754,405
5	PEMELIHARAAN & PEMULIHAN ALAM SEKITAR	5,000,000	250,600	4,749,400
6	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	45,000	4,955,000
7	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	26,450	9,973,550
8	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000	65,000	9,935,000
9	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	477,000	4,523,000
10	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	1,016,600	28,983,400
11	PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000		5,000,000
12	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000	770,000	9,230,000
13	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000		30,000,000
14	PENGGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000		22,000,000
15	DARI KEBAJIKAN KEPADA BEKERJA	20,000,000	10,000	19,990,000
16	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000		15,000,000
17	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	3,000,000	17,000,000
	JUMLAH KESELURUHAN	300,000,000	52,219,006	247,780,994

c) Bagi memastikan perlaksanaan projek di bawah Geran Selangorku berjalan lancar, beberapa langkah telah diambil di setiap proses, termasuk:

- Proses Permohonan – membenarkan permohonan diterima dari semua sumber dan tidak terhad melalui ADUN sahaja. Penilaian awal dibuat oleh UPEN, JKR, PTD, PBT bagi memastikan tiada pertindihan serta ianya benar-benar perlu dilaksanakan.
- Proses Penilaian – Jawatankuasa Penilaian juga melibatkan pakar-pakar teknikal dari jabatan seperti JKR, PBT dan UPEN bagi mendapatkan pandangan dari segi teknikal.
- Proses Perolehan – proses sebutharga masih mengikut tatacara perolehan kerajaan cuma tempohnya disingkatkan kepada maksimum sebulan. Pihak JKR juga telah mengadakan beberapa siri bengkel agar semua PBT/PTD terbabit menggunakan SOP yang seragam.
- Proses Perlaksanaan – pemantauan bukan sahaja dilakukan oleh PBT, tetapi juga wakil JKR negeri serta pemantau bebas dari MBI yang akan melakukan audit sebelum sebarang pembayaran dibuat. Laporan status perlaksanaan dibentangkan setiap minggu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PUSAT PEMBERDAYAAN WANITA SELANGOR

181. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Pusat Pemberdayaan Wanita Selangor telah berjaya mencapai matlamat untuk pemberdayaan wanita?

b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menubuhkan *Women Development Corporation* supaya badan ini dapat menyediakan program pemberdayaan wanita melalui struktur organisasi yang jelas dan melibatkan golongan profesional?

JAWAPAN:

a) Pusat Wanita Berdaya (dahulunya dipanggil Pusat Komuniti Wanita) telah mula beroperasi sejak 2010 yang lalu. Sehingga kini wujud dua puluh satu (21) Pusat Wanita Berdaya (PWB). Konsep utama ketika itu ialah membekalkan peralatan kepada PWB dengan latihan yang singkat agar wanita boleh mengaktifkan kegiatan meningkatkan ekonomi, khususnya dan mencambah kegiatan-kegiatan lain yang boleh berkembang daripada kegiatan aktiviti ekonomi sedemikian. Beberapa PWB yang berjaya termasuklah di DUN Lembah Jaya, Ijok, Hulu Kelang, Selat Klang, Sijangkang dan Batu Caves.

Suatu pendekatan yang segar dan menyeluruh perlu diambil bagi memastikan PWB mencapai sepenuhnya hasrat Pemberdayaan Wanita Selangor. Proses Pemberdayaan Wanita Selangor perlu dihasilkan melalui beberapa fasa yang akan menghasilkan kesedaran, kefahaman, penghayatan, hubungan jalin, kebolehupayaan, daya saing dan jati diri, kemampuan memilih dan membuat keputusan berdasarkan maklumat dan ilmu yang perlu serta menghasilkan keupayaan dan ketrampilan yang mampu mendorong individu di sekelililng mereka ke arah menghayati prinsip-prinsip masyarakat madani. Justru, Pemberdayaan Wanita Selangor bukan saja memberi kebaikan kepada wanita tetapi kepada seluruh masyarakat.

Proses dan fasa tersebut memerlukan perancangan dan implementasi dalam jangkamasa yang bersesuaian. Mekanisme perlaksanaannya ialah menerusi Pusat Wanita Berdaya. Adalah dijangkakan dengan peruntukkan sebanyak RM30 juta Geran Selangorku, seramai 200,000 ribu wanita akan menikmati

berbagai usaha memberdaya wanita Selangor. Pemberdayaan Wanita menekankan unsur bimbingan dan latihan, mentor-mentee, kesinambungan program, kebajikan kepada bekerja (*welfare to workfare*), kepekaan gender, dan keberhasilan yang boleh dikembangkan secara berdikari oleh wanita berdaya kepada wanita lain tanpa bantuan lanjut dari kerajaan Selangor.

Pemberdayaan Wanita Selangor akan memberikan lebih banyak pilihan dan variasi kepada semua golongan wanita selain dari bidang kebiasaan, asuhan kanak-kanak, masakan dan jahitan. Sebanyak tiga puluh lima (35) PWB akan dibuka tahun ini bagi melengkapkan bilangan kewujudannya di setiap DUN di negeri Selangor. Peruntukan permulaan sebanyak RM1,330,000 telah diserahkan kepada Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor pada 6 Julai yang lalu.

Dua belas bidang fokus termasuklah ekonomi, kesihatan, keluarga, kerjaya dan pekerjaan, sukan dan rekreasi, pendidikan dan latihan, sosial, budaya dan agama, hak, keselamatan dan undang-undang, politik dan pembuatan keputusan, melonjak daya upaya wanita intelektual dan profesional, pengarus utamaan gender, teknologi, sains dan alam sekitar. Manakala dua belas golongan sasaran wanita ialah wanita bekerja dan sektor informal, suri rumah, wanita muda, remaja perempuan, wanita orang asal, wanita luar bandar dan ladang, wanita warga emas, ibu tunggal, wanita industri, wanita miskin, wanita migran, dan wanita OKU.

b) Kerajaan negeri telah mewujudkan suatu struktur yang jelas, menggembling jaringan masyarakat dan jentera kerajaan negeri sedia ada serta penubuhan Majlis Permuafakatan Wanita Selangor (MPWS) yang melibatkan golongan aktivis, ahli-ahli politik, individu yang berkepakaran, ahli-ahli profesional, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta. Ia dilihat sebagai struktur yang menjimatkan kos pengoperasian, dan berupaya mensosialisasi informasi, kegiatan dan usaha-usaha pemberdayaan wanita Selangor dengan baik dan berkesan.

Sekarang ini tiada keperluan dalam konteks untuk menubuhkan satu badan yang menguruskan pembangunan wanita walaupun Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita Negeri tidak memberi kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan isu pembangunan wanita amat penting dilaksanakan. Sebab itu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita yang menitikberatkan program-program “pemberdayaan

wanita” telah lengkap menyediakan pelan tindakan wanita untuk perlaksanaan melalui Pusat Wanita Berdaya di 56 lokasi DUN bagi memastikan program sosialisasi “pemberdayaan wanita” sampai ke akar umbi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: BANTING DAN BANNER AKTIVITI-AKTIVITI KERAJAAN NEGERI

182. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Kerajaan negeri telah membelanjakan berapa jumlah wang untuk tujuan banting dan *banner* untuk aktiviti-aktiviti kerajaan negeri sejak tahun 2008 sehingga 2012?

b) Apakah nama syarikat yang dapat kontrak-kontrak tersebut?

c) Siapakah nama pemilik syarikat?

JAWAPAN :

a) Jumlah keseluruhan wang yang dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti Kerajaan Negeri untuk tujuan bunting dan banner sejak tahun 2008 sehingga 6 Julai 2012 ialah sebanyak **RM577,135.00**. Perincian perbelanjaan mengikut aktiviti adalah seperti di dalam jadual di Lampiran 1 untuk Bahagian ICT dan Seksyen Sektoral berjumlah **RM76,110.00**. Manakala perincian perbelanjaan mengikut aktiviti bagi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia adalah seperti di Lampiran 2 berjumlah **RM501,025.00.**

b) Nama-nama syarikat yang mendapat kontrak-kontrak tersebut adalah seperti di dalam jadual di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

c) Nama-nama pemilik syarikat yang mendapat kontrak-kontrak tersebut juga adalah seperti di jadual di Lampiran 1 dan Lampiran 2.

LAMPIRAN 1

Bil.	Perkara	Aktiviti	Jumlah (RM)	Syarikat	Pemilik Syarikat
1.	Banner	Festival Sains dan Teknologi Negeri Selangor 2010	9,420	Syarikat FesSTIS Sdn Bhd	Tiada maklumat.
2.	Bunting	Festival Sains & Technology Negeri Selangor 2010	5,940	Syarikat FesSTIS Sdn Bhd	Tiada maklumat.
3.	Banner	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Klang	4,800	Kasih Teguh Enterprise	En Maizan Yusof
4.	Bunting	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Klang	5,000	Kasih Teguh Enterprise	En Maizan Yusof
5.	Banner	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Hulu Langat	3,600	SH Peserah Enterprise	En Md Shawal bin Abd Rahman
6.	Bunting	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Hulu Langat	6,000	SH Peserah Enterprise	En Md Shawal bin Abd Rahman
7.	Banner	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Sepang	3,600	Sha Halim Ismail Design & Built Production Sdn Bhd	EnSha Halim Ismail
8.	Bunting	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Sepang	9,000	Sha Halim Ismail Design & Built Production Sdn Bhd	EnSha Halim Ismail
9.	Banner	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Kuala Langat	3,000	NQ Nurul Qamar Media	Hj Zubir
10.	Bunting	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Kuala Langat	6,000	NQ Nurul Qamar Media	Hj Zubir
11.	Banner	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Hulu Selangor	2,700	Next Creative Group Sdn Bhd	En Shahril Ameer Hamdan
12.	Bunting	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Hulu Selangor	6,050	Next Creative Group Sdn Bhd	En Shahril Ameer Hamdan
13.	Banner	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Gombak	5,000	Percetakan Alfa Gemilang Sdn Bhd	Pn Hamsiah
14.	Bunting	Program Khas Terima Kasih Rakyat Daerah Gombak	6,000	Percetakan Alfa Gemilang Sdn Bhd	Pn Hamsiah

PERBELANJAAN BUNTING DAN BANNER 2009 - 2012 (UNIT PENDIDIKAN, BPSM)

BIL	TAHUN	SYARIKAT/PEMILIK	PROGRAM	JUMLAH (RM)
1	2009	DWOOD GLOBAL PRINT (EN.DAUT BIN MAHMUD)	Konvensyen Pendidikan Islam Selangor pada 8/12/2009	5,766.00
			Bahan Promosi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor 2009 pada 21/7/2009	5,190.00
2		ANGKATAN EDARAN ENT. SDN. BHD. (EN.NORAZLAN BIN JAN)	Bengkel Teknik Menjawab Peperiksaan SPM Perdana 2009 pada 25/10/2009	4,480.00
			Program Solat Hajat SPM Perdana pada 6/11/2009	4,480.00
3		AD MEDIA BIZZ SERVICES (CIK LIEZA BINTI AKIL)	Program Pelancaran Jelajah Ilmuwan 8/11/2009	1,960.00
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2009 (RM)				**21,876.00**
4	2010	DWOOD GLOBAL PRINT (EN.DAUT BIN MAHMUD)	Pelancaran PTRS 11/4/2010	12,650.00
			Majlis Penyerahan Cek SJKC 2010	4,200.00
5		ANGKATAN EDARAN ENT. SDN. BHD. (EN.NORAZLAN BIN JAN)	Program Hari Ilmu & Gerakan Membaca Perdana pada 26/6/2010	5,274.00
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2010 (RM)				**22,124.00**

6	2011	DWOOD GLOBAL PRINT (EN.DAUT BIN MAHMUD)	Banner Ucapan Selamat Hari Guru (56 Dun) pada 25/5/2011	29,400.00
7		ANGKATAN EDARAN ENT. SDN. BHD. (EN.NORAZLAN BIN JAN)	Cetak banner PTRS 2011 25/5/2011	24,192.00
			Banner Program Tuisyen Rakyat Selangor (18 dun) pada 27/4/2011	13,300.00
8		AD MEDIA BIZZ SERVICES (CIK LIEZA BINTI AKIL)	Konvensyen MPPIBGiS 2011 pada 12/3/2011	2,800.00
9		FM SECURITY PRINTER SDN. BHD (JAMALIAH BINTI MUSA)	Pelancaran Program Tuisyen Rakyat Selangor 2011 dan Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang pada 24/4/2011	9,852.00
10		NS PADU ENTERPRISE (EN. NIK SHAIFUL AZWAN BIN NIK SABERI)	Banner Promosi Program Tuisyen Rakyat Selangor (56 Dun) pada 25/2/2011	13,110.00
11		NASYEED EDUTAINMENT SDN. BHD. (AHMAD ZUWAIRI BIN CHE RAMLY)	Banner Promosi Program Tuisyen Rakyat Selangor (56 Dun) pada 19/2/2011	11,520.00
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2011 (RM)				**104,174.00**
12	2012	DWOOD GLOBAL PRINT (EN.DAUT BIN MAHMUD)	Bahan Promosi Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) 2012	14,000.00
			Bahan Promosi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor 2012	17,000.00
			Bahan Promosi Untuk Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor (Hari Guru) 2012	20,160.00
13		ONLINE PRINTING NETWORK SDN. BHD. (EN. AZMAN BIN MAHUSIN)	Seminar Psikologi Pra-sekolah Guru PASTI Selangor pada 29/1/2012	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2012 (RM)				**56,160.00**
JUMLAH KESELURUHAN TAHUN 2009-2012 (RM)				**204,334.00**

Disediakan oleh :

(NURULATIQAH BINTI NASARUDIN)

PT (Pend.) 2

5/7/2012

Disemak oleh :

(NURUL IMMA BINTI MANSOR)

Pegawai Tadbir (Pendidikan)

5/7/2012

PERBELANJAAN BUNTING DAN BANNER UNIT PENDIDIKAN TINGGI

Bil	Nama Syarikat	Pemilik	Kos (RM) 2011	Kos (RM) 2012
1	Online Printing Network Sdn Bhd	En Azman Bin Mahusin	25,625.00	4,450.00
2	Zm Multi Services	Rus Azian Binti Rusdi	-	2,060.00
3	Nursof Resources	Nurur Fitri Bin Syed Aiwie	-	2,471.00
4	Hailah Resources	Latifah Binti Man	625.00	11,141.00
5	More Dream Resources	Mohamad Hisyam Bin Ahmad	10,180.00	-
6	Ziha Swizz Sdn Bhd	Abdul Aziz Bin Bisroo	600.00	-
8	Dwood Global Print	Daut Bin Mohammad	30,500.00	-
9	Ns Padu Enterprise	Nik Saberi Bin Mohd Zin	885.00	-
10	Luk Tujuh Resources	Noor Azniza Binti Mohamad	6,200.00	-
11	Kuaci Design House	Daut Bin Mohammad		5,250.00
Jumlah Peruntukan			**74,615.00**	**25,372.00**
Jumlah Keseluruhan Peruntukan			**RM 99,987.00**	

Disediakan Oleh :-

Norsuhada Binti Mokhtar

Pembantu Tabdir Pendidikan Tinggi

Tarikh 5 Julai 2012

Disemak Oleh :-

Mohd Azreen Bin Ariffin

Pegawai Tabdir Gejala Sosial

Tarikh 5 Julai 2012

PERBELANJAAN BUNTING DAN BANNER – PORTFOLIO PEMBANGUNAN MODAL INSAN TAHUN 2010

BIL	SYARIKAT/ PEMILIK	TUJUAN	KOS (RM)
1	Dwood Global Print (En.Daut Bin Mahmud)	Membekal bunting & banner untuk SPIES masyarakat di Klang pada 10 April 2010	4,480.00
3	Angkatan Edaran (En.Norazlan Bin Jan)	Mencetak poster, b/drop,banner,bunting di untuk Prog Hari Pekerja pada 8 Mei 2010	9,356.00
4	Dwood Global Print (En.Daut Bin Mahmud)	Mencetak & membekal banner untuk program SPIES Selangor	10,000.00
5	NS Padu Enterprise (En. Nik Shaiful Azwan Bin Nik Saberi)	Membekal, menghantar & memasang banner karnival pelancaran GEMS di Sabak Bernam pada 24 – 25 Julai 2010	14,000.00
6	Gemilang Press (Pn.Junainah Binti Ismail)	Membekal Banner & bunting sempena hari merdeka pada 30 Ogos 2010	17,400.00
		JUMLAH	**55,236.00**

PERBELANJAAN BUNTING DAN BANNER – PORTFOLIO PEMBANGUNAN MODAL INSAN

TAHUN 2011

BIL	SYARIKAT/ PEMILIK	TUJUAN	KOS (RM)
1	Angkatan Edaran (En.Norazlan Bin Jan)	Membekal banner bagi Program Wacana di Stadium Melawati Shah Alam pada 1 Mei 2011	288.00
2	Dwood Global Print (En.Daut Bin Mahmud)	Membekal banner bagi Program Karnival SPIES di Klang pada 23 – 24 Julai 2011	1,250.00
3	Gemilang Press (Pn.Junainah Binti Ismail)	Membekal dan mencetak banner bagi Program Jom Kerja Daerah Klang pada 23 Julai 2011	1,820.00
4	Gemilang Press (Pn.Junainah Binti Ismail)	Membekal dan mencetak banner bagi Program Karnival Amal 2 Dekad pada 28 - 31 Julai 2011	7,000.00
5	H & R Resources (En. Ahmad Han'nan Baharuddin)	Mencetak banner untuk Kursus SPIES	1,700.00
	JUMLAH		**12,058.00**

PERBELANJAAN BUNTING DAN BANNER – PORTFOLIO PEMBANGUNAN MODAL INSAN TAHUN 2012

BIL	SYARIKAT/ PEMILIK	TUJUAN	KOS (RM)
1	Gemilang Press (Pn.Junainah Binti Ismail)	Membekal bunting dan banner bagi Program Himpunan Waja Diri Belia dan Beliawanis Model SPIES	6,650
2	Nurul Qamar Media (Muhamad Najib Bin Abd. Rahman)	Membekal dan mencetak banner untuk Program SPIES	2,120
3	Dwood Global Print (En.Daut Bin Mahmud)	Membekal bunting dan banner SPIES untuk agihan 31 DUN	20,060
4	Sinar Surina Enterprise (Pn. Zarina Bt Bidin)	Membekal banner untuk Program SPIES Keluarga di DUN Cempaka pada 14 April 2012	1,650
5	Gemilang Press (Pn.Junainah Binti Ismail)	Membekal bunting dan banner untuk SPIES Kepimpinan Masyarakat pada 23 April 2012	9,270
6	Gemilang Press (Pn.Junainah Binti Ismail)	Mencetak banner untuk Himpunan Hari Pekerja di Stadium Melawati pada 13 Mei 2012	9,900
		JUMLAH	**49,650**

PERBELANJAAN BUNTING DAN BANNER – PORTFOLIO PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Disediakan Oleh:

.....
MAZURA BT ISMAIL
PT (BI) 1

Disemak Oleh :

.....
DANIYAL BIN MAT JUSOH
PSU (BI)
5 Julai 2012

PORTFOLIO GEJALA SOSIAL (GEMS) TAHUN 2011

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	BANNER	BUNTING	SYARIKAT	PEMILIK
		KOS (RM)	KOS (RM)		
1.	KARNIVAL GENERASI IDAMAN SELANGOR DAERAH KLANG	**12 480**	**3120**	NS PADU ENTERPRISE	NIK SABERI MOHD ZIN
2.	KEMPEN ANTI ZINA SIRI 3	**4800**	**-**	D RIZZ RESOURCES	MOHD NASIR BIN MOHD MISKUN
3.	PROGRAM PERKAHWINAN PERDANA	**5 400**	**-**	HADRAA RESOURCES	HAIDAR BIN TASLIM
4.	KARNIVAL JELAJAH GEMS DAERAH SABAK BERNAM	**7 200**	**2 500**	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
5.	KARNIVAL KEBERSIHAN ANDA SIHAT	**750**	**-**	AZBA GEMILANG ENTERPRISE	AZIZUL MANAL BIN ABD AZIZ
6.	PROGRAM JALINAN UKHWAH RAMADHAN	**4 800**	**1250**	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
7.	KARNIVAL JELAJAH GEMS DAERAH KUALA LANGAT	**360**	**-**	NIKMAT PERMAI (M) SDN BHD	AZLAN BIN ALI
8.	PELANCARAN DAN KEMPEN ANTI ZINA SIRI-4	**6 600**	**-**	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
9.	SAMBUTAN TAHUN BARU ISLAM 1433H	**2 400**	**750**	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
10.	PROGRAM GENERASI IDAMAN SELANGOR HULU SELANGOR	**4 800**	**750**	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
	JUMLAH	**RM 49,590**	**RM 8,370**		

PORTFOLIO GEJALA SOSIAL (GEMS) TAHUN 2012

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	BANNER	BUNTING	SYARIKAT	PEMILIK
		KOS (RM)	KOS (RM)		
1.	PELANCARAN DAN KEMPEN ANTI ZINA	6000	1250	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
2.	KARNIVAL KHAI AL-UMAH	1200	1250	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
3.	PERTANDINGAN PAINTBALL DUN SELAT KLANG	600	-	LIMA FITRI ENTERPRISE	MOHD YASIR BIN SALLEH
4.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH PETALING SIRI 1	600	-	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
5.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH PETALING SIRI 2 DAN 3	1200	-	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
6.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH KLANG	600	-	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
7.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH KUALA LANGAT	600	-	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
8.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH KUALA SELANGOR	600	-	ZM MULTI SERVICES	RUS'AZIAN BINTI RUSDI
9.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH GOMBAK	1800	1250	NS PADU ENTERPRISE	NIK SABERI MOHD ZIN
10.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH HULU SELANGOR	600	-	ZM MULTI SERVICES	RUS'AZIAN BINTI RUSDI
11.	SEMINAR PENGURUSAN CINTA DAERAH HULU LANGAT	3000	1250	DWOOD GLOBAL PRINT	DAUT BIN MOHAMAD
	JUMLAH	16,800	5,000		

PORTFOLIO GEJALA SOSIAL (GEMS)

Disediakan Oleh :

(MOHD HAFIFI ZAKI BIN JAHARI)
Jawatan : Pembantu Tadbir N17
Tarikh : 5 Julai 2012

Disemak Oleh :

(MOHD AZREEN BIN ARIFFIN)
Jawatan : PSU (GS)
Tarikh : 5 Julai 2012

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK: UNISEL

183. Terdapat teguran dari DYMM Sultan Selangor agar UNISEL , Pensyarah dan pelajarnya fokus terhadap pembelajaran dan tidak terlibat dalam kancah politik kepartian.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan kronologi tarikh, tujuan dan kewajaran, mana-mana pemimpin politik dan kerajaan yang telah hadir ke program-program di UNISEL sama ada anjuran Universiti atau mana-mana pihak?

b) Apakah perancangan dan tindakan UNISEL untuk memastikan pensyarah dan pelajar UNISEL fokus pencapaian tinggi bidang akademik?

c) Adakah Kerajaan Negeri sedar isu ini menjejaskan kredibiliti UNISEL dan keyakinan ibu bapa serta pihak majikan terhadap graduan UNISEL?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : ISU PERLANTIKAN NAZIR DAN JAWATANKUASA MASJID

184. Baru-baru ini terdapat beberapa buah masjid di Kawasan DUN Pelabuhan Klang kecoh ketika mesyuarat pemilihan jawatankuasa masjid yang dilihat tidak mengikut suara majoriti.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Bagaimana perkara ini boleh berlaku?

b) Apakah kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama Islam dalam melantik nazir-nazir ini?

JAWAPAN:

a) Kekecohan yang berlaku adalah akibat daripada kurangnya kefahaman ahli kariah terhadap proses pencalonan yang dilaksanakan. Dalam hal ini, pihak JAIS telah berusaha memberikan pemahaman kepada pegawai dan jawatankuasa masjid melalui beberapa siri taklimat pelaksanaan di Pejabat Agama Islam Daerah. Dalam pada itu, pihak JAIS juga telah mengarahkan supaya notis pelaksanaan, peraturan-peraturan, pekeliling pencalonan, pendaftaran ahli kariah, jadual pelaksanaan, proses bantahan dan lain-lain ditampal di papan kenyataan masjid sebagai bacaan umum serta rujukan kepada ahli kariah dalam pelaksanaan mesyuarat agung. Di samping itu, hebahan pelaksanaan mesyuarat agung mestilah dilaksanakan sekurang-kurangnya 2 kali solat Jumaat sebelum tarikh mesyuarat diadakan.

b) Kriteria bagi calon nazir masjid adalah berdasarkan kepada pekeliling pelaksanaan mesyuarat agung yang telah diedarkan kepada semua masjid-masjid di antaranya ialah : Calon nazir hendaklah mampu mengetuai halaqah-halaqah yang melibatkan jawatankuasa dan jemaah di samping mampu mengimamkan sembahyang, membaca khutbah serta mengetuai majlis tahlil.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : INDUSTRI KECIL SEDERHANA (SMI/SME)

185. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan jumlah nilai dan jenis industri kecil sederhana (SMI/SME) yang menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2008-2012.

b) Senaraikan zon-zon Industri Kecil Sederhana (SMI/SME) mengikut pecahan daerah.

c) Apakah insentif dan dasar Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu perkembangan industri kecil sederhana di Negeri Selangor bagi menyediakan persekitaran industri yang kondusif?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PELUPUSAN TANAH KERAJAAN

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tatacara yang diamalkan untuk memastikan pemohon adalah layak dalam pelupusan tanah untuk kediaman dan pertanian?

b) Apakah tatacara yang diamalkan untuk melibatkan ADN kawasan dalam proses permohonan tersebut?

c) Berapakah tempoh yang ditetapkan untuk memproses pelupusan tersebut?

JAWAPAN :

a) Bagi memastikan pemohon adalah layak untuk diberi milik tanah bagi tujuan kediaman dan pertanian, Penolong Pegawai Tanah, Pejabat Tanah/ Daerah akan menjalankan siasatan dan menyediakan laporan tanah berkenaan permohonan tersebut. Permohonan juga akan dipertimbangkan dengan mengambil kira Rancangan Tempatan Kawasan (melalui zoning) yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

b) Semua permohonan tanah tidak melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan tersebut. Semua permohonan tanah dipohon melalui Pejabat Tanah dan Daerah. Kertas ringkasan mengenai permohonan tersebut berserta laporan tanah diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk pertimbangan.

c) Tempoh yang ditetapkan untuk memproses pelupusan tersebut mengikut piagam pelanggan adalah selama enam (6) bulan di Pejabat Tanah/ Daerah dan satu (1) bulan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : RUMAH REHAT NEGERI SELANGOR

187. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah rumah rehat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor dan di manakah lokasi tersebut?

b) Berapakah jumlah kos bulanan yang digunakan untuk rumah-rumah rehat ini?

JAWAPAN :

a) Terdapat sebanyak 16 buah rumah rehat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti di **Rajah 1**.

b) Jumlah kos bulanan yang dibelanjakan adalah sebanyak RM18,381.05.

Rajah 1 :

DAERAH/RUMAH REHAT	LOKASI	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	KOS BULANAN
PETALING 10 buah banglo di Kompleks Rumah Rehat Kerajaan Negeri	Seksyen 7, Shah Alam	Pejabat SUK Selangor	Penyelenggaraan Non-Comprehensive RM11,380.00 RM4,710.80 (TNB)
HULU SELANGOR 1. Banglo Sultan Sulaiman 2. Banglo Seri Berkat 3. Rumah Rehat GAP (Perlu dibaik pulih sepenuhnya)	Bukit Fraser	Pejabat SUK Selangor TSSB TSSN	RM700.25 (Air, TNB dan TM) RM800.00 (Air dan TNB)
KUALA LANGAT Banglo Suara Ombak	Pantai Morib	Pejabat SUK Selangor	RM97.00 (Air)
HULU LANGAT Rumah Rehat Puspanita	Seksyen 14, Bandar Baru Bangi	Puspanita Negeri Selangor	RM610.00 (Air dan TNB)
SABAK BERNAM Rumah Rehat VVIP	Pekan Sabak	Pejabat Daerah Sabak Bernam	RM610.00 (Air dan TNB)
KUALA SELANGOR	Tiada		
KLANG	Tiada		
SEPANG	Tiada		
GOMBAK	Tiada		

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PERKEMBANGAN PPR KOTA DAMANSARA

188. Terima kasih atas lawatan MB, EXCO dan agensi-agensi ke PPR Kota Damansara.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimana dengan masalah infra dan pam air?

b) Ada dua jenis sewa dikenakan kepada penghuni PPR iaitu RM250 dan RM 124. Apakah alasan dan bilakah ia akan diturunkan kepada RM124?

c) Difahamkan ada pegawai MBPJ diarahkan untuk menguruskan pengambilan sewa. bagaimanakah pelaksanaannya?

JAWAPAN :

a) dan b)

Pengenaan sewa pada kadar RM250.00 adalah merujuk kepada arahan Kerajaan Negeri berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang diadakan pada 13 Jun 2007 MMK ke 18/2007. Merujuk kepada arahan Kerajaan Negeri golongan sasaran yang terlibat adalah seperti berikut :

i) Setinggan (sekiranya terdapat penempatan setinggan baru)
ii) Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan
iii) Golongan penduduk di bawah kategori kemiskinan tegar/bandar
iv) Golongan orang kurang upaya (OKU)
v) Pemohon yang mempunyai tanggungan ramai
vi) Pesara kerajaan seperti tentera, polis dan kakitangan awam yang menerima pencen
vii) Mangsa banjir atau kebakaran dan
viii) Pekerja kilang

Walaubagaimanapun bagi penyewa sediada yang tidak mampu menjelaskan sewa pada kadar RM250.00 seunit sebulan, mereka adalah diberi kelonggaran untuk memohon penurunan sewa kepada RM124.00 seunit sebulan dengan mengisi borang permohonan yang telah disediakan oleh Majlis.

Manakala bagi permohonan kemasukan baru yang telah diluluskan oleh Majlis, penetapan kadar sewa pada kadar RM250.00 atau RM124.00 akan terus diproses berdasarkan kepada permohonan kelayakan mereka tanpa perlu mengisi borang permohonan pengurangan sewa.

c) Difahamkan ada pegawai MBPJ diarahkan untuk menguruskan pengambilan sewa. bagaimanakah pelaksanaannya?

Merujuk kepada masalah sewa tertunggak di PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang dan Kota Damansara pihak Majlis telah menambahkan kekerapan kaunter bergerak di tapak. Berdasarkan kekerapan tersebut, kaunter bergerak telah diadakan pada ketetapan seperti berikut :

i) PPR Taman Putra Damai – Setiap hari Selasa selepas waktu pejabat dari pukul 5.00 petang hingga 8.30 malam
ii) PPR Kota Damansara – Setiap hari Rabu dari pukul 5.00 petang hingga 8.30 malam.
iii) Minggu pertama setiap bulan yang mana akan diadakan pada hari sabtu di PPR Taman Putra Damai dan pada hari Ahad di PPR Kota Damansara

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : MEMBAIKI PULIH JALAN-JALAN DI NEGERI SELANGOR.

189. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor terpaksa bergantung kepada MARRIS untuk membaiki jalan-jalan raya di Negeri Selangor?

b) Berapakah jumlah peruntukan wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan MARRIS bagi membaiki jalan-jalan di Negeri Selangor pada tahun 2011?

c) Berapakah jangka masa yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membaiki sesebuah jalan yang rosak dari tarikh penerimaan aduan tersebut?

JAWAPAN:

a) Kenyataan bahawa Kerajaan Negeri terpaksa bergantung kepada peruntukan MARRIS adalah kenyataan yang tidak tepat. Peruntukan MARRIS adalah merupakan Geran yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan jalan. Kerajaan Negeri juga turut menyediakan peruntukan pembangunan bagi penyelenggaraan jalan raya di Negeri Selangor kepada Jabatan Kerja Raya.

Selain daripada Geran MARRIS ini, Kerajaan Negeri turut juga menyediakan peruntukan untuk membaiki jalan melalui Geran Selangorku.

b) Pada tahun 2011, sebanyak **RM66,267,205.32** telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek MARRIS daripada keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan. Pecahan bagi perbelanjaan tersebut adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH (RM)
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	4,277,030.00
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	6,567,748.85
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4,990,900.00
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	5,837,625.50
5	Majlis Perbandaran Kajang	5,809,708.00
6	Majlis Perbandaran Selayang	6,443,452.72
7	Majlis Perbandaran Klang	9,307,662.00
8	Majlis Perbandaran Sepang	3,066,177.95
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	5,919,995.00
10	Majlis Daerah Kuala Langat	5,179,841.70
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	3,911,680.00
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	4,955,383.60
JUMLAH		**66,267,205.32**

c) Tempoh masa yang diambil untuk membaiki jalan yang rosak adalah di antara satu hari ke satu minggu bergantung kepada jenis kerosakan. Sekiranya kerosakan adalah besar (*major)* dan memerlukan perbelanjaan yang banyak, tempoh masa yang diperlukan adalah satu hingga dua bulan melalui proses sebut harga atau tender. Perincian bagi tempoh masa yang diambil bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran A.**

LAMPIRAN A

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JANGKA MASA
1	**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**	Untuk kerosakan jalan seperti Poth hole kerja-kerja dilaksanakan dalam tempoh 1 atau 2 hari dari aduan diterima oleh road gang berdasarkan lokasi atau jarak. Selain itu untuk skala kerosakan yang sederhana akan dibuat oleh kontraktor panel (lantikan secara inden). Tempoh masa yg diambil oleh kontraktor ialah 1 minggu. Untuk kerosakan jalan berskala besar ianya memerlukan kos yang tinggi & mengambil masa melibatkan proses sebutharga. Untuk kerja sebutharga ianya memerlukan masa berdasarkan TI yg melibatkan proses iklan/jualan/penilaian& jawatankuasa sebutharga untuk melantik kontraktor.
2	**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**	Hanya bergantung kepada kerosakan jalan. Sekiranya kerosakan jalan tersebut besar dan memerlukan perbelanjaan yang banyak, ianya perlu disebutharga atau ditender. Bagi kerja-kerja sebutharga dan tender masa diperlukan adalah selama 1 bulan hingga 2 bulan. Untuk kerja-kerja 'pothole' pembaikan dilakukan oleh pekerja rendah awam dalam masa seminggu.
3	**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**	1.Kerosakan jalan yang kritikal dijalankan dalam tempoh 1 hari bekerja yang mana akan dijalankan oleh unit road gang MPSJ. 2.Kerosakan jalan yang biasa dijalankan dalam tempoh 3 hari bekerja yang dijalankan oleh kontraktor penyelenggaraan tahunan MPSJ. 3.Pembaikan jalan secara pemantauan dan aduan rakyat dijalankan oleh kontraktor penyelenggaraan tahunan MPSJ.

		4.Kerja-kerja menurap semula jalan dilakukan dikawasan yang telah berusia lebih 10 tahun dimana penurapan ini bergantung kepada keadaan jalan tersebut.
4	**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**	Tempoh masa yang diambil Majlis Perbandaran Sepang dalam mengambil tindakan ke atas aduan kerosakan jalan di bawah penyelenggaraan majlis terbahagi kepada dua kondisi iaitu: 1. Sekiranya aduan tersebut melibatkan kerosakan kecil *(minor)* seperti jaln berlubang *(pothole)* : Lawatan tapak serta penyediaan spesifikasi pembaikan dalam masa 24 jam dan kerja pembaikan dalam masa 2 hari bekerja. 2. Sekiranya aduan tersebut melibatkan kerosakan besar (major) seperti jalan mendap atau kerja pembaikan yang melibatkan kerja memperbaharui permukaan jalan serta memerlukan kos pembaikan yang tinggi . 3. Lawatan tapak serta penyediaan spesifikasi pembaikan dalam masa 24 jam dan kerja pembaikan bergantung kepada proses sebutharga/tender dan sekiranya melibatkan permohonan peruntukan kepada kerajaan negeri ianya bergantung kepada tempoh kelulusan peruntukan.
5	**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**	i. Pembaikan oleh pasukan ‘Road Gang’ bagi kerosakan-kerosakan kecil dalam tempoh 7 hari. ii. Kerosakan-kerosakan besar dan memerlukan perlantikan kontraktor ianya melibatkan pelaksanaan kerja-kerja inden dantempoh pelaksanaan maksimum 45 hari sehingga selesai. iii. Pembaikan-pembaikan melibatkan penurapan semula jalan bergantung kepada peruntukan disediakan dan pelaksanaan adalah berdasarkan tempoh pelaksanaan

<table>
<tr><td></td><td></td><td>sesuatu projek (sebutharga/tender).</td></tr>
<tr><td>6</td><td>MAJLIS PERBANDARAN KAJANG</td><td>a. Jangkamasa yang diambil untuk membaiki kerosakan jalan dari tarikh penerimaan adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Jenis Kerosakan</th><th>Tindakan pembaikan jalan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Kecil dan tidak merbahaya</td><td><u>SEGERA</u> oleh Unit ‘Road Gang’ MPKj dalam tempoh maksima <u>7 HARI</u></td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Merbahaya sama ada kecil atau besar</td><td><u>SERTA–MERTA</u> oleh Unit ‘Road Gang’ MPKj atau lantikan kontraktor.</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>7</td><td>MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM</td><td>1. Aduan akan diambil tindakan dengan serta merta di MDSB. Untuk kerosakan kecil atau memerlukan kos yang besar,langkah awal yang akan di ambil adalah dengan melaksanakan kerja-kerja penampalan jalan (patching). Setelah peruntukan diperolehi, kerja-kerja turapan semula keseluruhan jalan yang rosak akan dilaksanakan.

2. Bagi kerja-kerja / projek pembangunan dilaksanakan berdasarkan peruntukan yang diturunkan, kerana pihak MDSB tidak meletakkan "budget" untuk projek pembangunan kerana kekangan kewangan jabatan.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG</td><td>Pihak majlis mengambil masa seminggu daripada tarikh aduan diterima bagi membaiki kerosakan kecil. Bagi kerosakan besar, tempoh 2 bulan diambil bagi membaiki kerosakan tertakluk kepada peruntukan.</td></tr>
</table>

9	**MDKS**	Selepas menerima aduan berkaitan kerosakan jalan ,pihak Jabatan Kejuruteraan akan membuat siasat & semakan dalam tempoh 7 hari (merujuk kepada sistem aduan STAR) bagi mendapat pengesahan & maklumat lanjut berkaitan aduan jalan tersebut dari segi: i. Lokasi ,jenis kerosakan , punca kerosakan serta perkara yang berkaitan. ii. Status jalan atau had bidang kuasa jalan yang diadukan. iii. Syor pembaikan (kos pembaikan, pembaikan jangka pendek @ jangka panjang) Pihak jabatan akan mengemukakan maklumabalas dalam tempoh 14 hari berkaitan aduan. **Jenis pembaikan** — **Anggaran Tempoh Pembaikan** **i. Pot hole** — 7 hingga 14 hari **ii.Turapan semula (pacthing & resurface)** - Kos pembaikan dibawah RM 20,000.00 — 1 bulan (tempoh kerja 1-2 minggu selepas inden kerja dikeluarkan) - Kos pembaikan dibawah RM 200,000.00 — 2-3 bulan (tempoh kerja 2-3 minggu dikeluarkan) - Kos pembaikan dibawah RM 200,000.00 selepas surat tawaran — 2-3 bulan (tempoh kerja 2-3 minggu dikeluarkan) - Kos pembaikan dibawah RM 500,000.00 selepas — 2-3 bulan (tempoh kerja 2-4 minggu dikeluarkan

		surat tawaran) Secara umumnya tindakan pembaikan dan penyelesaian aduan berkaitan aduan jalan rosaka dalah bergantung kepada tahap kerosakan sesuatu jalan dan juga peruntukan sediaada oleh pihak majlis serta berdasarkan perancangan tahunan penyelenggaraan jalan .walaubagaimanapun sekira terdapat aduan jalan yang kritikal dan serius yang membabitkan keselamatan pengguna jalan tindakan secara adhoc akan dilaksanakan (jangka pendek atau jangka panjang).
10	**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**	Bagi Majlis Daerah Hulu Selangor, pihak jabatan akan membuat lawatan/sisasatan di lokasi aduan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima. Pihak Majlis akan mengambil tindakan pembaikan berdasarkan kemampuan peruntukan (MARRIS) yang ada melalui lantikan terus atau sebutharga. sekiranya melalui proses sebut harga, ia akan mengambil masa untuk proses sebutharga, pengiklanan dan lantikan. Semua tindakan pembaikan adalah bergantung kepada kemampuan peruntukan yang ada serta keutamaan aduan yang perlu kerja-kerja pembaikan yang segera/kritikal.
11	**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**	Untuk jalan berlubang *‘potholes’* masa yang diambil untuk menampal adalah sehari. Untuk jalan yang mendap, masa yang diambil adalah seminggu kerana jalan yang mendap perlu dikorek, dipadatkan dengan *‘crusher run’* dan dibiarkan sehari sebelum diturap semula.

		Bagi kerosakan major, perlu mendapat kelulusan dari Tuan YDP untuk panggil kerja secara kontrak bawak RM20,000.00 dan tempoh masa dalam 2 minggu untuk siap.
12	**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**	Jangkamasa yang diambil oleh Majlis untuk membaiki sesebuah jalan rosak bergantung kepada jenis kerosakan. Bagi aduan kerosakan kecil seperti 'pothole' tindakan pembaikan diambil dalam tempoh 1-2 minggu. Manakala bagi kerosakan berskala besar tempoh kerja-kerja pembaikan boleh dimulakan dalam tempoh 6 minggu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: ADUAN SAMPAH

190. Pada masa ini kerajaan telah memperkenalkan Hot Line untuk mengendalikan aduan sampah

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah keberkesanan talian Hot Line ini?

b) Sepanjang talian ini diperkenalkan, berapa banyakkah aduan rakyat yang dapat diselesaikan?

JAWAPAN:

a) Merujuk kepada soalan YB Lembah Jaya. Pihak Kerajaan Negeri tidak mewujudkan talian Hot Line tetapi talian bebas tol *(toll free)* bagi aduan berkaitan sampah logistik yang telah diguna pakai sejak 17 Januari 2012.

Keberkesanan talian ini adalah meliputi semua aduan berkaitan aduan sampah logistik yang diterima dari kawasan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) seluruh Negeri Selangor. Pihak yang bertanggungjawab (unit aduan,Bahagian Korporat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor) menerima aduan ini akan merekod dan mengambil data pengadu seperti nama, alamat pengadu tempat aduan serta maklumat lain. Aduan diterima akan terus dilaporkan kepada PBT dan pegawai PBT yang bertanggungjawab dengan memaklumkan situasi berkaitan sebagai rujukan. Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan sistem ini, petugas *(toll free)* akan menghubungi semula pengadu bagi memastikan aduan mereka telah diambil tindakan dan diselesaikan. Manakala bagi kes aduan yang dianggap kritikal unit aduan Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor akan turun padang bertemu pengadu dan melihat sendiri permasalahan yang timbul. Semua pengadu yang ditemui diberi cenderahati sebagai tanda terima kasih daripada Kerajaan Negeri Selangor atas aduan yang telah dikemukakan.

b) Bagi tempoh 17 Jan-Jun 2012, sebanyak 1203 aduan telah diterima oleh Unit Aduan bebas Tol Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Semua aduan tersebut dianggap telah diselesaikan berdasarkan panggilan semula kepada penggadu bagi memastikan status aduan yang telah di ambil tindakan oleh pihak PBT berkaitan. Berikut disertakan jadual jumlah aduan menikut PBT di Negeri Selangor;

	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN
MB SHAH ALAM	72	41	41	18	9	12
MB PETALING JAYA	34	29	78	10	11	14
MP SUBANG JAYA	6	6	18	5	9	4
MP KAJANG	103	30	77	42	14	28
MP SELAYANG	14	25	116	28	20	13
MP KLANG	22	15	42	16	12	19
MP AMPANG JAYA	6	10	54	9	8	7
MP SEPANG	5	1	12	3	4	1
MD KUALA SELANGOR	1	3	0	0	0	0
MD SABAK BERNAM	1	3	2	0	0	0
MD HULU SELANGOR	3	1	0	0	1	0
MD KUALA LANGAT	2	5	5	1	0	2
JUMLAH	269	169	445	132	88	100

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PROJEK-PROJEK PBT DI DAERAH SEPANG

191. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah projek yang telah dijalankan oleh Majlis Perbandaran Sepang semenjak 2011 sehingga hari ini di DUN Sungai Pelek?

b) Sila bekalkan senarai terperinci mengikut projek dan kos perbelanjaan setiap projek serta syarikat yang memperolehi setiap projek di Majlis Perbandaran Sepang.

c) Berapakah perbelanjaan projek' Pusat Tahanan Sementara' di Batu 2, Jalan Sepang, Sungai Pelek dan siapakah kontraktornya serta tujuan pusat tahanan sementara ini?

JAWAPAN :

a) Jumlah projek semenjak 2011 sehingga hari ini adalah sebanyak 74 projek.

b) Senarai dilampirkan di **Lampiran 1**, **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**.

c) Kos perbelanjaan bagi membina Pintu Gerbang di Kampung Baru Sepang ialah RM24, 050.00 dan diiklan secara sebutharga terbuka. Kontraktor yang bertanggungjawab membina projek ini ialah Pemborong Binaan Nizam.

LAMPIRAN 1

PERUNTUKAN MARRIS 2011

SENARAI CADANGAN KERJA- KERJA INFRASTRUKTUR DI BAWAH DUN SG PELEK BAGI TAHUN 2011

BIL	TAJUK KERJA	HARGA (RM)	LEBIHAN / KURANGAN (RM)	PROSES PEROLEHAN			JENIS KERJA			SEMAKAN BQ	STATUS	NAMA KONTROKTOR
				I	SH	T	L	J	CR	NILAI YANG DIPERAKU (RM)		
1	**Kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang di jalan penghubung Taman Muhibbah ke Taman Ria Sg Pelek (SH 01/LKG/11 KEJ)**	**62,255.00**			**/**			**/**		**46,250.00**	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	**HARIS SARIDO ENTERPRISE**
2	Kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang di jalan Protokol Bandar Baru Salak Tinggi serta kerja- kerja berkaitan (4/73/2011)	20,000.00		/				/		19,900.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	RAZA ENTERPRISE
3	**Kerja menaiktaraf longkang tanah sedia ada kepada longkang U- Shape di Taman Damai Sg Pelek serta kerja-kerja berkaitan (SH 02/LKG/11 KEJ)**	**143,150.00**			**/**		**/**			**97,425.00**	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	**KERAYONG INDAH ENTERPRISE**
4	**Kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang di jalan penghubung pejabat Veterinar ke jalan Utama B20, BBST (SH 05/LKG/11 KEJ)**	**144,225.00**			**/**			**/**		**105,350.00**	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	**NSSRF ENTERPRISE**
5	**Kerja membaiki dan membaikpulih longkang rosak di jalan Protokol hadapan Taman Mawar 1, BBST (SH 04/LKG/11 KEJ**	**185,000.00**			**/**		**/**			**136,000.00**	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	**MOHAMAD RIZUAN BIN MARSAN**
6	Kerja membaiki dan membaikpulih longkang rosak di jalan protokol hadapan Taman Seroja, BBST (4/35/2011)	16,000.00		/						15,880.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	AS AJWAH ENTERPRISE
7	Kerja membekal dan memasang besi penghadang longkang di Taman Desa Vista serta kerja-kerja berkaitan (4/34/2011)	19,200.00		/			/			19,200.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	MOHD ROGI BIN TUGIMAN

8	Kerja membaiki dan membaikpulih longkang rosak di jalan Pasar dan Jalan 1, Taman Murni Sepang (4/33/2011)	16,540.00		/			/			15,140.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	ERIL ENTERPRISE
9	Kerja menurap dan menampal jalan berlubang di kawasan Taman Desa Vista (4/32/2011)	12,190.00		/						12,090.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	ASZERI CONSTRUCTION
10	Kerja- kerja menaiktaraf persimpangan lampu isyarat di Taman Seroja, BBST serta kerja-kerja berkaitan (4/31/2011)	19,270.00		/				/		18,320.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	KERAYONG INDAH ENTERPRISE
11	**Kerja- kerja menaiktaraf sisitem aliran longkang di Lot Kedai Bersebelahan Pejabat Pos Pekan Sg Pelek, serta kerja-kerja berkaitan (SH 03/LKG/11 KEJ)**	**110,020.00**			**/**		**/**			**85,000.00**	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	**BUKIT TEGAP ENTERPRISE**
12	Kerja- kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang di jalan belakang Medan Selera dan Jalan Sekolah Rendah Sepang (4/26/2011)	19,400.00		/				/		19,200.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	ZAHRA NIAGA ENTERPRISE

BIL	TAJUK KERJA	HARGA (RM)	LEBIHAN / KURANGAN (RM)	PROSES PEROLEHAN			JENIS KERJA			SEMAKAN BQ	STATUS	NAMA KONTROKTOR
				I	SH	T	L	J	CR	NILAI YANG DIPERAKU (RM)		
13	**Kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang di jalan Desa Indah 9 Dan 10, Taman Desa Indah Sepang (SH06/JLN/11/KEJ)**	**90,500.00**			**/**					**71,700.00**	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	**RAJIMAS ENTERPRISE**
14	Kerja membaikpulih longkang rosak serta kerja- kerja berkaitan di kawasan Kg Baru Salak (4/53/2011)	16,700.00		**/**			**/**			16,700.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	FADSIM ENT
15	Kerja membaiki dan membaikpulih perabut Jalan serta kerja- kerja berkaitan di kawasan sekitar Pekan Salak (4/46/2011)	18,700.00		**/**				**/**		18,700.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	PUNCAK REDZA NIAGA
16	Kerja menampal jalan berlubang serta mengecat garisan jalan di sekitar Pekan Salak (4/45/2011)	19,950.00		**/**				**/**		19,950.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	RAZA ENTERPRISE
17	Kerja membaikpulih longkang rosak serta kerja- kerja berkaitan di sekitar Pekan Salak (4/48/2011)	19,900.00		**/**			**/**			19,900.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	SHAMSUL IDHAM
18	Kerja membaiki dan membaikpulih longkang rosak di kawasan di Taman Seroja Serta kerja-kerja berkaitan 4/91/2011	19,300.00		**/**			**/**			19,300.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	HARIS SARIDO ENTERPRISE
19	Kerja- Kerja mengecat semula garisan jalan serta pembahagi jalan di Taman Desa Vista, BBST serta kerja- kerja berkaitan. (4/74/2011)	19,740.00		**/**			**/**			19,740.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	MAJU SATRIA ENTERPRISE
20	Kerja- kerja mengecat semula garisan jalan serta pembahagi jalan di Kosmopleks, BBST serta kerja- kerja berkaitan. (4/80/2011)	19,600.00		**/**				**/**		19,600.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	RESTU BINA

21	Kerja- kerja mengecat semula garisan jalan serta pembahagi jalan di Kota Warisan (4/81/2011)	15,892.00		/				/		15,892.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	TOWER MANAGEMENT & ENTERPRISE
22	Kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang serta kerja berkaitan di Jalan ST 1/2,BBST 4/113/2011	17,604.00		/				/		17,604.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	SHAMSUL ARRIFIN BIN BUNIRAN
23	Kerja membaikpulih dan menaiktaraf papatanda dan cat garisan jalan Protokol Bandar Baru Salak Tinggi, Taman Sri Siantan, Sg Pelek- 4/115/2011	19,659.00		/				/		19,656.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	BUNIRAN BAHAROM
24	Kerja- kerja menurap semula jalan di jalan Kelab serta kawasan sekitar Pekan Sepang - 4/117/2011	17,220.00		/				/		17,220.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	DAHFIK BIN MD NOOR
25	Kerja membaikpulih serta menaiktaraf longkang sedia ada di jalan Kelab serta kawasan sekitar - 4/118/2011	19,460.00		/			/			19,460.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	PEMBINAAN SEPANG JAYA
26	Kerja membaikpulih gradian longkang di Jalan Seroja 32, Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi- 4/119/2011	16,210.00		/			/			16,210.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	PAMIT ENTERPRISE
27	Kerja menyapu cat garisan jalan serta kerja- kerja berkaitan di jalan Alternative ke Taman Ixora- 4/120/2011	16,100.00		/				/		16,100.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	FAJAR BERMUDA CONSTRUCTION
28	Kerja membaiki dan membaikpulih longkang rosak kerja-kerja berkaitan di kawasan sekitar medan 23 - 4/121/2011	17,290.00		/			/			17,290.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	IMNAR ENTERPRISE
29	Kerja menurap semula dan menampal jalan berlubang di jalan Lapis 4, Kampung Baru Sg Pelek 4/112/2011	17,000.00		/			/			17,050.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	KASIM BIN ABAS
30	Kerja membaiki dan membaikpulih longkang rosak di kawasan Taman Sri Siantan Sg Pelek 4/111/2011	18,305.00		/			/			18,305.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	ZAFARI ENTERPRISE
31	Kerja menurap semula dan menampal jalan di Taman Bahagia dan Taman Sri Siantan, Sg Pelek - 4/114/2011	16,880.00		/				/		16,880.00	KERJA TELAH SIAP DILAKSANAKAN	KR TEGUH ENTERPRISE
	JUMLAH KESELURUHAN	**1,183,260.00**								**987,012.00**		

SENARAI CADANGAN KERJA- KERJA INFRASTRUKTUR DI BAWAH DUN SG PELEK BAGI TAHUN 2011
PERUNTUKAN TAMBAHAN MARRIS 2011

BIL	TAJUK KERJA	HARGA (RM)	LEBIHAN / KURANGAN (RM)	PROSES PEROLEHAN			JENIS KERJA			SEMAKAN BQ	STATUS	NAMA KONTRKTOR
				I	SH	T	L	J	CR	NILAI YANG DIPERAKU (RM)		
1	KERJA- KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI SEBAHAGIAN KAWASAN KEDAI MEDAN 23 DAN DEWAN BBST SERTA TAMAN CEMPAKA	74,270.00			/			/		65,470.00	SIAP	HIJAU PERMAI ENTERPRISE
2	KERJA MENAIKTARAF LONGKANG SEDIA ADA YANG ROSAK KEPADA LONGKANG U-SHAPE DI HADAPAN MEDAN SELERA BANDAR BARU SALAK TINGGI	231,216.75			/		/			230,816.75	DALAM PROSES	HIKMAT SEMUA ENTERPRISE
3	KERJA MENAIKTARAF LONGKANG SEDIA ADA YANG ROSAK KEPADA LONGKANG U-SHAPE DI DI ANTARA JALAN 20 HINGGA 26, TAMAN SRI SG PELEK	142,479.70			/		/			141,679.70	DALAM PROSES	FAZAMI ENTERPRISE
4	KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI SEBAHAGIAN KAWASAN KEDAI TAMAN SEROJA SERTA KERJA MENGECAT SEMULA GARISAN JALAN DI HADAPAN SEKOLAH RENDAHKEBANGSAAN TAMAN SEROJA, BBST	19,666.00		/				/		17,666.00	SIAP	MD KASIM BIN ABAS
5	KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI SEBAHAGIAN JALAN PENGHUBUNG VETERINAR KR B20, BBST	17,400.00		/				/		15,800.00	SIAP	AWI CONSTRUCTION
6	KERJA MENURAP SEMULA JALAN BELUBANG DI HADAPAN KOLEJ TEKNOLOGO TIMUR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	16,793.50		/						15,913.50	SIAP	HAPIZIN BIN DARIS
	JUMLAH	**501,825.95**								**487,345.95**		

LAMPIRAN 2

PROJEK DI BAWAH DUN SG PELEK - PERUNTUKAN JABATAN 2011

BIL	NO. FAIL	TAJUK KERJA	HARGA (RM)	TARIKH LANTIKAN	T.MULA	T.SIAP ASAL	T.SIAP SEBENAR	PERATUS SIAP TERKINI	PROSES PEROLEHAN			JENIS KERJA		NAMA SYARIKAT	STATUS
									I	SH	T	L	LJ		
1	4/06/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 1 TAHUN 2011)	19,700.00	9/02/2011	9/2/2011	KERJA PANEL		100%	/			/		JAMION SARBAN	SUDAH BAYAR
2	4/08/2011	KERJA - KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK(FASA 1 TAHUN 2011)	20,000.00	9/02/2011	9/2/2011	KERJA PANEL		100%	/				/	EMRA ENTERPRISE	SUDAH BAYAR
3	4/87/2011	KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK(FASA 2 THN 2011)	20,000.00	25/4/2011	25/4/2011	KERJA PANEL		100%	/				/	MELATI MEGA	SUDAH BAYAR
4	4/85/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 2 THN 2011)	19,700.00	25/4/2011	5/16/2011	KERJA PANEL		100%	/			/		GERS ENTERPRISE	SUDAH BAYAR
5	4/93/2011	KERJA MENAIKTARAF LONGKANG TANAH SEDIA ADA KEPADA LONGKANG KONKRIT DI TAMAN BAHAGIA SG PELEK	12,455.00	18/08/2011	25/08/2011	21/10/2011		100%	/			/		AWI CONSRTUCTION	SUDAH BAYAR
6	4/108/2011	KERJA - KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN SEPANG DAN SUNGAI PELEK (FASA 3 TAHUN 2011)	19,700.00	17/10/2011	24/10/2011	KERJA PANEL		100%	/				/	PEMBINAAN MAHA MAJU	SUDAH BAYAR
7	4/124/2011	KERJA- KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 3 TAHUN 2011)	19,700.00	10/17/2011	10/24/2011	KERJA PANEL		100%	/			/		MAHZAN BIN BASIR	SUDAH BAYAR
8	4/05/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 1 TAHUN 2011)	19,700.00	2/02/2011	2/02/2011	KERJA PANEL		100%					/	RIMA ENT	SUDAH BAYAR

9	4/06/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 1 TAHUN 2011)	19,700.00	9/02/2011	9/2/2011	KERJA PANEL		100%				/		JAMION SARBAN	SUDAH BAYAR
10	4/07/2011	KERJA - KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN BBST , SALAK TINGGI DAN JENDERAM(FASA 1 TAHUN 2011)	20,000.00	9/02/2011	9/2/2011	KERJA PANEL		100%					/	MAHARAL	SUDAH BAYAR
11	4/86/2011	KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 2 THN 2011)	20,000.00	9/05/2011	9/5/2011	KERJA PANEL		100%				/		MAJU SATRIA	SUDAH BAYAR
12	4/84/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 2 THN 2011)	19,700.00	9/05/2011	9/5/2011	KERJA PANEL		100%				/		AHMAD OMAR	DALAM PROSES BAYARAN
13	4/30/2011	KERJA MENGHAMPAR DAN MEMADAT BATU 'CRUSHER RUN' DI KAWASAN LAPANG HADAPAN BALAI KEMASYARAKATAN TMN SEROJA, BBST	12,200.00	13/06/2011	20/06/2011	KERJA PANEL		100%					/	QINA ENT	SUDAH BAYAR

BIL	NO. FAIL	TAJUK KERJA	HARGA (RM)	TARIKH LANTIKAN	T.MULA	T.SIAP ASAL	T.SIAP SEBENAR	PERATUS SIAP TERKINI	PROSES PEROLEHAN			JENIS KERJA		NAMA SYARIKAT	STATUS
									I	SH	T	L	J		
14	4/89/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKI & MEMBAIKPULIH LONGKANG ROSAK DI TAMAN DESA MUTIARA SALAK, MEMBEKAL DAN MEMASANG BONGGOL JALAN DI KOTA WARISAN SERTA KERJA BERKAITAN	17,711.40	18/08/2011	25/8/2011	20/9/2011		100%	/			/		GELOMBANG JAYA	SUDAH BAYAR
15	4/107/2011	KERJA - KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 3 THN 2011)	19,700.00	17/10/2011	24/10/2011	KERJA PANEL		100%	/			/		RUFA ENTERPRISE	SUDAH BAYAR
16	4/109/2011	KERJA - KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 3 TAHUN 2011)	19,320.00	17/10/2011	24/10/2011	KERJA PANEL		100%	/				/	DBM NIAGA	SUDAH BAYAR
17	4/135/2011	KERJA MEMBINA LONGKANG OPEN DRAIN PADA BAHU JALAN DI TAMAN DAHLIA JALAN PROTOKOL DAN JALAN PENGHUBUNG VETERINAR DAN JALAN B20 BBST	15,455.60	12/20/2011	12/27/2011	KERJA PANEL		100%	/			/		PIRANA CONSTRUCTION	SUDAH BAYAR
18	4/138/2011	KERJA MENAIKTARAF PEMBENTUNG SEDIA ADA KEPADA PEMBENTUNG KEKOTAK YANG MERENTANGI JALAN PROTOKOL HADAPAN TAMAN SEROJA BBST	19,975.00	12/20/2011	12/27/2011	KERJA PANEL		100%	/				/	MASAYU ENTERPRISE	SUDAH BAYAR
19	4/144/2011	KERJA- KERJA MEMBAIKPULIH LONGAKNG DI KAWASAN BBST SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 4 TAHUN 2011)	19,900.00	12/20/2011	12/27/2011	KERJA PANEL		100%	/			/		SHAMSUL BAHARIN BIN KAMARUDIN	SUDAH BAYAR
20	4/145/2011	KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI SENAHAGIAN JALAN PENGHUBUNG VETERINAR KE B20, BBST	17,400.00	12/29/2011	1/6/2012	KERJA PANEL		100%	/				/	MISSGIMAN B. YUSUP	SUDAH BAYAR

21	4/124/2011	KERJA- KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 3 TAHUN 2011)	19,700.00	10/17/2011	10/24/2011	KERJA PANEL		100%	/				/	MAHZAN BIN BASIR	SUDAH BAYAR
22	4/125/2011	KERJA- KERJA MENURAP SEMULA DI DALAM KAWASAN DEWAN ORANG RAMAI SEPANG	19,540.00	11/25/2011	11/29/2012	12/12/2012	12/9/2012	100%	/				/	WIRA MUSTIKA	SUDAH BAYAR
		JUMLAH	**411,257.00**												

LAMPIRAN 3

PROJEK DUN SG PELEK - PERUNTUKAN JABATAN - JAN 2012 - JUN 2012

BIL	NO FAIL	TAJUK KERJA	HARGA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH MULA	TARKH SIAP ASAL	TARKH SIAP SEBENAR	TERIMA INBOIS	HANTAR KEW	STATUS	KONTRKATOR
1	4/07/LKG/MAJ/2012	KERJA- KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 1 TAHUN 2012)	19,600.00	3/5/2012	3/8/2012	SEHINGGA NILAI KERJA TERKUMPUL				85%	SHAMSUDIN BIN ABDULLAH
2	4/08/JLN/MAJ/2012	KERJA- KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN SEPANG DAN SG PELEK (FASA 1 TAHUN 2012)	19,590.00	4/16/2012	4/18/2012	SEHINGGA NILAI KERJA TERKUMPUL				60%	KHAIRUDDIN BIN DARUS
3	4/09/LKG/MAJ/2012	KERJA- KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 1 TAHUN 2012)	19,600.00	3/5/2012	3/8/2012	SEHINGGA NILAI KERJA TERKUMPUL				85%	BINA INDAH ENAM ENAM
4	4/10/JLN/MAJ/2012	KERJA- KERJA MENURAP DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG DI KAWASAN BBST, SALAK TINGGI DAN JENDERAM (FASA 1 TAHUN 2012)	19,590.00	3/5/2012	3/8/2012	SEHINGGA NILAI KERJA TERKUMPUL				85%	ISMAIL BIN SAONAN
5	4/29/LKG/MON/2012	KERJA- KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG MONSUN SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI KAWASAN BBST, SEPANG DAN SUNGAI PELEK (FASA	19,977.75	4/24/2012	5/3/2012	SEHINGGA NILAI KERJA TERKUMPUL				85%	TRIPPLE NS ENTERPRISE

		1 TAHUN 2012)									
7	4/31/JLN/MAJ/2012	KERJA- KERJA MENURAP JALAN DI LALUAN MASUK PUSAT TAHANAN ANJING BATU 1, SEPANG, SELANGOR	15,740.00	4/24/2012	4/30/2012	5/11/2012	5/8/2012	5/20/2012	5/22/2012	100%	MOHAMAD SHAMSI BIN ISMAIL
8	4/32/JLN/MAJ/2012	KERJA- KERJA MENURAP DAN MENMAPAL JALAN BERLUBANG SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI DATARAN KEJAT DI DEWAN ORANG RAMAI, SEPANG	19,875.40	4/24/2012	4/30/2012	5/18/2012	5/12/2012	5/21/2012	5/22/2012	100%	UG DAMAI ENTERPRISE
9	4/34/JLN/MAJ/2012	KERJA MELETAK CRUSHER RUN UNTUK DIJADIKAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DI KAWASAN SEBELAH DEWAN ORANG RAMAI SEPANG	19,827.60	5/4/2012	5/8/2012	5/21/2012	5/16/2012	5/30/2012	6/4/2012	100%	RAZWA BERJAYA ENTERPRISE
		JUMLAH	**153,800.75**								

PROJEK DUN SG PELEK - JAN 2012 - JUN 2012 - PERUNTUKAN MARRIS

PBT : MAJLIS PERBANDARAN SEPANG										STATUS	Sila Tandakan (√)				CATATAN
BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	DUN	KONTRAKTOR	PRESTASI FIZIKAL									
						TARIKH MULA	TARIKH SIAP	% DIRANCANG	% SEBENAR	BM	DP	LJ	IJ	SS	KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
10	KERJA - KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI TAMAN MAWAR 2 DAN SEKITAR KAWASAN BANDAR BARU SALAK TINGGI- 4/20/JLN/MAR/2012	17,360.00		SG PELEK	ZAINAL BIN RAMAN						√				KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
11	KERJA- KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN BERLUBANG SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI SEKITAR KAWASAN TAMAN DAHLIA- 4/19/JLN/MAR/2012	17,460.00		SG PELEK	GELOMBANG JAYA ENTP						√				KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
12	KERJA MEMBAIKI DAN MEMBAIKPULIH LONGKANG DI KAWASAN KG BARU SEPANG 4/23/LKG/MAR/2012	19,642.00		SG PELEK	MOMAT ENTERPRISE						√				KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
13	KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA GARISAN JALAN DAN PETAK PARKIR KERETA DI KOTA WARISAN. - 4/21/JLN/MAR/2012	19,940.00		SG PELEK	MOHD ROGI BIN TUGIMAN						√				KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
14	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA DAN MENAMPAL JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKITAR KAWASAN PASAR, SEPANG. 4/24/JLN/MAR/2012	18,500.00		SG PELEK	JAFF CONSTRUCTION						√				KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
15	KERJA MENAMPAL DAN MENURAP JALAN DI SEBAHAGIAN TAMAN ANGGERIK DAN JALAN VETERINAR KE B20 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.- 4/41/JLN/MAR/2012	17,545.00		SG PELEK	EMAS SEPANG						√				KERJA SEDANG DILAKSANAKAN
	JUMLAH	**110,447.00**													

PELAN INDUK TABURAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI
DI MALAYSIA

MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Negeri : **SELANGOR**

DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	PERPUSTAKAAN NEGERI	PERPUSTAKAAN DAERAH/ CAWANGAN	PERPUSTAKAAN PEKAN	PERPUSTAKAAN DESA
Sungai Air Tawar				1. Perp. Desa Bagan Nakhoda Omar 2. Perp. Desa Sg. Air Tawar 3. Perp. Desa Kg. Banting 4. Perp. Desa Tebuk Berihun 5. Perp. Desa Sg. Apong 6. Perp. Desa Bt. 38 7. Perp. Desa Tebuk Mufrad 8. Perp. Desa Parit Baru
Sabak			Perp. Dataran Sabak Bernam	1. Perp. Desa Bagan Terap 2. Perp. Desa Batu 2, Sepintas 3. Perp. Desa Taman Muhibbah 4. Perp. Desa Bt. 4, Sepintas 5. Perp. Desa Tebuk Pulai

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KEMISKINAN DI BANDAR

192. Kerajaan negeri telah memperkenalkan Skim Kredit Mikro (SKIMSEL) dan juga Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) untuk membanteras masalah kemiskinan terutamanya di kawasan bandar.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah skim ini berjaya sampai ke kelompok sasar dan menepati objektif?

b) Nyatakan statistik penerima skim tersebut mengikut kawasan DUN?

c) Adakah peserta skim ini mengikut program tertentu untuk memastikan kejayaannya?

JAWAPAN:

a) Penubuhan MiMBAR Selangor adalah untuk memberikan bantuan pinjaman mikrokredit kepada golongan peniaga kecil di kawasan bandar di Selangor supaya dapat membantu menambahkan pendapatan harian mereka dengan memupuk semangat berdikari dan mengubah sikap serta pemikiran rakyat di negeri ini untuk sentiasa gigih berusaha, jujur dan amanah bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup. MiMBAR Selangor telah membuktikan berjaya sampai ke kelompok sasar kerana sehingga Jun 2012, seramai 4,442 peniaga kecil yang telah menikmati kelebihan ini yang mana bukan sahaja menerima pinjaman mikrokredit malahan juga menerima bantuan niaga yang menyediakan produk, peralatan dan ruang untuk berniaga bagi memberi peluang untuk rakyat di bawah Paras Garis Kemiskinan melepasi tahap kemiskinan hidup di bandar. Ianya juga adalah untuk tidak sentiasa bergantung kepada bantuan kebajikan semata-mata. Ianya secara tidak langsung mencapai polisi kerajaan negeri dalam supaya rakyatnya berdikari untuk berpendapatan (*workfare*).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : SUMBER AIR BAWAH TANAH

193. Kerajaan negeri ada bercadang menggunakan sumber air bawah tanah untuk mengatasi masalah sumber air mentah di Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah sumber air ini selamat untuk digunakan dan di manakah lokasinya di negeri Selangor?

b) Berapakah kos rawatan sumber air bawah tanah berbanding kos rawatan air sungai?

c) Apakah kesan alam dan ekosistem akibat penggunaan sumber air bawah tanah?

JAWAPAN :

a) Sumber air bumi yang akan dibangunkan dan digunakan sebagai bekalan air kepada penduduk adalah selamat kerana ianya akan dirawat sehingga mematuhi piawaian parameter dan had parameter di dalam Piawaian Kualiti Air Minum yang telah ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Kesihatan Malaysia. Piawaian yang digunakan ini telah diadaptasi bagi keperluan rakyat Malaysia berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh Organisasi Kesihatan Dunia (*World Health Organisation*).

Terdapat beberapa sumber kajian yang menunjukkan potensi air bumi yang boleh dibangunkan di Negeri Selangor seperti:

i. Kajian dan pemantauan berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Minera l dan Geosains Negeri Selangor;

ii. Kajian Draf Akhir Sungai Langat *Water Abstraction Studies For Lion Blast F urnace* Sdn Bhd oleh Jurutera Perunding Zaaba Sdn Bhd pada Mei 2012 m engatakan bahawa berdasarkan data air bawah tanah di kawasan Olak Le mpit yang disimulasi pada tahun 2010, terdapat 362.68 Mm^3 (juta meter pad u) air bumi pada kedalaman 6m dan 430.36 Mm^3 air bumi pada kedalaman 7m. 60%-75% daripada jumlah air bumi tersedia boleh digunakan untuk tuju an pembangunan;

iii. Kajian *The Sustainable Groundwater Resources And Environmental Manag ement For The Langat Basin In Malaysia*' oleh Japan International Cooperat ion Agency pada tahun 2002; terdapat sebanyak 10 MGD (juta galon sehari)air bawah tanah di daerah Kuala Langat yang boleh dibangunkan; dan kaji an-kajian lain.

Pihak Lembaga merancang untuk mengenalpasti lokasi air bumi dengan jelas untuk dibangunkan sebagai kawasan sumber air bumi. Negara seperti Denmark, Jepun, Indonesia, Thailand dan lain-lain telah lama membangunkan sumber air bumi sebagai sumber bekalan air kepada penduduk. Negeri Kelantan juga telah lama membangunkan sumber air bumi sebagai sum er bekalan air kepada penduduk.

b) Kos rawatan sumber air bumi yang terperinci tidak dapat dinyatakan secara tepat kerana ianya bergantung kepada kualiti sumber air bumi itu sendiri. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian dan pemantauan yang telah dijalankan, secara umumnya kualiti air bumi adalah lebih baik dan memerlukan rawatan yang minima.

Contohnya, di Negeri Kelantan kos operasi air permukaan adalah 29.3 sen/m^3 manakalah kos operasi air bumi adalah 21.8 sen/m^3 (sumber: Air Kelantan Sdn Bhd).

Di samping itu, pembangunan sesebuah telaga air bumi memerlukan kawasan y ang kecil.

c) Pembangunan dan penggunaan air bumi yang dilaksanakan secara mampan tidak akan memberikan impak negatif kepada alam sekitar dan ekosistem.

Pembangunan yang tidak mampan dan abstraksi air bumi yang berlebihan tanpa kawalan akan menyebabkan:

i. penurunan paras air bumi;
ii. pengurangan kualiti air bumi;
iii. pemendapan tanah (land subsidence);
iv. kemasukan air masin (salt intrusion);
v. pencemaran; dan
vi. pengeringan tanah bencah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : BANDAR ISLAM DI SHAH ALAM

194. Ada cadangan menjadikan Seksyen 5, Shah Alam sebagai Bandar Islam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah konsep Bandar Islam yang ingin diutarakan oleh Kerajaan Negeri?

b) Mengapakah Seksyen 5 dipilih sebagai lokasi Bandar Islam tersebut?

c) Apakah perancangan masa depan agar Bandar Islam sebagai identiti Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Konsep Bandar Islam ialah bandar yang berasaskan identiti Islam dan menekankan ciri-ciri bandar selamat, sejahtera, tenang dan mahabbah (kasih sayang/cinta/mengasihani). Konsep bandar Islam turut mengandungi komponen-komponen seperti Masjid, Bazaar, Pusat Pendidikan, Air, Dataran, Pencahayaan, Pintu Gerbang Dan Lanskap. Antara contoh Bandar Islam yang dijadikan rujukan ialah Bandar Esfahan, Ivan, Qom, Ajmer dan Kaherah.

b) Seksyen 5 dipilih kerana kawasan ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai bandar Islam berdasarkan kepada perletakan komponen utama kepada pembangunan Islam di Shah Alam iaitu Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Kompleks Taman Seni Islam. Tapak ini juga mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi iaitu boleh dihubungi melalui laluan lebuhraya utama.

c) Pembangunan Bandar Islam akan menjadi identiti Negeri Selangor selaras dengan identiti Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai mercu tanda Shah Alam sebagai Ibu Negeri Selangor. Pembangunan bandar Islam yang dirancang secara terperinci akan turut menyediakan pelan induk yang komprehensif merangkumi :

1. Susunatur pelan pembangunan
2. Hirarki rangkaian sistem sirkulasi dalaman
3. komponen pembangunan yang terperinci (jenis, saiz, rekabentuk, dll)
4. Rekabentuk pelan induk lanskap
5. 'Building massing'

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PERPUSTAKAAN

195. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah perpustakaan desa yang telah dibina sejak tahun 2008 mengikut DUN?

b) Berapakah jumlah pelawat yang pernah mengunjungi perpustakaan kerajaan di Shah Alam sejak ia dirasmikan. Sila sebut mengikut jantina dan umur.

c) Apakah bahan bacaan yang diminati oleh pelawat perpustakaan kerajaan di Shah Alam?

JAWAPAN:

a) Berapakah perpustakaan desa yang telah dibina sejak tahun 2008 mengikut DUN?
Bangunan perpustakaan desa baru perpustakaan sejak tahun 2008 hingga sekarang ialah :-

1 .Perpustakaan Desa Bukit Kerayong (6 Ogos 2008)
2. Perpustakaan Desa Hulu Chuchoh (16 Dis 2008)
3. Perpustakaan Desa Sg Sireh (22 Jan 2009)
3. Perpustakaan Komuniti Pekan Semenyih (Februari 2010)
2. Perpustakaan Komuniti Desa Apart. Mawar, Bukit Beruntung (15 Apr 2010)
3. Perpustakaan Komuniti Pekan Sri Manja, Petaling (18 Oktober 2010)
4. Perpustakaan Komuniti Desa Apart.Sri Perantau, Pel. Klang (31 Mei 2011)
5. Perpustakaan Komuniti Pekan Ampang Waterfront (17 Oktober 2011)
6. Perpustakaan Desa Bukit Bangkong (17 MAc 2012)
6. Perpustakaan Komuniti Pekan Pandan Jaya (9 Jun 2012)
7. Perpindahan bangunan baru Perpustakaan Cawangan Kajang (Sept 2012)
8. Pembinaan Perpustakaan baru Perp. Kg Sg Udang, Klang (Disember 2012).

b) Perkhidmatan Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam telah dibuka pada 22 Julai 2011. Perasmian perpustakaan ini telah dilaksanakan pada 10 Disember 2011 (Sabtu) dan disempurnakan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

BULAN	PENGUNJUNG
22 -31 JULAI 2011	6,218
OGOS 2011	12,361
SEPTEMBER 2011	23,187
OKTOBER 2011	49,840
NOVEMBER 2011	33,292
DISEMBER 2011	36,434
JANUARI 2012	43,576
FEBRUARI 2012	31,517
MAC 2012	45,395
APRIL 2012	66,670
MEI 2012	63,465
JUMLAH	**411,955**

c)

Start Date : 01-Dec-11 | End Date : 30-Jun-12									
STATISTIK PINJAMAN : RATU = 55966									
DEWASA									
27109									
FICTION					NON-FICTION				
9690					17419				
BM	BI	CHI	IND	OTH	BM	BI	CHI	IND	OTH
4111	5089	310	36	144	9184	7439	6	606	184
REMAJA									
5201									
FICTION					NON-FICTION				
3024					2177				
BM	BI	CHI	IND	OTH	BM	BI	CHI	IND	OTH
1675	1301	9	4	35	1283	822	1	54	17
KANAK-KANAK									
23376									
FICTION					NON-FICTION				
13061					10315				
BM	BI	CHI	IND	OTH	BM	BI	CHI	IND	OTH
6011	6391	570	8	81	6103	3712	8	415	77
KAKITANGAN									
280									
FICTION					NON-FICTION				
114					166				
BM	BI	CHI	IND	OTH	BM	BI	CHI	IND	OTH
67	40	1	3	3	100	54	0	12	0

Bahan bacaan yang diminati oleh pelawat perpustakaan kerajaan di Shah Alam pada 1 Disember 2012 – 30 Jun 2012.

BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA CINA	BAHASA TAMIL	LAIN-LAIN
28,534	24,848	905	1,138	541

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: BANTUAN MENDAPATKAN KAD PENGENALAN BIRU

196. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa ramaikah warga Selangor yang masih belum memiliki Kad Pengenalan Biru?

b) Apakah tindakan untuk atasi masalah mendapatkan kad pengenalan biru?

JAWAPAN:

a) Anggaran jumlah rakyat Negeri Selangor yang berumur 12 tahun ke atas yang bertaraf warganegara dan masih tidak mempunyai Kad Pengenalan sehingga 31 Mei 2012 adalah seramai **61,186** orang.

b) Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara dalam mengatasi masalah segelintir rakyat yang begitu sukar untuk memperolehi dokumen pendaftaran seperti Kad Pengenalan adalah dengan melaksanakan Program MyDaftar yang dijalankan di seluruh negara termasuk Negeri Selangor meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

   Program MyDaftar merupakan program *outreach* berasaskan konsep turun padang untuk memberi perkhidmatan kepada golongan yang sukar berurusan di pejabat-pejabat JPN khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dan terpencil.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : LORI PEMAMPAT SAMPAH

197. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah kerajaan telah belanja untuk membeli 150 buah lori pemampat sampah dan adakah ianya dibeli melalui tender terbuka? Siapakah syarikat-syarikat lain yang menyertai tender ini dan apakah harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat ini?

JAWAPAN :

a) Pembelian 50 buah lori pemampat sampah (kompaktor) untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak melibatkan wang kerajaan negeri. Pembelian tersebut dibuat melalui syarikat milik penuh kerajaan negeri, KDEB dengan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Di dalam proses pembelian 50 buah kompaktor tersebut, KDEB telah menjalankan proses Request for Proposal (RFP) iaitu Pelawaan Memberi Cadangan pada November 2011 di mana tidak kurang daripada 17 buah syarikat pembekal kompaktor telah dipelawa untuk mengemukakan cadangan untuk membekalkan 50 buah kompaktor.

Di antara cadangan yang telah dikemukakan termasuk cadangan daripada syarikat-syarikat Scania (Malaysia) Sdn Bhd dan Tan Chong Industries Equipment Sdn Bhd. Terdapat juga syarikat-syarikat yang lebih kecil seperti Bumi GT Sdn Bhd dan Syarikat Pembekalan dan Perkhidmatan Lezan yang telah mengemukakan cadangan untuk membekalkan 50 buah kompaktor tersebut.

Sejumlah 13 buah syarikat telah mengemukakan cadangan untuk membekal kompaktor tersebut. Harga yang dikemukakan menjulat dari RM252,500 – RM396,000 untuk sebuah kompaktor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERBELANJAAN AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI DAN SYARIKAT GLC KERAJAAN NEGERI KE LUAR NEGARA

198. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Kerajaan Negeri telah belanja berapa banyak wang untuk tujuan Lawatan Sambil Belajar ke luar negara bagi tujuan di atas semenjak tahun 2008 – 2012?

b) Sila nyatakan perbelanjaan yang terperinci setiap lawatan dan senaraikan nama peserta yang mengikuti rombongan program di atas serta keberkesanannya.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah **RM 3,490,176.00** untuk tujuan lawatan sambil belajar ke luar Negara yang melibatkan 37 STANDCO di Negeri Selangor semenjak tahun 2008 – 2012

b) Perincian bagi setiap lawatan berserta nama peserta dan keberkesanan bagi program tersebut adalah seperti di **Lampiran B.**

LAMPIRAN A

PETUNJUK BAGI SENARAI LAWATAN AHLI-AHLI EXCO KE LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2008-2011

BIL	NAMA EXCO	BIL. KELUAR NEGARA	J/KUASA TETAP	PETUNJUK
1	Y.A.B Tan Sri Dato Abdul Khalid Bin Ibrahim	4	Pembangunan Tanah , Kewangan, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri	
2	Y.B Teresa Kok Suh Sim	9	Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan	
3	Y.B Dato' Dr. Hassan Bin Mohamed Ali	2	Hal Ehwal Islam, Adat-Adat Melayu	
4	Y.B Dr. Yaakob Bin Sapari	8	Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan	
5	Y.B Rodziah Binti Ismail	7	Kebajikan, kebudayaan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Pesara	
6	Y.B Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	8	Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin	
7	Y.B Dr. Halimah Binti Ali	3	Pendidikan Tinggi, Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan	

8	Y.B IR. Iskandar Bin Abdul Samad	4	Perumahan dan Pengurusan Bangunan dan Setinggan	
9	Y.B Ronnie Liu Tian Khiew	6	Kerajaan Tempatan dan Kajian dan Penyelidikan	
10	Y.B Wong Keat Ping@Elizabeth Wong	6	Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar	
11	Y.B Ean Yong Hian Wah		Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram	
	Bil keseluruhan EXCO ke luar negara	**57**		
	Jumlah keseluruhan EXCO ke luar negara (RM)	**RM 2,763,771.44**		

LAMPIRAN A

MAKLUMAT BERHUBUNG LAWATAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA OLEH AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (EXCO) BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2011

JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN						
BIL	**NAMA LAWATAN / PROGRAM**	**EXCO DAN PEGAWAI TERLIBAT**	**DESTINASI & TEMPOH**	**KOS YANG TERLIBAT (RM)**	**PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT**	**HASIL / FAEDAH**
1.	Lawatan Kerja Rasmi	**Y.B. Puan Elizabeth Wong**	Melbourne, Australia 28 Feb – 4 Mac 2010	21,050.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
3.	Lawatan Kerja Rasmi	**Y.B. Puan Elizabeth Wong**	Bangkok, Thailand 20 Ogos 2010	3,289.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
4.	Lawatan Kerja Rasmi	**Y.B. Puan Elizabeth Wong**	Hangzhou/ Shanghai, China 23 – 26 April 2011	4,070.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
5.	Lawatan Kerja Rasmi	**Y.B. Puan Elizabeth Wong**	Brunei 27 – 28 Julai 2011	3,632.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor

JAWATANKUASA TETAP ALAM SEKITAR						
6.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010 Convention, New Delhi pada 5 – 9 Januari 2010	i. **Y.B. Puan Elizabeth Wong** ii. Yeo Eng Kang	Shanghai, China 2-7 Julai 2010	31,280.00	Peruntukan semasa	i. Menghadiri 'Towards A Low-Cartoon City: Environment Protection and Urban Responsibility'. ii. Jamuan serta dialog bersama MAYCHAM (Malaysian Chamber of Commerce).
JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN						
7.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010 Convention	i. Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Pembantu Exco) ii. Hiew Kim Boon (Setiausaha Sulit)	Shanghai, China 3-8 Oktober 2010	37,791.00	Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru	Menghadiri 'Harmonious City and Livable Life'
8.	Lawatan Teknikal ke Balikpapan, Indonesia Bagi Penyediaan Undang-Undang Kecil Burung Walet Dan Garis Panduan Industri Burung Walet negeri Selangor	**Y.B. Tuan Ronnie Liu** bersama seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan	Balikpapan, Indonesia 3 – 6 Mac 2010	39,297.00	Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan	Penambahbaikan terhadap Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan Burung Walet yang telah dirangka.

9.	Lawatan Kerja Ke Shanghai, Hangzhou Dan Xiamen, Republik Rakyat China	**Y.B. Tuan Ronnie Liu** bersama seramai 25 orang peserta yang terdiri dari Pegawai-Pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan	Shanghai, Hangzhou dan Xiamen, China 3 – 10 Oktober 2010	87,775.00	i. RM25,500.00 - Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan ii. RM62,275.00- Peruntukan B01 – Menteri Besar & SUK	Menambahbaik keadaan sedia ada PBT. Antara penemuan dan cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Ronnie Liu: i. Mewujudkan Selangor Urban Planning Exhibition Hall; ii. Menaiktaraf Taman sedia ada di PBT yang berkemampuan; dan iii. Menubuhkan Unit Perhubungan Antarabangsa.
JAWATANKUASA TETAP KAJIAN DAN PENYELIDIKAN						
10.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas Convention	**i. Y.B. Tuan Ronnie Liu** **ii. Y.B. Tuan Xavier Jayakumar**	New Delhi, India 5 – 9 Januari 2010	16,487.00	Peruntukan Portfolio Kajian Dan Penyelidikan	MMKN Ke41/2011 meluluskan penyertaan Kerajaan Negeri Selangor dalam program ini.

JAWATANKUASA TETAP PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN & SETINGGAN						
11.	Persidangan Pembangunan Komuniti "Inspiring Communities, Building Community From The Inside Out'	i. **Y.B.Tuan Iskandar bin Abdul Samad** ii. **Y.B. Dr. Hj. Yaakob bin Sapari**	Eastbank Centre Sheppartom, Australia 5 september 2011	28,181.00	P-01- Pembangunan Ekonomi KampungTradisi	Mengkaji pembangunan komuniti di Australia.
12.	Lawatan Teknikal Tentang Konsep Rumah Mampu Milik	i. **Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad** ii. Y.B. Pegawai kewangan Negeri	Ontario, Canada 20 Mei 2011	49,936.00	Perbendaharaan	i. Mengkaji konsep dan sistem perumahan di Kanada. ii. Mengadakan Seminar Rumah Mampu Milik di SACC pada 5 Julai 2011
13.	Expo 2010, Shanghai, China	i. **Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad dan EXCO Negeri Selangor**	Shanghai, China 5 Oktober 2010	23,070.00	Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan	Mengkaji cara hidup dan perkembangan pembangunan di China
14.	Pembentang Kertas Kerja pada Seminar 'Affordable Housing Project – *Creating Better Living*	i. **Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad** ii. Pengarah Eksekutif LPHS	Singapura 1 Ogos 2010	37,047.00	Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan	Memperkenalkan konsep perumahan di Malaysia terutamanya Negeri Selangor

	Standards for Social Improvement and Economic Growth in Malaysia'.					
JAWATANKUASA TETAP PEMODENAN PERTANIAN, PENGURUSAN SUMBER ALAM & PEMBANGUNAN USAHAWAN						
15.	Expo 2010, Shanghai, China *(Better City, Better Life)*	i. **Y.B Dr. Yaakob bin Sapari** ii. En. Zukirmin bin Ahmad, Pegawai Khas EXCO iii. En. Mohd Redwan bin Alias, Pegawai Dasar EXCO iv. En. Shamsul Sharil Badliza, Timbalan Pengarah, UPEN	Shanghai, China 14 – 19 Mei 2011	45,718.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	Menyertai International Expo Shanghai 2011 di China.
16.	Konvensyen Masyarakat India Sedunia "Pravasi Bharatiya Divas" 2011, India	**Y.B Dr. Yaakob bin Sapari** bersama AMMKN	New Delhi, India 7 – 9 Januari 2011	23,818.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	Menyertai Konvensyen Pravasi Bharatiya Divas bersama Y.B. Dr. Xavier Jayakumar bagi meninjau peluang-peluang dan memahami konsep perniagaan di India.
17.	Bio Asia 2011 The Global Bio Business Forum Cinerence Programmed & Technical Visit	i. **Y.B Dr. Yaakob bin Sapari** ii. Y.B. Tuan Shuhaimi bin Shafiei,	Hyderabad, India 20 – 28 Feb 2011	37,412.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam &	Menyertai forum yang turut dihadiri oleh pihak kerajaan, swasta, ahli akademik, pihak industri bio teknologi,

		Pembantu EXCO			Pembangunan Usahawan	saintis, pelabur, pihak R&D dan pengilang yang membincangkan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan perubatan.
18.	Eurasia Business & Economic Society (EBES) Istanbul, Turki	i. **Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari** ii. Tuan Haji Noryzal bin Zainal Abidin, Setiausaha Kanan Y.B. EXCO	Istanbul, Turki 28 – 5 Jun 2011	24,939.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	Menghadiri forum ekonomik global dalam bidang ekonomi dan perniagaan yang melibatkan pelajar, ahli akademik dan profesional dalam bidang ekonomi dan perniagaan dari seluruh dunia untuk memberi rangsangan kepada ilmuan untuk meningkatkan mutu ilmu mereka.
19.	Persidangan Pembangunan Komuniti " Inspiring Communities, Building Community From The Inside Out"	i. **Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari** ii. En. Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, Timbalan Pengarah Seksyen Sektoral	Eastbank Centre Shepparton, Australia 5 – 11 September 2011	80,285.00	P-01- Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi	Persidangan memberi peluang peserta mengambil maklumat dan menghadiri bengkel praktikal bagi membuat polisi, kerajaan, organisasi komuniti, pertubuhan dan ahli komuniti selain membolehkan peserta membentuk dan membangunkan pendekatan inovatif

						bagi membina komuniti dan organisasi yang mampu berdepan dengan cabaran akan datang.
20.	Lawatan Kerja Dato' Menteri Besar Selangor ke Wilayah Gazvin, Iran	**Y.B. Dr. Yaakob bin Sapari,**	Wilayah Gazvin, Iran 26 Okt – 2 Nov 2011	8,779.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	Lawatan kerja rasmi bersama YAB Menteri Besar.
JAWATANKUASA TETAP KESIHATAN						
21.	"Pravasi Bharatiya Divas" 2011, India"	i. **Y.B. Dr. Xavier Jayakumar** ii. **Y.B Dr. Yaakob bin Sapari**	New Delhi, India 7 – 9 Januari 2011	23,318.00	Jawatankuasa Tetap Kesihatan	Perkongsian ilmu berkaitan isu kesihatan.
22.	*Asia Pacific dental Congress*	**i. Y.B. Dr. Xavier Jayakumar**	Manila, Filipina 1 Mei 2011	11,100.00	Jawatankuasa Tetap Kesihatan	Memperkenalkan teknologi terkini berhubung penjagaan kesihatan mulut.
23.	"Pravasi Bharatiya Divas" 2010, India"	**i. Y.B. Dr. Xavier Jayakumar** **ii. Y.B. Tuan Ronnie Liu** iii. Encik Pakianathan Pembantu Khas YB Dr Xavier	New Delhi, India 7 – 9 Januari 2010	27,134.00	Jawatankuasa Tetap Kesihatan	Perkongsian ilmu berkaitan isu kesihatan.

		iv. 2 ahli parlimen (Kapar dan Subang) v. 2 ADUN (Kota Alam Shah dan Bukit Melawati)				
24.	Lawatan Teknikal ke Balikpapan, Indonesia Bagi Penyediaan Undang-Undang Kecil Burung Walet Dan Garis Panduan Industri Burung Walet negeri Selangor	**i. Y.B. Dr. Xavier Jayakumar** **ii. Y.B. Tuan Ronnie Liu**	Balikpapan, Indonesia 3 – 6 Mac 2010	16,312.00	Jawatankuasa Tetap Kesihatan	Meninjau isu-isu kesihatan yang timbul dari aktiviti pembiakan burung walet.
JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN, PENDIDIKAN TINGGI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN						
25.	Lawatan Rasmi Pendidikan Ke Luar Negara	**i. Y.B Dr. Hajah Halimah binti Ali** ii. Puan Zabidah bt Safar – Perbendaharaan Negeri iii. En Mohamad Zain A Hamid - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	United Kingdom, 17 - 22 Julai 2011	98,282.00	Standco Pendidikan Tinggi	i. Menjalinkan kerjasama untuk program latihan jangka masa pendek, program pengajian peringkat Doktor Falsafah (PHD) dan Penyelidikan bersama fokus di dalam bidang “

		iv. Siti Syazwani bt Ab Latib - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia **<u>UNISEL</u>** i. Prof. Dr Anuar bin Ahmad -Timbalan Naib Canselor (Akademik) ii. Dato' Profesor Abdul Latif Ibrahim - Pengarah Pusat Bio-IT iii. Puan Nazirah bt Abu Samah - Pensyarah Kanan, Pusat Bio-IT				Green Chemistry". ii. Lawatan Islamic Academy Cambridge telah menghasilkan kerjasama di antara kedua pihak untuk memperkukuhkan organisasi IAME (International Academy of Muslim Education) iii. Lawatan ke Fakulti Sains Hayat, Universiti Manchester telah membawa kepada satu kerjasama di antara kedua pihak di dalam Sains Hayat .
26.	Lawatan Rasmi Pendidikan Tinggi Ke Mesir	**i. Y.B .Dr Halimah Binti Ali** ii. Pn Siti Munirah Ibni Hajar - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia iii. Siti Syazwani bt Ab Latib - Bahagian	Jordan & Mesir 1 – 7 Mei 2011	60,874.00	Standco Pendidikan Tinggi	i. Mengukuhkan hubungan di antara Kerajaan Negeri Selangor, Unisel dengan Islamic World Academy od Science (IAS) ii. Lawatan ke Universiti Petra ,

		Pengurusan Sumber Manusia **<u>UNISEL</u>** i. Prof. Dr Anuar bin Ahmad - Timbalan Naib Canselor (Akademik) ii. Dato' Profesor Abdul Latif Ibrahim - Pengarah Pusat Bio-IT iii. Pn. Nazirah bt Abu Samah - Pensyarah Kanan, Pusat Bio-IT iv. Pn. Fatimah Corazon Abdullah - Pensyarah Kanan Pusat Bio-IT				Jordan telah mewujudkan kerjasama penyelidikan di dalam bidang "*Green Chemistry*" dan "*Natural Products.* iii. Pertemuan dengan Kementerian Pengajian Tinggi Jordan telah membuka kepada kerjasama di dalam bidang penyelidikan mikrobioteknologi, yang boleh dijalinkan di antara Universiti Yarmuk dan Universiti Jordan.
27.	Lawatan Rasmi Pendidikan Tinggi Ke Hyderabad, India	**i. Y.B. Dr Halimah Binti Ali** ii. Siti Syazwani bt Ab Latib - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. **<u>UNISEL & UPM</u>**	Hyderabad, India 21 – 23 Feb 2011	14,989.00	Standco Pendidikan Tinggi	Menghasilkan beberapa ruang kerjasama, di antaranya ialah di dalam aspek pensyarah jemputan, latihan industri kepada Pelajar dan kakitangan. Namun begitu, kerjasama ini

		i. Datuk Dr Rosti bin Saruwono - Naib Canselor UNISEL ii. Pro. Dr Mohd. Khushairi bin Mohd Rajuddin - *Dean, Faculty of Science and Biotechnology,* UNISEL ii. Pn Fatimah Corazon Binti Abdullah - *National Program Coordinator, International Academy of Life Sciences and Biotechnology,* UNISEL iv. Prof. Datin Paduka Dr. Aini Binti Ideris - *Deputy Vice Chancellor (Academic and International),* Universiti Putra Malaysia v. Prof. Dr. Abdul Manan Bin Mat Jais - *Faculty of Medicine*				masih belum dapat dilaksanakan kerana Hyderabad masih mengamalkan dasar yang tertutup khususnya di dalam aktiviti pertukaran pensyarah. Namun begitu, untuk program latihan industri kepada pelajar dan kakitangan akademik ia boleh dilaksanakan melalui program "*Study in India*" yang sedang dilaksanakan di India.

		and Health Sciences, Universiti Putra Malaysia				
JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL ISLAMDAN ADAT-ADAT MELAYU						
28.	Lawatan Kerja Ke Timur Tengah	i. **Y.B. Dato' Dr Hassan bin Mohamed Ali** ii. En. Muhammad Asmadi bin Mustakim iii. En. Ahmad Darul Akmar bin Mohamed Ali	Maghribi, Mesir, Arab Saudi, Yaman dan Sudan 23 Dis – 7 Jan 2011	139,294.00	Jabatan Agama Islam (JAIS)	Menjalin kerjasama antara Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan Timur Tengah
29.	Lawatan Kerja Ke Bandung dan Jakarta Untuk Mempelajari Kejayaan Usaha Dakwah Islamiah di Indonesia	i. **Y.B. Dato' Dr Hassan bin Mohamed Ali** ii. Dr. Azahar bin Yaakub iii. En. Ali bin Mohammed iv. En. Ramli bin Sidom v. En. Hashim bin Mohamad	Indonesia 16 – 21 Jun 2011	50,615.00	Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam dan Jabatan Agama Islam (JAIS)	i. Meninjau sistem pengajian Islam yang dilihat berkesan untuk dicontohi oleh masjid-masjid di Selangor. ii. Melakukan lawatan hormat ke atas tokoh-tokoh dakwah Indonesia.

JAWATANKUASA TETAP PELABURAN, PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN						
9.	Lawatan Teknikal ke India (Pravasi Bharatiya Divas)	i. **YB Tuan Dr Xavier Jayakumar Arulanandam** ii. **YB Tuan Ronnie Liu Tan** iii. YB Tuan Manikavasagam Sundaram iv. YB Tuan Sivarasa K. Rasiah v. YB Tuan Manoharan Malayalam vi. YB Tuan Muthiah Maria Pillay vii. En. Pakiyanathan Anamaly viii. En. Chandra Mohan S Thambirajah ix. En. Narayanan Perumal x. En. Ramli Mohd Tahir xi. En. Mohd Azri Hashim xii. En. Noor Azmawi	India 5 – 10 Januari 2010	13,859.93	STANCO Pelaburan dan Perdagangan	

		Abdul Aziz				
10.	Lawatan Teknikal ke Eropah (Germany, Italy, Belgium, UK)	i. Dato' Mhd Jabar ii. Farid Mohamad Ba'ai	Berlin, Hamburg, Frankfurt, Venice, Brussel, Prestwick, London 7 – 22 Mac 2010	233,60.80	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
11.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)	**i. YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Pn. Roslina Chiew Abdullah iii. Pn. Norzila Bt Sidek	Shanghai 28 Mac – 2 April 2010	29,600.55	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
12.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)	**i. YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Pn. Roslina Chiew Abdullah iii. En. Patrik Lai	Shanghai 30 Mei – 5 Jun 2010	14,070.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
13.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)	iv. En. Mohd Syahid Othman	Shanghai 11 – 16 Jun 2010	16,385.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
14.	Lawatan Teknikal ke Eropah (Germany & Netherlands)	**i. YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Dato' Mhd Jabar iii. Mr. Farid Mohamad Ba'ai iv. Madam Jauriah A. Ghani v. Mr. Roswaidin Mohd Zin vi. Mr. Mahinder Singh	Berlin, Hannover, Werlte, Cologne, Amsterdam 12 – 26 Jun 2010	232,127.66	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	

		vii. Ms. Shahira Johari				
15.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)	i. En. Mohd Azuan Khairoji	Shanghai 2 – 7 Julai 2010	12,705.07	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
16.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Cangchun)	**i. YB Teresa Kok Suh Sim** ii. YB Hannah Yeoh iii. Pn. Roslina Chiew Abdullah iv. Hajah Roziah Bt Ahmad	Cangchun 29 Ogos – 5 September 2010	21,594.20	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
17.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)	i. Cik. Sharifah Norfazera Syeed Ahmad Nazar	Shanghai 3 – 10 Oktober 2010	21,928.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
18.	Lawatan Teknikal ke Shanghai (Shanghai International Expo)	i. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali ii. En. Noor Azmawi Abdul Aziz	Shanghai 10 – 15 Oktober 2010	40,409.27	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
19.	Lawatan Teknikal ke Korea Selatan dan Taiwan	**i. YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Dato' Mhd Jabar iii. En. Farid Mohamad Ba'ai iv. En. Mohd Zulkepli Embong v. En. Ilyas Jamil vi. Pn. Arfa'eza Bt Ab.	Seoul 30 Oktober – 11 November 2010	146,501.20	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	

		Aziz vii. En. Mohd Rozuwan B. Abdullah viii. En. Mohd Amran B. Husain ix. En. Mohd Wazir Abdul Ghani x. En. Ir Mohamad Sharif B. Mohd Som xi. Pn. Khuzaimah Jamaluddin xii. En. Ang Chee Kian xiii. Pn. Choo Sook Mei xiv. Cik Qayyatul Izzati Hassan				
20.	12th Asia-Pacific Conference of German Business	i. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Singapura 14 Mei 2010	13,309.60	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
	Lawatan Teknikal ke India (Pravasi Bharatiya Divas)	i. En. Mohd Azuan Khairoji	India 5 – 10 Januari 2011	27,589.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
	Lawatan Teknikal ke Indonesia	**i. YAB Tan Sri Dato Sri Abdul Khalid Ibrahim** **ii. YB Teresa Kok Suh Sim** iii. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali iv. En. Noor Azmawi Abdul Aziz	Jakarta 10 – 12 Februari 2011	35,947.55	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	

	Lawatan Teknikal ke China	i. **YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Pn. Roslina Chiew Abdullah	Shanghai, Ningbo, Chengdu 28 Februari – 5 Mac 2011	45,672.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
	Lawatan Penggalakkan Pelaburan MIDA ke Eropah	i. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali ii. En. Noor Azmawi Abdul Aziz	Berlin, Vienna, Paris, London 24 Mac – 6 April 2011	230,568.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
	Lawatan Kerja Teknikal ke Shanghai	i. **YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali iii. Dato' Mohd Jaafar b. Mohd Atan iv. Dato' Kamal Ariffin v. En. Noor Azmawi Abdul Aziz	Shanghai 17 – 19 Julai 2011	45,256.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
	Lawatan Teknikal ke China	i. Pn. Roslina Chiew Abdullah	Nanning 10 – 14 Julai 2011	10,028.30	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
	Lawatan Promosi Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor ke Melbourne dan Sydney, Australia	i. **YB Teresa Kok Suh Sim** ii. Y.Bhg. Dato' Noordin Sulaiman iii. Y.Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali iv. En. Mohd Haniff Hassan v. En. Farid Mohamad	Melbourne, Sydney 24 – 31 Julai 2011	309,323.11	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	

		Ba'ai				
	Lawatan Kerja Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor ke Jerman	i. **YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim** ii. **YB Xavier Jayakumar** iii. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali iv. En. Noor Azmawi Abdul Aziz	Frankfurt, Stuttgart, Munich 11 – 16 September 2011	317,115.00	STANCO Pelaburan Dan Perdagangan	
JAWATANKUASA TETAP KEBAJIKAN, HAL EHWAL WANITA, SAINS TEKNOLOGI INOVASI DAN KEBUDAYAAN						
1.	Maklum Balas Lawatan Rasmi Teknikal Jawatankuasa Tetap Sains,Teknologi & Inovasi (Standco Sti) Negeri Selangor Ke Forum Ict Dan Expo Dunia Di Ningbo Shanghai,China	i. **Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail** ii. En Wahilman Siwar(Sub Btm) iii. Pn Adelin Binti Abdul Latib (Psu Btm)	Shanghai,China 14 – 19 Mei 2010	16,168.00 (YB Rodziah) 9,850.00 (En Wahilman Siwar) RM 9,850.00 (Pn Adelin Binti Abdul Latib)	Stanco Sains Teknologi Dan Inovasi	i. Menghadiri forum "ICT dan Pembangunan Urbanisasi" ii. Topik-topik ICT dan pengurusan bandar, cara hidupan bandar, logistik moden, industri, perniagaan, pendidikan serta tanggungjawab sosial. ii. Memperkenalkan penggunaan internet sebagai **"marketing tool"** kepada para peserta **PKW (Pusat Komuniti Wanita)**

						yang merangkumi wanita dan juga ibu tunggal dalam membantu **memasarkan** produk yang dihasilkan dimana ianya boleh diiklankan secara maya tanpa memerlukan kos yang tinggi berbanding pemasaran cara konvensional yang memerlukan modal tinggi serta skop pemasaran yang terhad. v. Program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa menjadi salah satu teras program bagi pembangunan wanita. v. Mempercepatkan perlaksaan Projek SPINS(Selangor Public Infrastructure Network Service) sebagai salah satu flagship kerajaan

						negeri Selangor di dalam menjadikan Selangor menjadi negeri makmur dengan menjadikan teknologi sebagai penyelesai masalah serta menyediakan perkhidmatan Wifi percuma kepada rakyat. vi. Pengembangan idea ke atas “Dasar Workfare” di mana teknologi ICT membolehkan kerajaan negeri memantau golongan penerima bantuan supaya keluar daripada status kemiskinan. ii. Meninjau peluang bagi kaedah komunikasi/penyampaian maklumat antara kerajaan negeri dengan rakyat yang lebih berkesan seperti projek yang sedang dilaksanakan iaitu “IDM” (Interior

						Display Media) yang dipasang di dalam bangunan-bangunan kerajaan. ii. Selain itu juga, projek yang bakal diperkenalkan (masih diperingkat perbincangan) bagi memantapkan lagi kaedah komunikasi/penyampain iaitu penggunaan teknologi IPTV (Internet Protocol TV) di mana adalah secara terus ke rumah. teknologi ini berupaya mewujudkan perkhidmatan “Video Conferencing” (bergantung kepada kelajuan talian) x. Delegasi ini juga berpeluang untuk melihat kecanggihan auditorium teater yang menggunakan teknologi canggih 4 dimensi yang

						mengagumkan yang menjadi tanda aras (benchmark) bagi sesebuah auditorium teater atau bagi pembangunan teater di negeri ini.
2.	Vital Voices Of Asia Leadership And Training Summit Di New Delhi ,India pada 13 hingga 17 September 2010	i. **Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail** ii. Khansa' Bt Zulkiflee	New Delhi, India 14 – 17 September 2010	21,747.00	STANCO Wanita	i. Lawatan ini bertujuan bagi meningkatkan rangkaian bersama pimpinan wanita dari seluruh dunia, mempelajari pembangunan, perkongsian serta merangka kaedah strategik bagi penglibatan wanita dalam pelbagai aspek seperti • ekonomi, • politik dan hubungan antarabangsa /masyarakat • hak asasi ii. Hasil daripada lawatan ini juga telah tertubuhnya **MAPMAS (Majlis**

						Anti Pemerdagangan Orang) yang mana usaha ini juga sejajar dengan pemeliharaan hak asasi mereka yang berstatus „diperdagangkan‟ yang bukan sahaja golongan wanita, malahan merangkumi dari peringkat golongan umur. Perlaksanaan ini sedang berjalan dan telah mendapat kerjasama baik dengan pihak **PBT Negeri Selangor** serta kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain. iii. Secara tidak langsung penubuhan **MAPMAS** ini juga telah meningkatkan imej Kerajaan Negeri Selangor di persada antarabangsa yang pastinya akan

						memberi kesan positif dari aspek **pelaburan dari luar negara ke Negeri Selangor** khususnya. iv. Golongan "**Wanita ladang"** juga telah menjadi salah satu fokus dalam pembelaan hak-hak wanita dari aspek pembangunan ekonomi dan mendapat perhatian Kerajaan Negeri di mana Dato‟ Seri
3.	Lawatan Kerja Jawatankuasa Tetap Sains,Teknologi Dan Inovasi Negeri Selangor (Standco Sti) Ke Accurix Melbourne Dan Alp Political Advisor's Program Summit Di Sydney, Australia Pada 28 April Hingga 7 Mei 2011	**i. Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail**	Melbourne 28 April – 7 Mei 2011	11,983.00	STANCO Sains Teknologi dan Inovasi	i. Hasil lawatan telah dibentangkan di dalam mesyuarat MMKN ii. Lawatan bagi meninjau dengan lebih dekat perlaksanaan gabungan sistem Wifi dan juga CCTV. Lawatan juga meninjau keberkesanan, kecanggihan serta kepantasan sistem tersebut.

						iii. Gabungan sistem yang ada di sana akan dilaksanakan di negeri Selangor yang dinamakan **“SPINS”** (Selangor Public Infrastructure Network System) iv. Lawatan juga melihat bagaimana teknologi ICT dapat meningkatkan/menambahbaik urus tadbir yang baik di dalam mentadbir kerajaan negeri yang mana boleh di kembang ke pentadbiran kerajaan tempatan. v. Satu program yang dipanggil SELCARE II yang diadakan telah dilaksanakan di mana satu slot khas berkenaan kajian secara atas talian telah dibentangkan oleh penceramah yang sememangnya pakar di dalam membuat kajian

						secara talian daripada Australia dan New Zealand bersama kakitangan kerajaan negeri Selangor
4.	Lawatan Kerja Ke Kampung Tasik Malaya, Bandung Dan Jakarta, Indonesia Oleh Jawatankuasa Kerja Program Pembasmian Kemiskinan Bandar ,Majlis Bandaraya Petaling Jaya	i. **Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail**	Tasik Malaya, Bandung Dan Jakarta, Indonesia 16-21 Jun 2011	21,372.00	MBPJ	i. Bersama-sama delegasi MBPJ untuk melihat perlaksanaan skim mikrokredit yang dilaksanakan di sana. ii. Bertemu dengan pihak “Walikota” untuk melihat pentadbiran perlaksanaan program di sana spt iii. Penghasilan produk secara kecil-kecilan-satu kampung satu produk iv. Lawatan ke perusahaan kecil yang boleh di manfaat untuk program mikrokredit

						di mana penduduk kampung terlibat sama daialam kerja-kerja yang diagih-agihkan di kalangan masyarakat. v. Perbincangan bersama pihak MIMBAR bagi melihat potensi dan merangka program-program mikrokredit yang boleh dilaksanakan di Negeri Selangor.
5.	Misi Meneroka Pelabur Dari Negara China	i. **Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail**	Shanghai, China 17 – 19 Julai 2011	11,764.00	STANCO Kebudayaan	i. Misi pelaburan bersama EXCO2 bagi meninjau peluang pelaburan bagi pembiayaan **Projek Kota Kebudayaan** di mana perancangan projek tersebut terletak di dalam Projek Pemulihan/ Pemeliharaan/Pembersihan Sungai Kelang.
6.	Cadangan Lawatan Kerja YAB. Dato' Menteri Besar Selangor Ke	i. **Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail**	Iran 26 Oktober – 1 November 2011	8,779.00	STANCO Sains Teknologi Dan Inovasi	

	Wilayah Gazvi,Iran Dari 26hb Oktober – 31hb Oktober 2011					
7.	Lawatan Sambil Belajar Setiausaha-Setiausaha Pemadam Jajahan Ke Pusat Pemulihan Dadah, Surabaya, Indonesia	i. **Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail**	Surabaya, Indonesia 11 – 14 Februari 2011	1,240.00	PEMADAM	i. Lawatan ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program pemulihan para penagih yang dijalankan oleh rumah perlindungan tersebut yang menggunakan pendekatan Islam. ii. Pihak PEMADAM sedang berbincang dan menyediakan kertas kerja untuk melaksanakan program seumpama itu untuk dilaksanakan di negeri ini.
BIL	**NAMA LAWATAN / PROGRAM**	**EXCO DAN PEGAWAI TERLIBAT**	**DESTINASI & TEMPOH**	**KOS YANG TERLIBAT (RM)**	**PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT**	**HASIL / FAEDAH**
1	Lawatan Kerja Rasmi	**Y.A.B Tan Sri Dato Abdul Khalid Bin Ibrahim**	**London**	**43,920.00**	**Pejabat MB**	
2.	Lawatan Kerja Rasmi	**Y.A.B Tan Sri Dato Abdul Khalid Bin Ibrahim**	**Singapore**	**1,920.00**	**Pejabat MB**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PREMIS NIAGA UNTUK USAHAWAN

199. Antara janji dalam manifesto Pakatan ialah untuk menyediakan premis perniagaan yang mencukupi.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan statistik premis perniagaan yang telah dibina sejak 2008 hingga 2012?

b) Berapakah jumlah usahawan yang telah dibantu dengan penyediaan premis tersebut?

c) Bagaimanakah kadar sewa yang tetapkan, adakah membebankan seperti di Kompleks PKNS Shah Alam?

JAWAPAN:

a) Sejak penubuhan sehingga 2012 PKNS telah membina 5,949 unit kedai dan 10 kompleks perniagaan:-

Bil.	Premis Perniagaan	Jumlah
1.	Kedai	5,949
2.	Kompleks Perniagaan - Wisma Yakin - Menara PKNS, Petaling Jaya - Kompleks PKNS Shah Alam - Kompleks PKNS Bangi - Kompleks PKNS Kuala Selangor - SACC Mall Shah Alam - Shah Alam Convention Centre - Pusat Bandar, Sek 6, Shah Alam - Wisma PKNS, Kuala Lumpur - Bangunan Dato' Nazir, Kajang	10

Dalam pada itu, untuk tempoh 2008 hingga 2012, sebanyak 1,338 unit kedai telah dibina. PKNS juga telah membina SACC Convention Centre yang dilancarkan perasmiannya pada Ogos 2009.

b) Jumlah usahawan yang telah dibantu di bawah seliaan Sekretariat MPPB (Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera) dengan penyediaan premis tersebut di PKNS melalui program-program berikut:-

BIL.	PROGRAM	BIL. USAHAWAN
1.	Vendor	22
2.	Sub Kontraktor Bumiputera (SKB)	62
3.	Dana Pembelian/Penyewaan Ruang Niaga di Kompleks Beli-belah Swasta di Amcorp Mall	5
4.	GROW (Program Usahawan Siswazah)	90
5.	Virtual Office (VIO by PKNS)	140
Jumlah		**319**

PKNS juga menyediakan ruang niaga kepada usahawan di kompleks-kompleks perniagaan berkenaan yang disediakan iaitu:-

Jumlah usahawan/Peniaga							
Bil.	**Kompleks Perniagaan**	**Premis Kekal**	**Tapak Kiosk**	**Sewa ATM Machine**	**Stor**	**Car Wash**	**Jumlah**
1.	Wisma Yakin	106	-	-	-	-	106
2.	Menara PKNS, Petaling Jaya	13	-	-	-	-	13
3.	Kompleks PKNS Shah Alam	437	9	2	4	1	453
4.	Kompleks PKNS Bangi	69	16	2	1	-	88
5.	Kompleks PKNS Kuala Selangor	29	-	-	-	-	29
6.	SACC Mall Shah Alam	142	13	13	5	1	165
7.	Shah Alam Convention Centre	2	-	-	-	-	2
8.	Pusat Daerah, Sek 6, Shah Alam	65	-	-	-	-	65
Jumlah		**863**	**38**	**8**	**10**	**2**	**921**

Selain itu, PKNS menyediakan 674 unit premis perniagaan yang akan dicadangkan untuk projek pembangunan bercampur Datum Jelatek, Kuala Lumpur dan 20 unit premis di Plug & Play bagi membantu usahawan IT yang terletak di Cyberjaya.

c) Kenaikan kadar sewa di Kompleks PKNS Shah Alam adalah masih tidak membebankan penyewa sedia ada kerana masih lagi rendah berbanding dengan kompleks perniagaan-perniagaan lain termasuk juga kompleks yang dimiliki oleh syarikat yang berkait dengan kerajaan Persekutuan seperti Plaza Alam Sentral (milik MRCB). Sebagai contoh kadar sewa di Kompleks PKNS untuk tingkat bawah selepas kenaikan hanyalah antara RM2.50 ke RM5.00 berbanding kadar sewa di kompleks lain yang berkadar antara RM6.00 hingga RM15.00 untuk tingkat yang sama seperti jadual di bawah:-

KADAR SEWA SEKITAR SHAH ALAM (RM Per Kaki Persegi (kps)

KOMPLEKS / TINGKAT	Lower Ground (RM)	Ground Floor (RM)	First Floor (RM)	Second Floor (RM)	Third Floor (RM)	Fourth Floor (RM)
KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM	-	2.50-5.00	2.50-3.50	2.50	2.50	0.50
PLAZA ALAM SENTRAL	4-12	8-12	6-10	6-10	4.8	3-6
OLE-OLEH	-	6-12	6-10	4-8	-	-
PLAZA MASALAM-SHAH ALAM MALL	6-12	8-14	8-12	6-10	4-8	-
JUSCO BUKIT RAJA	-	8-12	6-10	6-10	-	-
SUBANG PARADE	-	8-15	8-10	8-10	6-8	-

Untuk makluman, peniaga-peniaga sedia ada di tingkat bawah (ground floor) dan tingkat 1 (first floor) memperoleh kadar harga sewaan yang lebih rendah antara 58% - 71% berbanding kadar sewa semasa kompleks di sekitar Shah Alam.

Pengiraan adalah seperti berikut:-

Tingkat Bawah (Ground Floor)

(RM6.00 – RM2.50)/RM6.00 X 100 = 58% (58.3333%)

(RM15.00 – RM5.00)/RM15.00 X 100 = 67% (66.6666%)

Tingkat Satu (First Floor)

(RM6.00 – RM2.50)/RM6.00 X 100 = 58% (58.3333%)

(RM12.00 – RM3.50)/RM12.00 X 100 = 71% (70.8333%)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : GERAN SELANGORKU

200. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah faktor-faktor penghalang yang melambatkan kelulusan peruntukan Geran Selangorku untuk di perturunkan ke kawasan-kawasan atau DUN terutama yang melibatkan penambahbaikan infrastruktur ?

b) Siapakah yang sebenarnya yang akhirnya mempunyai kuasa untuk meluluskan sesuatu peruntukan dari Geran Selangor ku ? Menteri Besar atau Exco atau Pengerusi MBI sendiri ?

c) Mengapakah peruntukan RM 15 juta yang di peruntukan untuk Jawatankuasa Penerangan masih belum di luluskan walau sedikit pun oleh pihak MBI ?

JAWAPAN :

a) Kelewatan kelulusan peruntukan Geran Selangorku untuk diperturunkan kebanyakannya berpunca dari masalah mengenal pasti serta status tapak lokasi projek. Terdapat permohonan yang tidak menyebut secara jelas lokasi seperti sepanjang jalan tanpa menyebut jarak atau lokasi bermula dan berakhir. Status tanah yang dikenal pasti milik persendirian atau rizab (sungai, LLM atau JKR) juga tidak mengizinkan projek dari diteruskan.

b) Jawatankuasa Pemandu Geran Selangorku bermesyuarat setiap minggu bagi memilih projek-projek yang sesuai untuk dilaksanakan secara berfasa sebelum dirujuk kepada YAB Menteri Besar untuk keputusan akhir.

c) Peruntukan bagi program penerangan negeri ialah sebanyak RM10 juta bukannya RM 15 juta dan pihak kerajaan negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa yang terdiri dari EXCO (YB Elizabeth, YB Ronnie Liew dan YB Dr Ahmad Yunus) bagi meneliti program-program yang bersesuaian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PEMILIKAN GERAN

201. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Sejak pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor pada 2008, berapakah jumlah keseluruhan pemberian geran hak milik persendirian kepada rakyat Selangor?

b) Sila jelaskan mengikut kaum, berapakah peratus pemberian geran hak milik persendirian ini?

JAWAPAN:

a) Sejak pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor pada 2008, jumlah keseluruhan pemberian geran hak milik persendirian kepada rakyat Selangor adalah sebanyak **5,053**.

b) Peratus pemberian geran hak milik persendirian mengikut pecahan kaum adalah :-

Melayu	**: 51.12 % (2583 hakmilik)**
Cina	**: 31.25 % (1579 hakmilik)**
India	**: 17.63 % (891 hakmilik)**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA BEKALAN AIR NEGERI SELANGOR

202. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini usaha penstrukturan semula bekalan air tersebut ?

b) Sila perjelaskan apakah asas dakwaan yang dilontarkan oleh pihak pembangkang kononnya Negeri Selangor akan mengalami krisis bekalan air pada tahun 2015 ?

c) Sila kemukakan butiran terperinci dan kisah sebenar tentang keperluan membina loji Langat-2 seperti yang didesak oleh pihak pembangkang sejak muktahir ini ?

JAWAPAN:

a) Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan kali terakhir bersidang pada 06 September 2011 di Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Di dalam mesyuarat tersebut, tidak dibincangkan sama sekali mengenai cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Sebaliknya, mesyuarat tersebut membincangkan mengenai masalah kekurangan air di Negeri Selangor dan pelaksanaan Loji Langat 2.

Selanjutnya pihak KTTHA melalui surat Y.B. Menteri bertarikh 12 Oktober 2011 telah menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menghalang Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan penstrukturan secara holistik dengan syarat pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air hendaklah dibuat secara *"willing buyer willing seller"* dan menghormati perjanjian-perjanjian konsesi yang masih sah dan berkuat kuasa.

Di dalam surat tersebut juga menyatakan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam melaksanakan pendekatan dua langkah sebagai tidak praktikal dan sukar untuk dipenuhi. Y.B. Menteri berpandangan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor komited untuk melaksanakan pendekatan "dua langkah", Kerajaan Negeri Selangor perlu memulakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi air yang bersetuju dengan kaedah pengambilalihan yang dicadangkan berdasarkan *"willing buyer willing seller"* dan bukannya menetapkan pelbagai syarat untuk dipenuhi oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.B. Menteri turut berpandangan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor hanya akan dapat dipenuhi sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan persetujuan tanpa syarat terhadap perkara-perkara berikut:-

1) memberikan semua kelulusan yang diperlukan untuk membolehkan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dilaksanakan mengikut perancangan; dan

2) meluluskan pelarasan tarif air bagi Negeri Selangor berdasarkan perakuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 boleh dipersetujui pelaksanaannya jika penstrukturan semula air Negeri Selangor dimuktamadkan sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan rakyat.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menulis surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Perkara mengenai penstrukturan semula ini turut dibangkitkan oleh YB Teresa Kok di Parlimen semasa sesi Perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2011) 2012 Peringkat Dasar pada 09 Januari 2012 di mana YB Teresa Koh telah meminta supaya KTTHA mengadakan Mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor bagi membolehkan pengurusan air di Selangor diserahkan kepada Kerajaan Negeri. YB Menteri dalam jawapannya menyatakan bahawa Mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air hanya akan diadakan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat mengemukakan cadangan baru atau pendekatan yang berbeza dari Model Holistik yang dicadangkan sebelum ini oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selanjutnya, YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam surat kepada YB Menteri bertarikh 17 April 2012, telah menyatakan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor mengenai Model Holistik tidak pernah berubah semenjak dikemukakan kepada KTTHA bermula pada Disember 2008. Model Holistik tersebut adalah satu-satunya Model penstrukturan yang menjadi hasrat utama

Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri air kerana Model Holistik tersebut memenuhi ciri-ciri penyusunan semula yang di gariskan oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

YB Menteri seterusnya melalui surat bertarikh 10 Mei 2012 dan 05 Jun 2012, masih mengulangi pendirian meminta Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan cadangan baru atau pendekatan yang berbeza dari Model Holistik yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

b) Isu tidak cukup air ini telah dibangkitkan oleh SYABAS kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2005 lagi. Pada masa ini, kapasiti air dari 33 Loji Rawatan Air adalah sebanyak 4,326 Juta Liter Se Hari. Dari jumlah itu, masih ada Loji yang tidak mengeluarkan air mengikut kapasiti reka bentuk. Ada juga Loji yang mampu mengeluarkan air melebihi kapasiti reka bentuk, namun disebabkan tidak ada *inter connectivity* yang lengkap, maka lebihan air dari Loji tersebut tidak dapat disalurkan ke kawasan permintaan tinggi, contohnya Loji Sungai Selangor Fasa 3 boleh mengeluarkan air sebanyak 800MLD, tetapi jumlah yang diminta oleh SYABAS untuk diagihkan kepada pengguna hanya dianggarkan sebanyak 600MLD. Begitu juga Loji Air Rasa boleh mengeluarkan air sebanyak 250MLD tetapi permintaan hanya setakat purata 150MLD sahaja.

Actual Metered Consumption setakat tahun 2011 adalah sebanyak 2,808MLD. Kadar NRW yang tinggi mempengaruhi permintaan air dan anggaran yang diberikan oleh SYABAS adalah mengambil kira *buffer* sebanyak 10% dan keadaan ini menyebabkan permintaan air dilihat meningkat secara mendadak.

Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi seperti berikut:-

No	Nama Projek	Kapasiti Tambahan (mld)					
		2012	2013	2014	2015	Jumlah	Nota
1.	Projek Pembangunan Loji Sg Labu	45	60			105	Loji baru
2.	Projek. Peningkatan Kapasiti SSP1		120			120	Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 760 JLH kpd 190JLH
3.	BRH		25			25	Meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 15.6 JLH kpd 40.6
4.	Projek Pengagihan Semula Kapasiti SSP1				50	50	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 120 JLH kepada pengguna
5.	Pro. Agihan SSP3				120	120	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 3 sebanyak 120 JLH kepada pengguna
6.	Pro. Agihan Loji Rasa				100	100	Bagi mengagihkan lebihan air di Loji SSP 1 sebanyak 100 JLH kepada pengguna
7.	Program NRW		49	52		101	Program menurunkan NRW
	Jumlah	45	254	52	270	621	

Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang akhir 2014 dan dengan siapnya projek mitigasi ini, terdapat 621 JLH air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti SPLASH, ABASS dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

i) Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
ii) Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
iii) Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang dipam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
iv) Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
v) Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu, LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di Negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu di ambil sekiranya berlaku masalah air di Negeri Selangor. Salah satu penyelesaiannya adalah penggunaan **sumber air alternatif** iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan bekalan air di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sumber air bumi masih belum meluas penggunaannya dan perlu dikomersialkan.

Pakar Air yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor juga akan membuat kajian bagi mengenal pasti Loji-loji rawatan air yang boleh dioptimumkan pengeluarannya di samping membuat kajian mengenai penggunaan teknologi baru di dalam mempertingkatkan pengeluaran air bersih dari Loji-loji sedia ada.

c) Kerajaan Negeri Selangor masih kekal berpendirian bahawa penyelesaian isu Skim LRA 2 perlu dilihat bersekali dengan memuktamadkan segera penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor berdasarkan kepada Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mencapai kadar tarif yang munasabah. Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengemukakan hasrat kepada Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan Negeri Selangor melalui anak syarikat kepentingannya diberi hak bagi melaksanakan pembangunan pakej utama projek Skim Langat 2 yang melibatkan kerja-kerja pembinaan LRAL 2 dan seterusnya diberikan lesen perkhidmatan di bawah Akta 655 sebagai operator yang mengoperasikan dan menyelenggarakan Skim Langat 2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: SKIM PERINTIS RAKYAT

203. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan Skim Perintis Rakyat yang menggabungkan peluang pekerjaan tetap dengan persijilan kemahiran bagi tujuan untuk melatih lepasan sekolah yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

204. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan penstrukturan semula industri perkhidmatan air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah polisi, program dan langkah-langkah yang pasti dapat menjamin kadar tarif yang munasabah?

b) Apakah perundangan dan mekanisme yang akan diwujudkan bagi memantau kos operasi Syarikat SPV yang bakal diwujudkan demi menjamin kos operasi yang tidak membebankan?

c) Apakah perundangan dan mekanisme yang akan diwujudkan bagi memastikan tiada "transfer pricing"?

JAWAPAN :

a) Pada masa ini, Perjanjian Konsesi SYABAS, memperuntukkan kadar kenaikan tarif setiap tiga tahun sekali seperti berikut:-

Pelarasan Tarif	Tarikh Pelarasan Tarif	*Average Schedule Tariff* (RM/m³)
Pelarasan Pertama	01 Januari 2006	1.39
Pelarasan Kedua	01 Januari 2009	1.90
Pelarasan Ketiga	01 Januari 2012	2.38
Pelarasan Keempat	01 Januari 2015	2.86
Pelarasan Kelima	01 Januari 2018	3.15
Pelarasan Keenam	01 Januari 2021	3.31
Pelarasan Ketujuh	01 Januari 2024	3.48
Pelarasan Kelapan	01 Januari 2027	3.65
Pelarasan Kesembilan	01 Januari 2030	3.83

Dalam melaksanakan penyusunan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengambil kira aspek-aspek berikut:-

i) Menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pemegang konsesi;

ii) Meneliti dan menstrukturkan semula kos-kos operasi terutamanya pembelian air terawat yang pada masa ini amat membebankan;

iii) Mengenakan tarif air pada kadar yang munasabah dan berasaskan prestasi dan pencapaian KPI syarikat pengendali perkhidmatan;

iv) Memastikan struktur baru yang diwujudkan mengutamakan peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya; dan

v) Melibatkan PAAB di peringkat awal dalam proses pengambilalihan dan penyusunan semula ini.

Melalui Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan bahawa SPV yang bakal diwujudkan di bawah Model dipantau sepenuhnya bagi memastikan SPV ini beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan. Sebagai SPV yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa penuh untuk memantau agar SPV ini akan mendapat *one time profit,* yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melebihi 9%. Dengan keuntungan yang tidak melampaui, SPV akan dapat mengekalkan kadar tarif yang munasabah. Kenaikan tarif di dalam operasi memang tidak dapat dihalang berikutan dengan kenaikan kos bahan mentah dan kos operasi, namun kenaikan tarif tersebut akan dipastikan tidak melebihi 12%.

Selain dari itu, SPV yang beroperasi secara holistik ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing)* dan ini dapat memastikan kos operasi yang tidak membebankan iaitu tidak lebih dari RM0.36per unit. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Ini dapat memastikan kadar tarif munasabah dapat dicapai.

Melalui peranan yang diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), SPV tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan diambil alih oleh PAAB. Dengan kaedah ini, kos pembangunan tidak akan dipindahkan kepada pengguna dalam bentuk kenaikan tarif.

Di bawah rejim pelesenan, SPAN melalui peruntukkan di bawah Akta 655 boleh mengesyorkan kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk

menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan air termasuk kadar air pukal dan kadar tarif air.

b) Pada masa ini, operator air di Negeri Selangor menjalankan operasinya berdasarkan peruntukkan Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi Air. Apabila kesemua operator air disusun semula melalui penstrukturan semula, Perjanjian Konsesi sedia ada akan ditamatkan dan SPV yang diwujudkan perlu mendapatkan lesen perkhidmatan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655). Di bawah peruntukkan Akta 655, sebelum lesen perkhidmatan boleh diberikan kepada SPV, pihak SPV mematuhi setiap peruntukkan di bawah Akta 655 dan Peraturan di bawah Akta 655 di mana antara perkara yang perlu dikemukakan untuk mendapatkan lesen perkhidmatan adalah:-

i) mengemukakan secara telus *(open book basis)* rancangan induk perniagaan untuk tiga puluh tahun;

ii) cadangan tatacara pengendalian dan penyenggaraan termasuk pelan keselamatan dan pelan pemulihan operasi;

iii) cadangan standard prestasi dan petunjuk prestasi utama yang akan diterima pakai untuk perkhidmatan;

iv) maklumat korporat termasuk butir mana-mana syarikat yang disifatkan bersekutu dengan pengarah pemohon;

v) akaun terkini yang telah diaudit; dan

vi) lain-lain maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Suruhanjaya secara bertulis atau menurut mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Melalui peraturan dan kawal selia yang dikuatkuasakan oleh SPAN di bawah Akta 655, kos operasi SPV di bawah Model Holistik yang bakal diwujudkan itu dapat dipastikan tidak membebankan mana-mana pihak. Melalui Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan bahawa SPV yang bakal diwujudkan di bawah Model dipantau sepenuhnya bagi memastikan SPV ini beroperasi dengan mementingkan kualiti dan keberkesanan operasi dan bukannya mengaut keuntungan. Sebagai SPV yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa penuh untuk memantau agar SPV ini akan mendapat *one time profit,* yang mana keuntungan yang akan dijana adalah tidak melebihi 9%.

Selain dari itu, SPV yang beroperasi secara holistik ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing)* dan ini dapat memastikan kos operasi yang tidak membebankan iaitu tidak lebih dari RM0.36per unit. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Ini

dapat memastikan kos operasi SPV itu kelak tidak membebankan dan seterusnya kadar tarif munasabah dapat dicapai.

c) Pada masa ini, operator air di Negeri Selangor menjalankan operasinya berdasarkan peruntukkan Perjanjian Konsesi yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi Air. Apabila kesemua operator air disusun semula melalui penstrukturan semula, Perjanjian Konsesi sedia ada akan ditamatkan dan SPV yang diwujudkan perlu mendapatkan lesen perkhidmatan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655).

SPV yang beroperasi secara holistik ini dapat mengekang pemindahan harga (*transfer pricing)* dan ini dapat memastikan kos operasi yang tidak membebankan iaitu tidak lebih dari RM0.36per unit. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi. Ini dapat memastikan kos operasi SPV itu kelak tidak membebankan dan seterusnya kadar tarif munasabah dapat dicapai.

Pada masa ini belum ada mana-mana undang-undang bertulis yang diwujudkan bagi mengekang elemen *transfer pricing.* Walau bagaimanapun, melalui kaedah pemantauan dan kawal selia oleh SPAN di bawah Akta 655, di dalam meneliti permohonan pelesenan, pihak SPAN boleh membuat peraturan dan garis panduan untuk mengekang elemen *transfer pricing* ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : BIASISWA/PINJAMAN PENDIDIKAN KEPADA ANAK-ANAK PEGAWAI ANAK SYARIKAT SELANGOR

205. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan jumlah permohonan dan jumlah yang telah diluluskan untuk biasiswa/pinjaman pendidikan kepada pegawai-pegawai Anak Syarikat Selangor sejak pelancaran skim ini dan unit manakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala permohonan dan kelulusan?

b) Apakah jenis biasiswa/pinjaman yang ditawarkan di bawah skim ini dan kriteria-kriteria untuk mereka yang layak untuk memohon biasiswa/pinjaman pendidikan?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan membuka tawaran biasiswa/pinjaman pendidikan Anak Syarikat Selangor tersebut kepada orang awam memandangkan permintaan untuk permohonan adalah begitu tinggi sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor yang hendak melahirkan warga negeri yang berilmu.

JAWAPAN:

a) Jumlah permohonan daripada anak-anak syarikat dan badan-badan berkanun Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SYARIKAT	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	16 permohonan
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	8 permohonan
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	5 permohonan
4.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	2 permohonan
5.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	5 permohonan

Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Tabung Pendidikan Anak-Anak Syarikat dan Badan-Badan Berkanun (TPASBB) Bil.2/2012 telah memutuskan bahawa setiap agensi perlu memutuskan calon yang layak untuk dikemukakan kepada pihak urusetia sebelum 5 Julai 2012.

Urusetia bagi Tabung Pendidikan Anak-Anak Syarikat dan Badan-Badan Berkanun (TPASBB) adalah Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman (APP), Perbendaharaan Negeri Selangor.

b) Jenis Biasiswa / pinjaman yang ditawarkan di bawah skim ini dan kriteria-kriteria untuk mereka yang layak untuk memohon Biasiswa / pinjaman pendidikan adalah seperti di **Lampiran A**.

c) Tabung Pendidikan Anak-Anak Syarikat dan Badan-Badan Berkanun (TPASBB) diwujudkan khas untuk warga kerja dan anak-anak warga kerja Anak-Anak Syarikat dan Badan-Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor sahaja. Walau bagaimanapun, orang awam boleh memohon Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PENCALONAN DERMASISWA / BIASISWA BAGI PROGRAM SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH SARJANA MUDA / IJAZAH LANJUTAN / KURSUS PROFESIONAL BAGI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN BADAN-BADAN BERKANUN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SESI PENGAJIAN 2012/2013

1. SYARAT UMUM

Calon hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan / sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah peningkatan kepada keberkesanan organisasi. Anak-anak syarikat / badan berkanun yang mencalonkan pegawai masing-masih juga boleh mengenal pasti kursus yang bersesuaian yang dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan yang diiktiraf atau setaraf dengannya.

2. SYARAT KHUSUS

2.1 PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

i) Terbuka untuk anak-anak warga kerja anak-anak syarikat yang berjawatan tetap dan kontrak serta telah disahkan ke dalam jawatan;

ii) Pemohon mestilah berumur 18 tahun sehingga 25 tahun.

iii) Mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan SPM (sekurang-kurangnya 5A) atau STPM (sekurang-kurangnya 3A). Jawatankuasa boleh menggunakan budi bicara untuk menawarkan bantuan kepada anak-anak warga kerja yang berkelayakan sekiranya tidak terdapat permohonan yang memenuhi syarat ini;

iv) Telah mempunyai diploma dengan kelulusan PNGK sekurang-kurangnya 3.0; dan

v) Telah mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian di Matrikulasi atau mana-mana IPT Awam dan Swasta yang diiktiraf.

2.2 PROGRAM SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH SARJANA MUDA / IJAZAH LANJUTAN / KURSUS PROFESIONAL

i) Terbuka untuk warga kerja anak-anak syarikat yang berjawatan tetap dan kontrak serta telah disahkan ke dalam jawatan;

ii) Telah ditawarkan tempat di IPTA/IPTS/Institusi berkaitan;

iii) Warga kerja yang sedang mengikuti pengajian boleh memohon dengan syarat tempoh pengajian masih berbaki semasa permohonan;

iv) Berjawatan **tetap** dan telah disahkan ke dalam jawatan serta telah berkhidmat sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** bersama anak-anak syarikat/badan berkanun;

v) Warga kerja yang berkhidmat secara kontrak adalah layak untuk memohon sekiranya baki perkhidmatan melebihi (sekurang-kurangnya tiga [3] bulan) selepas tempoh pengajian ataupun tertakluk pada tempoh yang ditetapkan oleh anak-anak syarikat/ badan berkanun;

vi) Telah mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/ institusi-institusi yang berkaitan yang diiktiraf oleh MQA/ badan-badan bertauliah/profesional;

vii) Kursus / pengajian yang diambil mestilah diakreditasikan oleh MQA/ badan-badan bertauliah/profesional serta relevan dengan bidang tugas dan keperluan syarikat/ badan berkanun;

viii) Mencapai sekurang-kurangnya tahap *on target* di dalam penilaian prestasi tahunan individu selama tiga (3) tahun berturut-turut dari tarikh permohonan;

ix) Mempunyai rekod disiplin yang baik dan tiada dikenakan sebarang tindakan oleh Lembaga Tatatertib untuk tempoh 3 tahun;

x) Permohonan mestilah mendapat sokongan dan pelepasan daripada Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif;

xi) Tertakluk kepada ikatan perjanjian untuk berkhidmat bersama Syarikat selama tempoh tertentu; dan

xii) Memiliki **syarat kelayakan akademik** seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	**KELULUSAN PNGK ATAU SETARAF**		
	DIPLOMA	**SARJANA MUDA**	**SARJANA**
Sijil	Tidak berkaitan		
Diploma	Tidak berkaitan		
Sarjana Muda	2.5 dan ke atas	Tidak berkaitan	
Sarjana	Tidak berkaitan	2.5 dan ke atas	Tidak berkaitan
PhD	Tidak berkaitan	2.5 dan ke atas	Lulus
Kursus profesional	Tidak berkaitan		

3. KEMUDAHAN

3.1 YURAN DAN ELAUN

3.1.1 PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

Anak-anak wargakerja yang berjaya akan ditawarkan Dermasiswa / Biasiswa dengan mengambil kursus ini secara **sepenuh masa *(full time*).** Elaun dan bantuan yang layak diterima adalah seperti berikut:

BIL.	BAYARAN/ ELAUN	KADAR
1.	**Yuran Pengajian**	Dibayar berdasarkan invois tuntutan oleh pihak IPT
2.	**Elaun Buku (setahun)**	RM400
3.	**Elaun Alat Tulis (setahun)**	RM400
4.	**Elaun Sara Hidup** (dibayar setiap tiga bulan sekali)	RM700 sebulan

3.1.2 PROGRAM SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH SARJANA MUDA / IJAZAH LANJUTAN / KURSUS PROFESIONAL

Pegawai-pegawai yang berjaya akan ditawarkan Dermasiswa / Biasiswa dengan mengambil kursus ini secara **separuh masa *(part time*).** Elaun dan bantuan yang layak diterima adalah seperti berikut:

BIL.	BAYARAN/ ELAUN	KADAR
1.	**Yuran Pengajian**	Dibayar berdasarkan invois tuntutan oleh pihak IPT
2.	**Elaun Buku (Setahun):**	
	(i) Sijil / Diploma / Diploma Lanjutan	RM 525
	(ii) Ijazah Sarjana Muda	RM 525
	(iii) Kursus Profesional	RM 525
	(iv) Sarjana	RM 750
	(v) Doktor Falsafah (PhD)	RM 825

BIL.	BAYARAN/ ELAUN	KADAR
3.	**Elaun Alat tulis (setahun)**	RM 700
4.	**Elaun Penyediaan Tesis (sekali sahaja):** (i) Diploma Lanjutan (ii) Sarjana • Kerja kursus (Coursework) • Penyelidikan (Research) (iii) Doktor Falsafah (PhD)	 RM 400 RM 1,500 RM 3,000 RM 6,000

4. BIDANG TAJAAN

Bidang Pengajian perlulah relevan dengan bidang tugas dan keperluan Syarikat tertakluk kepada kelulusan anak-anak syarikat dan badan berkanun.

5. JADUAL PERMOHONAN

Permohonan adalah diterima sepanjang tahun melalui pencalonan oleh anak-anak syarikat / badan berkanun masing-masing.

6. HAD UMUR DAN TEMPOH PENAJAAN MAKSIMUM

6.1 Had umur bagi pegawai menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	HAD UMUR (TAHUN)*	TEMPOH TAJAAN (TAHUN)
Sijil / Diploma	50	2
Diploma Lepasan Ijazah	50	2
Sarjana	50	3
Doktor Falsafah	50	5
Kursus profesional	Tiada	Bergantung pada kursus

*****Kelayakan umur adalah tertakluk kepada jangkamasa pegawai dapat menghabiskan tempoh kontrak sebelum persaraannya.

6.2 Sekiranya pegawai tersebut perlu melanjutkan tempoh pengajian atas sebab gagal dalam mana-mana subjek atau purata nilai gred kumulatif (CGPA) kurang dari had minimum yang ditetapkan dan perlu mengulang *(repeat)* subjek atau semester, kos tersebut perlu dibiayai sendiri oleh pegawai tersebut.

7. IKATAN PERJANJIAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN SYARIKAT

7.1 PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

Bagi anak-anak warga kerja anak-anak syarikat/badan berkanun yang menerima biasiswa tabung ini, sekiranya tiada tawaran diberikan oleh agensi berkaitan setelah **tempoh tiga bulan** selepas tamat tempoh pengajian, tiada ikatan dikenakan dan mereka bebas untuk mencari pekerjaan lain.

7.2 PROGRAM SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH SARJANA MUDA IJAZAH LANJUTAN / KURSUS PROFESIONAL

i) Sepanjang tempoh ikatan perjanjian, pegawai tidak dibenarkan sama sekali menamatkan perkhidmatan. Sekiranya pegawai menamatkan perkhidmatan sebelum tempoh matang perjanjian tersebut, pegawai tersebut perlu membayar kembali keseluruhan jumlah yuran pengajian yang telah dibiayai oleh Tabung Pendidikan. Tempoh ikatan perjanjian adalah seperti berikut:

Jumlah Biasiswa / Dermasiswa Yuran Pengajian (RM)	***Warga Kerja GLC***
	Tempoh Ikatan
10,000 ke bawah	Tiada Ikatan
10,001 - 30,000	2 Tahun
30,001 - 50,000	3 Tahun
50,001 - 70,000	4 Tahun
70,001 - 90,000	5 Tahun
90,001 - 100,000	6 Tahun

ii) Pegawai kontrak yang tidak diperbaharui kontrak perkhidmatannya atas sebab **disiplin dan prestasi kerja yang tidak memuaskan** perlu membayar keseluruhan kos pengajian yang telah dibayar oleh Tabung Pendidikan.

8. GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN

Anak-anak kakitangan atau kakitangan GLC yang gagal menamatkan pengajian atas sebab-sebab yang akan dipertimbangkan sahaja oleh Jawatankuasa Pentadbiran perlu membayar 30% daripada jumlah biasiswa yang telah dikeluarkan oleh Tabung Pendidikan secara **tunai** atau **ansuran** dengan tempoh maksimum **enam puluh (60) bulan** atau bergantung pada tempoh persaraan atau tamat kontrak.

9. LAIN-LAIN

Bagi anak-anak warga kerja anak-anak syarikat / badan berkanun yang menerima biasiswa tabung ini, tidak boleh menerima lain-lain penajaan daripada mana-mana yayasan, tabung atau Kerajaan Persekutuan.

Bagi sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, bolehlah menghubungi:

En. Mahadhir bin Karim
Perbendaharaan Negeri Selangor,
Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman,
Tingkat 11, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel: 03-5521 2328
No. fax: 03-5544 7659

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : GERAN SELANGORKU

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tahap pencapaian setiap kategori tumpuan? Senaraikan peratusan dan jumlah geran yang telah dikeluarkan hingga Jun 2012.

b) Apakah sistem perolehan yang diamalkan dalam penentuan tajuk projek dan sistem pemantauannya?

JAWAPAN :

a)

		Peruntukan	Diluluskan	Baki	%
1	INFRASTRUKTUR	50,000,000	37,668,182	12,331,818	75.3%
2	PEMBINAAN INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000	5,765,748	24,234,252	19.2%
3	PEMERKASAAN WANITA	30,000,000	1,878,830	28,121,170	6.3%
4	PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	1,245,595	1,754,405	41.5%
5	PEMELIHARAAN & PEMULIHAN ALAM SEKITAR	5,000,000	250,600	4,749,400	5.0%
6	PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	45,000	4,955,000	0.9%
7	JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	26,450	9,973,550	0.3%
8	PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000	65,000	9,935,000	0.7%
9	PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	477,000	4,523,000	9.5%
10	SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	1,016,600	28,983,400	3.4%
11	PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000		5,000,000	0.0%
12	PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000	770,000	9,230,000	7.7%
13	KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000		30,000,000	0.0%
14	PENGGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000		22,000,000	0.0%
15	DARI KEBAJIKAN KEPADA BEKERJA	20,000,000	10,000	19,990,000	0.1%
16	PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000		15,000,000	0.0%
17	DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	3,000,000	17,000,000	15.0%
	JUMLAH KESELURUHAN	300,000,000	52,219,006	247,780,994	

b) Proses Perolehan sebutharga masih mengikut tatacara perolehan kerajaan cuma tempohnya disingkatkan kepada maksimum sebulan. Pihak JKR juga telah mengadakan beberapa siri bengkel agar semua PBT/PTD terbabit menggunakan SOP yang seragam.

Proses Perlaksanaan – pemantauan bukan sahaja dilakukan oleh PBT, tetapi juga wakil JKR negeri serta pemantau bebas dari MBI yang akan melakukan audit sebelum sebarang pembayaran dibuat. Laporan status perlaksanaan dibentangkan setiap minggu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PELAKSANAAN GAJI MINIMA DI SELANGOR

207. Pelaksanaan gaji minima dilaksanakan di Negeri Selangor RM 1500.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sejauh mana dapat dilaksanakan dan agensi Kerajaan mana yang menikmati keistimewaan ini?

b) Apakah strategi untuk melibatkan Syarikat-syarikat swasta

JAWAPAN :

a) Pelaksanaan gaji minimum di Selangor, yang diumumkan setakat ini hanya merangkumi :

- Syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan negeri Selangor
- Syarikat tersebut mestilah dalam keadaan stabil

Syarikat berkaitan kerajaan negeri Selangor terlibat dalam dasar baru kerajaan negeri Selangor ini, antaranya ialah :

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
- Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)
- Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)
- Worldwide Holdings Bhd.

Selepas dilihat berjaya, dasar ini akan diperluaskan kepada syarikat-syarikat yang lain pula.

b) Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan pihak NGO termasuk MTUC Negeri Selangor di bawah Geran Selangorku – Perlaksanaan Gaji Minima bagi merangka pelan dan strategi bagaimana ianya dapat dilaksanakan secara menyeluruh di negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : UNISEL

208. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah UNISEL tidak mempunyai ramai pelajar berketurunan Cina?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak UNISEL bagi menarik lebih ramai pelajar Cina untuk ke UNISEL?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mengiktiraf kelulusan Sek. Men. (Persendirian) Cina, sebagai satu keperluan bagi memasuki UNISEL?

JAWAPAN:

a) Sebab mengapa UNISEL tidak mempunyai ramai pelajar cina tidak diketahui kerana tidak ada kajian yang dibuat. Pihak UNISEL sedia sedar akan keadaan ini dan kini mula membuat tumpuan pemasaran ke atas masyarakat cina.

b) Usaha dan langkah telah mula diambil, seperti membuat iklan kemasukan di surat khabar-surat khabar berbahasa cina. Lawatan promosi ke sekolah-sekolah cina juga telah dibuat dan akan dipertingkatkan secara berterusan.

c) UNISEL bersedia menimbangkan kelayakan kemasukan lulusan Sekolah Menengah (Persendirian) Cina. Namun UNISEL juga adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat kemasukan seperti yang ditetapkan oleh pihak MQA yang bertanggungjawab kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PEMBANGUNAN DI BANGI

209. Bangi terus membangun dengan pembinaan projek-projek perumahan yang banyak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah projek perumahan yang dibangunkan sejak 2008 di Bangi?

b) Adakah pihak Kerajaan Negeri dapat mengawal atau mewujudkan satu polisi untuk tidak membenarkan sesebuah syarikat atau pemodal besar memonopoli pembelian lot rumah, tanah, atau rumah kedai sehingga menindas peluang peniaga kecil atau penduduk Bangi memiliki aset hartanah secara terus dengan pemaju?

c) Sila berikan penerangan tentang pembangunan 'Gateway Bangi' berdekatan tol Bangi dan kepada siapa diutamakan projek ini?

JAWAPAN :

a) Jawapan bahagian ini dijawab oleh MPKj.

b) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap rakyat di negeri Selangor tertutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah mahupun bangunan perniagaan, Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa kaedah bermula daripada syarat pembangunan tanah hinggalah kepada penjualan perumahan dan kedai jenis kos rendah serta mampu milik demi memastikan setiap kepentingan golongan masyarakat terpelihara. Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri pada masa ini telah pun mempunyai beberapa polisi atau kaedah yang dapat mengawal sesebuah syarikat atau pemodal besar daripada menonopoli pembelian lot rumah, tanah atau rumah kedai. Kerajaan Negeri telah mensyaratkan bahawa setiap pembangunan yang melebihi 10 ekar disyaratkan membina 20% Rumah Kos Rendah (RKR), 20% Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) dan 10% Rumah Kos Sederhana (RKS) dengan harga jualan serendah RM35,000.00 hingga RM100,000.00 seunit. Kerajaan Negeri juga telah melancarkan satu konsep pembangunan baru iaitu Projek Rumah Mampu Milik Selangor yang dilancarkan pada 8 Jun 2011 di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi berharga daripada RM85,000.00 sehingga RM120,000.00 seunit. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mensyaratkan supaya pembangunan komersial/ bangunan perniagaan yang melebihi 10 ekar atau melebihi 50 unit dikenakan penyediaan 20% bangunan

perniagaan harga rendah yang dijual pada harga RM120,000.00 seunit. Kesemua jenis hartanah tersebut merupakan hartanah- hartanah di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Y.B juga, kesemua jenis pembangunan yang tersenarai di atas, penjualan/ penawaran unit- unit hartanah tersebut akan di uruskan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melalui beberapa kriteria dan diproses serta di tapis melalui sistem berdasarkan kelayakan had pendapatan, latar belakang dan keperluan pembeli yang benar- benar layak untuk diberi pertimbangan dalam memiliki hartanah- hartanah tersebut. Antara sistem yang telah diwujudkan adalah Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR), Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Mampu Milik dan Sistem Pendaftaran Permohonan Kedai Kos Rendah. LPHS juga sedang dalam proses mewujudkan satu bank data mengenai inventori- inventori pembangunan hartanah di negeri Selangor di mana akhirnya kesemua penjualan/ penawaran termasuk hartanah- hartanah berharga tinggi akan di proses sepenuhnya oleh LPHS.

Dengan adanya sistem perancangan seperti berikut, Kerajaan Negeri secara langsung akan dapat mengawal pemaju- pemaju daripada menjual hartanah-hartanah khususnya jenis kos rendah dan sederhana secara bebas kepada pembeli- pembeli yang mempunyai modal besar tanpa mengambilkira pembeli-pembeli golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

c) Jawapan bahagian ini dijawab oleh MPKj.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENGURUSAN

210. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah alasan nya yang Ahli Majlis langsung tidak di libatkan dalam Jawatankuasa Perancangan dan Jawatankuasa Pembangunan peringkat PBT ?

b) Apakah bentuk –bentuk tindakan yang diambil ke atas kontraktor-kontraktor pungutan sampah yang tidak efisien dan gagal menjalankan kerja dengan baik ? Setakat ini berapa ramai kontraktor pungutan sampah yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka di MPK sejak Mac 2012 ?

c) Terdapat ramai kontraktor pungutan sampah yang ditolak dalam tender terbuka semata-mata kerana mereka tiada kompaktur. Namun yang menghairankan ada pula yang mendapat habuan tender walaupun tidak mempunyai kompaktur. Saya mohon penjelasan dari MPK.

JAWAPAN :

a) Dakwaan yang mengatakan bahawa Ahli Majlis tidak langsung dilibatkan dalam Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan peringkat PBT adalah **tidak benar** sama sekali.

Berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 6/2008 bertarikh 2 September 2008, **keahlian Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)** adalah terdiri daripada jabatan teknikal dalaman dan luaran termasuk 4 orang Ahli Majlis yang dilantik.

b) Di antara tindakan yang diambil oleh pihak Majlis ke atas kontraktor kutipan sampah yang tidak efisien dan gagal menjalankan kerja ialah seperti berikut :
   i) mengeluarkan surat amaran.
   ii) mengeluarkan NTC (*Notice To Correct*) @ Notis Pembetulan.
   iii) mengambil tindakan *back-up*.

Setakat ini tiada lagi kontraktor kutipan sampah yang telah ditamatkan perkhidmatan sejak bulan Mac, 2012.

c) Pihak Majlis telah menyemak semua borang permohonan tender dan memastikan semua permohonan adalah berdasarkan syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Pihak Kerajaan Negeri dan pihak Majlis. Antara kriteria tersebut ialah :-

i) mempunyai kompaktor sendiri (disertakan salinan geran dan gambar).
ii) jika menyewa kompaktor mestilah mempunyai perjanjian penyewaan.
iii) mempunyai depoh di kawasan Klang.
iv) maklumat bilangan kompaktor yang dimiliki @ disewa.

Pihak Majlis telah menjual sejumlah 1,113 unit dokumen tender dan 1,059 unit dokumen tender yang telah dikembalikan semula dan telah meluluskan 45 kawasan kutipan sampah yang terdiri seperti butir-butir berikut :-

i) Mempunyai kompaktor sendiri	- 29 kontraktor
ii) Menyewa kompaktor	- 16 kontraktor
JUMLAH	= 45 kontraktor

Majlis ingin memberi peluang kepada kontraktor sediada dan berpengalaman serta memberi juga peluang kepada kontraktor yang baru.

Bagi kontraktor yang baru dan menggunakan kompaktor yang disewa, Majlis telah meminta mereka supaya boleh mendapatkan kompaktor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PROJEK MITIGASI MENINGKATKAN PENGELUARAN AIR (2012 – 2015)

211. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan projek mitigasi loji rawatan air.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah komponen-komponen utama projek mitigasi yang dilaporkan akan menelan kos RM591 juta?

b) Apakah program-program peningkatan pengeluaran air yang terlibat dengan kos mitigasi 1 (RM260 juta) dan kos mitigasi 2 (RM331 juta)?

c) Apakah persediaan logistik dan kewangan sekiranya projek mitigasi 2012 – 2015 ini tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan?

JAWAPAN :

a) Unjuran yang dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan bahawa sumber bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya sedia ada akan berada pada tahap kritikal dan dijangkakan akan berlaku kekurangan air pada tahun 2017. Kebanyakan loji dan rumah pam sekarang berada di tahap pengeluaran yang maksimum malah terdapat loji dan rumah pam yang beroperasi dalam keadaan *overload* (melebihi beban reka bentuk). Keadaan kekurangan bekalan air ini akan diburukkan lagi jika berlaku kejadian-kejadian seperti berikut:-

i) Penutupan loji disebabkan oleh pencemaran sumber air, gangguan bekalan elektrik kerosakan peralatan loji, penyelenggaraan berjadual loji,

ii) Musim kemarau luar biasa yang boleh menjejaskan pengeluaran air dan meningkatkan permintaan air, atau

iii) Kerosakan paip induk yang disebabkan oleh pihak ketiga.

Justeru itu, Jemaah Menteri pada 18 Jun 2010 telah meluluskan Program Mitigasi 1 bagi mengatasi masalah kekurangan air. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah menggunakan kaedah pelaksanaan RMK 10 berdasarkan kepada tempoh 2 tahun *rolling plan*. Berdasarkan kepada kaedah 2 tahun *rolling plan* tersebut, pihak UPE, JPM telah memperakukan dan bersetuju meluluskan tiga (3) projek untuk dilaksanakan dalam Rancangan

Malaysia ke sepuluh (RMK 10). Senarai dan deskripsi projek serta siling yang diluluskan adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Projek	Agensi Pelaksana	Kos Projek (RM/juta)
1	Menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1)	Kerajaan Negeri Selangor	90
2	Program penggantian paip air lama serta paip perhubungan kritikal bagi mengurangkan NRW	SYABAS	175
3	Pembinaan sitem paip dari Bernam River Head ke kawasan Kuala Selangor dan Bernam	SYABAS	15
Jumlah			280

Projek Mitigasi 1 ini sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2013.

Berdasarkan kepada unjuran permintaan dan pembekalan air yang dibuat oleh SPAN, didapati bahawa keadaan bekalan air masih belum mencukupi. Justeru itu, Majlis Mesyuarat Ekonomi Bil 2/2012 yang bersidang pada 16 Januari 2012 telah bersetuju secara dasarnya untuk meluluskan cadangan Projek Mitigasi Fasa 2 Untuk Mengatasi Masalah Kekurangan Air Di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya. Projek-projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Projek	Agensi Pelaksana	Kos Projek (RM/juta)
1	Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1	Kerajaan Negeri Sealngor	67
2	Pengagihan Semula Kapasiti Reka bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3	Kerajaan Negeri Selangor	81
3	Pemindahan Pukal Rasa	Kerajaan Negeri Selangor	74
4	Projek Penggantian Aset bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih	Kerajaan Negeri Selangor	30

5	Program penggantian paip air lama serta paip perhubungan kritikal bagi mengurangkan NRW	SYABAS	75.5
Jumlah			327.5

Projek Mitigasi 2 ini masih menunggu kelulusan pinjaman dari Kementerian Kewangan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2015.

b) Berdasarkan kepada unjuran permintaan dan pembekalan air yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, permintaan air akan meningkat sehingga mencapai 4,169 JLH sedangkan pengeluaran kekal pada 4,326 JLH , ringkasan anggaran permintaan dan pengeluaran air dari tahun 2012 hingga 2015 boleh diterangkan dalam Jadual berikut:-

TAHUN	**ANGGARAN PERMINTAAN (DENGAN MENGAMBIL KIRA 3.5% GROWTH & NRW PADA KADAR 33%)**	**KAPASITI PENGELUARAN SEMASA**	**LEBIHAN/ (KEKURANGAN)**
2011	4169	4,326	**157**
2012	4354	4,326	**(28)**
2013	4506	4,326	**(180)**
2014	4664	4,326	**(338)**
2015	4827	4,326	**(501)**

Dengan pelaksanaan Projek Mitigasi 1 dan 2, dianggarkan permintaan air akan mencukupi sehingga tahun 2015 dengan anggapan bahawa Projek Langat 2 siap pada tahun 2016. Ringkasan anggaran permintaan dan pengeluaran air setelah Projek Mitigasi 2 dilaksanakan adalah Jadual berikut:-

TAHUN	ANGGARAN PERMINTAAN (DENGAN MENGAMBIL KIRA 3.5% GROWTH & NRW PADA KADAR 33%)	KAPASITI PENGELUARAN SEMASA	Tambahan Kapasiti (JLH)	Projek Mitigasi
2011	4169	4,326	157	-
2012	4354	4,381	27	Tambahan 55JLH dari Loji Sg Labu
2013	4506	4,615	109	Tambahan 110 JLH dari projek berikut: i. Loji Sg Labu dengan kapasiti 50 JLH ii. Pengagihan Semula SSP 1 dengan kapasiti 110JLH iii. Projek NRW dengan kapasiti 49 JLH
2014	4664	4,667	3	Tambahan 52 JLH dari projek berikut: i. Projek BRH dengan kapasiti 25 JLH ii. Projek NRW dengan kapasiti 52 JLH
TAHUN	**ANGGARAN PERMINTAAN (DENGAN MENGAMBIL KIRA 3.5% GROWTH & NRW PADA KADAR 33%)**	**KAPASITI PENGELUARAN SEMASA**	**Tambahan Kapasiti (JLH)**	**Projek Mitigasi**

2015	4827	4,917	90	Tambahan 150 JLH dari projek berikut: i. Pengagihan Semula SSP 3 dengan kapasiti 150 JLH ii. Pemindahan Rasa dengan kapasiti 100 JLH
2016	4,995	6,047	1,052	Tambahan 1,130 JLH dari Projek Langat 2

c) Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, Klausa 7.4(b) memperuntukkan seperti berikut:-

"Sekiranya SYABAS menjangkakan atau meramalkan kekurangan dalam bekalan air mentah, SYABAS hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor secara bertulis tentang kekurangan itu, dan juga cadangan SYABAS mengenai bagaimana kekurangan itu dapat di atasi. Notis dan cadangan itu hendaklah dihantar kepada Kerajaan Negeri Selangor sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh yang dijangkakan atau diramalkan berlakunya kekurangan air mentah. Kerajaan Negeri Selangor tidak diwajibkan untuk melaksanakan cadangan SYABAS tersebut atau mana-mana bahagian darinya dan berhak atas budi bicara dan pertimbangan sendiri untuk menentukan cara-cara mengatasi kekurangan itu".

Semenjak tahun 2005, SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd telah membuat kajian dan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor program-program yang perlu dilaksanakan untuk menghadapi masalah kekurangan air yang dijangkakan akan berlaku sebelum Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor beroperasi.

Namun demikian, keputusan pembangunan sumber air yang mencukupi adalah tanggung jawab Kerajaan Negeri Selangor. Mengikut sumber dan data yang dikemukakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), bekalan air mentah di Empangan masih mencukupi untuk menampung permintaan air sehingga tahun 2020.

Masalah utama yang dihadapi adalah melibatkan pengagihan bekalan air kepada pengguna dari Loji Rawatan Air. Dalam mengagihkan air ini, ia dipengaruhi oleh kehilangan air tidak berhasil (NRW) yang tinggi. Sekiranya masalah kehilangan air tidak berhasil dapat dikurangkan, jangkaan bekalan air kepada pengguna

dapat dipanjangkan sehingga tahun 2020. Justeru itu, bagi menyemak dan meneliti keberkesanan projek-projek yang dilaksanakan untuk mengurangkan NRW, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik pakar-pakar air. Hasil kajian dari pakar-pakar air ini akan dibentangkan pada akhir tahun ini dan dijangka dapatan dari kajian tersebut dapat melengkapkan Kerajaan Negeri Selangor dalam membuat persediaan bagi menghadapi masalah kekurangan air yang dijangkakan akan berlaku itu.

Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna. Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PESERTA YANG BELUM MENYERTAI 'JOM SHOPPING'

212. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan pemohon SMUE yang belum menyertai 'Jom Shopping' mengikut DUN.

JAWAPAN:

a) Senarai adalah seperti di Lampiran 'A'.

Laporan e-manfaat Mengikut Pejabat Khidmat DUN sehingga 4/7/2012

LAMPIRAN 'A'

No.	DUN	Jumlah Event Telah Dilaksanakan	Jumlah Keseluruhan Ahli	Jumlah Telah Menerima Manafaat	Jumlah Belum Menerima Manafaat	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	Baki Peruntukkan (RM)
1	BALAKONG	8	2712	562	2150	271,200.00	56,200.00	215,000.00
2	BANGI	10	1816	895	921	181,600.00	89,500.00	92,100.00
3	BATANG KALI	10	1382	562	820	138,200.00	56,200.00	82,000.00
4	BATU CAVES	12	2032	791	1241	203,200.00	79,100.00	124,100.00
5	BATU TIGA	20	1857	1232	625	185,700.00	123,200.00	62,500.00
6	BUKIT ANTARABANGSA	6	862	234	628	86,200.00	23,400.00	62,800.00
7	BUKIT GASING	3	1277	276	1001	127,700.00	27,600.00	100,100.00
8	BUKIT LANJAN	14	2247	1289	958	224,700.00	128,900.00	95,800.00
9	BUKIT MELAWATI	6	1215	544	671	121,500.00	54,400.00	67,100.00
10	CHEMPAKA	10	2105	924	1181	210,500.00	92,400.00	118,100.00
11	DAMANSARA UTAMA	5	5504	835	4669	550,400.00	83,500.00	466,900.00
12	DENGKIL	13	2472	1031	1441	247,200.00	103,100.00	144,100.00
13	DUSUN TUA	7	2987	397	2590	298,700.00	39,700.00	259,000.00
14	GOMBAK SETIA	5	2799	691	2108	279,900.00	69,100.00	210,800.00
15	HULU BERNAM	25	2441	1515	926	244,100.00	151,500.00	92,600.00
16	HULU KELANG	8	3063	820	2243	306,300.00	82,000.00	224,300.00
17	IJOK	10	2444	1170	1274	244,400.00	117,000.00	127,400.00
18	JERAM	6	2039	681	1358	203,900.00	68,100.00	135,800.00
19	KAJANG	9	4527	1280	3247	452,700.00	128,000.00	324,700.00
20	KAMPUNG TUNKU	15	3761	695	3066	376,100.00	69,500.00	306,600.00
21	KINRARA	5	3158	376	2782	315,800.00	37,600.00	278,200.00
22	KOTA ALAM SHAH	8	2343	572	1771	234,300.00	57,200.00	177,100.00
23	KOTA ANGGERIK	13	1831	865	966	183,100.00	86,500.00	96,600.00
24	KOTA DAMANSARA	5	1528	517	1011	152,800.00	51,700.00	101,100.00
25	KUALA KUBU BAHARU	11	2464	711	1753	246,400.00	71,100.00	175,300.00
26	KUANG	6	1963	567	1396	196,300.00	56,700.00	139,600.00
27	LEMBAH JAYA	10	3984	707	3277	398,400.00	70,700.00	327,700.00
28	MERU	17	2585	2204	381	258,500.00	220,400.00	38,100.00
29	MORIB	12	2598	1365	1233	259,800.00	136,500.00	123,300.00
30	PANDAMARAN	8	3528	717	2811	352,800.00	71,700.00	281,100.00
31	PAYA JARAS	7	2316	808	1508	231,600.00	80,800.00	150,800.00
32	PELABUHAN KLANG	14	1684	1295	389	168,400.00	129,500.00	38,900.00
33	PERMATANG	14	1969	1330	639	196,900.00	133,000.00	63,900.00
34	RAWANG	18	3349	1589	1760	334,900.00	158,900.00	176,000.00
35	SABAK	12	2736	1582	1154	273,600.00	158,200.00	115,400.00
36	SEKINCHAN	12	1995	1131	864	199,500.00	113,100.00	86,400.00
37	SELAT KLANG	18	3588	2030	1558	358,800.00	203,000.00	155,800.00
38	SEMENTA	14	2945	1580	1365	294,500.00	158,000.00	136,500.00
39	SEMENYIH	9	3031	1180	1851	303,100.00	118,000.00	185,100.00

40	SERI ANDALAS	11	4144	1287	2857	414,400.00	128,700.00	285,700.00
41	SERI KEMBANGAN	12	3733	898	2835	373,300.00	89,800.00	283,500.00
42	SERI SERDANG	7	2420	525	1895	242,000.00	52,500.00	189,500.00
43	SERI SETIA	6	1886	786	1100	188,600.00	78,600.00	110,000.00
44	SIJANGKANG	22	2267	1379	888	226,700.00	137,900.00	88,800.00
45	SRI MUDA	9	2033	596	1437	203,300.00	59,600.00	143,700.00
46	SUBANG JAYA	8	2317	1056	1261	231,700.00	105,600.00	126,100.00
47	SUNGAI AIR TAWAR	10	2331	1069	1262	233,100.00	106,900.00	126,200.00
48	SUNGAI BURONG	11	2398	1245	1153	239,800.00	124,500.00	115,300.00
49	SUNGAI PANJANG	7	3056	810	2246	305,600.00	81,000.00	224,600.00
50	SUNGAI PELEK	10	2125	949	1176	212,500.00	94,900.00	117,600.00
51	SUNGAI PINANG	10	4709	1502	3207	470,900.00	150,200.00	320,700.00
52	TAMAN MEDAN	11	3066	966	2100	306,600.00	96,600.00	210,000.00
53	TAMAN TEMPLER	15	3665	1409	2256	366,500.00	140,900.00	225,600.00
54	TANJUNG SEPAT	15	2734	1692	1042	273,400.00	169,200.00	104,200.00
55	TELUK DATUK	23	3492	2456	1036	349,200.00	245,600.00	103,600.00
56	TERATAI	9	3227	1287	1940	322,700.00	128,700.00	194,000.00
57	WPKL - BANDAR TUN RAZAK	10	2351	762	1589	235,100.00	76,200.00	158,900.00
58	WPKL - BATU	9	1648	810	838	164,800.00	81,000.00	83,800.00
59	WPKL - BUKIT BINTANG	0	164	0	164	16,400.00	0	16,400.00
60	WPKL - CHERAS	0	7	0	7	700	0	700
61	WPKL - KEPONG	0	2037	0	2037	203,700.00	0	203,700.00
62	WPKL - LEMBAH PANTAI	5	649	417	232	64,900.00	41,700.00	23,200.00
63	WPKL - SEGAMBUT	0	347	0	347	34,700.00	0	34,700.00
64	WPKL - SEPUTEH	11	3990	933	3057	399,000.00	93,300.00	305,700.00
65	WPKL - SETIAWANGSA	0	170	0	170	17,000.00	0	17,000.00
66	WPKL - TITIWANGSA	3	323	118	205	32,300.00	11,800.00	20,500.00
67	WPKL - WANGSA MAJU	0	394	0	394	39,400.00	0	39,400.00
	JUMLAH	649	160820	60502	100318	16,082,000.00	6,050,200.00	10,031,800.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : eTV SELANGORKU

213. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan terkini program eTV Selangorku dan bilakah eTV Selangorku akan diperkembangkan di seluruh negeri Selangor?

b) Berapakah bayaran yang perlu dibayar kepada eTV di bawah program ini dan adakah program ini juga akan ditonton di televisyen oleh penonton-penonton eTV di rumah?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

214. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah bayi yang dilahirkan di Negeri Selangor yang mendapat faedah skim TAWAS?

b) Berapakah jumlah peruntukan kerajaan negeri untuk disalurkan bagi tujuan TAWAS setakat ini?

JAWAPAN:

a) Laporan ahli TAWAS yang disahkan layak mengikut bangsa sehingga 26hb Jun 2012

MELAYU	CINA	INDIA	LAIN – LAIN	JUMLAH
41,108	15,403	9,876	1,438	**67,825**

b) Jumlah dana TAWAS – RM 8.5 juta

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : IKLAN UNIPOLE DAN BILLBOARD

215. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah hasil yang telah dikutip oleh pihak PBT MBPJ, MPSJ dan MBSA sejak tahun 2008 sehingga hari ini untuk permohonan pembinaan *unipole* dan *billboard* serta hasil lesen iklan mereka?

b) Apakah jarak dari rumah kediaman yang digunapakai untuk kelulusan struktur seperti di (a) khasnya kes di ss15, ss17 dan ss18 Subang Jaya?

c) Adakah pihak PBT mengambil kira pandangan pemilik rumah kediaman berdekatan? Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

a) Statistik kutipan hasil sewaan tapak paparan iklan dari tahun 2009 hingga 2012.

Bil.	**Jenis Iklan**	**Tahun**			
		2009 (RM)	**2012 (RM)**	**2011 (RM)**	**2012 (RM)**
1.	Billboard 10' x 20'	-	54,000.00	54,000.00	6,000.00
2.	Billboard 10' x 40'	-	392,000.00	409,500.00	593,400.00
3.	Billboard 40' x 60'	66,000.00	66,000.00	316,250.00	366,600.00
Jumlah		**66,000.00**	**512,000.00**	**779,750.00**	**966,000.00**
Jumlah Keseluruhan		**2,323,750.00**			

b) Menurut Garis Panduan Struktur Papan iklan, anjakan minimum yang dibenarkan adalah berukuran 3 meter (10 kaki) daripada bahu jalan.

c) Tidak, tiada dalam Garis Panduan Struktur Papan Iklan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: PROGRAM PENDEMOKRASIAN RAKYAT

216. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status usaha memastikan pemilih yang sah berdaftar dalam daftar pemilih yang terkini?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

217. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses menaiktaraf jalan tersebut yang dewasa ini semakin berlekuk-lekak dan sangat merbahayakan pengguna jalanraya ?

b) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja menaiktaraf dan membina pembahagi jalan dari kilang Bernas hingga ke Balai Bomba Sekinchan dapat dimulakan ?

c) Sila huraikan apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas terutamanya di persimpangan lampu isyarat Pekan Sekinchan dan Tanjung Karang khususnya pada hari hujung minggu dan kelepasan am ?

JAWAPAN:

a) Proses menaiktaraf jalan Persekutuan FT 005 bagi pakej Tanjung Karang sehingga Sabak Bernam akan dilaksanakan dalam Program Lebuhraya Pantai Barat yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Bagi pakej lain, pihak JKR akan menyelenggara jalan tersebut secara berkala bergantung kepada peruntukan yang diterima.

b) Kerja-kerja menaiktaraf dan pemasangan pembahagi jalan akan dibuat melalui pakej naiktaraf jalan dalam Program Lebuhraya Pantai Barat (Tanjong Karang – Sabak Bernam) yang mana pembinaannya adalah terletak di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

c) Laluan Persekutuan FT 005 dari Tanjung Karang sehingga ke Sabak Bernam terlibat dengan Cadangan Laluan Lebuhraya Pantai Barat yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Laluan ini akan dinaiktaraf sepenuhnya ke Piawaian R5 iaitu dua laluan dua lorong termasuk persimpangan bertingkat di beberapa lokasi, pembahagi jalan dan kerja geoteknikal yang menyeluruh dan sistem perparitan.

Bagi penyelesaian jangka pendek untuk mengatasi kesesakan lalulintas di persimpangan lampu isyarat di Pekan Sekinchan dan Tanjung Karang, pihak JKR akan melaksanakan program naiktaraf peti kawalan lampu isyarat kepada jenis pintar.

Lampu isyarat di persimpangan-persimpangan yang berkenaan akan diselaraskan dengan sistem ‘Greenwave’ bagi membolehkan kenderaan di laluan utama tidak tersekat di persimpangan. Lampu isyarat tersebut juga akan dipasang dengan ‘countdown display’ yang akan berinteraksi dengan sistem ‘adaptive countdown’ yang mana paparan masa akan berubah mengikut jumlah kenderaan yang melalui persimpangan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: SISTEM PANGKALAN DATA

218. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Nyatakan status Sistem Pangkalan Data yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri untuk memantau status, mengawal selia dan menyelenggara tanah di setiap daerah di Negeri Selangor?

b) Berapakah kos untuk membina sistem ini dan bilakah sistem ini akan mula dilaksanakan secara menyeluruh di semua Pejabat Daerah dan Tanah dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Sistem Pangkalan Data yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri untuk memantau status, mengawal selia dan menyelenggara tanah di setiap daerah di Negeri Selangor sedang dalam fasa pembangunan aplikasi. Sistem aplikasi ini dinamakan Selangor Land Information System (SeLIS). Pangkalan data sistem aplikasi ini melibatkan enam (6) jenis data aset tanah kerajaan negeri iaitu "Virgin Land", Luput Tempoh Pajakan (LPS), Luput Notis 5A, Luput Tempoh Pajakan, Tanah Yang Dirampas (Notis 8A) dan Tanah Rizab. Proses pengumpulan data aset tanah kerajaan telah dilaksanakan bagi Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Klang, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Petaling, Hulu Langat dan Gombak. Manakala bagi PTD Kuala Langat, Sepang dan Sabak Bernam proses pengumpulan data akan bermula pada Julai 2012. Projek ini dijangka siap hujung tahun 2012. Laporan kemajuan projek seperti di **Lampiran A**.

b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2011 telah menimbang dan meluluskan permohonan peruntukan sebanyak RM863,000.00 bagi pembangunan projek ini (Anggaran kos pembangunan seperti di Lampiran B). Sistem ini akan dilaksanakan di seluruh negeri Selangor dan sedia untuk diguna pakai bermula tahun 2013.

Lampiran A

Laporan Kemajuan Projek (Sehingga 18 Jun 2012)

Aktiviti	Perkara	Kemajuan (%)
Perkhidmatan Pembangunan Pangkalan Data GIS	Scanning dan Digitizing di setiap 9 PTD Selangor	60
Pembekalan Perkakasan ICT	PC, Printer dan Scanner	100
Pembekalan Perisian ICT	ArcGIS 10, Autodesk Infrastructure MapServer 2012, MySQL Enterprise	100
Pembangunan Aplikasi SeLIS	SeLIS	50
Latihan GIS & SeLIS	5 Fasa Latihan	20
Perkhidmatan Penyelenggaraan	Setelah Tamat Projek	0

1. Perkhidmatan Pembangunan Pangkalan Data GIS

Fasa	PTD	Tarikh	Kemajuan (%)
1	Hulu Selangor, Kuala Selangor, Klang	19 Mac – 27 April	80
2	Hulu Langat, Petaling, Gombak	30 April – 29 Jun	70
3	Kuala Langat, Sepang, Sabak Bernam, PTG Shah Alam	2 Julai – 17 Ogos	Belum bermula

2. Pembekalan Peralatan dan Perisian ICT

Bil	PTD	7 Mei 2012	8 Mei 2012	9 Mei 2012
1.	PTD Sabak Bernam			
2.	PTD Kuala Selangor			
3.	PTD Klang			
4.	PTD Hulu Selangor			
5.	PTD Gombak			
6.	PTD Petaling			
7.	PTG Selangor			
8.	PTD Kuala Langat			
9.	PTD Sepang			
10.	PTD Hulu Langat			

3. Pembangunan Aplikasi SeLIS
   - Pembentangan Prototaip SeLIS pada 19 Jun 2012

Aktiviti	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt
SeLIS								
URS								
Prototaip								
UAT								
PAT								
FAT								

4. Latihan GIS

Sesi	**Latihan**	**PTD**	**Tarikh**
1	Pengenalan kepada GIS & Geodatabase	Klang, Kuala Selangor, Hulu Selangor	14 Jun – 18 Jun
2	Pengenalan kepada GIS & Geodatabase	Gombak, Petaling, Hulu Langat	11 Julai – 15 Julai
3	Pengenalan kepada GIS & Geodatabase	Sabak Bernam, Sepang, Kuala Langat, PTGS	3 Sept – 7 Sept
4	Pengaturcaraan MapGuide	PTGS	10 Sept – 11 Sept
5	Kefahaman MySQL	PTGS	12 Sept – 13 Sept

5. Penyelenggaraan
   - Selepas tamat tempoh projek (selepas November 2012)

Lampiran B

AGGARAN KOS PEMBANGUNAN PROJEK SISTEM KAWALSELIA ASET KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BIL	AKTIVITI	Kos Seunit (RM)	Bilangan Daerah Dan PTGS	Anggaran Kos	Jumlah Anggaran Kos (RM)
5	Rumah Api, Bukit Melawati, Kuala Selangor	Jabatan laut malaysia	Kuala Selangor
BIL	**DAERAH HULU SELANGOR**	**PBT**	**DAERAH**
6	Banguan Pejabat Polis cawangan Trafik (Bangunan Gereja), Kuala Kubu Bharu	Majlis Daerah Hulu Selangor	Hulu Selangor
7	Masjid Lama Ampang Pecah, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu	Majlis Daerah Hulu Selangor	Hulu Selangor
8	Balai Bomba Lama, Jalan Dato' Tabal, Kuala Kubu Bharu	Majlis Daerah Hulu Selangor	Hulu Selangor
BIL	**DAERAH PETALING**	**PBT**	**DAERAH**
9	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	Majlis Bandaraya Shah	Petaling

		Alam	
10	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	Majlis Bandaraya Shah Alam	Petaling

BIL	DAERAH PETALING	PBT	DAERAH
11	Wat Buddhist Chetawan, Petaling jaya	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Petaling
BIL	**DAERAH SABAK BERNAM**	**PBT**	**DAERAH**
12	Masjid lama Panchang Bedena, Sungai Besar	Majlis Daerah Sabak Bernam	Sabak Bernam

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah halangan yang dihadapi Kerajaan Selangor dalam perkara tersebut?

b) Adakah Kerajaan mempunyai kuasa dalam menambahkan loji rawatan air untuk membekalkan air terawat?

c) Adakah Kerajaan mempunyai perjanjian pembekalan air dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putra Jaya?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Sebagai keutamaan di dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula ini, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menitik beratkan faktor kepentingan pengguna dan nilai *fair market value* yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi Air supaya hasil dari penstrukturan itu kelak tidak membebankan pengguna dan tidak merugikan mana-mana pihak.

Bagi merealisasikan cadangan penstrukturan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak tiga (3) kali, ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

GROSS (RM/juta)	ABASS	SPLASH	PUNCAK	SYABAS	TOTAL
Tawaran (1) 13.02. 2009	525	2,064	1,608	1,512	5,709
Tawaran (2) 25. 06.2009	946	2,975	1,936	3,361	9,218
Tawaran (3) 06 .01.2011	402	2,772	2,040	4,013	9,227

Syarikat Konsesi Air telah menolak tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak. Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil kira elemen-elemen jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh setiap pemegang saham, tempoh pelaburan yang telah dibuat dan pulangan keuntungan yang saksama. Nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan ditentukan selepas proses *due diligence* disempurnakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juru perunding yang dilantik. Sekiranya wujud perbezaan dan/atau ketidaktepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligence* disempurnakan, maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada Pemegang Konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut.

Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa sekiranya nilai yang tinggi ditawarkan kepada Pemegang Konsesi, ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada operasi operator baru yang akan dilantik oleh Kerajaan Negeri selepas penstrukturan disempurnakan. Nilai pengambilalihan yang tinggi akan menyebabkan kadar sewa pajakan yang tinggi perlu dibayar oleh operator baru kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kadar sewa pajakan yang tinggi yang akan ditanggung oleh operator yang baru kelak akan menyebabkan kos operasi meningkat dan akhirnya perlu diserapkan dalam bentuk tarif tinggi yang akan ditanggung oleh pengguna rakyat Negeri Selangor. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor juga menghadapi masalah dalam menentukan nilaian aset milik Kerajaan Negeri yang akan diserahkan kepada PAAB. Melalui penilaian yang dibuat oleh Tetuan Erinco Sdn Bhd, nilaian keseluruhan aset air milik Kerajaan Negeri Selangor dianggarkan bernilai sebanyak RM12.35 bilion. Penilaian yang dibuat oleh PAAB adalah pada anggaran RM1 – 2 bilion sahaja.

Selain dari isu mengenai nilai tawaran dan nilaian aset, Kerajaan Negeri Selangor juga menghadapi masalah dalam mendapatkan persetujuan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air mengenai Model Penstrukturan yang hendak diguna pakai. Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2008 telah mengemukakan cadangan penstrukturan melalui Model Holistik yang menjurus kepada perkara-perkara berikut:-

i) penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada;

ii) meneliti dan menstrukturkan semula kos-kos operasi terutamanya pembelian air terawat yang pada masa ini amat membebankan;

iii) mengenakan tarif pada kadar yang munasabah dan berdasarkan kepada prestasi dan pencapaian KPI operator pengendali air;

iv) memastikan struktur baru yang diwujudkan selepas penamatan konsesi sedia ada mengutamakan peningkatan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti , daya maju dan kemapanan industri; dan

v) melibatkan PAAB di peringkat awal dalam proses pengambilalihan dan penyusunan semula ini.

Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa Model Holistik yang dicadangkan itu tidak akan merugikan mana-mana pihak kerana Model tersebut mempunyai kebaikan seperti berikut:-

i. Memenuhi ciri-ciri penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air yang disarankan oleh Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang telah dilaksanakan di Negeri Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang;

ii. Purata kenaikan kadar tarif yang tidak lebih dari 12% setiap tiga tahun sekali;

iii. Kos operasi yang tidak membebankan dan dianggarkan tidak lebih dari RM0.36 per unit. Syarikat SPV yang baru tidak akan dibebani dengan terma pembelian minima atau caj kapasiti yang tinggi;

iv. Semua hutang dan pinjaman pemegang konsesi akan diserapkan dalam tanggungan SPV bagi mengurangkan kos bayaran premium kepada Pemegang Bon;

v. Semakan awal terhadap bayaran pukal dan bayaran tetap/kapasiti caj yang dituntut oleh Pemegang Konsesi sedia ada menunjukkan bahawa Pemegang Konsesi telah mengaut pulangan yang tinggi berbanding kos pembangunan, cukai dan faedah/untung institusi kewangan. Syarikat SPV baru telah ditetapkan keuntungan minima sahaja sejajar dengan Agenda Merakyat Ekonomi Selangor;

vi. Syarikat SPV tidak dibebankan dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan diambil alih oleh PAAB. Syarikat SPV akan membayar pajakan kepada PAAB atas aset-aset yang digunakan.

Walau bagaimanapun, Model Holistik ini masih belum dipersetujui oleh KTTHA. YB Menteri melalui surat bertarikh 12 Oktober 2011 telah menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menghalang Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan penstrukturan secara holistik dengan syarat pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air hendaklah dibuat secara *"willing buyer willing seller"* dan menghormati perjanjian-perjanjian konsesi yang masih sah dan berkuat kuasa.

Di dalam surat tersebut juga menyatakan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam melaksanakan pendekatan dua langkah sebagai tidak praktikal dan sukar untuk dipenuhi. Y.B. Menteri berpandangan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor komited untuk melaksanakan pendekatan "dua langkah", Kerajaan Negeri Selangor perlu memulakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi air yang bersetuju dengan kaedah pengambilalihan yang dicadangkan berdasarkan *"willing buyer willing seller"* dan bukannya menetapkan pelbagai syarat untuk dipenuhi oleh Kerajaan Persekutuan.

Selanjutnya, Y.B. Menteri turut berpandangan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor hanya akan dapat dipenuhi sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan persetujuan tanpa syarat terhadap perkara-perkara berikut:-

1) memberikan semua kelulusan yang diperlukan untuk membolehkan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dilaksanakan mengikut perancangan; dan

2) meluluskan pelarasan tarif air bagi Negeri Selangor berdasarkan perakuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 boleh dipersetujui pelaksanaannya jika penstrukturan semula air Negeri Selangor dimuktamadkan sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan rakyat.

Perkara mengenai penstrukturan semula ini turut dibangkitkan oleh YB Teresa Kok di Parlimen semasa sesi Perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2011) 2012 Peringkat Dasar pada 09 Januari 2012 di mana YB Teresa Koh telah meminta supaya KTTHA mengadakan Mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor bagi membolehkan pengurusan air di Selangor diserahkan kepada Kerajaan Negeri. YB Menteri dalam jawapannya menyatakan bahawa Mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air hanya akan diadakan sekiranya Kerajaan Negeri Selangor dapat mengemukakan cadangan baru atau

pendekatan yang berbeza dari Model Holistik yang dicadangkan sebelum ini oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Selanjutnya, YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam surat kepada YB Menteri bertarikh 17 April 2012, telah menyatakan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor mengenai Model Holistik tidak pernah berubah semenjak dikemukakan kepada KTTHA bermula pada Disember 2008. Model Holistik tersebut adalah satu-satunya Model penstrukturan yang menjadi hasrat utama Kerajaan Negeri Selangor di dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri air kerana Model Holistik tersebut memenuhi ciri-ciri penyusunan semula yang di gariskan oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

YB Menteri seterusnya melalui surat bertarikh 10 Mei 2012 dan 05 Jun 2012, masih mengulangi pendirian meminta Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan cadangan baru atau pendekatan yang berbeza dari Model Holistik yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah Senarai 111- Senarai Bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Hasrat untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air mengikut cadangan Kerajaan Negeri Selangor perlu dilaksanakan kerana cadangan penstrukturan ini adalah memenuhi semua ciri yang ditekankan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya halangan kepada pelaksanaan penstrukturan hanya disebabkan oleh perbezaan nilai yang ditawarkan dan nilai yang ingin diterima oleh Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri bersedia untuk membawa perkara pertikaian mengenai nilai tersebut untuk disemak dan ditentukan oleh satu badan penilai bebas yang akan dilantik berdasarkan kepada persetujuan bersama oleh Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi. Sebarang keputusan yang dibuat oleh badan

penilai bebas tersebut adalah muktamad dan akan dipatuhi oleh Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi.

Sehingga kini belum ada sebarang persefahaman dicapai di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

b) Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah Senarai 111- Senarai Bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai bidang kuasa di dalam pengurusan sumber air. Namun demikian, walaupun Kerajaan Negeri Selangor boleh membina loji rawatan baru, di bawah Akta 655, telah diperuntukkan bahawa sebarang pembinaan sistem bekalan air hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

c) Di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan SYABAS pada 15 Disember 2004, SYABAS telah diberi hak dan autoriti untuk membekalkan air terawat kepada pengguna dalam kawasan Agihan (*Distribution Area).* Kawasan Agihan yang dibenarkan di bawah Perjanjian Konsesi SYABAS telah ditakrifkan sebagai seluruh Negeri Selangor, seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seluruh Wilayah Persekutuan Putrajaya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK: TAWAS

234. Ramai di kalangan ibu bapa yang muda tidak mengetahui wujudnya TAWAS.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah peranan yang dimainkan oleh pihak TAWAS dalam meningkatkan pengetahuan tersebut?

JAWAPAN:

a) Pihak YAWAS melalui Unit Pemasaran mempromosi secara konsisten dengan menjalankan aktiviti pemasaran TAWAS seperti membuka kaunter di JPN, program DUN, NGO, pasar malam, pusat membeli belah, kilang dan lain-lain. Di samping itu juga YAWAS telah menggunakan media baru sebagai medium meningkatkan pengetahuan ibu bapa seperti menggunakan Laman Web, Facebook dan di Blog.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : MASALAH PASAR BESAR KLANG

235. Di antara masalah besar yang dihadapi di Pasar Besar Klang ialah masalah bumbung bocor, infra rosak dan persekitaran yang kotor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan MPK untuk menyelesaikan masalah ini ?

b) Benarkah terdapat undang-undang atau enakmen yang melarang penjualan barang-barang pasar dalam jarak 3 kilometer dari Pasar Besar Klang ? Sila perjelaskan

c) Mengapakah walau berkali-kali masalah tandas-tandas di Pasar Besar Klang di adukan kepada MPK, namun kontraktor yang sama mendapat kontrak penyelenggaraan tandas-tandas tersebut ? Mengapa tidak diserahkan kepada ramai lagi kontraktor berkemampuan yang lain ?

JAWAPAN :

a) Kerja-kerja naiktaraf bangunan & infra sedang dirancang dan dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun ini dengan anggaran kos RM500,000.00

b) Tidak ada undang-undang atau enakmen larangan penjualan barang-barang pasar dalam jarak 3 kilometer dari Pasar Besar Klang. Kaedah larangan sementara ini cuma pernah disyorkan 18 tahun yang lalu semasa proses perpindahan Kompleks Pasar yang lama dilaksanakan bagi menggalakkan peniaga patuh terhadap proses perpindahan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PROSES ARBITRASI BEKALAN AIR

236. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan proses arbitrasi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Selain daripada tawaran harga, apakah lagi skop dan aspek-aspek yang terlibat dalam proses arbitrasi yang akan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri?

b) Berapakah tawaran harga yang diarbitrasikan oleh Kerajaan Negeri dan apakah pecahan-pecahannya?

c) Adakah Kerajaan Negeri melantik mana-mana syarikat perunding bagi menyediakan dokumentasi bagi proses arbitrasi ini dan jika ada berapakah yuran yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat perunding tersebut?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor melalui Model Holistik. Tawaran pengambil alihan telah dikemukakan kepada Pemegang Konsesi Air, namun ianya telah ditolak. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor di dalam beberapa surat kepada YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air telah mencadangkan supaya pihak YB Menteri merujuk syarikat-syarikat konsesi air yang enggan berunding kepada penimbang tara antara bangsa untuk menyelesaikan isu harga tawaran. Perkara yang dicadangkan untuk dibawa kepada penimbang tara antara bangsa hanyalah melibatkan nilai tawaran yang tidak dipersetujui oleh Pemegang Konsesi. Walau bagaimanapun, sebelum perkara tersebut boleh dirujuk kepada penimbang tara antarabangsa, persetujuan bersyarat dari semua pemegang konsesi ke atas tawaran yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tiga tawaran kepada Pemegang Konsesi seperti berikut:-

Tarikh Tawaran	Nilai tawaran (RM/JUTA)	Status
13.02. 2009	**5,709**	**Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi**
25. 06.2009	**9,218**	• **ABASS dan SPLASH bersetuju menerima tawaran** • **SYABAS dan Puncak menolak tawaran**
31.01.2010	**9,227**	**Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi**

Sehingga hari ini, memandangkan tidak ada persetujuan bersyarat yang diperoleh dari Pemegang Konsesi ke atas tawaran pengambil alihan, maka rujukan kepada penimbang tara belum dikemukakan lagi.

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor belum melantik mana-mana perunding bagi menyediakan dokumentasi bagi proses timbang tara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK 'MISSION SCHOOLS'

237. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri memberikan bantuan peruntukan kepada 'mission schools' di Selangor?

b) Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

a) dan b)

Kerajaan Negeri tidak memberi bantuan kepada 'mission school' kerana 'mission school' tidak tersenarai di dalam senarai sekolah-sekolah yang menerima bantuan peruntukan daripada Kerajaan Negeri seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Oleh itu, kerajaan negeri tidak mempunyai dana khas untuk sekolah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : BIL CUKAI TANAH

238. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapakah bil cukai tanah tidak dihantar ke alamat semasa penduduk yang mempunyai hakmilik kekal baru tetapi bil dihantar ke alamat perjanjian jual beli?

b) Berapakah penduduk/hartanah DUN Subang Jaya yang mengalami masalah seperti (a) di atas?

c) Apakah langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan para pemilik rumah menerima bil cukai tanah dengan awal dan secara tepat dari segi alamat?

JAWAPAN :

a) Bil cukai tidak dihantar ke alamat semasa kerana pemilik tanah tidak membuat permohonan pertukaran alamat (borang 26A) ke alamat semasa. Alamat masih menggunakan alamat yang lama iaitu semasa proses permohonan Pindahmilik Tanah yang biasanya peguam menggunakan alamat dalam perjanjian jual beli. Hakmilik Kekal baru yang dikeluarkan akan menggunakan alamat sedia ada dalam Hakmilik Sementara.

b) Jumlah penduduk/hartanah DUN Subang Jaya yang mengalami masalah seperti (a) di atas tidak dapat dikenal pasti kerana alamat pemilik tanah menggunakan alamat semasa bukan alamat harta.

c) Langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan para pemilik menerima bil cukai tanah dengan awal dan secara tepat dari segi alamat adalah seperti berikut:

i) Mewar-warkan melalui Laman Portal Pejabat Tanah Galian Selangor, radio, dan media cetak menggalakkan pemilik tanah membuat pertukaran alamat semasa (Borang 26A Pemberitahuan Pertukaran Alamat).

ii) Edaran bil cukai tanah dihantar awal kepada pemilik tanah yang dibuat secara 2 peringkat iaitu pada awal dan pertengahan bulan Disember.

iii) Perlaksanaan Program 'Ops Kutip' dilaksanakan di Pejabat Tanah Daerah yang mana dalam program ini beberapa kakitangan akan pergi ke rumah atau premis untuk menyerahkan bil dan mengutip cukai.

iv) Penambahbaikan proses integrasi Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Sistem Pendaftaran Hasil Berkomputer (SPHT)

Pemansuhan fi RM 10.00 bagi permohonan tukar alamat di Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) yang dikeluarkan melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 4/2011 berdasarkan kelulusan MMKN ke 21/2011 yang telah disahkan MMKM ke 22/2011 pada 22/6/2011. Pemansuhan bayaran ini memudahkan dan menggalakkan orang ramai membuat pertukaran alamat

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK: KERAJAAN PRIHATIN

239. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa unit pembinaan rumah baru untuk warga miskin yang telah dibina bawah peruntukkan JK Kerajaan Prihatin sejak 2008 mengikut daerah?

JAWAPAN:

a) Statistik penerima bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin dari tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	BILANGAN RUMAH		JUMLAH
		BINA SEMULA	BAIK PULIH	
1	Klang	83	47	130
2	Petaling	34	13	47
3	Kuala Langat	69	61	130
4	Hulu Langat	38	32	70
5	Sabak Bernam	53	138	191
6	Kuala Selangor	66	99	165
7	Gombak	36	49	85
8	Hulu Selangor	37	30	67
9	Sepang	30	48	78
	JUMLAH KESELURUHAN	446	517	963

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH HAKISAN PANTAI

240. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai dan mengatasi masalah tersebut sejak 4 tahun yang lalu ?

b) Sila nyatakan apakah punca sebenar permasalahan hakisan tanah terus berlanjutan dan kaedah-kaedah yang dikenal pasti bagi mengatasi masalah tersebut ?

c) Sila nyatakan apakah perancangan dan usaha yang dilakukan oleh pihak JPS untuk mengatasi masalah hakisan pantai yang melanda Dun Sekinchan ?

JAWAPAN:

(a) Merujuk kepada laporan kemajuan peruntukan pembangunan JPS Selangor, sej ak 4 tahun yang lalu, tiada peruntukan khas yang disalurkan untuk membiayai da n mengatasi masalah hakisan pantai di Sekinchan. Walaubagaimanapun, pada t ahun 2012 ini, JPS Selangor menerima peruntukan sebanyak RM1.0 juta untuk melaksanakan kerja-kerja mendalamkan muara sungai di kuala Bagan Sekincha n.

(b) Pada era tahun 1980an, keadaan pantai dari Daerah Sabak Bernam hingga Daer ah Sepang telah dikenalpasti sebagai pantai yang mudah mengalami masalah h akisan pantai. Selain daripada itu fenomena kejadian semulajadi pasang surut s erta proses hakis dan tambak pantai pada setiap tahun juga menjadi punca sebe nar permasalahan hakisan pantai terus berlaku. Di samping itu, kesan dari aktiviti pembangunan dan penebangan haram pokok bakau secara berleluasa oleh man usia juga telah mengakibatkan spesis pokok bakau yang banyak tumbuh di tepi p antai suatu ketika dahulu mengalami kepupusan.

Terdapat pelbagai kaedah-kaedah pengawalan hakisan pantai yang bersesuaian bagi mengatasi masalah ini seperti rock revertment, groyne, armour rock, beach nourishment dan sebagainya. Antara kerja-kerja pembaikan dan penstabilan tebi ng pantai dengan menggunakan kaedah binaan sauh sebagai kaedah semasa y ang telah dilaksanakan adalah di pantai Haji Sirat, Sekinchan.

(c) Pihak JPS juga telah menyenaraikan beberapa program pembaikan dan penguk uhan tebing pantai dalam Rancangan Malaysia Ke-10 sebagai perancangan sert a usaha bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang melanda DUN Sekinchan. Daripada permohonan tersebut, sebanyak RM500,000.00 peruntukan pembangu nan negeri yang diluluskan dan kerja-kerja penstabilan tebing pantai tersebut sed ang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah groyne.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : RANCANGAN TEMPATAN

241. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam pengenaan syarat pendengaran awam untuk projek pembangunan di Selangor walaupun PBT telah mempunyai Rancangan Tempatan?

b) Jika jawapan (a) adalah tidak memerlukan pendengaran awam, bagaimanakah Kerajaan Negeri memenuhi konsep 'Local Agenda 21' yang mementingkan perbincangan bersama?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan peruntukan subseksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) mewajibkan PBT untuk menyampaikan notis bertulis kepada pemunya tanah berjiran berkenaan hak mereka untuk membuat bantahan terhadap suatu permohonan Kebenaran Merancang sekiranya pemajuan itu terletak di dalam kawasan yang tiada Rancangan Tempatan. Pada masa kini, keseluruhan kawasan PBT dan Daerah di Negeri Selangor ini, telah mempunyai Rancangan Tempatan yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

Akta 172 ini juga, tidak mensyaratkan pendengaran awam bagi kawasan PBT yang telah mempunyai Rancangan Tempatan. Jelas berdasarkan peruntukan undang-undang, bahawa sesi pendengaran awam bukanlah menjadi syarat wajib bagi permohonan Kebenaran Merancang.

b) Antara program 'Local Agenda 21' adalah menggalakkan penyertaan orang awam dalam proses membuat keputusan. Berdasarkan amalan semasa, Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan prinsip Kebertanggungjawaban dan Ketelusan. Dengan itu, walaupun menurut Akta 172, pendengaran awam tidak perlu dijalankan bagi kawasan-kawasan yang telah ada Rancangan tempatan, namun Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan pelaksanaan sesi pendengaran awam atau "Town Hall Meeting" bagi projek-projek pembangunan yang berskala besar, memberi impak atau melibatkan kepentingan awam.

Malahan di dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan, orang awam telah dilibatkan sejak dari mula penyediaan sesebuah Rancangan Tempatan. Perkara ini juga adalah selari dengan peruntukan Akta 172, dimana orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan (*stake holders*) perlu dilibatkan di dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan bermula dari peringkat Publisiti Awal iaitu hebahan bagi menyatakan bahawa suatu kajian sedang dijalankan bagi menyediakan Rancangan Tempatan di kawasan berkenaan (peruntukan seksyen 12A).

Orang awam juga perlu sekali lagi dilibatkan dalam Program Publisiti Draf Rancangan Tempatan (subseksyen 14(1)) bagi membolehkan orang ramai menyemak draf yang disediakan dan mengemukakan sebarang cadangan atau bantahan ke atas draf berkenaan. Bantahan dan cadangan ini kemudiannya akan dibentang di dalam Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam yang akan menimbangkan bantahan-bantahan berkenaan sebelum draf Rancangan Tempatan tadi dimuktamadkan.

Bagi kawasan yang telah mempunyai Rancangan Tempatan, di mana tiada pendengaran awam dibuat, orang awam atau pemilik tanah berjiran yang terkilan, masih boleh mengemukakan bantahan kepada sesuatu kelulusan Kebenaran Merancang bagi mana-mana projek pembangunan melalui Lembaga Rayuan yang ditubuhkan mengikut peruntukan Seksyen 36 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Jelas di sini bahawa, konsep ’Local Agenda 21’ yang mementingkan perbincangan bersama, sememangnya telah dilaksanakan melalui peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : DESTINASI PELANCONGAN BARU DUN SEKINCHAN

242. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

a) Sila huraikan apakah bantuan dan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan matlamat tersebut ?

b) Sila nyatakan bilakah pihak Kerajaan Negeri akan meluluskan permohonan untuk membina sebuah Muzium Padi di Dun Sekinchan ?

c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang bakal dilakukan oleh Kerajaan bagi memperkasakan sektor pelancongan di Dun Sekinchan ?

JAWAPAN:

a) Sekinchan ialah sebuah pekan kecil di daerah Sabak Bernam yang mempunyai banyak keistimewaan dan daya tarikan tersendiri dari aspek pelancongan. Kerajaan Negeri Selangor dan Tourism Selangor telah banyak membantu terutama dari aspek promosi dan publisiti bagi membantu Sekinchan untuk terus terkenal kerana beberapa faktor boleh menjadi faktor kekurangan pelancong terutama iaitu dari aspek kedudukan yang jauh dari Shah Alam dan Kuala Lumpur.

Keunikan Sekinchan yang berkedudukan hampir dengan pesisir pantai serta disekelilingi pula dengan kebun buah-buahan serta keindahan sawah padi saujana mata memandang . Kemeriahan lebih terasa apabila tiba musim menuai dan yang paling menariknya di Sekinchan tiga kaum utama terlibat dalam mengerjakan sawah padi iaitu Melayu, Cina dan yang paling menarik ialah kaum India juga membuat sawah padi yang jarang berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia. Selain itu, buah-buahan segar seperti mangga , ciku dan nangka yang enak dan manis menanti kehadiran pelancong serta hasil tanaman seperti jagung, keladi serta ubi kayu sentiasa boleh didapati hampir sepanjang tahun. Selain produk pertanian, Sekinchan juga begitu sinonim dengan hasil laut yang segar dan terdapat juga industri hiliran seperti udang kering, ikan masin, keropok serta industri membuat kek ikan dan bebola ikan.

Berdasarkan ciri-ciri keistimewaan yang terdapat di Sekinchan Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangori telah membantu dalam banyak aspek terutama dalam mempromosikan destinasi ini samada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa . Berikut adalah beberapa tindakan yang telah dilakukan oleh Tourism Selangor dalam membantu mempromosikan Sekinchan seperti :

1) Menyediakan risalah pelancongan
   - Selangor Breakaway
   - Risalah Pelancongan daerah Sabak Bernam
   - Selangor Vision

2) Membawa wartawan dan pengamal media melalui Selangor Shines Fam Tour 2011.

3) Membawa deligasi agensi pelancongan dari Singapura melalui Fam Tour Agensi Pelancongan dari Singapura.

4) Promosi melalui laman web TSSB

5) Promosi Pelancongan dalam dan luar negara
   - Roadshow Selangor Shines seluruh negara
   - Kembara Selangor Shines sekolah menengah dan IPTA / IPTS seluruh Selangor
   - MASUM / SMIFT

6) Promosi Luar Negara
   - ATM Dubai
   - WTM London
   - Fascinating Malaysia Travel Fair Singapura

7) Tajaan penerbitan ' Sekichan Tourist Book '

8) Tajaan penginapan krew penerbitan Singapura 'Mediacorp Singapore' bagi penyediaan drama cina bagi siaran Singapura yang menjadikan Sekinchan sebgai lokasi pengambaran.

b) Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan cadangan ke arah penambahbaikan sektor pelancongan di negeri Selangor lebih-lebih lagi dalam rangka kempen Selangor Shines ketika ini. Namun begitu, bagi penubuhan Muzium Padi di DUN Sekinchan ia merupakan satu proses perancangan pembangunan pelancongan yang bersifat jangka panjang. Ia tidak akan dilaksanakan dalam waktu terdekat dengan mengambil kira keperluan semasa terutama dari sudut keupayaan kewangan negeri dan produk-produk lain yang telah sedia ada.

Ketika ini, di daerah Sabak Bernam telah terdapat Muzium Pertanian dan Perikanan yang antara lain turut memfokuskan kepada pengisian bahan-bahan dan dokumentasi terhadap industri jelapang padi di negeri Selangor. Kerajaan Negeri berpendapat, kewujudan muzium ini perlu diperkukuhkan dan dibangunkan secara bersepadu terlebih dahulu. Pengisian, dokumentasi dan pengembangan pembangunan muzium berkenaan perlu mampu menarik minat pengunjung dan menjadikan ia sebahagian daripada produk pelancongan yang lebih menarik di daerah Sabak Bernam. Justeru itu, muzium sedia ada dilihat masih mampu memberikan maklumat dan informasi di samping sebagai daya tarikan ke daerah berkenaan. Bagi DUN Sekinchan, perancangan mewujudkan Muzium Padi perlu juga pada masa yang sama melihat keupayaan muzium yang telah sedia ada supaya ia benar-benar berfungsi pada skala yang lebih maksimum.

c) Walaupun Sekinchan mempunyai pelbagai keistimewaan dari aspek pelancongan namun pelbagai tindakan perlu diambil bagi memastikan ianya terus dikenali dan menjadikan faktor jarak bukanlah penghalang bagi pelancong tempatan dan luar negara untuk mengunjungi Sekinchan. Sehubungan dengan itu semua ’key players’ dan penggerak utama pelancongan di Sekinchan perlu mencari inisiatif bagi memastikan Sekinchan terus dikenali disamping mewujudkan produk-produk baru pelancongan bagi memastikan kesinambungan aktiviti pelancongan di kawasan ini.

Tourism Selangor akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan Sekinchan sebagai destinasi pelancongan unik di Selangor. Antara tindakan yang akan terus dilakukan adalah seperti berikut :

1) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan meneruskan semua aktiviti promosi yang telah dijalankan samada di dalam mahupun pun luar negara dan sentiasa mengkaji pasaran baru yang sesuai bagi mempromosikan Sekinchan kerana bukan semua siri promosi luar negara yang disertai sesuai untuk mempromosikan agro pelancongan yang terdapat di Sekinchan .

2) Tourism Selangor melalui laman web rasmi akan sentiasa mempromosikan Sekinchan dan memastikan semua maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini dan tepat.

3) Pada masa-masa akan datang Tourism Selangor juga akan membawa lawatan-lawatan para media mahupun lain-lain ’fam tour’ serta agensi-agensi pelancongan dalam dan luar negara bagi mempromosikan Sekinchan secara terus kepada ’key players’ pelancongan.

4) Tourism Selangor juga akan terus mempromosikan Sekinchan dengan menggunakan medium yang sesuai samada di media cetak, mahupun elektronik bagi memastikan golongan sasar dapat menerima maklumat berkaitan destinasi ini.

5) Tourism Selangor juga akan membawa dan menganjurkan acara-acara yang akan menjadikan Sekinchan sebagai lokasi penganjuran mahupun persinggahan para peserta.

6) Tourism Selangor juga akan menyediakan pakej-pakej yang menarik bagi menarik lebih ramai pelancong.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PELAN TINDAKAN BANJIR

243. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah daerah Petaling mempunyai satu pelan tindakan banjir sedia ada sebagai langkah mencegah banjir? Jika ya, sila berikan butir-butir. Jika tidak, mengapa?

b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan keadaan banjir yang berlaku di Klang tidak diulangi di daerah Petaling?

c) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mengatasi banjir di Selangor sejak tahun 2011?

JAWAPAN :

a) JPS Petaling memang mempunyai Pelan Tindakan Banjir pada tahun semasa berdasarkan kejadian-kejadian banjir yang berlaku pada tahun semasa dan juga tahun-tahun sebelumnya. Butir-butir kerja yang telah dilaksanakan dan perancangan adalah seperti di bawah.

Bil.	Kawasan & Tempat Banjir	Luas, Kedalaman, Bil rumah	Punca Banjir	Pelan Tindakan (Program Kerja)
1	Kg Sri Aman Jalan Berkat, Puchong Kg Sri Aman Hilir	Dalam : 1'-0" - 4'-0" ditenggelami air. 150 buah rumah terlibat	Limpahan Sungai Air Hitam dan air larian tidak dapat keluar ke Sungai Klang	**<u>RTB Sungai Air Hitam</u>** Kerja-kerja menaiktaraf sungai Air Hitam serta kerja-kerja berkaitan di daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan (Proses Tender)
2	One Avenue, US1 Subang Jaya	Dalam : 1'-0" - 4'-0" ditenggelami air. 300 buah kenderaan terlibat	Limpahan Anak Sungai Penaga	Kerja-kerja penyelenggaraan Anak Sungai Penaga dan kerja berkaitan di USJ1 Subang Jaya, Daerah Petaling

Bil.	Kawasan & Tempat Banjir	Luas, Kedalaman, Bil rumah	Punca Banjir	Pelan Tindakan (Program Kerja)
3	Kg Budiman	Dalam : 1'-0" - 2'-0" 15 buah rumah terlibat	Pertambahan air larian dari kawasan pembangunan Baru	Kerja-kerja menaiktaraf kolam Takungan Kg. Budiman
4	Persiaran Kuala Selangor (Kilang PROTON)	Dalam : 1'-0" - 2'-0"	Limpahan air Sungai Nibong	Kerja-kerja penyelenggaraan ROW Sg Nibong dan kerja-kerja berkaitan.

b) Pada masa ini, sebutharga bagi kerja-kerja pembinaan stesen siren banjir di USJ Avenue One telah dikeluarkan dan tarikh penyertaan sebutharga telah ditutup. Walaubagaimanapun penilaian sebutharga untuk kerja-kerja tersebut sedang dijalankan. Justeru, pembinaan stesen siren banjir dijangka akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Petaling akan mengeluarkan sebutharga bagi kerja-kerja pembinaan baru Pintu Kawalan Pasang Surut (PKPS) yang mana kerja-kerja rekabentuk baru siap dilaksanakan. PKPS tersebut akan dibina di bahagian 'downstream' Sungai Penaga sebelum air keluar melalui Sungai Kelang berhampiran.

Manakala di bahagian 'upstream' pula, kerja-kerja penyelenggaraan termasuk mendalam dan menggali semula kolam takungan telah dijalankan secara sebutharga dan telah siap sepenuhnya.

Maklumat Tambahan :

Nama Projek : Melaksanakan Kerja-Kerja Mendalam dan Menggali Semula Kolam Takungan, Daerah Petaling

Nama Kontraktor Yang Dilantik	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)
Warisan Afdal	**Mei 2012**	**Jun 2012**	**RM50,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENGURANGAN CUKAI TAKSIRAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH

244. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan memberi maklumat terperinci tentang cadangan pengurangan cukai taksiran bagi rumah kos rendah sehingga ke 25% seperti yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar pada awal Jun 2012.

JAWAPAN :

a) Cadangan pengurangan cukai taksiran bagi rumah pangsa kos rendah sebanyak 20 hingga 25 peratus merupakan satu lagi insentif daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk rakyat memandangkan Kerajaan Negeri dapat mengurangkan 10% kos pengendalian pelupusan dan pengumpulan sampah yang dilaksanakan di semua Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor. Walau bagaimanapun, diskaun ini hanya boleh dinikmati oleh pemilik unit kediaman yang menetap di sesebuah pangsapuri dan tidak mempunyai tunggakan cukai taksiran pada unit kediaman berkenaan. Oleh demikian, ahli jawatankuasa pengurusan bersama [*joint management commitee* (JMC)] atau ahli majlis perbadanan pengurusan [*management corporation* (MC)] akan dipertanggungjawabkan untuk membuat perakuan kepada pemilik pangsapuri yang layak menikmati rebet pengurangan cukai taksiran tersebut. Diskaun pengurangan cukai pintu akan diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada pemilik pangsapuri yang telah mendapat perakuan layak daripada JMB atau MC masing-masing semasa membuat bayaran. Manakala, pemilik unit kediaman pangsapuri kos rendah yang menyewakan petak mereka akan dikenakan cukai pintu pada kadar biasa.

Walau bagaimanapun, satu bengkel akan diadakan bersama semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor untuk memperhalusi kaedah pemberian diskaun cukai pintu kepada pemilik pangsapuri kos rendah yang layak supaya pelaksanaan program ini dapat dibuat secara berkesan, tepat dan pantas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : HAKMILIK STRATA

245. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah projek perumahan yang telah disiapkan melebihi 6 tahun di negeri Selangor yang masih belum mempunyai hakmilik strata?

b) Apakah tindakan yang telah dan boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pihak pemaju memohon hakmilik strata?

JAWAPAN :

a) Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG) tidak mempunyai maklumat yang lengkap berkenaan projek perumahan yang telah disiapkan melebihi 6 tahun di negeri Selangor yang masih belum mempunyai hakmilik strata kerana PTG tidak mempunyai rekod kesemua projek perumahan yang telah mendapat kelulusan perancangan dan dikeluarkan Sijil Layak Menduduki Bangunan (CFO) / Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi seluruh negeri Selangor. Namun demikian, pihak PTG telah mengenal pasti sebanyak 198 projek perumahan yang masih belum mempunyai hakmilik strata hasil daripada aduan orang awam dan maklumat daripada pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB).

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Skim
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	**3**
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	**15**
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	**26**
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	**43**
5	Majlis Perbandaran Kajang	**20**
6	Majlis Perbandaran Klang	**13**
7	Majlis Perbandaran Selayang	**6**
8	Majlis Perbandaran Sepang	**58**
9	Majlis Daerah Hulu Selangor	**9**
10	Majlis Daerah Sabak Bernam	**0**
11	Majlis Daerah Kuala Langat	**1**
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	**4**
Jumlah		**198**

b) Pihak Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah seksyen 8, Akta Hakmilik Strata 1985 terhadap tuan tanah yang gagal mengemukakan permohonan hakmilik strata. Selain itu, dalam mewujudkan sistem penyampaian yang lebih baik, cadangan pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata 1985 dalam proses penggubalan. Antara lainnya mengehendaki tuan tanah mengemukakan permohonan hakmilik strata pada peringkat awal lagi iaitu dengan mendepositkan bayaran upah ukur untuk permohonan hakmilik strata sebagai pra syarat kelulusan pelan bangunan.